



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Tinjauan Ekonomi dan Monetari

2020



Kandungan

- 1 **Prakata**
- 5 **Sorotan Penting**
- 11 **Ringkasan Eksekutif**
- 17 **Perkembangan Ekonomi, Monetari dan Kewangan pada Tahun 2020**
 - 51 *Rencana: Visi Perlindungan Sosial di Malaysia*
- 69 **Prospek dan Dasar pada Tahun 2021**
 - 84 *Rencana: Inovasi Malaysia: Ke Arah Pertumbuhan Masa Hadapan Berkualiti Tinggi Selepas Pandemik*
 - 98 *Rencana: Penyusunan Semula yang Menyeluruh: Isu Struktur Pasaran Pekerja dalam Dunia Pasca-COVID-19*
 - 115 *Rencana: Pembelian Aset oleh Bank Pusat*

Tambahan

Prakata

Tahun 2021 dijangka menjadi titik perubahan bagi ekonomi global setelah mengharungi tempoh kemelesetan yang ketara berpunca daripada pandemik COVID-19 di seluruh dunia. Kita berkemungkinan besar telah pun mengharungi tempoh yang paling sukar dalam menghadapi krisis ini. Ekonomi global dijangka mengalami pemulihan semula dalam tempoh pascapandemik, walaupun pada kadar yang tidak sekata merentas negara. Walaupun masih terdapat ketidakpastian, terutamanya berhubung dengan penularan semula kes COVID-19 yang disusuli pelaksanaan semula sekatan pergerakan di sesetengah negara, pemberian vaksin dijangka dapat memacu semula kegiatan ekonomi di seluruh dunia ke tahap sebelum pandemik. Selain itu, dasar pengembangan monetari yang sedang dilaksanakan dan keadaan kewangan yang longgar pada peringkat global akan terus melegakan keadaan kewangan dalam negeri, terutamanya di negara sedang pesat membangun, dan seterusnya menyokong pemulihan ekonomi.

Bagi Malaysia, ekonomi dijangka pulih pada tahun 2021, dengan pertumbuhan dalam lingkungan 6.0 – 7.5%. Walau bagaimanapun, proses pemulihan ini dijangka berlaku secara beransur-ansur dan tidak sekata antara sektor ekonomi, malah mungkin berdepan dengan cabaran yang memperlambatkan proses pemulihan tersebut. Pertumbuhan ekonomi akan disokong oleh permintaan luar negeri yang lebih kukuh serta perbelanjaan awam dan swasta yang lebih tinggi. Pelaksanaan program pemvaksin COVID-19 dalam negeri juga akan meningkatkan sentimen dan menyokong kegiatan ekonomi. Integrasi Malaysia dalam segmen rantai nilai global yang pesat berkembang dan struktur perdagangan luar negeri yang pelbagai, di samping sokongan dasar yang berterusan dan pelaksanaannya yang berkesan, akan menjadi faktor penting yang memacu pemulihan pertumbuhan ekonomi pada tahun 2021.

Meskipun prospek pertumbuhan ekonomi adalah positif, terdapat risiko bahawa pertumbuhan ini akan menjadi lebih perlahan. Isu yang menjadi kebimbangan dalam jangka pendek ini adalah perkembangan pandemik yang tidak boleh diramal pada peringkat global dan dalam negeri. Kita tidak boleh menolak kemungkinan risiko COVID-19 akan berlarutan dan negara perlu bertahan terhadap kesan pandemik ini lebih lama daripada jangkaan. Keadaan ini bergantung pada kebolehan Malaysia mencapai imuniti kelompok dengan cepat, dan cara virus itu berkembang. Selain pandemik, pemulihan pertumbuhan yang tidak sekata boleh menyebabkan lebih banyak kehilangan pekerjaan dan penutupan perniagaan yang berkekalan, terutamanya dalam sektor perkhidmatan yang berhubung rapat dengan pelanggan (*high-touch services sectors*). Kerosakan dalam ekonomi (*economic scarring*) yang berpanjangan ini akan mempunyai kesan yang lebih mendalam terhadap ekonomi serta mampu menghalang pertumbuhan daripada pulih dengan lebih cepat kepada trajektori sebelum pandemik apabila kegiatan ekonomi kembali normal.

Dalam persekitaran risiko yang tinggi untuk pertumbuhan menjadi lebih perlahan, tumpuan dasar Bank dalam tempoh terdekat adalah untuk memudahkan pemulihan yang cepat dan mampan serta mengurangkan kehilangan output yang berkekalan. Oleh itu, teras dasar monetari pada tahun 2021 akan kekal akomodatif bagi memastikan keadaan yang menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan. Biarpun inflasi keseluruhan dijangka meningkat, inflasi ini akan didorong terutamanya oleh faktor-faktor penawaran (*supply side factors*). Sebaliknya, tekanan harga asas akan kekal lemah, berikutan lebihan kapasiti yang berterusan dalam ekonomi. Dalam hal ini, dasar monetari bukanlah instrumen dasar yang paling sesuai untuk mengurus inflasi yang didorong oleh penawaran. Bank akan terus memantau dengan rapi kemunculan tanda-tanda pemulihan ekonomi yang lebih kukuh dan mampan pada masa akan datang, di samping terus berwaspada terhadap sebarang pembentukan ketidakseimbangan kewangan.

Bank akan terus berada pada kedudukan yang baik untuk menggunakan instrumen dasar yang sewajarnya. Walaupun Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate, OPR*) berada pada paras terendah dalam sejarah, iaitu 1.75% pada masa ini, ruang dasar monetari kekal mencukupi untuk memberikan sokongan tambahan kepada ekonomi jika perlu. Keadaan ini dilengkapi oleh ketersediaan pelbagai instrumen pengurusan mudah tunai Bank, dasar kewangan yang bersasar dan fleksibiliti pengawalseliaan. Dasar-dasar ini memberikan fleksibiliti yang mencukupi kepada Bank untuk bertindak balas terhadap risiko dengan menggunakan instrumen dasar yang paling sesuai. Selain itu, penyelarasan dengan dasar-dasar makroekonomi lain, seperti dasar fiskal dan dasar pasaran pekerja, akan meningkatkan lagi peluang bagi mencapai pemulihan ekonomi yang mampan, dan pada masa yang sama menghindarkan bebanan yang berlebihan terhadap mana-mana instrumen dasar. Hal ini, secara berkesan, dapat mengurangkan keperluan Bank melaksanakan dasar monetari bukan konvensional, yang memerlukan penilaian lebih lanjut mengenai kesesuaian, keberkesanan dan kesan jangka panjangnya terhadap ekonomi Malaysia. Yang pasti, Bank tidak akan terburu-buru melaksanakan dasar yang belum diuji, yang mungkin mempunyai kesan besar yang tidak diingini terhadap kesejahteraan ekonomi dan rakyat dalam jangka panjang.

Pada masa hadapan, kejutan dan krisis yang tidak dapat diramalkan ini mewajarkan persediaan lebih awal, terutamanya dalam mewujudkan penamparan dasar (*policy buffers*) yang teguh dan menggunakan sumber-sumber yang ada sebaik mungkin. Usaha ini melibatkan dua pertimbangan dasar yang penting. Pertama, apabila pertumbuhan ekonomi menjadi lebih kukuh, keupayaan dasar keseluruhan, termasuk penamparan monetari, kewangan dan fiskal, perlu dibina semula bagi memastikan pihak berkuasa mempunyai ruang dasar yang mencukupi bagi merangsang kegiatan ekonomi sekiranya menghadapi satu lagi kejutan. Kedua, sumber-sumber dasar yang terhad memerlukan tumpuan yang lebih besar diberikan pada usaha memperuntukkan sumber ini dengan cekap, supaya ekonomi dapat pulih dan kembali kepada potensinya yang sebenar. Usaha ini akan memastikan segmen masyarakat yang memerlukan sokongan mempunyai akses kepada bantuan, di samping membolehkan kuasa pasaran memainkan peranannya untuk memudahkan peruntukan semula sumber menggunakan cara yang akan mengoptimumkan prospek pertumbuhan. Satu senario yang harus dielakkan adalah apabila tindakan dasar secara tidak sengaja mengakibatkan berlaku eksternaliti negatif dan herotan, seperti tahap hutang keseluruhan yang lebih tinggi, budaya kewangan yang tidak berhemat atau sokongan kepada syarikat yang tidak cekap atau syarikat *zombie*. Senario ini seterusnya boleh mengurangkan produktiviti keseluruhan, mengetepikan (*crowd out*) pelaburan dan memburukkan lagi kelemahan ekonomi, yang akhirnya akan menjejaskan potensi pertumbuhan ekonomi pada masa hadapan. Pertimbangan ini telah menyokong peralihan Bank daripada dasar kewangan yang meluas kepada dasar kewangan yang lebih bersasar.

Pandemik COVID-19 bukan sahaja memberikan impak kitaran terhadap pertumbuhan, malah pada asasnya juga telah membentuk semula landskap ekonomi serta cara kita mengendalikan perniagaan dan urusan harian. Yang penting, pandemik ini telah mempertingkatkan tumpuan terhadap aspek kritikal dasar struktur yang memerlukan langkah-langkah pembaharuan dengan segera. Dari satu segi, pandemik telah mempercepat peralihan ke arah penerapan teknologi dan agenda kelestarian (*sustainability agenda*). Dari sudut yang lain pula, pandemik telah menonjolkan jurang dalam pasaran pekerja dan sistem perlindungan sosial negara.

Sebagai sebuah negara, kita perlu sama-sama mengambil peluang ini untuk mempercepat pelaksanaan pembaharuan struktur jangka panjang dan beralih ke arah ekonomi yang lebih mampan, berdaya tahan dan tangkas. Bank komited untuk terus mengambil bahagian dan bekerjasama erat dengan pihak berkepentingan yang berkaitan melalui pelbagai platform dasar negara untuk memajukan dan mencorakkan pembaharuan penting yang perlu, demi menjamin pertumbuhan jangka panjang yang kukuh dan berpanjangan serta inklusif.

Usaha mempercepat penerapan teknologi dan inovasi menjadi lebih relevan dalam kebiasaan baharu ini dan akan mendorong serta mengekalkan pertumbuhan masa hadapan. Keupayaan ejen-ejen ekonomi untuk membuat penyesuaian dan mengubah model perniagaan mereka dengan cepat semasa pandemik, meskipun sekatan pergerakan dilaksanakan, sebahagiannya merupakan hasil kejayaan dasar-dasar terdahulu yang menyediakan infrastruktur penting dan menggalakkan penerapan digital dalam ekonomi. Usaha ini termasuk mempercepat penggunaan pembayaran secara elektronik. Pada masa hadapan, terdapat keperluan untuk melaksanakan dengan segera pendorong penting yang baharu (*new key enablers*) termasuk ketersambungan (*connectivity*) digital yang pantas dan boleh dipercayai serta infrastruktur perkongsian data yang selamat, dan menggalakkan penerapan teknologi yang lebih meluas dalam ekonomi. Hal ini boleh menawarkan sumber pertumbuhan baharu selain meningkatkan produktiviti dan pendapatan pada masa hadapan. Penyertaan dalam pendigitalan juga boleh memacu naratif pertumbuhan Malaysia dan menarik pelaburan berkualiti tinggi ke dalam negara. Yang lebih penting, tumpuan boleh diberikan terhadap usaha mengindustrikan teknologi digital dengan memanfaatkan kekuatan bandingan Malaysia, misalnya dalam teknologi penjagaan kesihatan digital, untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju penyelesaian digital bernilai tambah tinggi di rantau ini.

Pada masa yang sama, terdapat keperluan untuk memperhebat usaha bagi mengukuhkan daya tahan ekonomi negara terhadap risiko iklim dan alam sekitar, selain menguruskan peralihan yang teratur ke arah matlamat pembangunan yang mampan (*sustainable development goals*). Krisis iklim boleh mengakibatkan kesan yang sama terhadap ekonomi Malaysia, malah kesannya mungkin lebih teruk atau berpanjangan. Usaha melaksanakan agenda hijau, melalui pewujudan ekosistem yang kondusif dan dasar nasional yang koheren, serta inisiatif menarik pelaburan dalam teknologi hijau dan infrastruktur yang berdaya tahan terhadap iklim, bukan sahaja boleh merangsang guna tenaga malah mampu meningkatkan daya tahan ekonomi dan alam sekitar untuk dekad-dekad yang akan datang.

Kebiasaan baharu ini turut mewujudkan persekitaran operasi yang lebih mencabar dalam pasaran pekerja. Para pekerja terdedah kepada pelbagai risiko daripada proses automasi yang meluas dan penambahbaikan teknologi, dengan kesan yang tidak seimbang terhadap segmen tidak formal dan berkemahiran rendah. Oleh itu, rangka kerja dasar pasaran pekerja yang holistik diperlukan bagi mewujudkan tenaga kerja yang berdaya tahan dan tangkas, yang dapat menyesuaikan diri dengan baik mengikut keadaan pasaran pekerja yang berubah-ubah. Strategi dasar merangkumi usaha memantapkan program peningkatan kemahiran dan latihan semula, selain menambah baik perkhidmatan pekerjaan dan mekanisme pepadanan untuk memudahkan penempatan semula pekerja kepada bidang yang lebih produktif dan boleh menjana pertumbuhan tinggi. Pembentukan dan perumusan dasar tenaga kerja dan pendidikan memerlukan penyertaan yang padu dan berterusan oleh peserta industri, akademik dan Kerajaan.

Akhir sekali, pandemik ini telah mendedahkan isu yang sudah lama berakar umbi dalam rangka kerja perlindungan sosial yang sedia ada di Malaysia. Antaranya termasuk program perlindungan sosial yang tidak bersepadu dan bertindih, jurang dalam liputan perlindungan, serta ketidakcukupan program untuk menangani kelemahan secara menyeluruh. Pelaksanaan pembaharuan bagi menangani isu-isu ini amat penting untuk memastikan lebih banyak golongan yang mudah terjejas dapat dilindungi dengan sewajarnya daripada kejutan mendadak terhadap status pekerjaan atau pendapatan mereka, dan menggalakkan akses kepada peluang yang lebih baik menerusi dasar pasaran pekerja aktif.

Kita belum lagi terlepas daripada kesan pandemik ini, tetapi saya berasa amat yakin bahawa dasar yang kukuh dan pelaksanaan pembaharuan struktur penting yang berkesan akan membolehkan Malaysia bangkit dengan lebih gagah daripada krisis kesihatan global ini. Usaha mencapai pemulihan ekonomi yang kukuh dan berpanjangan memerlukan tumpuan terhadap perspektif yang lebih besar dan pendekatan keseluruhan negara (*'whole-of-nation' approach*). Di sinilah semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing – daripada individu yang mematuhi prosedur operasi standard sehingga institusi yang merangka dasar. Bagi Bank, kami komited untuk mencapai objektif bersama ini dan terus berdiri teguh dalam memberikan khidmat demi memenuhi hasrat dan kepentingan negara.




Nor Shamsiah Yunus

31 Mac 2021


Sorotan Penting Perkembangan dan Prospek Ekonomi

KDNK Malaysia dijangka meningkat semula pada tahun 2021


Pertumbuhan KDNK Benar (Perubahan Tahunan, %)



Sokongan dasar yang komprehensif dan saling melengkapi telah dan akan terus menjadi keutamaan dalam menyokong ekonomi



Inflasi keseluruhan lebih tinggi dalam keadaan kenaikan harga minyak dunia, manakala inflasi asas akan kekal rendah





Penyusunan Semula yang Menyeluruh: Isu Struktur Pasaran Pekerja dalam Dunia Pasca-COVID-19

Isu-isu struktur sedia ada menjejaskan prospek pekerjaan dan pendapatan pada masa hadapan

Pandemik COVID-19 memberikan impak yang tidak seimbang ke atas segmen pasaran pekerja yang mudah terjejas

Model pengeluaran kos rendah



Nota: Guna tenaga bukan standard diwakili oleh bilangan pekerja yang bekerja sendiri, pekerja keluarga tanpa gaji dan majikan. Belia merujuk usia 15-24 tahun

Pewujudan pekerjaan berkemahiran tinggi yang tidak mencukupi



86k

Pertambahan guna tenaga bersih dalam pekerjaan berkemahiran tinggi*



151k

Kemasukan siswazah ke dalam tenaga kerja*

*Perubahan tahunan purata, 2010-2019

Ketidakpadanan kemahiran

Kekurangan kemahiran yang dilaporkan oleh majikan

- Komunikasi lisan dan bertulis
- Kepekaan sosial
- Pemikiran kritis

Keutamaan dasar dijuruskan ke arah ketangkasan dan daya tahan tenaga kerja



Menggalakkan permintaan terhadap pekerja berkemahiran tinggi



Menambah baik latihan dan mekanisme pepadanan



Mempertingkatkan daya tahan pasaran pekerja

Visi Perlindungan Sosial di Malaysia

Penambahbaikan khusus sistem perlindungan sosial



Tonggak 1: Jaringan Keselamatan Sosial

- Penggabungan dan rasionalisasi program
- Penambahbaikan mekanisme sasaran
- Mengutamakan dasar pasaran pekerja aktif sebagai pelengkap jaringan keselamatan sosial



Tonggak 2: Insurans Sosial

- Menggalakkan skim persaraan swasta melalui insentif
- Mengatasi jurang liputan bagi mereka yang bekerja sendiri dan yang tidak bekerja sepenuhnya (*underemployed*).



Tonggak 3: Dasar Pasaran Pekerja Aktif (ALMP)*

- Meningkatkan sinergi antara pihak berkepentingan
- Memperkenalkan syarat latihan dan peningkatan kemahiran

*ALMP merujuk *active labour market policies*.

Penambahbaikan menyeluruh sistem perlindungan sosial



Perumusan pelan induk untuk semua rancangan pembaharuan perlindungan sosial



Penubuhan pangkalan data perlindungan sosial berpusat



Penubuhan pusat sehati untuk semua program perlindungan sosial

Sorotan Penting Rencana

Pembelian Aset oleh Bank Pusat

Objektif dan skala pembelian aset yang berbeza

Ekonomi Maju (AE)



- Dasar monetari yang akomodatif untuk menyokong pertumbuhan ekonomi dalam keadaan ruang dasar monetari konvensional yang terhad



- Skala besar: 6% hingga 12% daripada KDNK

Ekonomi Sedang Pesat Membangun (EME)

- Menangani herotan pasaran, volatiliti berlebihan dan ketakcairan.

- Sesetengah EME menggunakannya untuk pembiayaan defisit

- Skala lebih kecil: 0.6% hingga 6% daripada KDNK

Meskipun pembelian aset merupakan pilihan dasar yang sah, penggunaannya memerlukan pertimbangan teliti terhadap potensi kesan buruk jangka panjang



Kesan negatif terhadap kredibiliti dan kebebasan bank pusat



Saiz penyata kewangan yang besar mendedahkan bank pusat kepada risiko pasaran dengan potensi kerugian modal



Menghalang usaha penetapan harga yang efektif dalam pasaran

Pembelian bon kerajaan sebanyak RM9.4 bilion oleh Bank antara bulan Mac hingga Disember 2020 adalah bertujuan untuk...



Memastikan pasaran kekal teratur untuk pengantaraan kewangan yang berkesan dengan menangani keadaan volatiliti yang berlebihan dan ketakcairan




Menguruskan mudah tunai sistem perbankan



Meningkatkan inventori bagi operasi repo dan pemberian pinjaman sekuriti

Pembelian aset oleh AE nyata lebih besar berbanding dengan EME serantau pada tahun 2020 kerana kadar dasar AE kekal rendah




Inovasi Malaysia:

Ke Arah Pertumbuhan Masa Hadapan Berkualiti Tinggi Selepas Pandemik

Industri dengan NIA yang tinggi boleh memacu Malaysia ke hadapan

Sumbangan kepada pertumbuhan 2019 (mata peratusan)



Pelaburan Berkualiti dan Pertumbuhan Dipacu Inovasi

- Penerapan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA*)
- Pelaburan dalam aktiviti berintensif pengetahuan dan teknologi
- Mempelbagaikan pengeluaran kepada produk yang lebih canggih
- Pendekatan pelaburan berasaskan misi

Pembaharuan 3D



Mempercepat Digitalisasi (Digitalisation)

- Memperkukuh penggerak digital
- Mendigitalkan industri yang sedia ada
- Pemangkin industri digital baharu



Mengkaji Semula Penghiliran (Downstreaming)

- Produk minyak sawit yang lebih canggih
- Peneraju amalan lestari
- Mempertingkatkan R&D untuk produk khas



Mengurangkan Herotan (Distortion)

- Penyesuaian insentif kepada aktiviti yang sesuai
- Pelaburan yang berkualiti selaras dengan NIA
- Mencapai peruntukan lebih cekap

* NIA merupakan matlamat pembangunan strategik keseluruhan, iaitu: meningkatkan kompleksiti ekonomi, mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi, meluaskan hubungan dalam negeri, membangunkan kelompok baharu dan sedia ada, serta meningkatkan rangkuman.

Ringkasan Eksekutif



Ringkasan Eksekutif

Perkembangan Ekonomi dan Kewangan pada Tahun 2020

Pada tahun 2020, ekonomi global mengalami kemelesetan terburuk sejak Kemelesetan Besar atau Great Depression. Kemelesetan ini merupakan kemuncak gangguan ekonomi yang disebabkan oleh langkah-langkah pembendungan yang dilaksanakan sebagai tindak balas kepada Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19), dan penghindaran risiko yang lebih ketara. Berikutan itu, keadaan pasaran pekerja menjadi lebih lemah ekoran pengurangan aktiviti pengeluaran syarikat yang menjejaskan permintaan dalam negeri, perdagangan luar dan pertumbuhan global, terutamanya pada suku kedua tahun 2020. Perkembangan ini mencetuskan tindak balas dasar global yang tidak pernah dilaksanakan sebelum ini, termasuk rangsangan fiskal yang besar, dasar monetari yang akomodatif dan langkah pelonggaran kuantitatif (*quantitative easing*, QE). Tindak balas dasar yang pantas dan ketara telah dapat mengelakkan kemerosotan yang lebih buruk dalam kegiatan ekonomi global. Pada separuh kedua tahun 2020, ketika langkah-langkah pembendungan ditamatkan secara berperingkat, pertumbuhan global menunjukkan tanda-tanda pemulihan, meskipun pada kadar yang tidak sekata dan secara beransur-ansur. Walaupun penghindaran risiko yang lebih ketara mencetuskan peralihan besar-besaran kepada aset selamat ketika penularan COVID-19 bermula pada bulan Mac 2020, pasaran kewangan global pulih secara serentak dalam semua kelas asetnya berikutan suntikan mudah tunai yang besar dan komitmen bank-bank pusat utama untuk mengekalkan dasar monetari yang rendah untuk jangka panjang. Secara keseluruhan tahun itu, ekonomi dan perdagangan global masing-masing menguncup sebanyak 3.5% dan 9.6%.

Susulan persekitaran operasi global dan dalam negeri yang sangat mencabar, ekonomi Malaysia menguncup

sebanyak 5.6% pada tahun 2020, iaitu kadar paling rendah pernah dicatatkan sejak tahun 1998 (-7.4%). Hal ini disebabkan oleh kelemahan meluas dalam eksport, pengeluaran dan permintaan dalam negeri yang berpunca daripada limpahan luaran yang teruk dan langkah-langkah pembendungan dalam negeri yang ketat untuk mengatasi COVID-19. Kegiatan ekonomi dalam negeri yang lebih lemah telah menyebabkan keadaan pasaran pekerja merosot dan kehilangan pendapatan, lantas menjejaskan perbelanjaan pengguna. Aktiviti pelaburan swasta telah terjejas oleh keyakinan perniagaan yang rendah dan kerja-kerja pelaksanaan projek yang lebih perlahan. Perbelanjaan awam turut terkesan terutamanya pada peringkat awal pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Impak paling besar dilihat pada suku kedua tahun 2020, apabila KDNK menguncup sebanyak 17.1%. Namun, pertumbuhan pulih secara beransur-ansur pada separuh kedua tahun, sebahagiannya disokong oleh peningkatan permintaan luaran dan pembukaan semula ekonomi dalam negeri apabila langkah-langkah pembendungan secara bersasar dilaksanakan. Walau bagaimanapun, ketidakpastian yang berlanjutan berhubung dengan perkembangan pandemik terus menjejaskan pemulihan pertumbuhan Malaysia. Inflasi keseluruhan adalah negatif pada -1.2% (2019: 0.7%), disebabkan terutamanya oleh penurunan harga minyak dunia. Inflasi asas kekal rendah pada 1.1% (2019: 1.5%) berikutan lebihan kapasiti ekonomi dan keadaan pasaran pekerja yang lebih lemah. Perkembangan pasaran kewangan domestik pada amnya sejajar dengan pergerakan pasaran kewangan global. Fleksibiliti dalam kadar pertukaran ringgit adalah sangat penting untuk menyerap dan mengurangkan kesan limpahan yang buruk daripada kejutan luaran terhadap ekonomi dalam negeri.

Secara keseluruhannya, Malaysia telah melaksanakan langkah tindak balas dasar yang komprehensif dan bersifat saling melengkapi apabila menangani krisis tersebut. Hal ini memainkan peranan penting dalam mengurangkan impak pandemik COVID-19 ini terhadap

ekonomi dalam negeri dan menyokong pemulihan pertumbuhan. Satu siri pakej rangsangan berjumlah RM305 bilion (20% daripada KDNK Malaysia) diperkenalkan untuk menyokong ekonomi sepanjang tempoh krisis. Sokongan fiskal yang ketara dan segera, seperti pindahan tunai, insentif cukai dan subsidi upah, bersama-sama langkah-langkah kewangan, termasuk moratorium pinjaman secara automatik selama enam bulan untuk isi rumah dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta pembentukan pelbagai kemudahan pembiayaan untuk PKS, telah memberikan bantuan serta-merta kepada isi rumah dan perniagaan. Langkah-langkah dasar ini mengurangkan kekangan aliran tunai dan membantu mengurangkan kehilangan pekerjaan. Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengurangkan OPR secara kumulatif sebanyak 125 mata asas kepada paras terendah dalam sejarah, iaitu 1.75% pada tahun 2020 untuk memberikan sokongan kepada ekonomi. Selain itu, pengurangan nisbah Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) daripada 3.00% kepada 2.00% pada bulan Mac 2020, seiring dengan fleksibiliti sementara untuk mengiktiraf pemegang Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Investment Issues, MGII) oleh institusi perbankan sebagai sebahagian daripada pematuhan SRR, telah melegakan keadaan mudah tunai. Dengan pelaksanaan pelbagai langkah sokongan dasar, aktiviti pembiayaan keseluruhan pada amnya terus mampan. Dasar dari sudut penawaran, seperti dasar pasaran pekerja aktif untuk menggalakkan peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula tenaga kerja, serta inisiatif untuk mempercepat pendigitalan, telah dilaksanakan untuk mengekalkan momentum pertumbuhan dan membantu segmen ekonomi yang mudah terjejas.

Prospek dan Dasar pada Tahun 2021

Pada tahun 2021, ekonomi global dijangka terus berada pada landasan pemulihan yang beransur-ansur dan tidak sekata sejak separuh kedua tahun 2020. Prospek pertumbuhan global akan terus dipengaruhi oleh perkembangan berhubung dengan pandemik COVID-19, khususnya pemberian vaksin, peralihan struktur yang sedang dilaksanakan dalam ekonomi, dan sejauh mana pasaran pekerja terjejas untuk jangka panjang. Meskipun terdapat

jangkaan bahawa ekonomi global akan pulih, sokongan dasar yang berterusan adalah penting untuk mengekalkan momentum pertumbuhan secara keseluruhan dalam persekitaran ketidakpastian yang masih tinggi. Dasar monetari global juga dijangka terus menyokong pertumbuhan. Komitmen ke arah persekitaran kadar faedah yang 'kekal rendah untuk jangka masa lebih panjang' dalam negara maju utama dan pelaksanaan dasar monetari yang akomodatif dalam ekonomi sedang pesat membangun (*emerging market economies, EME*) utama akan menyokong permintaan. Walaupun kadar hasil bon kerajaan jangka panjang di AS melonjak sejak bulan Januari 2021 dan volatiliti pasaran kewangan global yang meningkat, bank-bank pusat utama terus mengekalkan pendirian dasar monetari yang akomodatif berikutan keadaan ekonomi yang lembab, tekanan inflasi yang bersifat sementara, dan ketidakpastian yang tinggi mengenai kekukuhan pemulihan pertumbuhan. Secara keseluruhan, risiko terhadap pertumbuhan global terus cenderung ke arah pertumbuhan yang lebih perlahan kerana pandemik ini meningkatkan risiko pertumbuhan menjadi lembab sekali gus menjejaskan prospek pemulihan global. Antaranya termasuk pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan yang ketat dan meluas akibat penularan semula COVID-19, pemberian vaksin yang lebih perlahan daripada jangkaan atau mutasi besar virus COVID-19 yang boleh menjadikan vaksin sedia ada kurang berkesan. Tahap kerosakan ekonomi yang lebih teruk akibat kehilangan pekerjaan tetap dan penutupan perniagaan secara meluas, juga boleh melemahkan pertumbuhan global jangka panjang. Namun demikian, terdapat sedikit potensi bahawa prospek pertumbuhan akan menjadi lebih baik. Pertumbuhan global boleh melebihi jangkaan awal dengan pemberian vaksin yang lebih cepat serta jangkauan yang lebih meluas.

Ekonomi Malaysia diunjurkan pulih semula pada kadar pertumbuhan antara 6.0% hingga 7.5% pada tahun 2021. Pertumbuhan akan disokong oleh pemulihan dalam permintaan global dan kegiatan ekonomi dalam negeri yang beransur-ansur baik. Trajektori pertumbuhan akan dipengaruhi terutamanya oleh perkembangan COVID-19, khususnya tahap dan tempoh langkah-langkah pembendungan serta pemberian vaksin.

Keadaan pasaran pekerja dijangka beransur-ansur baik apabila kegiatan ekonomi keseluruhan semakin pulih, bersama-sama dengan sokongan dasar yang sedang dilaksanakan untuk membantu mobiliti

pekerja dan mengurangkan gangguan atau kerosakan jangka panjang dalam pasaran pekerja. Keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik ini dijangka memainkan peranan penting dalam pemulihan penggunaan swasta.

Selain itu, langkah-langkah dasar terus dilaksanakan untuk menyokong momentum pertumbuhan di samping membantu segmen yang mudah terjejas. Antara langkah ini termasuk pelanjutan tempoh pelaksanaan langkah-langkah yang diperkenalkan pada tahun 2020, Belanjawan 2021, dan juga pakej bantuan PERMAI dan PEMERKASA. Usaha-usaha utama yang diambil untuk melegakan kekangan kewangan individu yang terkesan termasuk pindahan tunai Bantuan Prihatin Nasional, Bantuan Prihatin Rakyat dan Bantuan Kehilangan Pendapatan, pengeluaran tunai i-Sinar dan i-Lestari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, serta Bantuan Bayaran Balik Pinjaman Secara Bersasar. Pelbagai pelepasan dan insentif cukai yang diberikan akan turut meningkatkan perbelanjaan pengguna secara keseluruhan. Bagi sektor perniagaan, geran khas, subsidi upah serta Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar diberikan kepada syarikat-syarikat dalam sektor perkhidmatan yang paling teruk terjejas. Dasar monetari yang terus akomodatif dan keadaan pembiayaan yang menyokong akan terus mengekalkan persekitaran yang kondusif untuk memulihkan permintaan dalam negeri apabila kesan buruk daripada krisis COVID-19 beransur reda.

Dalam persekitaran yang sangat tidak menentu ini, risiko terhadap unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia cenderung ke arah pertumbuhan yang lebih perlahan. Antara risiko utama yang boleh menjejaskan pertumbuhan termasuk peningkatan kes COVID-19 yang membawa kepada pelaksanaan langkah pembendungan selanjutnya, meskipun bersasar, dan pemberian vaksin yang lebih perlahan daripada jangkaan ataupun vaksin didapati tidak begitu berkesan lantas menyebabkan rakyat lebih bersikap berhati-hati. Ketidakpastian yang ketara pada peringkat global dan dalam negeri boleh menyebabkan volatiliti pasaran kewangan yang lebih nyata, lantas mengakibatkan keadaan kewangan domestik yang semakin ketat. Meskipun begitu, ada potensi risiko terhadap prospek pertumbuhan yang lebih baik hasil kemungkinan daripada pertumbuhan global yang lebih tinggi daripada jangkaan, pemberian vaksin yang lebih cepat daripada jangkaan, kesan sokongan dasar yang lebih kukuh daripada jangkaan, serta permintaan terpendam (*pent-up demand*) yang direalisasikan berikutan langkah pembendungan yang ditamatkan.

Pada tahun 2021, purata inflasi keseluruhan diunjurkan lebih tinggi, antara 2.5% hingga 4.0%, disebabkan terutamanya oleh faktor dorongan kos seperti harga minyak dan komoditi dunia yang dijangka meningkat, serta luputnya kesan daripada rebat tarif elektrik bertingkat yang diperkenalkan pada bulan April 2020. Dari segi trajektori, inflasi keseluruhan diunjurkan melonjak bagi tempoh sementara pada suku kedua tahun ini. Hal ini berikutan penurunan harga runcit bahan api dalam negeri pada tempoh yang sama tahun lalu, sebelum menjadi sederhana menjelang separuh tahun kedua selepas kesan asas ini luput. Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, dijangka kekal rendah pada purata antara 0.5% hingga 1.5% dalam keadaan lebihan kapasiti dalam ekonomi yang berterusan. Secara keseluruhan, inflasi asas dijangka kekal rendah, sekiranya tiada faktor kos yang tidak dijangka, sehingga pemulihan lebih kukuh dalam keadaan permintaan menyebabkan harga lebih tinggi. Walau bagaimanapun, prospek inflasi keseluruhan masih bergantung pada perkembangan harga minyak dan komoditi dunia.

Pasaran kewangan domestik yang sangat terbuka terus terdedah pada risiko volatiliti yang meningkat dan limpahan terhadap sistem kewangan yang disebabkan oleh faktor-faktor global. Antara faktor ini termasuk peningkatan kadar hasil bon jangka panjang Kerajaan dalam negara maju baru-baru ini, yang turut menyebabkan kadar hasil bon yang lebih tinggi dalam EME termasuk Malaysia dalam bulan-bulan kebelakangan ini. Walau bagaimanapun, dasar dan operasi monetari Bank akan terus menggalakkan keadaan pasaran yang teratur dan memastikan mudah tunai dalam negeri mencukupi untuk menyokong pengantaraan kewangan. Selain itu, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel akan berfungsi sebagai penyerap kejutan dengan memudahkan pelarasan yang perlu dibuat dalam ekonomi bagi memastikan daya tahan yang berterusan terhadap kejutan luaran. Yang penting, keadaan monetari dan kewangan domestik dijangka kekal kondusif dengan adanya dasar monetari yang akomodatif dan sokongan dasar lain yang sedang dilaksanakan, sekali gus menyediakan asas-asas kukuh untuk pemulihan ekonomi.

Dasar monetari pada tahun 2021 akan kekal akomodatif bagi menggalakkan pemulihan ekonomi yang mampan. Memandangkan kadar pemulihan adalah tidak sekata dan terdapat risiko prospek pertumbuhan menjadi rendah, pendirian dasar monetari yang akomodatif secukupnya akan diteruskan untuk menyokong

pemulihan ekonomi yang kukuh dan pada yang sama memastikan tekanan harga kekal terurus. MPC akan mengambil langkah-langkah berwaspada untuk mengelakkan sokongan dasar ditarik balik lebih awal. MPC akan terus memantau dengan rapi kemunculan tanda-tanda pemulihan ekonomi yang lebih jelas dan mampan pada masa akan datang, sambil berwaspada terhadap pembentukan ketidakseimbangan kewangan. Beberapa tanda asas pemulihan tersebut antara lainnya termasuk tempoh prestasi ekonomi beransur baik yang stabil dalam keadaan jurang keluaran yang semakin kecil dan persekitaran harga yang stabil; pertumbuhan penggunaan dan pelaburan swasta yang berterusan, didorong oleh asas-asas ekonomi tanpa terlalu bergantung pada sokongan dasar; pasaran pekerja yang lebih kukuh, disokong oleh peningkatan pendapatan; serta akses yang lebih baik kepada pembiayaan untuk peminjam yang berdaya maju.

Gandingan dasar monetari, kewangan dan fiskal yang tepat diperlukan untuk memastikan keberkesanan keseluruhan pemulihan ekonomi yang mampan. Usaha ini termasuk penggunaan langkah-langkah yang lebih bersasar dan khusus mengikut sektor. Bank akan terus

menggunakan semua alat dasarnya yang dianggap perlu untuk mewujudkan keadaan persekitaran yang kondusif bagi memastikan pengantaraan kewangan yang berterusan.

Dasar-dasar struktur yang koheren juga penting bagi membolehkan Malaysia berjaya mengharungi pandemik dan menjadi lebih kukuh melalui pertumbuhan didorong inovasi, tenaga kerja yang berdaya tahan, serta rangka kerja perlindungan sosial yang dipertingkatkan untuk mereka yang memerlukan. Langkah ini dibantu oleh pengenalan pelbagai sumber dana untuk merangsang pelaburan pihak swasta dalam teknologi tinggi, serta dilengkapi dengan program peningkatan kemahiran dan latihan semula bagi memastikan tenaga kerja mempunyai kemahiran yang diperlukan. Akhirnya, inisiatif untuk memperkukuh perlindungan sosial di Malaysia, seperti peluasan liputan insurans sosial, adalah penting sebagai benteng terhadap kelemahan sosioekonomi pada masa hadapan. Kesemua usaha ini akan mempercepat pendigitalan dan meningkatkan produktiviti dalam ekonomi, menambah baik taraf hidup dan memperkukuh lagi pemulihan pertumbuhan secara mampan.

Perkembangan Ekonomi, Monetari dan Kewangan pada Tahun 2020

Perkembangan Ekonomi, Monetari dan Kewangan pada Tahun 2020

2020: KRISIS YANG BELUM PERNAH BERLAKU; PEMULIHAN YANG BERANSUR-ANSUR DAN TIDAK SEKATA

Kemelesetan global terburuk sejak Kemelesetan Besar (Great Depression), diikuti oleh tindak balas dasar global yang belum pernah diambil sebelum ini


Ekonomi global mengalami kemelesetan yang buruk pada tahun 2020 apabila KDNK benar menguncup sebanyak 3.5% (2019: 2.8%), dengan landasan pemulihan yang tidak sekata dan beransur-ansur dalam persekitaran tidak menentu yang semakin meningkat (Rajah 1.1). Perkembangan berhubung dengan pandemik COVID-19 dan tindak balas dasar yang belum pernah diambil sebelum ini untuk mengurangkan kejutan ekonomi yang berlaku telah membentuk trajektori pertumbuhan global.

Pada awal tahun 2020, pertumbuhan dan perdagangan global dijangka berkembang secara sederhana berikutan hubungan dagang antara Amerika Syarikat (AS) dan RR China yang semakin baik. Walau bagaimanapun, jangkaan ini meleset apabila tercetusnya wabak COVID-19 yang tidak terduga. Wabak ini pada mulanya dikenal pasti pada bulan Disember 2019, dan kemudiannya diisytiharkan sebagai pandemik pada 11 Mac 2020 oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization, WHO) apabila kes menular ke serata dunia. Gangguan ekonomi yang berlaku susulan penularan wabak ini adalah disebabkan oleh langkah-langkah pembendungan yang diperkenalkan untuk menangani pandemik ini, dan penghindaran risiko yang meningkat dalam kalangan ejen ekonomi


telah mencapai kemuncaknya dengan kemerosotan mendadak dalam pertumbuhan ekonomi. Perdagangan global juga menguncup sebanyak 9.6% pada tahun 2020 (2019: 1.0%) (Rajah 1.1). Kemerosotan pada tahun 2020 adalah yang terburuk sejak Kemelesetan Besar pada tahun 1930-an.

Pada permulaan pandemik, kebanyakan ekonomi mengambil langkah-langkah pembendungan yang ketat untuk memutuskan rantaian penularan COVID-19 dengan cara paling pantas (Rajah 1.2 dan 1.3). Langkah-langkah tersebut, seperti sekatan


Rajah 1.1: Pertumbuhan KDNK Benar dan Perdagangan Peringkat Global



Rajah 1.2: Kes Harian COVID-19 Peringkat Global (Purata Bergerak 7 Hari)



Rajah 1.3: Indeks Penegasan Berwajaran PPP Global




Sumber: Oxford Government Response Tracker, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan pengiraan Bank Negara Malaysia

pergerakan penuh atau separa, peraturan penjarakan fizikal, larangan perhimpunan beramai-ramai serta penutupan sempadan, menyebabkan pergerakan individu dan operasi perniagaan bukan utama terhenti secara tiba-tiba (Rajah 1.4). Langkah-langkah tersebut menyebabkan gangguan pengeluaran yang teruk dan kejatuhan dalam permintaan, khususnya dalam industri berkaitan pengguna dan

pelancongan. Akibatnya, keuntungan syarikat jatuh mendadak. Pasaran pekerja bertambah lemah berikutan kadar pengangguran yang meningkat dan pendapatan yang semakin teruk. Keadaan ini telah mencetuskan kesan limpahan yang teruk terhadap permintaan dalam negeri sekali gus menjejaskan lagi pertumbuhan global, terutamanya pada suku kedua tahun 2020.

Rajah 1.4: Pergerakan ke Lokasi Runcit, Rekreasi dan Perniagaan Barang Runcit




Sumber: Google, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan pengiraan Bank Negara Malaysia

Kesan terhadap ekonomi daripada langkah-langkah pembendungan tersebut adalah lebih ketara di negara-negara yang mengenakan sekatan pergerakan lebih ketat. Hal ini berlaku terutamanya pada suku kedua¹, lantas menyumbang kepada pertumbuhan tahunan yang secara relatif lebih perlahan di negara-negara tersebut (Rajah 1.5). Sementara itu, pertumbuhan di negara-negara yang telah berjaya menangani pandemik ini melalui langkah pembendungan yang tidak begitu ekstrem terutamanya negara-negara Asia lebih maju², mengatasi prestasi negara ekonomi utama dan serantau lain, kecuali RR China. Korea misalnya, mempraktikkan ujian massa dan pantas, penjejakan kontak yang menyeluruh, kuarantin bersasar dan peraturan penjarakan fizikal yang meluas untuk mengekang penularan COVID-19. Hasilnya, kegiatan ekonomi dalam negeri di Korea berterusan sepanjang tahun 2020. Bagi RR China, sekatan pergerakan awal yang agresif menyebabkan penguncupan KDNK sebanyak 6.8% pada suku pertama tahun 2020. Namun demikian, langkah kawalan penularan pandemik yang pantas sebahagiannya telah menghasilkan pertumbuhan semula yang lebih cepat pada baki tahun 2020, sekali gus mendorong pertumbuhan KDNK RR China sebanyak 2.3% bagi seluruh tahun itu.

Selain permintaan dalam negeri yang lembap, ekonomi yang bergantung pada perdagangan atau komoditi juga mengalami penurunan mendadak

Rajah 1.5: Pertumbuhan KDNK Benar



Sumber: Pihak berkuasa negara


¹ Kajian dalam World Economic Outlook Report Oktober 2020 (Tabung Kewangan Antarabangsa, 2020) mendapati bahawa negara dengan sekatan pergerakan yang lebih ketat mengalami kemerosotan KDNK yang lebih mendadak pada separuh pertama 2020 berbanding dengan unjuran sebelum pandemik. Contohnya termasuk negara-negara seperti United Kingdom (UK), kawasan euro dan Filipina.
² Merujuk terutamanya kepada China Taipei, Korea dan Hong Kong SAR yang tidak melaksanakan sekatan perjalanan yang ketat dan meluas.

dalam permintaan luaran. Berikutan kelembapan permintaan global, harga purata minyak mentah dunia jatuh kepada USD43.2 setong pada tahun 2020 (2019: USD64.2 setong)³. Meskipun kejatuhan harga minyak ini telah membendung inflasi, namun hasil eksport bagi pengeksport komoditi telah menurun. Selanjutnya, penguatkuasaan sekatan sempadan antarabangsa telah menambah impak terhadap perdagangan barangan dan perkhidmatan disebabkan gangguan terhadap operasi rantai bekalan global dan aktiviti pelancongan rentas sempadan.

Kejut ekonomi yang teruk berpunca daripada pandemik ini telah mencetuskan tindak balas dasar ekonomi global pada skala yang tidak pernah berlaku sebelum ini (Rajah 1.6). Tindak balas ini adalah penting untuk menghindarkan kemerosotan yang lebih teruk dalam aktiviti ekonomi global. Tindak balas ini tertumpu pada langkah-langkah pemulihan untuk menyokong pendapatan isi rumah, mengekalkan aliran tunai syarikat, mengurangkan jumlah syarikat yang terpaksa ditutup dan jatuh bankrap, mengekalkan pekerjaan dan mengurangkan risiko kesan buruk ekonomi yang berpanjangan. Langkah-langkah umum merentas ekonomi utama dan serantau termasuk pindahan tunai langsung, geran, subsidi upah, manfaat pengangguran tambahan, pengecualian cukai dan jaminan kredit untuk memudahkan pemberian pinjaman daripada institusi kewangan (Jadual 1.1).

Dari sudut dasar monetari, bank-bank pusat ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun juga mengambil tindakan yang pantas dan

Rajah 1.6: Imbangan Fiskal Primer



Sumber: Pangkalan Data World Economic Outlook (WEO) Oktober 2020 oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Kementerian Kewangan Malaysia

³ Merujuk purata harga spot Brent.

Jadual 1.1: Langkah-langkah Dasar Ekonomi Penting di Ekonomi Utama dan Serantau Terpilih

Negara	Langkah-langkah menyokong isi rumah	Langkah-langkah menyokong perniagaan
AS	<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran terus sebanyak USD600 kepada individu • Bantuan pengangguran dipertingkatkan sebanyak USD300 seminggu 	<ul style="list-style-type: none"> • Pinjaman dilupakan dan jaminan untuk membantu perniagaan kecil mengekalkan pekerja⁴ • Kelonggaran peraturan untuk pengurangan kerugian operasi bersih bagi pembayaran cukai korporat
Jerman	<ul style="list-style-type: none"> • Memperluas akses kepada subsidi kerja jangka pendek (Kurzarbeit) sebagai tambahan kepada upah pekerja • Melanjutkan tempoh insurans pengangguran dan manfaat cuti ibu bapa 	<ul style="list-style-type: none"> • Geran kepada perniagaan kecil dan mereka yang bekerja sendiri • Memperluas jaminan kredit kepada pengeksport dan bank pembiayaan eksport • Pampasan hasil sehingga 75% daripada hasil
RR China	<ul style="list-style-type: none"> • Mempercepat pemberian insurans pengangguran • Pemberian insurans pengangguran kepada pekerja asing • Pelepasan cukai dan pengecualian caruman keselamatan sosial 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelepasan cukai dan pengecualian caruman keselamatan sosial
Singapura	<ul style="list-style-type: none"> • Pemberian wang tunai kepada semua isi rumah warga Singapura, dengan bayaran tambahan kepada individu berpendapatan lebih rendah dan individu menganggur 	<ul style="list-style-type: none"> • Geran dan subsidi kepada mereka yang bekerja sendiri dan industri yang terjejas secara langsung akibat pandemik (cth. pelancongan, pengangkutan, penerbangan)
Thailand	<ul style="list-style-type: none"> • Bantuan pendapatan bulanan untuk pekerja luar ladang yang tidak terangkum dalam sistem keselamatan sosial • Pinjaman mudah dan pelepasan cukai untuk individu 	<ul style="list-style-type: none"> • Subsidi untuk pelancong dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sektor pelancongan • Pinjaman mudah dan pelepasan cukai untuk perniagaan


⁴ Di bawah Paycheck Protection Programme yang diperkenalkan dalam CARES Act, pinjaman boleh dilupakan hanya melalui permohonan untuk menukar pinjaman kepada geran dalam jangka masa yang ditetapkan. Hal ini juga tertakluk pada syarat-syarat tertentu, iaitu (i) tahap pekerja dan pampasan dikekalkan, dan (ii) sekurang-kurangnya 60% daripada hasil pinjaman dibelanjakan untuk kos pengajian seperti gaji, upah, komisen dan manfaat kakitangan.

Sumber: Pihak berkuasa negara

agresif melalui potongan kadar dasar yang besar (Rajah 1.7). Khususnya, AS, kawasan euro dan UK, telah mengurangkan kadar dasar masing-masing antara 50 hingga 100 mata asas dalam minggu pertama sekatan pergerakan pada bulan Mac 2020. Pihak berkuasa penyeliaan juga membenarkan bank-bank menggunakan penampungan modal dan mudah tunai untuk menyokong ekonomi. Langkah-langkah pelonggaran kuantitatif (*quantitative easing*, QE), seperti program pembelian aset berskala besar dan kemudahan pemberian pinjaman, telah dilaksanakan di negara maju yang kadar dasarnya hampir sifar atau negatif, termasuk Bank of Japan dan Federal Reserve AS. Langkah-langkah ini telah menghasilkan peningkatan yang agak besar dalam kedudukan kewangan bank-bank pusat tersebut. Menjelang akhir tahun 2020, jumlah aset Bank of Japan meningkat sebanyak 28.9%, didorong terutamanya oleh pembelian dana dagangan bursa (*exchange-traded funds*, ETF) dan bon kerajaan. Di AS, kedudukan kewangan Federal Reserve AS meningkat sebanyak 11.9%. Federal Reserve AS memperkenalkan kemudahan pemberian pinjaman langsung kepada syarikat korporat, selain melaksanakan pembelian aset dalam pasaran sekunder yang diperkenalkan semasa tempoh pasca-Krisis Kewangan Global (Global Financial Crisis, GFC). Ekonomi Sedang Pesat Membangun (Emerging Market Economies, EME) juga menggunakan langkah-langkah QE buat kali pertama dalam sejarah, sekali gus mencerminkan kemerosotan ekonomi. Bank-bank pusat di negara-negara seperti Chile dan India, masing-masing telah membeli bon kerajaan daripada pasaran sekunder dan menerbitkan opsyen pembiayaan semula jangka panjang.

Apabila ekonomi dunia telah melalui separuh kedua tahun 2020, pertumbuhan global menunjukkan

Rajah 1.7: Kadar Dasar Purata



Sumber: Pihak berkuasa negara dan pengiraan Bank Negara Malaysia

tanda-tanda pemulihan, meskipun tidak sekata dan beransur-ansur.


Berikutan pelonggaran langkah-langkah pembendungan secara beransur-ansur, kekangan dari sudut penawaran menjadi reda dan keadaan ini menyokong peningkatan beransur-ansur dalam keadaan pasaran pekerja sedunia. Ekonomi yang pasaran pekerja lebih fleksibel pulih dengan lebih cepat dari segi kadar pengangguran dan penyertaan tenaga kerja. Keadaan perdagangan dan pelaburan rentas sempadan yang bertambah baik rata-ratanya memberikan kelebihan kepada ekonomi yang mempunyai hubungan lebih mendalam dalam rantai nilai global perkilangan, didorong oleh aktiviti pendigitalan yang lebih giat berikutan penggunaan perkhidmatan yang kurang hubungan secara langsung dengan pelanggan (*low-touch services*) semakin menjadi pilihan, permintaan yang lebih tinggi untuk produk berkaitan perubatan, dan pemulihan pertumbuhan yang kukuh di RR China.

Walau bagaimanapun, pada lewat tahun 2020, kenaikan semula kes COVID-19 dan munculnya varian baharu virus ini di Eropah dan Afrika Selatan mewajarkan langkah-langkah pembendungan dilaksanakan semula di beberapa buah negara. Memandangkan tahap langkah-langkah pembendungan kekal menjadi faktor utama yang mempengaruhi kekuatan aktiviti ekonomi, negara yang terus melaksanakan sekatan pergerakan untuk membendung penularan semula, seperti di kawasan euro, mencatatkan pertumbuhan yang lebih sederhana yang singkat pada suku keempat tahun 2020. Secara perbandingan, negara yang bergantung pada campur tangan bukan farmaseutikal (*non-pharmaceutical intervention*, NPI) yang kurang ketat, seperti peraturan penjarakan fizikal berserta prosedur operasi standard (*standard operating procedures*, SOP) yang dipertingkat dan ujian MRR (*mass, rapid, random*), terutamanya negara Asia lebih maju⁵ dan AS, secara umumnya mencatatkan pemulihan yang berterusan dan lebih kukuh daripada jangkaan.

Kadar pemulihan ekonomi global juga adalah beransur-ansur disebabkan aktiviti penghindaran risiko yang ketara dalam keadaan ketidakpastian yang tinggi (Rajah 1.8) serta volatiliti pasaran kewangan yang berterusan (Rajah 1.9). Sumber utama ketidakpastian berpunca daripada perkembangan COVID-19 yang berbeza-beza dan faktor-faktor lain yang khusus mengikut negara.


⁵ Merujuk Korea, China Taipei dan Hong Kong SAR.

Rajah 1.8: Indeks Ketidakpastian Dasar Ekonomi Berwajaran PPP Global



Sumber: Davis (2016)

Rajah 1.9: Indeks Volatiliti (VIX) Chicago Board Options Exchange (CBOE)



Sumber: Bloomberg


Berdasarkan evolusi dinamik pandemik COVID-19, risiko penularan semula serta langkah-langkah pembendungan yang dikenakan semula terus menjejaskan aktiviti perdagangan dan pelaburan. Walaupun terdapat laporan kejayaan percubaan vaksin pada akhir tahun 2020, pemberian vaksin masih terhad kepada beberapa negara yang telah mempercepat kelulusan vaksin untuk kegunaan kecemasan, seperti di AS dan UK. Selain itu, pertambahan hutang dan ketidakseimbangan sektor luaran mengakibatkan risiko pelupusan yang lebih ketara dalam kalangan EME yang mudah terjejas. Hal ini diperlihatkan melalui pasaran kewangan yang turun naik dan keadaan kewangan domestik yang lebih ketat. Sementara itu, episod pergolakan politik dalam negeri di beberapa ekonomi utama telah membawa kepada peningkatan ketidakpastian perniagaan, lantas menjejaskan kegiatan ekonomi. Akhir sekali, meskipun tindak balas dasar yang agresif telah menyokong pertumbuhan global pada tahun 2020, kesinambungan sokongan dasar itu sendiri menjadi punca ketidakpastian, seperti yang dilihat berlaku di AS. Kesemua faktor ini telah menjejaskan terutamanya sentimen perniagaan kerana syarikat-syarikat bimbang akan kemungkinan rangsangan fiskal ditarik balik lebih awal.

Krisis kewangan global dapat dihindari melalui tindakan dasar global yang belum pernah dilaksanakan sebelum ini

Memandangkan ekonomi global dilanda kejutan paling buruk pada tahun 2020, prestasi pasaran kewangan global amat selaras (*highly synchronised*) merentas semua kelas aset, termasuk pasaran mata wang, bon dan ekuiti. Perkembangan sepanjang tahun itu boleh dibahagikan kepada dua fasa berbeza, iaitu reaksi awal global terhadap wabak COVID-19 dan pemulihan pasaran kewangan hasil daripada rangsangan dasar di seluruh dunia pada magnitud yang belum pernah dibuat sebelum ini. Pada fasa pertama (suku pertama tahun 2020), meskipun pasaran global bermula dengan positif, sentimen pelabur mula berubah menjelang akhir bulan Januari 2020. Perubahan sentimen ini adalah berikutan penguatkuasaan langkah sekatan pergerakan yang ketat di Wuhan, RR China, yang menandakan ketidakpastian mengenai krisis kesihatan dan ekonomi yang semakin meningkat akibat COVID-19. Berikutan penularan pantas COVID-19 ke seluruh dunia, para pelabur semakin sedar bahawa krisis kesihatan ini akan menimbulkan implikasi yang besar terhadap ekonomi global.


Susulan itu, sentimen global merosot dengan ketara pada bulan Mac 2020, dan ini telah mencetuskan peralihan besar-besaran kepada kelas aset yang lebih selamat berikutan penghindaran risiko antara pelabur mencapai kemuncaknya. Khususnya, dolar AS semakin kukuh berbanding dengan kebanyakan mata wang utama (Rajah 1.10), manakala mata wang EME menghadapi tekanan susut nilai yang mendadak berikutan aliran keluar portfolio yang besar dan tidak menentu. Faktor yang memperkukuh dolar AS ialah permintaan yang lebih besar untuk dolar AS daripada bank, syarikat korporat dan pelabur dana global disebabkan oleh status dolar AS sebagai mata wang selamat. Hal ini mengakibatkan gangguan dalam pasaran pendanaan dolar AS global, dan turut menyebabkan kesan limpahan yang besar kepada pasaran Perbendaharaan AS. Akibatnya, pasaran bon terjejas oleh krisis mudah tunai global yang sedang berlaku, dengan kadar hasil dalam ekonomi maju dan EME melonjak untuk sementara waktu pada bulan itu (Rajah 1.11). Pada masa yang sama, pasaran ekuiti global mengalami penguncupan yang mendadak, dengan Chicago Board Options Exchange Volatility Index (VIX) mencatatkan tahap tertinggi, iaitu 82.69 pada 16 Mac 2020. Kejatuhan harga minyak

Rajah 1.10: Indeks Dolar AS



Sumber: Bloomberg

Rajah 1.11: Indeks Bon



— Spread Indeks Bon Pasaran Sedang Pesat Membangun (EMBI) J.P. Morgan
 — Kadar Hasil Nota Perbendaharaan AS 10 tahun (skala kanan)

Sumber: Bloomberg


dunia yang mendadak dalam tempoh tersebut juga mencerminkan jangkaan pelabur bahawa permintaan global akan terjejas teruk akibat dipengaruhi oleh langkah-langkah pembendungan pandemik.

Berbeza daripada Krisis Kewangan Global pada tahun 2008 yang berpunca daripada kelemahan dalam sistem kewangan, sektor kewangan di kebanyakan negara telah menghadapi krisis semasa dari kedudukan yang kukuh. Keadaan ini telah membolehkan langkah-langkah dasar global yang menyasarkan penyediaan sokongan kredit dan mudah tunai untuk isi rumah serta perniagaan dilaksanakan dengan pantas sekali gus memastikan krisis ekonomi tidak mencetuskan krisis kewangan global. Oleh itu, pelbagai campur tangan dan suntikan mudah tunai ke dalam pasaran kewangan pada skala yang belum pernah dibuat sebelum ini telah dilakukan oleh bank-bank pusat utama. Tindak balas terhadap tekanan dalam pasaran kewangan ini membantu memastikan pasaran terus berfungsi dengan baik dan menyokong transmisi dasar moneteri ke seluruh sistem kewangan dan ekonomi. Hasil daripada pelaksanaan dasar-dasar tersebut, tekanan terhadap pasaran kewangan global berkurang menjelang akhir bulan Mac 2020.

Fasa kedua yang nyata bagi pasaran kewangan global pada tahun 2020 ialah peningkatan serentak sejak suku kedua dan seterusnya, meskipun pemulihan pertumbuhan global adalah beransur-ansur dan tidak sekata. Faktor-faktor utama yang mendorong prestasi pasaran kewangan yang bertambah baik ialah suntikan mudah tunai yang besar dan komitmen bank-bank pusat utama untuk mengekalkan dasar moneteri yang rendah untuk jangka panjang.

Namun, fasa kedua ini juga mengalami gangguan sekali-sekala akibat timbulnya kebimbangan mengenai impak pandemik terhadap ekonomi apabila terdapat kenaikan semula kes jangkitan COVID-19 yang kemudiannya disusuli oleh penguatkuasaan semula sekatan pergerakan di beberapa negara. Walau bagaimanapun, pada suku terakhir tahun 2020, laporan mengenai kejayaan ujian percubaan vaksin dan bermulanya program pemvaksinan di beberapa negara ekonomi utama telah mengubah sentimen menjadi positif dan menambah baik prospek pemulihan krisis kesihatan. Keputusan pilihan raya presiden AS dan jangkaan implikasi positif berhubung dengan dasar ekonomi dan dasar luar AS juga telah meningkatkan kesanggupan pelabur untuk mengambil risiko. Sepanjang fasa kedua ini, pelabur menambah peruntukan pelaburan mereka untuk disalurkan kepada aset yang lebih berisiko dan memberikan kadar hasil yang lebih tinggi, termasuk ekuiti dan aset-aset kewangan EME (Rajah 1.12 dan 1.13). Pemulihan pelaburan adalah ketara dan ini dilihat terutamanya dalam pasaran ekuiti, apabila pelabur beralih semula kepada saham bernilai⁶ (*value stocks*) memandangkan

Rajah 1.12: Indeks Ekuiti




— Indeks Dunia MSCI
 — Indeks Pasaran Sedang Pesat Membangun MSCI (skala kanan)

Sumber: Bloomberg

⁶ Saham bernilai merujuk syarikat yang nilainya diberikan penilaian lebih rendah berbanding dengan potensi mereka menjana pendapatan. Dalam hal ini, syarikat yang dimaksudkan ialah syarikat dalam segmen yang sensitif dari segi ekonomi dan/atau segmen mudah terjejas. Saham syarikat sedemikian telah dinilai jauh lebih rendah disebabkan oleh persekitaran krisis.

Rajah 1.13: Aliran Portfolio Terkumpul kepada Ekonomi Maju & Ekonomi Sedang Pesat Membangun



— Ekonomi Maju
 — Ekonomi Sedang Pesat Membangun (skala kanan)

Nota: Ekonomi Sedang Pesat Membangun terdiri daripada sejumlah 102 negara pelbagai rantau (contohnya Amerika Latin, Asia), seperti yang ditentukan oleh EPFR Global dalam kategori tersebut

Sumber: EPFR Global

perkembangan berkaitan vaksin yang memberangsangkan telah mengukuhkan jangkaan bahawa aktiviti ekonomi akan kembali pulih seperti sedia kala. Sejalan dengan tahap kesanggupan mengambil risiko yang lebih tinggi dan dolar AS yang pada amnya semakin lemah (Rajah 1.10), aliran portfolio ke EME kembali pulih, khususnya dalam pasaran hutang kerajaan, lalu membentuk trend meningkat bagi mata-mata wang tersebut.


Sepanjang krisis ekonomi ini, paras mudah tunai global yang lebih daripada mencukupi telah memainkan peranan penting memastikan pasaran kewangan terus menyokong pemulihan ekonomi. Keadaan pasaran kewangan yang secara keseluruhannya bertambah baik dalam ekonomi maju dan EME telah membolehkan pengantaraan yang berterusan dalam pasaran modal, yang telah membantu mengurangkan tekanan mudah tunai dalam penyata kewangan bank. Secara bersama, perkembangan ini memastikan aliran kredit yang berterusan kepada isi rumah dan perniagaan sepanjang tahun 2020 meskipun persekitaran ekonomi adalah mencabar.

Keadaan pasaran kewangan domestik bertambah baik berikutan sentimen pelabur yang positif

Bagi Malaysia, keadaan pasaran kewangan domestik yang secara keseluruhannya bertambah baik adalah

sejalan dengan perkembangan pasaran kewangan global, walaupun berlaku beberapa peristiwa risiko dalam negeri. Oleh itu, perkembangan pasaran pada tahun 2020 secara umumnya adalah selaras dengan dua fasa berbeza bagi pasaran kewangan global. Pada fasa pertama (suku pertama tahun 2020), aktiviti penghindaran risiko adalah ketara dan ini sejajar dengan krisis kesihatan global yang semakin meningkat yang seterusnya mendorong aliran keluar portfolio bukan pemastautin bersih sebanyak RM26.2 bilion. Sama seperti ekonomi serantau, aliran keluar ini kebanyakannya adalah daripada pasaran bon dan ekuiti domestik. Hal ini seterusnya menyebabkan kadar pertukaran ringgit menyusut nilai sebanyak 4.9% berbanding dengan dolar AS pada suku pertama. Walau bagaimanapun, intensiti aliran keluar portfolio bukan pemastautin berkurang secara beransur-ansur sebelum bertukar arah menjadi aliran masuk bersih pada fasa kedua. Perkembangan positif ini adalah ekoran kesanggupan pelabur untuk mengambil risiko. Hasilnya, kadar pertukaran ringgit telah beralih arah daripada penyusutan nilai pada fasa pertama dan menyebabkan ringgit secara keseluruhan bertambah nilai sebanyak 2.0%, untuk ditutup pada RM4.0130 berbanding dengan dolar AS pada akhir tahun 2020 (Rajah 1.14). Walaupun terdapat penambahan nilai dua hala terhadap dolar AS, Kadar Pertukaran Efektif Nominal (*Nominal Effective Exchange Rate, NEER*) menyusut sebanyak 1.7% pada tahun itu yang mencerminkan penyusutan nilai ringgit berbanding dengan mata wang rakan-rakan perdagangan utama Malaysia seperti renminbi dan euro.

Rajah 1.14: Prestasi Mata Wang Utama dan Serantau berbanding dengan Dolar AS dan Kadar Pertukaran Efektif Nominal (NEER) Ringgit



Nota: (+) menunjukkan penambahan nilai mata wang berbanding dengan dolar AS. Kadar Pertukaran Efektif Nominal (NEER) menunjukkan nilai ringgit berbanding dengan kumpulan mata wang rakan perdagangan utama Malaysia berwajaran perdagangan.


Sumber: Bank Negara Malaysia dan Reuters

Kadar pertukaran ringgit yang fleksibel menghadkan kesan limpahan terhadap ekonomi dalam negeri

Pergerakan dalam kadar pertukaran ringgit terus berdasarkan pasaran dan sejajar dengan perkembangan pasaran kewangan global pada tahun 2020. Sepanjang tahun itu, kadar pertukaran ringgit mengalami tekanan penyusutan dan penambahan nilai (masing-masing dalam fasa satu dan dua), selaras dengan fleksibilitinya yang memudahkan penyesuaian kepada kejutan luaran (Rajah 1). Fleksibiliti kadar pertukaran ringgit telah banyak menyumbang kepada ekonomi negara kerana ia memudahkan pelarasan sewajarnya dalam sektor luaran, dan dengan itu membantu mengurangkan kesan kejutan global yang buruk terhadap ekonomi dalam negeri dalam persekitaran kemelesetan ekonomi semasa.⁷

Dalam rangka kerja kadar pertukaran yang fleksibel, episod volatiliti kadar pertukaran yang tinggi pasti berlaku dan tidak mungkin dapat dielakkan. Semasa tekanan pasaran kewangan memuncak pada bulan Mac 2020, volatiliti tersirat RM/USD 1-bulan melonjak kepada purata kira-kira 6.3%, yang jauh lebih tinggi daripada purata jangka panjang 4.2% antara tahun 2017 hingga 2019. Bank terus sedar mengenai risiko akibat volatiliti yang berlebihan. Oleh itu, Bank telah menguruskan risiko tersebut melalui operasi campur tangan pertukaran asing bersasar bagi memastikan keadaan pasaran teratur. Bersama-sama usaha yang sedang dijalankan oleh Bank ini, yang bertujuan untuk meningkatkan akses pasaran dan membangunkan lebih banyak instrumen lindung nilai, peserta pasaran terus digalakkan untuk menguruskan risiko pertukaran asing mereka secara proaktif. Meskipun prestasi jangka sederhana kadar pertukaran ringgit dijangka mencerminkan asas-asas ekonomi Malaysia pada masa hadapan, ketidakpastian berhubung dengan pandemik dan prospek ekonomi akan terus mempengaruhi pergerakan kadar pertukaran ringgit dalam tempoh terdekat. Aliran modal dua hala yang lebih besar akan terus menjadi ciri utama yang mempengaruhi pasaran kewangan domestik serta pelarasan terhadap kadar pertukaran ringgit. Berdasarkan keadaan ini, fleksibiliti kadar pertukaran adalah amat penting untuk mengurangkan apa-apa kesan limpahan yang buruk daripada kejutan luaran terhadap ekonomi dalam negeri.

Rajah 1: Pergerakan Ringgit berbanding dengan Dolar AS dan Aliran Portfolio Bukan Pemastautin pada Tahun 2020




Nota: Purata serantau menunjukkan pergerakan mata wang serantau terpilih berbanding dengan dolar AS. Mata wang serantau termasuk renminbi China, rupiah Indonesia, won Korea, peso Filipina, dolar Singapura, dolar Taiwan Baharu dan baht Thailand.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Reuters

⁷ Impak kadar pertukaran terhadap ekonomi diperoleh melalui keuntungan daya saing eksport dan kesan pertukaran perbelanjaan. Apabila kadar pertukaran menyusut nilai, eksport dan barangan yang dikeluarkan dalam negeri menjadi lebih murah berbanding dengan import. Hal ini akan mendorong peningkatan eksport berbanding dengan import, lantas memperbaiki imbangan perdagangan. Hasilnya, pelarasan luaran ini akan memacu pelarasan permintaan yang sewajarnya dalam ekonomi dalam negeri melalui peningkatan penggunaan, pelaburan, dan inflasi. Hal sebaliknya berlaku apabila kadar pertukaran menambah nilai. Secara amnya, kekukuhan transmisi tersebut akan bergantung pada tindak balas harga dan jumlah barangan yang didagangkan terhadap kadar pertukaran asing, bahagian sektor perdagangan secara relatif, dan tahap pergeseran kewangan dalam ekonomi dalam negeri.

Rajah 1.15: Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) 10 tahun dan Kadar Hasil Bon Korporat 10 tahun



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi pasaran bon dan ekuiti domestik juga sama seperti trend global pada tahun itu. Walaupun aliran keluar portfolio bukan pemastautin daripada pasaran bon pada bulan Mac dan April 2020 adalah sangat besar iaitu sebanyak RM14.7 bilion, namun selepas itu terdapat aliran masuk semula berikutan sentimen pelabur global yang meningkat secara beransur-ansur. Seajar dengan pengurangan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR), kadar hasil dalam pasaran bon berdaulat dan bon korporat merosot pada tahun 2020. Premium risiko dalam pasaran bon juga menjadi sederhana, khususnya pada separuh kedua tahun 2020 (Rajah 1.15).⁸ Walaupun Fitch Ratings menurunkan penarafan berdaulat Malaysia kepada BBB+ pada bulan Disember 2020, kesannya ke atas pasaran bon domestik adalah kecil.⁹

Bagi ekuiti domestik, walaupun terdapat penurunan sebanyak 15.0% dalam FBM KLCI pada suku pertama, prestasinya bertambah baik dan


meningkat sebanyak 2.4% untuk ditutup pada 1627.2 mata pada tahun 2020 (Rajah 1.16). Namun, sepanjang tahun itu, pasaran ekuiti domestik mencatatkan aliran keluar bukan pemastautin yang berterusan seiring dengan trend serantau. Kesan ke atas harga ekuiti daripada aliran keluar ini telah diimbangi oleh sokongan daripada pelabur institusi domestik dan penyertaan runcit domestik yang lebih tinggi. Khususnya, walaupun bahagian nilai perdagangan pelabur runcit domestik meningkat kepada 37.5% pada bulan Disember 2020 (Disember 2019: 23.4%), kenaikan ini bukan didorong oleh peminjaman bank¹⁰. Peningkatan semula yang ketara dalam pasaran ekuiti pada tahun itu adalah disebabkan oleh prestasi saham penjagaan kesihatan yang lebih kukuh memandangkan prospek yang lebih baik bagi permintaan global untuk produk dan perkhidmatan daripada sektor ini. Menjelang bulan November 2020, laporan positif mengenai vaksin telah menyokong peningkatan saham domestik yang biasanya lebih sensitif terhadap prospek makroekonomi yang lebih luas, seperti sektor perkhidmatan kewangan, pengangkutan, dan logistik.

⁸ Spread MGS-OPR 10 tahun, iaitu ukuran bagi premium risiko, mencapai tahap tertingginya pada 109 mata asas semasa kemuncak penghindaran risiko global pada bulan Mac. Spread ini menjadi sederhana pada separuh kedua tahun 2020 pada purata 88 mata asas.

⁹ Berikutan langkah Fitch Ratings menurunkan penarafan berdaulat Malaysia pada 4 Disember 2020, kadar hasil MGS 10-tahun meningkat sebanyak 4.1 mata asas untuk mengakhiri minggu itu pada 2.74% pada 11 Disember 2020. Walau bagaimanapun, disebabkan pasaran bon domestik terus menerima aliran masuk bukan pemastautin berikutan kesanggupan pelabur mengambil risiko global yang bertambah baik, kadar hasil MGS-10 tahun kemudiannya menjadi sederhana untuk ditutup pada 2.65% pada tahun 2020.

¹⁰ Pada akhir tahun 2020, pinjaman isi rumah untuk pembelian saham tersenarai kekal kecil pada 0.5% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan.

Rajah 1.16: Prestasi Indeks Ekuiti Mengikut Sektor




Sumber: Bloomberg

Ekonomi Malaysia menguncup sebanyak 5.6% pada tahun 2020 dalam persekitaran operasi global dan dalam negeri yang sangat mencabar

Seperti kebanyakan negara lain di seluruh dunia, kejutan ekonomi yang tidak pernah dialami sebelum ini yang berpunca daripada pandemik ini telah menyebabkan pertumbuhan KDNK Malaysia menguncup secara mendadak kepada kadar paling rendah pernah dicatatkan sejak tahun 1998 (Rajah 1.17). Berikutan permulaan yang sederhana bagi tahun 2020, pandemik yang semakin menular menjelang pertengahan bulan Mac 2020 melembabkan pertumbuhan ekonomi dalam negeri. Limpahan luaran yang teruk dan pengenalan langkah-langkah pembendungan tempatan yang ketat untuk mengekang kenaikan kes COVID-19 menyebabkan kelemahan yang meluas dalam eksport, pengeluaran dan permintaan dalam negeri. Impak terbesar dirasai pada suku kedua 2020 di mana KDNK menguncup sebanyak 17.1%. Namun begitu, pertumbuhan kemudiannya pulih secara beransur-ansur daripada paras terendahnya menjelang separuh kedua tahun apabila ekonomi dibuka semula secara beransur-ansur, dan sebahagian daripada aktiviti ekonomi dan sosial dapat dilaksanakan semula. Sebagai tindak balas kepada perkembangan ini, penggubal dasar melaksanakan langkah-langkah rangsangan

Rajah 1.17: Pertumbuhan KDNK Benar Malaysia (1990-2020)



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

yang besar dan tepat pada masanya untuk mengurangkan kesan teruk yang dialami ekonomi apabila krisis ini tercetus dan juga menyokong pemulihan pertumbuhan.

Pandemik global ini telah mengakibatkan pertumbuhan, perdagangan dan harga komoditi dunia yang lebih lemah yang menjejaskan eksport kasar Malaysia (2020: -1.4%; 2019: -0.8%). Kelemahan keadaan ekonomi di negara-negara maju dan serantau telah mengakibatkan permintaan yang lebih rendah daripada rakan perdagangan utama. Gangguan terhadap rantai bekalan perkilangan global memburukkan lagi aktiviti eksport pada suku kedua 2020. Memandangkan sifat krisis ini, hanya produk eksport terpilih seperti produk elektrik dan elektronik (E&E) dan keluaran getah didapati lebih berdaya tahan pada tahun 2020. Keadaan ini mencerminkan permintaan lebih tinggi

untuk peralatan bekerja dari rumah dan produk berkaitan kesihatan. Sementara itu, eksport perkhidmatan menguncup dengan ketara sebanyak 46.0% disebabkan terutamanya oleh penurunan mendadak dalam jumlah ketibaan pelancong (2020: 4.3 juta orang; 2019: 26.1 juta orang) kerana penutupan sempadan antarabangsa sejak bulan Mac 2020.

Ekonomi dalam negeri turut terjejas oleh pengenalan langkah-langkah pembendungan tempatan yang ketat.¹¹ Walaupun langkah-langkah ini berjaya mengekang kenaikan kes COVID-19 dalam negeri, langkah-langkah ini juga menyebabkan kejutan penawaran dan permintaan secara serentak kepada ekonomi Malaysia.


Aktiviti pengeluaran terhenti (Rajah 1.18), terutamanya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di mana industri yang tidak begitu penting tidak dibenarkan beroperasi. Walaupun aktiviti penting, seperti pengeluaran makanan dan minuman, pengangkutan, dan perkhidmatan kewangan diteruskan, sekatan yang tinggi ke atas penggunaan tenaga kerja dan waktu beroperasi di samping SOP yang ketat berikutan peraturan penjarakan fizikal telah mengekang penawaran dalam negeri. Faktor-faktor khusus kepada sektor yang lain, seperti keadaan cuaca kering dan penutupan fasiliti perlombongan untuk tujuan penyelenggaraan, menjejaskan lagi aktiviti pengeluaran keseluruhan.

Sekatan pergerakan juga menjejaskan perbelanjaan sektor swasta dengan teruk (Rajah 1.19). Memandangkan tempoh pandemik yang berpanjangan, syarikat-syarikat mencatatkan kejatuhan dalam keuntungan dan keadaan pasaran pekerja merosot seiring dengan aktiviti ekonomi yang lebih lemah. Kesemua ini telah menyebabkan aktiviti penggunaan dan pelaburan menguncup. Perbelanjaan pengguna terjejas akibat kehilangan pendapatan yang ketara kerana pasaran pekerja mengalami kelembapan terburuk dalam tempoh lebih tiga dekad¹². Sentimen pengguna juga lemah kerana penghindaran risiko yang ketara berikutan

¹¹ Langkah-langkah pembendungan tempatan pada tahun 2020 termasuklah (i) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari 18 Mac hingga 3 Mei, (ii) Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dari 4 Mei hingga 9 Jun, dan (iii) Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) mulai 10 Jun dan seterusnya. PKPB dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) dilaksanakan pada suku keempat 2020, namun kedua-duanya disasarkan ke daerah dan negeri terpilih kerana terdapat penularan semula kes COVID-19.

¹² Lihat rencana mengenai "Gangguan Pasaran Pekerja Malaysia pada Tahun 2020" untuk maklumat lanjut.


Rajah 1.18: KDNK Benar Mengikut Sektor Ekonomi



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 1.19: KDNK Benar Mengikut Perbelanjaan



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

kebingungan terhadap penularan COVID-19 dan ketidakpastian mengenai prospek pekerjaan. Aktiviti pelaburan swasta juga terjejas oleh keyakinan perniagaan yang rendah dan kerja-kerja pelaksanaan projek yang lebih perlahan. Sementara itu, perbelanjaan awam, khususnya pelaburan awam, turut terkesan terutamanya pada peringkat awal pelaksanaan PKP.

Kemerosotan dalam permintaan luaran dan dalam negeri secara bersama telah mengakibatkan penguncupan import selanjutnya pada tahun 2020 (-6.3%; 2019: -3.5%). Import barangan perantaraan menguncup dengan mendadak sejajar dengan

pengeluaran dan eksport perkilangan yang lebih rendah. Import barangan modal dan penggunaan juga merosot pada tahun 2020 ekoran perbelanjaan pelaburan dan pengguna yang lemah.

Pengurangan import yang lebih besar berbanding dengan eksport telah menjana lebih barangan yang lebih tinggi. Hasilnya, lebih akaun semasa meningkat kepada RM62.1 bilion atau 4.4% daripada KDNK pada tahun 2020 (2019: RM50.9 bilion atau 3.4% daripada KDNK). Defisit pendapatan utama mengecil pada tahun 2020 disebabkan oleh pendapatan terakru kepada pelabur asing di Malaysia yang lebih sederhana berikutan persekitaran global yang lembap. Namun, perkara ini telah diimbangi sebahagiannya oleh penurunan dalam pendapatan perjalanan.

Selepas mencatatkan pertumbuhan terendah pada suku kedua tahun 2020, timbul tanda-tanda awal bahawa pertumbuhan akan beransur-ansur pulih, walaupun tidak sekata, menjelang separuh kedua tahun itu. Apabila langkah-langkah pembendungan dilonggarkan secara berperingkat sejak suku kedua, kegiatan ekonomi dimulakan kembali sebahagiannya dan keadaan pasaran pekerja pula bertambah baik. Industri yang berdaya tahan terhadap COVID-19¹³ mencatatkan pemulihan lebih cepat hasil dorongan daripada lonjakan dalam pendigitalan global dan

perubahan dalam pilihan pengguna. Seajar dengan perkembangan ini, industri berorientasikan eksport juga mendapat manfaat daripada permintaan luaran yang semakin baik, terutamanya untuk produk E&E. Sebaliknya, sektor yang mudah terjejas akibat COVID-19, seperti industri berkaitan pelancongan, mengalami pemulihan yang lebih perlahan disebabkan oleh penghindaran risiko yang berterusan dan sekatan perjalanan antarabangsa. Kesannya, pemulihan pertumbuhan adalah beransur-ansur dan tidak sekata.

Menjelang akhir tahun 2020, pemulihan pertumbuhan Malaysia masih lagi amat bergantung pada perkembangan pandemik ini. Pada suku keempat, langkah-langkah pembendungan yang diperketat untuk mengekang kenaikan semula kes telah menjejaskan kadar pemulihan ekonomi. Keadaan pekerjaan dan pendapatan turut sama terjejas. Walaupun begitu, melalui pendekatan yang lebih bersasar iaitu dengan mengenakan langkah-langkah pembendungan mengikut negeri tertentu dan juga sekatan perniagaan yang kurang ketat, kesan buruk terhadap kegiatan ekonomi dapat dikurangkan daripada tahap sebelum ini. Hal ini mencerminkan usaha-usaha yang diambil untuk mengimbangkan antara keperluan pengurusan kesihatan awam dan keperluan mencari nafkah dalam tempoh pandemik ini.

¹³ Merujuk terutamanya kepada sektor-sektor seperti makanan dan minuman, komunikasi, dan utiliti memandangkan orang ramai lebih kerap duduk dan bekerja dari rumah.

Jadual 1.2

Malaysia - Penunjuk Ekonomi Utama

	2018	2019	2020 ^a	2021 ^r
Populasi (juta orang)	32.4	32.5	32.7	32.8
Guna tenaga (juta orang)	14.8	15.1	15.1	15.4
Pengangguran (% daripada tenaga kerja)	3.3	3.3	4.5	4.6
Pendapatan Per Kapita (RM)	43,307	45,212	42,531	46,524
(USD)	10,732	10,914	10,118	11,512 ³
KELUARAN NEGARA (% perubahan)				
KDNK benar pada harga tahun 2015 (RM bilion)	4.8	4.3	-5.6	6.0 ~ 7.5
1,362.8	1,421.5	1,342.0	1,436.4	
Pertanian, perhutanan dan perikanan	0.1	2.0	-2.2	4.2
Perlombongan dan pengkuarian	-2.2	-2.0	-10.0	3.1
Perkilangan	5.0	3.8	-2.6	8.8
Pembinaan	4.2	0.1	-19.4	13.4
Perkhidmatan	6.8	6.1	-5.5	6.6
PNK nominal	5.2	4.9	-5.5	9.8
(RM bilion)	1,402.4	1,470.4	1,388.9	1,525.6
PNK benar	4.1	4.8	-4.9	6.3
(RM bilion)	1,334.6	1,398.9	1,330.5	1,414.0
Agregat permintaan dalam negeri benar ¹	5.5	4.3	-5.7	7.4
Perbelanjaan swasta	7.1	6.2	-6.0	7.4
Penggunaan	8.0	7.6	-4.3	8.0
Pelaburan	4.3	1.6	-11.9	5.4
Perbelanjaan awam	0.0	-2.8	-4.6	7.4
Penggunaan	3.2	2.0	4.1	4.4
Pelaburan	-5.0	-10.8	-21.4	15.2
Tabungan negara kasar (% daripada PNK)	27.0	25.1	24.5	23.2
IMBANGAN PEMBAYARAN (RM bilion)				
Imbangan barangan	114.6	123.3	139.1	161.7
Eksport	830.1	815.5	778.2	872.1
Import	715.5	692.1	639.1	710.5
Imbangan perkhidmatan	-17.5	-10.9	-48.0	-57.7
Pendapatan primer, bersih	-45.1	-40.3	-26.2	-41.6
Pendapatan sekunder, bersih	-19.7	-21.3	-2.8	-18.1
Imbangan akaun semasa	32.3	50.9	62.1	44.3
(% daripada KDNK)	2.2	3.4	4.4	2.5 ~ 3.5
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih ²	419.5	424.0	432.3	-
(dalam bulan import tertangguh)	7.4	7.5	8.5	-
HARGA (% perubahan)				
Indeks Harga Pengguna (2010=100)	1.0	0.7	-1.2	2.5 ~ 4.0
Indeks Harga Pengeluar (2010=100)	-1.1	-1.4	-2.7	-

¹ Tidak termasuk stok

² Semua aset dan liabiliti dalam mata wang asing telah dinilai semula kepada ringgit mengikut kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira dan penambahan/pengurangan nilai juga ditunjukkan dengan sewajarnya dalam akaun Bank Negara Malaysia yang telah diaudit

³ Berdasarkan kadar pertukaran purata dolar AS bagi tempoh Januari-Februari 2021

^a Anggaran

^r Ramalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 1.3

Malaysia - Penunjuk Kewangan dan Monetari

KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN (RM bilion)	2018	2019	2020 ^a			
Hasil	232.9	264.4	225.1			
Perbelanjaan mengurus	231.0	263.3	224.6			
Perbelanjaan pembangunan bersih	55.3	52.6	50.1			
Kumpulan Wang COVID-19	-	-	38.0			
Imbangan keseluruhan	-53.4	-51.5	-87.6			
Imbangan keseluruhan (% daripada KDNK)	-3.7	-3.4	-6.2			
Perbelanjaan pembangunan bersih sektor awam	144.5	132.4	126.3			
Imbangan keseluruhan sektor awam (% daripada KDNK)	-2.9	-3.6	-7.2			
HUTANG LUAR NEGERI						
Jumlah hutang (RM bilion)	923.0	945.4	958.5			
Hutang jangka sederhana dan panjang	518.0	554.2	591.0			
Hutang jangka pendek	405.0	391.2	367.5			
Nisbah khidmat bayaran hutang ¹ (% daripada eksport barangan & perkhidmatan)						
Jumlah hutang	11.8	12.8	13.8			
Hutang jangka sederhana dan panjang	11.3	12.2	13.4			
	Perubahan 2018		Perubahan 2019		Perubahan 2020	
WANG DAN PERBANKAN	RM bilion	%	RM bilion	%	RM bilion	%
Bekalan wang M1	4.9	1.2	24.8	5.8	71.1	15.7
M3	158.1	9.1	67.0	3.5	79.4	4.0
Deposit sistem perbankan	163.2	9.2	55.5	2.9	89.1	4.5
Pinjaman sistem perbankan ²	121.4	7.7	65.8	3.9	59.6	3.4
Nisbah pinjaman kepada dana (% pada akhir tahun) ^{3,4}	83.1		83.2		82.5	
Nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti (% pada akhir tahun) ^{3,4,5}	72.6		72.8		72.0	
KADAR FAEDAH (% PADA AKHIR TAHUN)						
	2018	2019	2020			
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.25	3.00	1.75			
Kadar antara bank (1 bulan)	3.45	3.08	1.82			
Bank perdagangan						
Deposit tetap 3 bulan	3.15	2.90	1.58			
12 bulan	3.33	3.09	1.75			
Deposit tabungan	1.07	0.97	0.48			
Kadar asas (BR) purata berwajaran	3.91	3.68	2.43			
Kadar pinjaman asas (BLR)	6.91	6.71	5.49			
Bil Perbendaharaan Malaysia (3 bulan) ⁶	3.29	2.98	1.72			
Sekuriti Kerajaan Malaysia (1 tahun) ⁶	3.45	2.96	1.73			
Sekuriti Kerajaan Malaysia (5 tahun) ⁶	3.78	3.18	2.12			
KADAR PERTUKARAN (PADA AKHIR TAHUN)						
	2018	2019	2020			
Pergerakan Ringgit (%)						
Perubahan berbanding dengan SDR	-0.2	1.9	-1.8			
Perubahan berbanding dengan USD	-1.8	1.1	2.0			

¹ Tidak termasuk prabayaran hutang jangka sederhana dan panjang² Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas³ Pinjaman tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan pinjaman yang diberikan kepada institusi perbankan. Mulai Julai 2015, pinjaman tidak termasuk pembiayaan oleh akaun Pelaburan Islam⁴ Dana terdiri daripada deposit (tidak termasuk deposit yang diterima daripada institusi perbankan dan Bank Negara Malaysia) dan semua instrumen hutang (termasuk hutang subordinat, sijil hutang/sukuk yang diterbitkan, kertas komersial dan nota berstruktur)⁵ Ekuiti terdiri daripada saham biasa dan saham keutamaan, premium saham dan perolehan tertahan⁶ Merujuk data daripada Fully Automated System for Issuing/Tendering (FAST), Bank Negara Malaysia

a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Permintaan dalam negeri dan luaran menguncup pada tahun 2020

Pada tahun 2020, permintaan dalam negeri dipengaruhi oleh ketidakpastian akibat pandemik COVID-19 dan tindak balas pihak berkuasa untuk membendung pandemik ini. Langkah-langkah pembendungan dalam negeri yang dilaksanakan mulai bulan Mac telah menjejaskan perbelanjaan swasta dengan ketara. Perbelanjaan isi rumah khususnya telah terjejas oleh keadaan pasaran pekerja dan sentimen pengguna yang lebih lemah, sementara aktiviti pelaburan telah dipengaruhi oleh keyakinan perniagaan yang menurun dalam persekitaran luaran yang lemah. Walau bagaimanapun, perbelanjaan sektor awam untuk langkah-langkah berkaitan COVID-19 di bawah pakej-pakej rangsangan ekonomi telah memberikan sokongan positif kepada pertumbuhan. Dalam sektor luaran, eksport bersih mencatatkan penguncupan berikutan penurunan eksport pada kadar yang lebih pantas berbanding dengan import. Penguncupan eksport adalah selaras dengan pertumbuhan global yang lebih rendah serta aktiviti perdagangan dan pelancongan yang lebih perlahan, sementara import secara amnya telah terjejas oleh keadaan permintaan dalam negeri yang lebih lemah.

Jadual 1

KDNK Benar Mengikut Perbelanjaan (2015=100)

	2020a	2019	2020a	2019	2020a
	% daripada KDNK	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)	
Permintaan Dalam Negeri¹	93.9	4.3	-5.7	4.1	-5.4
Perbelanjaan sektor swasta	75.2	6.2	-6.0	4.6	-4.5
Penggunaan	59.5	7.6	-4.3	4.3	-2.5
Pelaburan	15.7	1.6	-11.9	0.3	-2.0
Perbelanjaan sektor awam	18.7	-2.8	-4.6	-0.5	-0.8
Penggunaan	13.4	2.0	4.1	0.3	0.5
Pelaburan	5.2	-10.8	-21.4	-0.8	-1.3
Pembentukan Modal Tetap Kasar	20.9	-2.1	-14.5	-0.5	-3.4
Perubahan dalam stok	-0.4			-0.4	0.7
Eksport Bersih Barangan dan Perkhidmatan	6.5	9.7	-12.3	0.6	-0.9
Eksport	61.6	-1.3	-8.8	-0.9	-5.6
Import	55.1	-2.5	-8.3	-1.5	-4.7
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar	100.0	4.3	-5.6	4.3	-5.6

¹ Tidak termasuk stok
a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Buat kali pertamanya sejak Krisis Kewangan Asia, penggunaan swasta mencatatkan penguncupan sebanyak 4.3% pada tahun 2020. Perbelanjaan isi rumah telah terjejas oleh penurunan pendorong utama perbelanjaan iaitu pendapatan dan guna tenaga. Perbelanjaan secara fizikal terhad disebabkan oleh sekatan pergerakan yang ketat untuk membendung penyebaran COVID-19 terutamanya pada separuh pertama tahun tersebut. Sepanjang tempoh ini dan apabila sekatan pergerakan dilonggarkan secara beransur-ansur pada separuh kedua tahun 2020, perbelanjaan keperluan asas terus teguh, manakala perbelanjaan berkaitan komunikasi telah dirangsang oleh peningkatan pengaturan bekerja dari rumah (*work from home*). Sementara itu, perbelanjaan untuk barangan budi bicara (*discretionary spending*), seperti perkhidmatan berkaitan libur dan perjalanan, kekal lemah dalam keadaan sentimen pengguna yang lembap dan penghindaran risiko yang lebih ketara, serta penutupan sempadan yang masih dikuatkuasakan. Namun, pelaksanaan sokongan dasar yang belum pernah dilakukan sebelum ini dan tepat pada waktunya telah mengurangkan kesan kejutan terhadap perbelanjaan isi rumah terutamanya melalui pindahan tunai Bantuan Prihatin Nasional, penangguhan dan pengurangan bayaran balik pinjaman, pengeluaran wang tunai Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (*i-Lestari*), dan program subsidi upah. Tambahan lagi, peningkatan perbelanjaan secara dalam talian telah mengurangkan sebahagian daripada kejutan terhadap penggunaan sepanjang tahun itu.

Pembentukan modal tetap kasar (*gross fixed capital formation*, GFCF) merosot sebanyak 14.5% pada tahun 2020, mencerminkan perbelanjaan modal yang lebih lemah oleh sektor swasta dan awam. Dari segi jenis aset, penguncupan perbelanjaan modal yang besar dalam struktur (2020: -18.3%; 2019: -0.6%) serta jentera dan kelengkapan (*machinery and equipment*, M&E) (2020: -8.6%; 2019: -5.5%) telah mengurangkan pertumbuhan pelaburan secara keseluruhan. Pelaburan struktur dan M&E secara amnya lemah disebabkan oleh pelaksanaan langkah-langkah pembendungan dan ketidakpastian yang berkaitan dengan pandemik, yang telah menjejaskan permulaan dan kemajuan projek pelaburan dalam semua sektor.

Pelaburan swasta merosot sebanyak 11.9% kerana syarikat-syarikat merekodkan keuntungan yang lebih rendah dan ketidakpastian yang ketara. Sekatan pergerakan terutamanya pada separuh tahun pertama dan penutupan sempadan telah menyebabkan penangguhan pelaksanaan projek pelaburan serta pelaksanaan dan pemasangan M&E. Walau bagaimanapun, hasrat untuk melabur terutamanya dalam sektor perkilangan kekal menggalakkan pada tahun tersebut, memandangkan permintaan yang kukuh terutamanya dalam industri berorientasikan eksport, dengan kelulusan pelaburan terutamanya dalam industri bernilai tambah tinggi seperti E&E dan produk petroleum¹⁴. Hal ini ditambah pula dengan permintaan yang lebih tinggi untuk industri yang berkaitan dengan norma baharu seperti sektor berkaitan telekomunikasi, getah dan perubatan telah mendorong pengembangan kapasiti, sekali gus memberikan sokongan kepada pertumbuhan.

Pelaburan awam merosot sebanyak 21.4% berikutan perbelanjaan modal oleh Kerajaan Am dan perbadanan awam yang kekal lembab sepanjang tahun. Hal ini disebabkan oleh kemajuan projek yang lebih perlahan dan keadaan permintaan yang lembab dalam kebanyakan sektor termasuk minyak dan gas serta utiliti. Namun begitu, pelaksanaan yang berterusan dalam projek infrastruktur besar seperti Laluan Rel Pantai Timur (*East Coast Rail Link*, ECRL), Transit Aliran Massa Laluan Putrajaya (*Mass Rapid Transit*, MRT2) dan Lebuhraya Pan Borneo (*Pan Borneo Highway*) memberikan sokongan kepada pertumbuhan pelaburan awam pada separuh kedua tahun 2020 apabila kegiatan ekonomi dibuka semula secara beransur-ansur.

Pertumbuhan penggunaan awam meningkat kepada 4.1%, didorong oleh perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang lebih tinggi untuk bekalan dan perkhidmatan serta emolumen. Perbelanjaan untuk langkah-langkah berkaitan dengan COVID-19 di bawah pakej-pakej rangsangan ekonomi seperti pemerolehan peralatan dan perkhidmatan perubatan, dan elaun khas untuk petugas barisan hadapan, memberikan sokongan selanjutnya kepada pertumbuhan.

¹⁴ Pelaburan perkilangan yang diluluskan berjumlah RM91.3 bilion pada tahun 2020 (2019: RM82.7 bilion). (Sumber: Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, MIDA).

Semua sektor ekonomi menguncup

Pada tahun 2020, semua sektor ekonomi mencatatkan penguncupan dalam pertumbuhan. Meskipun langkah-langkah pembendungan telah membantu usaha Malaysia untuk mengekang penularan wabak, prosedur operasi yang lebih ketat (misalnya waktu operasi, had kapasiti di premis, sekatan aktiviti), sekatan pergerakan dan gangguan rantaian bekalan telah menjejaskan aktiviti ekonomi terutamanya pada suku kedua tahun apabila langkah-langkah pembendungan yang dikuatkuasakan adalah yang paling ketat. Industri yang menghadapi kesulitan untuk menyesuaikan diri dengan pengaturan kerja jarak jauh lebih terjejas, sementara wabak yang tercetis di tempat tinggal pekerja asing yang sesak dan sempit telah menyebabkan kekurangan pekerja dalam beberapa industri tertentu. Selain itu, kebanyakan industri juga menghadapi keadaan permintaan yang lebih lemah – dari dalam dan luar negara, yang seterusnya menjejaskan lagi aktiviti pengeluaran dan perniagaan.

Bagi sektor perkhidmatan, pertumbuhan menguncup sebanyak 5.5% (2019: 6.1%) apabila kesan pandemik dan langkah-langkah pembendungan mempengaruhi industri berorientasikan pengguna domestik secara tidak seimbang. Sekatan operasi dan pergerakan, di samping sentimen pengguna yang lemah telah menyebabkan perbelanjaan dan aktiviti perniagaan lebih rendah dalam perdagangan borong dan runcit, serta subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan. Walau bagaimanapun, pengecualian Cukai Jualan dan Perkhidmatan (*Sales and Services Tax*, SST) ke atas kereta penumpang mendorong pemulihan yang kukuh dalam penjualan

kenderaan bermotor pada separuh kedua tahun 2020 dan mengurangkan sebahagian daripada penguncupan ini. Tambahan lagi, penutupan sempadan antarabangsa dan sekatan pergerakan nyata telah mengganggu aktiviti pelancongan di Malaysia. Hal ini seterusnya menjejaskan perkhidmatan penting seperti subsektor makanan dan minuman serta penginapan, dan juga perjalanan udara. Sementara itu, subsektor kewangan dan insurans mencatatkan pertumbuhan positif pada tahun itu dengan pendapatan faedah bersih kekal mampan berikutan peningkatan pinjaman dan deposit pada separuh kedua tahun 2020, meskipun kos kredit lebih tinggi dan terdapat kerugian yang ditanggung berikutan pengubahsuaian pinjaman. Subsektor maklumat dan komunikasi juga terus berkembang, disokong oleh peningkatan permintaan untuk data jalur lebar hasil daripada aktiviti e-dagang dan e-pembayaran yang berkembang berikutan peningkatan pendigitalan dan pengaturan kerja jarak jauh.

Jadual 1

KDNK Benar Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi (2015 = 100)

	2020 ^a	2019	2020 ^a	2019	2020 ^a
	% daripada KDNK	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan) ¹	
Perkhidmatan	57.7	6.1	-5.5	3.5	-3.2
Perkilangan	23.0	3.8	-2.6	0.8	-0.6
Perlombongan dan pengkuarian	6.8	-2.0	-10.0	-0.2	-0.7
Pertanian	7.4	2.0	-2.2	0.1	-0.2
Pembinaan	4.0	0.1	-19.4	0.0	-0.9
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar	100.0¹	4.3	-5.6	4.3	-5.6

¹ Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import
^a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan sektor perkilangan juga menguncup sebanyak 2.6% (2019: 3.8%) kerana sekatan operasi, gangguan rantaian bekalan dan keadaan permintaan lembab yang telah menjejaskan aktiviti pengeluaran. Walau bagaimanapun, kluster berkaitan E&E, primer dan pengguna menyaksikan pemulihan yang cepat dalam aktiviti pengeluaran sebaik sahaja sekatan operasi ditamatkan menjelang akhir suku kedua, dengan pertumbuhan kembali positif pada suku ketiga tahun 2020. Khususnya, industri E&E di Malaysia mendapat manfaat daripada permintaan lebih tinggi yang dikaitkan dengan kerja jarak jauh, e-dagang, perkhidmatan berasaskan awan (*cloud-based services*) dan produk penjagaan kesihatan. Hal ini telah menyebabkan lonjakan permintaan global untuk peralatan semikonduktor dalam segmen telekomunikasi, peranti perubatan, dan pengkomputeran awan, yang kesemuanya merupakan segmen yang Malaysia telah bertapak kukuh. Sementara itu, pengeluaran dalam kluster primer dan berkaitan pengguna telah disokong oleh peningkatan permintaan yang didorong pandemik (misalnya sarung tangan getah, farmaseutikal) dan sokongan fiskal (misalnya pengecualian SST untuk pembelian kereta penumpang).

Sektor pertanian menguncup sebanyak 2.2% (2019: 2.0%) terutamanya disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit yang lebih rendah. Faktor penyumbang utamanya ialah kesan daripada keadaan cuaca kering yang teruk yang berlarutan pada awal tahun itu dan juga pengurangan penggunaan baja. Masalah kekurangan tenaga kerja yang terus dihadapi disebabkan oleh pembekuan pengambilan pekerja asing serta penutupan sempadan antarabangsa turut menjejaskan lagi aktiviti penuaian kelapa sawit. Di samping itu, pertumbuhan dalam subsektor getah asli, perhutanan dan perikanan juga menurun disebabkan terutamanya oleh kekangan operasi akibat langkah-langkah pembendungan. Para nelayan dan penoreh getah tidak dapat menjual hasil mereka kerana pasar basah dan aktiviti berkaitan getah telah terjejas dalam tempoh PKP, sementara kegiatan pembalakan terus dibenarkan dengan syarat penggunaan jumlah tenaga kerja yang minimum dipatuhi.

Pertumbuhan sektor perlombongan terus merosot sebanyak 10.0% (2019: -2.0%) kerana pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang terjejas oleh penutupan fasiliti pengeluaran untuk tujuan penyelenggaraan serta permintaan luaran yang lemah untuk komoditi. Aktiviti pengeluaran dalam segmen perlombongan lain juga terganggu disebabkan oleh sekatan yang lebih ketat berikutan langkah-langkah pembendungan.

Sektor pembinaan menguncup sebanyak 19.4% pada tahun 2020 (2019: 0.1%), mencerminkan pengurangan kapasiti kerja disebabkan oleh pematuhan langkah-langkah pembendungan, kekurangan tenaga kerja berikutan penutupan sempadan antarabangsa, gangguan rantaian bekalan dan penutupan tapak kerja susulan penularan wabak COVID-19 dalam kalangan pekerja pembinaan. Pertumbuhan pada suku kedua tahun itu terjejas terutamanya disebabkan oleh penangguhan hampir semua kerja pembinaan pada bulan Mac dan April. Meskipun terdapat sedikit kelonggaran dalam kekangan operasi pada bulan Mei, kebanyakan tapak projek terus tidak beroperasi kerana pemaju menghadapi cabaran untuk meneruskan semula kerja, termasuk masalah kewangan, penyesuaian untuk mematuhi garis panduan operasi, dan gangguan rantaian bekalan. Walau bagaimanapun, aktiviti sektor ini bertambah baik pada separuh kedua tahun 2020 berikutan garis panduan operasi yang lebih jelas dan tahap pematuhan yang lebih baik, serta ujian COVID-19 yang lebih meluas terhadap pekerja dan pelanjutan masa bekerja untuk aktiviti pembinaan. Di samping itu, pelancaran pakej rangsangan telah membantu banyak projek berskala kecil dan mendorong pertumbuhan subsektor pertukangan khas pada separuh kedua tahun 2020. Aktiviti dalam subsektor kediaman dan bukan kediaman mendapat manfaat daripada projek perumahan baharu dan peningkatan dalam kemajuan projek yang dijangka siap pada separuh kedua tahun 2020, manakala subsektor kejuruteraan awam disokong oleh kemajuan berterusan dalam projek-projek infrastruktur yang besar.

Gangguan Pasaran Pekerja Malaysia pada Tahun 2020

Keadaan pasaran pekerja terjejas teruk pada tahun 2020 berikutan sekatan yang dikenakan sepanjang tahun bagi membendung penyebaran pandemik. Pertumbuhan guna tenaga menguncup sebanyak 0.2% (2019: 2.1%), bersamaan dengan jumlah kehilangan guna tenaga bersih sebanyak 30,000 orang. Kadar pengangguran pula meningkat kepada 4.5% daripada tenaga kerja, jumlah tertinggi dalam tempoh 30 tahun (2019: 3.3%). Pandemik COVID-19 turut memberikan impak yang khusus kepada guna tenaga tidak penuh berkaitan masa yang meningkat kepada 367 ribu orang, atau 2.3% daripada tenaga kerja (2019: 191 ribu orang atau 1.2%)¹⁵, terutamanya disebabkan oleh pelaksanaan sekatan pergerakan dan pekerjaan semasa PKP pada suku kedua. Keadaan ini pulih sedikit pada akhir tahun apabila sebahagian daripada pekerja ini diserap semula sebagai guna tenaga penuh apabila sekatan ditamatkan, manakala beberapa segmen tenaga kerja yang lain masih belum mengalami pemulihan. Akibatnya, kadar penyertaan tenaga kerja menurun sedikit pada tahun 2020 kepada 68.5% daripada penduduk dalam umur bekerja (2019: 68.7%).

Jadual 1

Penunjuk Pasaran Pekerja Terpilih

	2016	2017	2018	2019	2020 ^a
Guna tenaga ('000 orang)	14,180	14,459	14,810	15,126	15,096
Perubahan tahunan (%)	1.3	2.0	2.4	2.1	-0.2
Kadar pengangguran (% daripada tenaga kerja)	3.4	3.4	3.3	3.3	4.5
Kadar penyertaan tenaga buruh (% daripada penduduk umur bekerja)	67.7	68	68.3	68.7	68.5
Pemberhentian pekerja (orang)	37,699	35,097	23,168	29,605	104,432
Pekerja bukan warganegara Malaysia ('000 orang)	2,205	2,244	2,183	2,237	2,310

^a Awal

Nota: Angka pertumbuhan guna tenaga tahunan diperoleh daripada penerbitan Statistik Produktiviti Buruh

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Sumber Manusia

Penguncupan pertumbuhan guna tenaga disebabkan oleh kehilangan guna tenaga bersih dalam pekerjaan berkemahiran sederhana dan rendah, masing-masing menguncup sebanyak 1.3% dan 5.3%. Penguncupan ini diimbangi sebahagiannya oleh pertumbuhan pekerjaan berkemahiran tinggi sebanyak 4.6%. Meskipun demikian, pekerja berkemahiran sederhana terus menjadi bahagian terbesar jumlah pekerja iaitu sebanyak

¹⁵ Kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa dianggar berdasarkan purata suku tahunan angka masing-masing pada tahun 2019 dan 2020 daripada Survei Tenaga Buruh Jabatan Perangkaan Malaysia. Angka ini tidak termasuk pekerja yang tidak dapat bekerja langsung disebabkan oleh sekatan pekerjaan pada suku kedua.


58.8% (2019: 59.5%), diikuti oleh pekerja berkemahiran tinggi sebanyak 28.9% (2019: 27.6%). Daripada perspektif sektoral, penguncupan pertumbuhan guna tenaga disebabkan terutamanya oleh sektor yang terjejas teruk oleh pandemik COVID-19, iaitu sektor pembinaan dan perkhidmatan berkaitan pelancongan. Khususnya, guna tenaga sektor pembinaan merosot sebanyak 4.4% berikutan penangguhan pelaksanaan beberapa projek, sementara guna tenaga subsektor makanan dan minuman serta penginapan mencatatkan penguncupan sebanyak 0.4%. Sementara itu, pemberhentian pekerja meningkat kepada 104,432 orang setahun (2019: 29,605 orang).

Berikutan perkembangan ini, upah agregat nominal sektor swasta¹⁶ menurun sebanyak 2.4% pada tahun 2020 (2019: 4.4%). Sektor perkhidmatan mencatatkan penguncupan pertumbuhan upah sebanyak 3.1% (2019: 4.1%), didorong oleh penurunan upah dalam sektor berkaitan pelancongan seperti pengangkutan dan penyimpanan, penginapan serta makanan dan minuman. Upah sektor pembuatan turut menurun walaupun pada kadar yang lebih rendah sebanyak 1.1% disebabkan oleh kedua-duanya sektor berorientasikan domestik dan sektor berorientasikan eksport. Sementara itu, upah sektor awam meningkat sederhana sebanyak 2.0% (2019: 3.7%). Secara keseluruhan, pertumbuhan upah setiap pekerja mendatar pada tahun 2020 (-0.01%; 2019: 3.0%).

Pertumbuhan produktiviti pekerja seperti yang diukur oleh nilai ditambah benar bagi setiap jam bekerja meningkat kepada 3.4% pada tahun 2020 (2019: 2.2%), dengan penambahbaikan dalam semua sektor kecuali pembinaan. Peningkatan produktiviti ini disebabkan terutamanya oleh pengurangan jumlah jam bekerja yang lebih besar berbanding dengan output berikutan pelaksanaan sekatan pergerakan. Produktiviti sektor perkhidmatan meningkat sebanyak 3.2% (2019: 2.7%), didorong oleh peningkatan dalam subsektor maklumat dan komunikasi serta kewangan dan insurans. Pertumbuhan produktiviti sektor pembuatan turut berkembang sebanyak 7.0% (2019: 2.5%) disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam subsektor E&E.

Krisis kesihatan COVID-19 terus memberikan cabaran kepada ekonomi dan pasaran pekerja, dan telah memberikan kesan yang lebih teruk kepada segmen tenaga kerja yang mudah terjejas. Sekatan terhadap pergerakan dan kegiatan ekonomi secara khusus telah memberikan cabaran tertentu dalam guna tenaga bukan standard, belia dan wanita (Sila rujuk rencana “Penyusunan Semula yang Menyeluruh: Isu Struktur Pasaran Pekerja dalam Dunia Pasca-COVID-19”).

Rajah 1: Pertumbuhan Guna Tenaga Mengikut Sektor, 2016 - 2020



¹⁶ Upah sektor swasta diperoleh daripada data gaji dan upah yang diterbitkan dalam Perangkaan Pembuatan Bulanan dan Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang meliputi 66% daripada jumlah pekerjaan.

Sektor luaran Malaysia kekal berdaya tahan

Kedudukan luaran Malaysia kekal berdaya tahan walaupun dengan landskap ekonomi global dan domestik yang mencabar pada tahun 2020. Akaun semasa imbalan pembayaran mencatatkan lebih sebanyak RM62.1 bilion atau 4.4% daripada KDNK (2019: RM50.9 bilion atau 3.4% daripada KDNK), disokong oleh lebih barangan yang lebih tinggi serta defisit yang lebih rendah dalam akaun pendapatan primer dan sekunder. Dari perspektif tabungan-pelaburan, lebih yang lebih tinggi mencerminkan penurunan pelaburan yang lebih mendadak.

Dalam akaun barangan, import menguncup dengan ketara berbanding eksport dan menghasilkan lebih barangan yang lebih tinggi sebanyak RM139.1 bilion (2019: RM123.3 bilion). Peningkatan ini telah mengimbangi lebih komoditi yang lebih rendah berikutan penurunan mendadak harga eksport komoditi utama. Eksport barangan Malaysia telah menurun pada separuh pertama tahun 2020, mencerminkan penguncupan yang mendadak dalam permintaan global dan jumlah perdagangan. Akaun perkhidmatan mencatatkan defisit yang lebih besar sebanyak RM48.0 bilion pada tahun 2020 (2019: -RM10.9 bilion), defisit terbesar yang pernah dicatatkan sejak mula direkodkan pada tahun 1961. Defisit ini terutamanya mencerminkan penurunan mendadak dalam eksport perkhidmatan perjalanan dan pengangkutan udara kesan daripada pelaksanaan sekatan perjalanan pada peringkat antarabangsa. Akaun perjalanan Malaysia pula mencatatkan defisit sebanyak RM7.8 bilion, didorong oleh penurunan mendadak penerimaan pelancongan kepada RM12.7 bilion (2019: RM86.1 bilion) apabila ketibaan pelancong turun dengan ketara. Defisit ini merupakan defisit akaun perjalanan yang pertama dicatatkan sejak tahun 1999.

Dalam akaun pendapatan, defisit pendapatan primer mengecil kepada RM26.2 bilion (2019: -RM40.3 bilion), disebabkan terutamanya oleh pendapatan pelaburan langsung yang lebih rendah terakru kepada syarikat asing di Malaysia (2020: RM43.2 bilion; 2019: RM58.7 bilion), terutamanya sektor perlombongan dan perkhidmatan

Jadual 1

Imbalan Pembayaran¹

Butiran (Bersih)	2018	2019	2020 ^a
	RM bilion		
Akaun semasa	32.3	50.9	62.1
Barangan ²	114.6	123.3	139.1
Perkhidmatan	-17.5	-10.9	-48.0
Pendapatan primer	-45.1	-40.3	-26.2
Pendapatan sekunder	-19.7	-21.3	-2.8
Akaun modal	-0.1	0.3	-0.4
Akaun kewangan	11.4	-33.8	-79.1
Pelaburan langsung	10.1	5.6	-0.2
Pelaburan portfolio	-49.4	-29.0	-49.1
Derivatif kewangan	1.0	-0.5	1.6
Pelaburan lain	49.7	-9.9	-31.4
Kesilapan dan ketinggalan bersih³	-35.9	-9.0	-2.0
Imbalan keseluruhan	7.8	8.4	-19.4

¹ Mengikut Edisi Keenam Manual Imbalan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)


² Diselaraskan untuk penilaian dan liputan barangan bagi pemrosesan, penyimpanan dan pengagihan

³ Pada S1 2018, kesilapan dan ketinggalan bersih tidak termasuk perubahan daripada penilaian semula rizab. Amalan ini terpakai sejak S1 2010

^a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 1: Imbalan Akaun Semasa



Barangan Perkhidmatan Pendapatan primer

Pendapatan sekunder ◆ Imbalan akaun semasa

◆ Imbalan akaun semasa, % daripada KDNK (skala kanan)


^a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

berikutan persekitaran global yang mencabar. Pendapatan daripada pelaburan langsung luar negara turut menjadi sederhana, terutamanya sektor komoditi. Defisit akaun pendapatan sekunder menguncup dengan ketara kepada RM2.8 bilion (2019: -RM21.3 bilion). Penguncupan ini disebabkan oleh pindahan yang diterima sebagai sebahagian daripada penyelesaian yang berkaitan dengan anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan) pada suku ketiga tahun 2020, dan penurunan pengiriman wang keluar oleh pekerja asing berikutan kelemahan kegiatan ekonomi sepanjang tahun.

Pada tahun 2020, akaun kewangan mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM79.1 bilion (2019: -RM33.8 bilion). Hal ini disebabkan terutamanya oleh aliran keluar yang lebih tinggi dalam akaun portfolio dan akaun pelaburan yang lain.

Rajah 2: Pelaburan Langsung Asing dan Pelaburan Langsung Luar Negeri¹ Bersih Mengikut Sektor



¹ Pelaburan langsung asing dan pelaburan langsung luar negeri seperti ditakrifkan mengikut Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa, (BPM5) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)

² Angka negatif merujuk aliran masuk bersih

^a Awalan


Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Akaun pelaburan langsung mencatatkan aliran keluar bersih yang kecil iaitu sebanyak RM0.2 bilion (2019: +RM5.6 bilion) apabila aliran masuk FDI bersih menjadi sederhana kepada RM13.9 bilion, bersamaan dengan +1.0% KDNK (2019: +RM31.7 bilion; +2.1% KDNK) disebabkan oleh penguncupan aktiviti ekonomi global, langkah sekatan domestik untuk membendung pandemik dan harga komoditi yang rendah. Pada suku ketiga tahun 2020, FDI mencatatkan aliran keluar bersih yang pertama sejak suku keempat tahun 2009, didorong terutamanya oleh aliran keluar yang ketara daripada instrumen hutang. Namun begitu, keadaan ini adalah sementara apabila FDI mencatatkan aliran masuk bersih pada suku tahun yang berikutnya, disokong oleh suntikan ekuiti yang lebih tinggi dan aliran masuk daripada instrumen hutang. Singapura (30.1% daripada FDI bersih bagi tahun 2020), Thailand (24.7%) dan RR China (16.9%) merupakan penyumbang tertinggi FDI pada tahun 2020. Berdasarkan kegiatan ekonomi, aliran masuk FDI bersih yang sederhana adalah menyeluruh, didorong terutamanya oleh industri harta tanah dan perkhidmatan profesional serta sektor perkilangan dan perlombongan. Walaupun FDI secara keseluruhannya sederhana, masih terdapat beberapa peningkatan bagi industri terpilih, terutamanya dalam perkhidmatan kewangan serta maklumat dan komunikasi.

Aliran keluar DIA adalah lebih rendah sebanyak RM14.1 bilion; -1.0% daripada KDNK (2019: -RM26.1 bilion; -1.7% daripada KDNK). Pelaburan luar negara ini disalurkan terutamanya kepada subsektor perkhidmatan kewangan serta perkhidmatan maklumat dan komunikasi serta sektor perkilangan dan perlombongan. Kanada (30.7% daripada DIA bersih bagi tahun 2020), United Kingdom (29.4%) dan Indonesia (24.3%) merupakan penerima utama DIA pada tahun 2020.

Rajah 3: Pelaburan Portfolio



Akaun pelaburan portfolio mencatatkan aliran keluar bersih yang lebih tinggi sebanyak RM49.1 bilion (2019: -RM29 bilion) disebabkan terutamanya oleh pelaburan pemastautin yang lebih tinggi di luar negara (-RM57.6 bilion; 2019: -RM41.7 bilion). Pelaburan ini didorong oleh pelabur institusi domestik dalam sekuriti ekuiti dan sekuriti hutang, sejajar dengan usaha mereka yang berterusan untuk mempelbagaikan dedahan risiko dan meningkatkan pulangan portfolio. Sementara itu, pelaburan portfolio bukan pemastautin mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih kecil sebanyak RM8.5 bilion (2019: +RM12.6 bilion) apabila pelabur bukan pemastautin melupuskan sekuriti ekuiti domestik berikutan ketidakpastian global yang ketara semasa krisis COVID-19. Trend ini turut diperhatikan dalam pasaran ekuiti serantau yang lain. Penurunan ini sebahagiannya diimbangi oleh aliran masuk portfolio bukan pemastautin yang lebih tinggi dalam pasaran hutang domestik, didorong oleh pelonggaran keadaan kewangan global dan peningkatan sentimen pelabur berikutan sokongan dasar yang belum pernah dilaksanakan sebelum ini bagi menangani kesan buruk ekonomi akibat pandemik.

Akaun pelaburan lain mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM31.4 bilion (2019:-RM9.9 bilion), disebabkan oleh pembayaran balik bersih pinjaman antara bank dan pengeluaran penempatan deposit daripada sektor perbankan. Aliran ini mencerminkan keperluan mudah tunai luaran bank tempatan yang lebih rendah berikutan penguncupan mendadak kegiatan ekonomi global dan domestik serta transaksi peminjaman dan pemberian pinjaman antara kumpulan/cawangan secara satu-persatu (*back-to-back*) yang hampir matang oleh bank-bank di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan. Beberapa bank domestik turut mendapat manfaat daripada deposit mata wang asing domestik yang lebih tinggi, lantas mengurangkan keperluan untuk pendanaan antara bank daripada bukan pemastautin. Kesilapan dan ketinggalan (*errors and omissions, E&O*) berjumlah -RM2.0 bilion atau -0.1% daripada jumlah perdagangan (2019: -RM9 bilion, atau -0.5% daripada jumlah perdagangan) pada tahun 2020.

Kedudukan pelaburan antarabangsa Malaysia lebih baik

Kedudukan pelaburan antarabangsa (*international investment position, IIP*) Malaysia kembali pulih untuk mencatatkan kedudukan aset bersih sebanyak RM79.6 bilion, bersamaan dengan 5.6% daripada KDNK pada akhir tahun 2020 (2019: liabiliti bersih sebanyak RM44.1 bilion atau -2.9% daripada KDNK). Pada asas tahunan, kali terakhir Malaysia mencatatkan kedudukan aset luaran bersih adalah pada tahun 2016 iaitu sebanyak RM70.2 bilion atau 5.6% daripada KDNK.


Aset luaran Malaysia meningkat sebanyak RM139.6 bilion pada tahun 2020, sebahagian besarnya dalam bentuk pelaburan portfolio dan pelaburan langsung oleh institusi perbankan dan syarikat korporat. Pada masa yang sama, liabiliti luaran meningkat sebanyak RM15.9 bilion. Peningkatan yang lebih kecil dalam liabiliti luaran

mencerminkan pembayaran balik bersih peminjaman antara bank, deposit bukan pemastautin yang lebih rendah, dan penilaian semula nilai pasaran sekuriti ekuiti yang lebih rendah yang dipegang oleh bukan pemastautin pada tahun itu disebabkan terutamanya oleh kesan buruk pandemik COVID-19 terhadap harga ekuiti.

Komposisi mata wang IIP Malaysia kekal baik pada tahun 2020. Kedudukan aset luaran mata wang asing (*foreign currency, FCY*) bersih, iaitu aset luaran dalam denominasi FCY tolak liabiliti luaran FCY, meningkat kepada RM1.1 trilion atau 75.1% daripada KDNK (2019: RM930 bilion atau 61.5% daripada KDNK). Oleh yang demikian, penyusutan nilai kadar pertukaran ringgit akan menyebabkan peningkatan yang lebih besar dalam aset luaran berbanding dengan liabiliti luaran, lantas mengukuhkan kedudukan luaran Malaysia.

Institusi perbankan dan syarikat korporat mencatatkan kedudukan aset luaran bersih, disokong terutamanya oleh aset FCY bersih mereka yang besar. Entiti ini turut memegang aset luaran mudah tunai yang agak besar, berjumlah RM700.9 bilion (2019: RM617.8 bilion), yang boleh digunakan dengan serta-merta untuk memenuhi obligasi hutang luar negeri mereka.

Rajah 1: Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (IIP) Bersih



a Awalan
d Disemak

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Hutang luar negeri Malaysia meningkat kepada RM958.5 bilion pada akhir tahun 2020 atau 67.7% daripada KDNK (2019: RM945.4 bilion atau 62.6% daripada KDNK). Hutang luar negeri yang lebih tinggi ini mencerminkan terutamanya terbitan bersih bon dan nota oleh syarikat korporat, serta pemegangan sekuriti hutang domestik yang lebih tinggi oleh bukan pemastautin. Keadaan ini sebahagiannya diimbangi oleh peminjaman antara bank dan deposit bukan pemastautin yang lebih rendah.

Risiko berhubung dengan hutang luar negeri Malaysia kekal terurus pada tahun 2020 dan terkawal dengan baik, mencerminkan profil tempoh matang dan mata wang yang lebih baik berserta keperluan kehematan dan lindung nilai Bank Negara Malaysia¹⁷. Pada akhir tahun 2020, hutang luar negeri terdedah risiko bagi syarikat korporat¹⁸ dan institusi perbankan¹⁹ masing-masing berjumlah RM26.4 bilion dan RM62.1 bilion. Secara kumulatif, hutang berisiko ini mencakupi 9.2% daripada jumlah hutang luar negeri dan bersamaan dengan 20.5% daripada rizab antarabangsa Malaysia.


Penerimaan daripada terbitan bersih bon dan nota antarabangsa jangka panjang pada tahun 2020 disalurkan terutamanya untuk membiayai pemerolehan aset di luar negeri yang akan menjana aliran pendapatan pada

¹⁷ Untuk maklumat lanjut tentang pengurusan hutang luar negeri Malaysia, sila rujuk rencana “Daya Tahan Malaysia dalam Mengurus Obligasi Hutang Luar Negeri dan Kecukupan Rizab Antarabangsa” dalam Laporan Tahunan 2018 Bank Negara Malaysia berkenaan dengan hutang luar negeri.

¹⁸ Berdasarkan penilaian terhadap kira-kira 70% daripada pinjaman yang dijana dan bon yang diterbitkan di luar pesisir oleh syarikat korporat. Hutang terdedah risiko merujuk hutang yang anggaran perolehan dan penampun tunainya tidak mencukupi untuk membayar balik obligasi faedahnya.

¹⁹ Merujuk bahagian hutang luar negeri institusi perbankan yang lebih mudah terjejas akibat kejutan aliran keluar modal secara tiba-tiba. Jumlah ini termasuk peminjaman antara bank (RM42.6 bilion), deposit institusi kewangan (RM15.9 bilion) dan hutang jangka pendek lain (RM3.7 bilion) daripada rakan niaga yang tidak berkaitan.

Rajah 2: Perubahan Hutang Luar Negeri



¹ Perubahan setiap instrumen hutang tidak termasuk kesan penilaian kadar pertukaran

² Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

masa hadapan. Sesetengah terbitan ini turut mencerminkan usaha pengurusan modal secara berhemat dan strategik oleh syarikat korporat bagi membiayai semula pinjaman pada kadar yang lebih rendah sementara melanjutkan profil tempoh matang hutang dalam keadaan persekitaran global dan monetari yang sangat akomodatif. Hal ini sebahagiannya menyumbang kepada peningkatan bahagian hutang luar negeri jangka sederhana ke jangka panjang pada tahun itu (akhir 2020: 61.7% bahagian daripada jumlah hutang luar negeri; 2019: 58.6% bahagian), lantas mengurangkan risiko pelanjutan (*rollover risk*).


Lebih sedikit daripada satu pertiga hutang luar negeri adalah dalam denominasi ringgit (33.9%; 2019: 32.8%), dan oleh yang demikian tidak terjejas oleh perubahan penilaian disebabkan oleh turun naik kadar pertukaran ringgit. Hutang luar negeri selebihnya dalam denominasi FCY sebahagian besarnya tertakluk pada keperluan kehematan terhadap pengurusan risiko mudah tunai dan pendanaan²⁰. Tambahan pula, peminjaman antara kumpulan dalam kalangan institusi perbankan dan syarikat korporat mencakupi 42.3% daripada hutang luar negeri FCY, yang pada amnya lebih stabil dan tertakluk pada syarat konsesi. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, institusi perbankan dan syarikat korporat memegang aset luaran FCY yang agak besar berjumlah RM1.4 trilion. Hal ini memperkukuhkan lagi keupayaan pembayaran balik entiti ini untuk memenuhi obligasi luaran mereka.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia dalam dolar AS meningkat sebanyak USD4.0 bilion kepada USD107.6 bilion pada akhir tahun 2020 (2019: USD103.6 bilion). Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pulangan pelaburan yang positif dan keuntungan penilaian semula aset rizab BNM, yang berjumlah USD10.3 bilion pada tahun 2020. Kedudukan rizab ini mencukupi untuk membiayai 8.5 bulan import tertangguh dan 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek²¹. Pada tahun 2020, kedudukan pendek kasar bagi swap FCY menurun kepada USD5.8 bilion (2019: USD13.7 bilion), mencerminkan operasi Bank dalam pengurusan mudah tunai sistem kewangan domestik.

²⁰ Termasuk keperluan yang dikenakan terhadap institusi perbankan menurut peraturan perbankan tempatan.

²¹ Untuk maklumat lanjut tentang rizab antarabangsa BNM, sila rujuk rencana "Membina Penampakan: Peranan dan Fungsi Rizab Antarabangsa Bank Negara Malaysia" dalam Laporan Tahunan 2020

Rajah 3: Butiran Hutang Luar Negeri Malaysia (% bahagian)




¹ Termasuk kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan pelbagai, seperti tuntutan insurans yang belum dibayar dan faedah belum bayar untuk bon dan nota

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 4: Aset Mudah Tunai Luar Negeri dan Potensi Tuntutan Terhadap Rizab Antarabangsa




¹ Terdiri daripada pelaburan portfolio serta mata wang dan deposit
² Terdiri daripada deposit dan penempatan antara bank, bon dan nota serta instrumen pasaran wang
³ Termasuk kedudukan hadapan swap mata wang

Sumber: Bank Negara Malaysia

Inflasi keseluruhan yang lebih rendah disebabkan terutamanya oleh penurunan harga minyak dunia

Inflasi keseluruhan²² adalah negatif pada tahun 2020 dengan purata -1.2% bagi tahun tersebut. Inflasi keseluruhan yang negatif ini mencerminkan harga bahan api runcit yang nyata lebih rendah berikutan harga minyak dunia yang lebih lemah serta pelaksanaan rebat tarif elektrik bertingkat mulai April hingga akhir tahun 2020 (Rajah 1.20). Meskipun terdapat gangguan dalam kegiatan ekonomi pada tahun itu, penurunan harga ini tidak menyeluruh. Hal ini dicerminkan oleh bahagian terhad barangan Indeks Harga Pengguna (IHP) yang mencatatkan penurunan harga bulanan sepanjang tahun itu (purata 2020: 19%; purata 2010–2019: 21%) (Rajah 1.21). Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras²³, kekal rendah sepanjang tahun dengan purata 1.1% (2019: 1.5%) berikutan lebih kapasiti ekonomi dan keadaan pasaran pekerja yang lebih lemah.


Rajah 1.20: Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan Mengikut Komponen



¹ Lain-lain termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan lain yang harganya ditadbir

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 1.21: Perubahan Harga Bulan ke Bulan bagi Barangan IHP*



* Berdasarkan inflasi bulan ke bulan bagi 125 barangan IHP pada aras 4-digit
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

²² Diukur oleh perubahan peratusan tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP).

²³ Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraan ini juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai penggunaan

Langkah rangsangan dan dasar yang tidak pernah dilaksanakan sebelum ini memainkan peranan penting untuk mengurangkan kejutan COVID-19 terhadap ekonomi Malaysia serta menyokong pemulihan pertumbuhan

Menyedari kesan ketara pandemik COVID-19 terhadap ekonomi, Malaysia menerapkan pendekatan dasar yang menyeluruh dan bersifat saling melengkapi semasa krisis ini. Antaranya termasuklah pelaksanaan langkah fiskal, monetari, kewangan dan langkah-langkah lain yang berkaitan (Jadual 1.2). Sepanjang krisis ini, beberapa siri pakej rangsangan yang mencatatkan amaun tertinggi dalam rekod berjumlah RM305 bilion (20% daripada KDNK) telah diperkenalkan untuk menyokong ekonomi²⁴.

Semasa kemuncak krisis, langkah-langkah tersebut memberikan bantuan segera kepada isi rumah dan perniagaan dengan mengurangkan tekanan terhadap kedudukan kewangan mereka dan melindungi pekerjaan. Sokongan fiskal secara langsung merangkumi pindahan wang tunai, insentif cukai, dan subsidi upah, sementara langkah kewangan meliputi moratorium pinjaman secara automatik selama enam bulan, Bantuan Bayaran Balik Pinjaman Bersasar (Targeted Repayment Assistance, TRA), jaminan kredit seperti Danajamin Prihatin Guarantee Scheme (DPGS) dan pelbagai kemudahan pembiayaan untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Bantuan ini dilengkapi dengan inisiatif lain seperti pengeluaran tunai Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) i-Lestari, dan penurunan kadar caruman KWSP pekerja.

Apabila ekonomi beransur-ansur pulih, langkah dasar ditumpukan pada usaha menyokong momentum pertumbuhan dan pada masa yang sama masih membantu segmen yang mudah terjejas. Yang nyata, untuk mengurangkan risiko kesan buruk jangka panjang terhadap ekonomi dan memulihkan pertumbuhan produktiviti, dasar pasaran pekerja aktif telah dilaksanakan. Langkah ini bertujuan untuk mempertingkatkan dan memperbaharui kemahiran mereka yang menganggur untuk menyertai industri yang berdaya tahan terhadap pandemik menerusi subsidi latihan serta kerjasama antara sektor awam dengan swasta. Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020, atau "Akta COVID", turut dikuatkuasakan di Malaysia sejak bulan Oktober 2020 bagi menangani ketidakupayaan syarikat dan individu dalam memenuhi obligasi kontrak tertentu semasa tempoh yang sukar ini. Serentak dengan pemberian subsidi upah dan pelbagai insentif untuk merencanakan kembali pasaran pelancongan, automotif dan harta tanah, langkah-langkah ini menyumbang kepada usaha untuk mengelakkan penutupan perniagaan secara meluas dalam jangka terdekat dan sederhana.

Sepanjang pandemik ini, perubahan pesat dalam corak perbelanjaan pengguna dan pengendalian perniagaan bermakna pembaharuan struktur yang kritikal, terutamanya dalam automasi dan pendigitalan, perlu dipercepat supaya ekonomi boleh pantas membuat penyesuaian dengan kebiasaan baharu. Sebagai permulaan, beberapa inisiatif telah dilaksanakan menjelang akhir tahun 2020 bagi menyokong agenda ini. Antaranya termasuk pelaksanaan pelan infrastruktur digital negara (JENDELA), sumber dana yang pelbagai untuk merangsang pelaburan digital, dan pelancaran Kempen e-Dagang Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) untuk mendaftarkan syarikat sedemikian ke pasaran dalam talian.

²⁴ Merujuk pakej rangsangan PRIHATIN, PRIHATIN Tambahan, PENJANA dan KITA PRIHATIN. Butiran lanjut boleh didapati melalui portal rasmi dalam talian Kementerian Kewangan (<https://www.treasury.gov.my/>).

Jadual 1.4: Langkah-langkah Dasar Utama semasa Krisis COVID-19 di Malaysia

Tindak Balas Dasar	Langkah-langkah Utama
<p>Suntikan fiskal untuk mengurangkan kekangan tunai, menyokong keadaan pasaran pekerja dan merencanakan kembali perbelanjaan dan kegiatan ekonomi</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pemberian tunai Bantuan Prihatin Nasional kepada isi rumah • Program Subsidi Upah • Pelbagai insentif dan pelepasan cukai <ul style="list-style-type: none"> – Individu: Pengurangan cukai jualan bagi kereta penumpang, pelepasan cukai bagi peralatan untuk pengaturan kerja fleksibel (<i>flexible working arrangements</i>, FWA) dan perjalanan dalam negeri, duti setem dan pengecualian cukai keuntungan harta tanah di bawah Kempen Pemilikan Rumah – Perniagaan: Elaun modal dipercepat dan potongan cukai bagi tujuan khusus, penangguhan automatik bayaran ansuran cukai bulanan, insentif cukai untuk menarik penempatan semula perniagaan firma asing ke Malaysia • Bayaran dan elaun istimewa (cth. untuk petugas barisan hadapan, pekerja sambilan)
<p>Rangsangan monetari untuk menyokong permintaan dalam negeri, mengurangkan kos peminjaman dan memudahkan pengantaraan kredit yang berterusan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • OPR dikurangkan sebanyak 125 mata asas antara bulan Januari hingga Julai 2020 kepada 1.75% • Nisbah Keperluan Rizab Berkanun (SRR) dikurangkan sebanyak 100 mata asas kepada 2.00% • Fleksibiliti kepada institusi perbankan untuk menggunakan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) bagi mencapai pematuhan SRR
<p>Bantuan kewangan komprehensif merentas semua segmen ekonomi untuk mengekalkan aliran tunai dan menyokong pertumbuhan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Moratorium pinjaman automatik kepada isi rumah dan perniagaan antara bulan April hingga September 2020 • Bantuan Bayaran Balik Pinjaman Bersasar (TRA) kepada peminjam yang mudah terjejas mulai bulan Oktober 2020 • Mempertingkatkan akses kepada pembiayaan dan mengekalkan aliran tunai bagi PKS dan perusahaan mikro: <ul style="list-style-type: none"> – Kemudahan Bantuan Khas (SRF) – Kemudahan Perusahaan Mikro (MEF) – Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (TRRF) terutamanya untuk syarikat terjejas teruk dalam sektor perkhidmatan – Pembiayaan PKS PENJANA (PSF) – Skim Jaminan Kerajaan - PRIHATIN (GGG-PRIHATIN) • Menggalakkan pembaharuan untuk merangsang pelaburan yang berkualiti dan menyokong kelangsungan dalam kebiasaan baharu: <ul style="list-style-type: none"> – Kemudahan Teknologi Tinggi - Aspirasi Pelaburan Nasional (HTF-NIA) – Kemudahan Automasi dan Pendigitalan (ADF) untuk PKS – Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PTF) • Kemudahan Agromakanan (AF) Kerajaan <ul style="list-style-type: none"> – Meningkatkan penghasilan agromakanan bagi Malaysia dan untuk tujuan eksport • Skim Jaminan PRIHATIN Danajamin (DPGS) untuk perniagaan bersaiz sederhana hingga besar
<p>Langkah-langkah lain untuk menyokong penggunaan dan pelaburan, membolehkan firma membuat peralihan dan penyesuaian kepada kebiasaan baharu dengan pantas serta mempersiapkan tenaga kerja untuk pekerjaan masa hadapan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan pendapatan boleh guna bagi individu <ul style="list-style-type: none"> – Pengeluaran i-Lestari KWSP antara bulan April 2020 hingga Mac 2021 – Pengurangan kadar caruman KWSP pekerja daripada 11% kepada 7% • Mempercepat usaha pendigitalan <ul style="list-style-type: none"> – Geran Padanan Pendigitalan PKS dan Dana Transformasi Teknologi PKS – Pelancaran pelan infrastruktur digital negara (JENDELA) untuk menambah baik kesalinghubungan digital di Malaysia dan membina asas penggunaan teknologi 5G • Menggalakkan peningkatan kemahiran dan latihan untuk tenaga kerja <ul style="list-style-type: none"> – Elaun latihan yang lebih tinggi di bawah Skim Insurans Pekerjaan (Had maksimum yuran latihan dinaikkan kepada RM6,000, elaun latihan sebanyak RM30 sehari) – Geran padanan sebanyak RM100 juta kepada HRDF di bawah Dana Latihan Kemahiran – Program Tenaga Kerja Dalam Talian Global (GLOW) oleh MDEC (latihan untuk menjadi pekerja bebas bagi pekerjaan dalam ekonomi digital, termasuk pengaturcaraan, reka bentuk kreatif, sokongan perniagaan dan pentadbiran serta peranan berasaskan bahasa).

Sumber: Pejabat Perdana Menteri, Bank Negara Malaysia dan pelbagai sumber berita

Dasar monetari yang akomodatif menyokong keadaan monetari domestik

Sebagai tindak balas terhadap krisis ekonomi, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank mengurangkan OPR sebanyak 125 mata asas kumulatif kepada paras terendah dalam sejarah, iaitu 1.75% pada tahun 2020. Tahap dasar monetari yang sangat akomodatif ini adalah wajar memandangkan persekitaran ekonomi yang banyak dilanda cabaran pada tahun itu.

Kesan pindahan pengurangan OPR kepada kadar pasaran wang adalah kukuh dan serta-merta merentas semua tempoh matang, disokong oleh keadaan mudah tunai yang stabil dalam pasaran antara bank (Rajah 1.22). Semasa mengharungi tempoh volatiliti dan ketidakpastian pasaran, operasi monetari Bank adalah penting untuk mengekalkan keadaan pasaran yang teratur dengan memastikan mudah tunai mencukupi untuk menyokong proses pengantaraan kewangan. Berikutan peningkatan volatiliti aliran modal dan ketidakpastian persekitaran ekonomi dalam negeri, amalan institusi perbankan dalam pengurusan profil mudah tunai mereka beralih ke arah tempoh matang yang lebih pendek untuk menguruskan keperluan mudah tunai dengan lebih baik. Susulan itu, Bank memendekkan tempoh matang operasi mudah tunainya, dengan tempoh purata mudah tunai yang diserap oleh Bank berkurang kepada 9.7 hari pada akhir tahun 2020, berbanding dengan 14.0 hari pada akhir tahun 2019. Pengurangan nisbah Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) dan fleksibiliti tambahan untuk pematuhan SRR²⁵ terus meningkatkan mudah tunai yang tersedia kepada institusi perbankan. Untuk memastikan pasaran wang domestik berfungsi dengan teratur, Bank turut menambah operasi suntikan mudah tunai menerusi pembelian sekuriti kerajaan secara terus dan repo berbalik. Meskipun terdapat aliran keluar portfolio bersih pada tahun 2020, jumlah mudah tunai dalam sistem kekal mencukupi pada

²⁵ Fleksibiliti ini pada mulanya diberikan kepada Peniaga Utama (Principal Dealers, PD) sahaja pada bulan Mac 2020 dengan setiap PD boleh mengiktiraf Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Investment Issues, MGII) sehingga RM1 bilion sebagai sebahagian daripada pematuhan SRR. Walau bagaimanapun, fleksibiliti ini diperluas kepada semua institusi perbankan pada bulan Mei 2020 tanpa had ke atas jumlah MGS dan MGII yang boleh diiktiraf sebagai pematuhan SRR. Fleksibiliti ini diberikan sehingga 31 Mei 2021. Pada bulan Januari 2021, fleksibiliti ini telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2022


RM147.0 bilion (2019: RM168.9 bilion) (Rajah 1.23). Pada peringkat institusi, semua institusi perbankan mengekalkan kedudukan lebih mudah tunai dengan Bank pada akhir tahun 2020.

Selaras dengan kadar yang lebih rendah dalam pasaran borong, institusi perbankan turut melaraskan kadar deposit. Hasilnya, kadar deposit tetap (*fixed deposit*, FD) bagi tempoh matang antara 1 hingga 12 bulan adalah dalam lingkungan 1.51% hingga 1.75% pada akhir tahun 2020. Namun demikian, meskipun kadar deposit nominal adalah lebih rendah, pendeposit terus menerima kadar pulangan benar yang positif sepanjang tahun berikutan inflasi yang rendah dan negatif.

Berikutan kos dana yang lebih rendah, institusi perbankan seterusnya bertindak balas dengan mengurangkan kadar pinjaman runcit kepada isi rumah dan perniagaan. Dengan pengurangan kos faedah pinjaman kadar terapung, aliran tunai peminjam yang sedia ada bertambah baik disebabkan oleh beban yang berkurang untuk membayar balik hutang.²⁶ Secara khusus, kadar pinjaman tanda aras bagi pinjaman runcit, seperti yang diukur oleh Kadar Asas (*Base Rate*, BR) purata berjawaran bank perdagangan telah dikurangkan sebanyak 125 mata asas daripada 3.68% kepada 2.43% menjelang akhir tahun 2020 (Rajah 1.22).

Peminjam baharu turut mendapat manfaat daripada persekitaran kadar faedah yang rendah berikutan penurunan menyeluruh kadar pinjaman atas pinjaman baharu kepada isi rumah dan


Rajah 1.22: Kadar Dasar, Kadar Pasaran Antara Bank dan Kadar Pinjaman (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

²⁶ Peminjam yang sedia ada di bawah moratorium pinjaman secara automatik atau bantuan bayaran balik pinjaman masih mendapat manfaat daripada kos faedah yang lebih rendah dan dapat menikmati bayaran ansuran yang lebih rendah apabila pembayaran balik pinjaman disambung semula

Rajah 1.23: Mudah Tunai Ringgit Terkumpul di Bank Negara Malaysia (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia


juga perniagaan merentas sektor dan pelbagai tujuan. Dengan penentuan semula harga pinjaman baharu dan sedia ada, kadar pinjaman purata (*average lending rate*, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul ialah 3.99% pada akhir tahun 2020 (2019: 5.16%) (Rajah 1.22). Seterusnya, persekitaran kadar faedah yang rendah ini menyediakan persekitaran yang menyokong aktiviti pembiayaan.

Aktiviti pembiayaan keseluruhan pada amnya mampan berikutan sokongan pelbagai dasar

Aktiviti pembiayaan terus berkembang pada tahun 2020 walaupun dalam persekitaran ekonomi yang sukar. Sistem perbankan yang mantap dan pasaran modal yang tetap berfungsi telah memastikan pengantaraan kredit diteruskan sepanjang krisis ini. Aliran kredit ke sektor swasta disokong oleh persekitaran kadar faedah yang rendah, mudah tunai yang mencukupi, dan langkah rangsangan yang meluas. Aktiviti pembiayaan mencecah tahap terendah pada bulan April dan Mei 2020 setelah permintaan untuk pembiayaan merosot seiring dengan gangguan yang ketara dalam kegiatan ekonomi. Pada awalnya, kawalan pergerakan dan penerapan norma baharu pekerjaan turut melambatkan beberapa aspek pentadbiran proses

permohonan dan kelulusan pinjaman. Walau bagaimanapun, momentum pembiayaan meningkat pada bulan Jun 2020 apabila aktiviti perniagaan disambung semula, disokong oleh langkah tambahan bagi memastikan akses kepada dana yang berterusan untuk semua segmen ekonomi. Pemulihan aktiviti pembiayaan adalah kukuh khususnya untuk segmen isi rumah. Bagi tahun 2020, pembiayaan bersih meningkat sebanyak 4.5% (2019: 5.0%) (Rajah 1.24),


Rajah 1.24: Jumlah Pembiayaan Bersih melalui Bank, Institusi Kewangan Bukan Bank dan Bon Korporat



¹ Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin
² Pinjaman daripada sistem perbankan, institusi kewangan pembangunan (IKP) dan institusi kewangan bukan bank utama

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1.25: Pinjaman Terkumpul mengikut Peminjam



¹ Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP) sahaja
² Pinjaman daripada sistem perbankan, IKP dan institusi kewangan bukan bank utama
³ Termasuk pinjaman oleh institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank, Kerajaan, entiti domestik lain, dan entiti asing


Sumber: Bank Negara Malaysia

dengan peningkatan dalam pinjaman terkumpul pada amnya mampan pada kadar 3.9% (2019: 4.1%) (Rajah 1.25). Walau bagaimanapun, bon korporat terkumpul meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 6.5% (2019: 8.0%).

Pinjaman isi rumah terkumpul mencatatkan pertumbuhan 5.5% pada tahun 2020 (2019: 5.5%). Sokongan bagi mengekalkan pertumbuhan ini adalah berbentuk serampang dua mata, iaitu: bayaran balik pinjaman lebih rendah berikutan moratorium pinjaman secara automatik selama enam bulan; dan pemulihan pengeluaran pinjaman yang kukuh sejak bulan Jun 2020, disokong oleh kadar pemberian pinjaman yang rendah dan langkah rangsangan oleh Kerajaan. Langkah-langkah yang disasarkan untuk segmen isi rumah termasuk Kempen Pemilikan Rumah dan bantuan cukai jualan bagi kenderaan baharu. Keberkesanan langkah-langkah ini jelas dilihat memandangkan pinjaman yang diberikan untuk pembelian harta tanah kediaman dan kereta penumpang mencatatkan pertumbuhan yang paling kukuh berbanding dengan pinjaman untuk tujuan lain.

Sebaliknya, pertumbuhan pembiayaan yang diberikan kepada perniagaan adalah lebih sederhana berbanding dengan segmen isi rumah. Pembiayaan bersih yang ditawarkan kepada perniagaan melalui sistem perbankan dan pasaran bon korporat meningkat pada kadar yang lebih perlahan iaitu 3.7% (2019: 5.1%) (Rajah 1.26). Secara keseluruhan, dalam suasana ketidakpastian berhubung dengan

Rajah 1.26: Perniagaan: Pembiayaan Bersih melalui Bank, Institusi Kewangan Pembangunan dan Bon Korporat



¹ Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin

Sumber: Bank Negara Malaysia

persekitaran ekonomi yang lebih lemah, perniagaan mengecilkan kapasiti operasi dan menanggung rancangan peluasan perniagaan mereka, lantas mengurangkan permintaan untuk pembiayaan, khususnya untuk aktiviti pelaburan.

Krisis ini mengakibatkan gangguan yang teruk kepada aliran tunai dan keuntungan perniagaan, yang selanjutnya meningkatkan ketidakpastian tentang daya maju perniagaan dalam jangka panjang. Memandangkan cabaran yang meningkat untuk menilai profil kredit peminjam secara tepat,²⁷ serta risiko mungkir yang lebih tinggi dan masa pemulihan yang perlahan, institusi perbankan lebih berhati-hati untuk memberikan pembiayaan kepada segmen yang berisiko lebih tinggi, khususnya peminjam dan sektor yang terjejas teruk oleh pandemik ini. Walau bagaimanapun, industri perbankan terus menyokong peminjam yang berdaya maju sepanjang tempoh itu, dengan mengambil langkah-langkah tambahan untuk menyokong penilaian risiko kredit, termasuk semakan latar belakang yang lebih teliti, penggunaan sumber maklumat alternatif, serta interaksi yang lebih kerap untuk membuat penilaian yang lebih baik mengenai keadaan kewangan dan operasi peminjam. Penampakan kewangan yang dibina selama ini juga memelihara keupayaan institusi perbankan untuk menyokong pemberian pinjaman, sementara mengurangkan penghindaran risiko yang

²⁷ Cabaran utama institusi perbankan dalam pemantauan perkembangan risiko kredit pada tahun 2020 adalah ketiadaan maklumat pembayaran balik peminjam disebabkan oleh liputan moratorium pinjaman yang meluas.

boleh menambahkan lagi tekanan dalam ekonomi. Selaras dengan sokongan daripada penampakan kewangan, fleksibiliti kawal selia diberikan kepada institusi perbankan untuk membolehkan mereka menggunakan penampakan pemuliharaan modal sebanyak 2.5%, beroperasi di bawah nisbah perlindungan mudah tunai minimum sebanyak 100%, dan menggunakan rizab kawal selia yang telah disediakan sebelum ini.

Atas kesedaran bahawa akses kepada pembiayaan amat penting untuk menyokong pemulihan ekonomi, pelbagai langkah telah diperkenalkan bagi memastikan aliran pembiayaan yang berterusan kepada semua segmen ekonomi. Langkah-langkah ini (Jadual 1.4) termasuk pelbagai dana khas untuk PKS dan jaminan kredit untuk PKS dan juga syarikat korporat. Sebagai contoh, pada permulaan krisis ini, terdapat permintaan yang tinggi untuk pembiayaan modal kerja kerana gangguan operasi perniagaan akibat PKP meningkatkan keperluan aliran tunai perniagaan. Sehubungan ini, bagi menyokong PKS yang berdaya maju menghadapi syarat pembiayaan yang lebih ketat untuk meneruskan operasi perniagaan, dan mengekalkan pekerjaan, Bank menubuhkan Kemudahan Bantuan Khas

(Special Relief Facility, SRF) yang menyediakan pembiayaan modal kerja pada kadar konsesi kepada PKS yang terjejas. SRF ini digandingkan dengan jaminan kredit²⁸ untuk mendorong institusi perbankan supaya memberikan pinjaman kepada segmen yang terjejas dalam persekitaran risiko yang lebih tinggi ini. Kemudahan ini seterusnya dilengkapi dana lain seperti skim Pembiayaan PKS PENJANA (PENJANA SME Financing, PSF) dan Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PENJANA Tourism Financing, PTF), serta Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Secara Bersasar (Targeted Relief and Recovery Facility, TRRF) pada penghujung tahun untuk membantu dan menyokong pemulihan PKS yang terjejas. DPGS juga ditubuhkan oleh Kerajaan untuk memberikan sokongan kepada perniagaan sederhana dan besar. Secara kolektif, langkah-langkah ini telah membuahkan hasil yang positif. Pinjaman terus diberikan kepada sektor-sektor yang mudah terjejas oleh COVID-19, seperti sektor perdagangan borong dan runcit, serta sektor restoran dan hotel. Dengan sentimen yang semakin baik, kelihatan tanda awal pemulihan yang sederhana dan beransur-ansur untuk permintaan pembiayaan pelaburan semasa separuh kedua tahun 2020. Aktiviti dalam pasaran bon korporat turut meningkat menjelang akhir tahun, disokong oleh keadaan pasaran yang baik.

²⁸ Jaminan kredit diberikan oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC), dengan perlindungan jaminan sebanyak 80% pada kadar yuran jaminan bersubsidi sebanyak 0.5% setahun. Perlindungan jaminan 80% ini mengambil kira amalan perkongsian risiko yang optimum, untuk memastikan perlindungan adalah cukup tinggi bagi menggalakkan institusi perbankan untuk memberikan pinjaman, dan pada yang sama mengekalkan sedikit risiko dalam kunci kira-kira institusi perbankan bagi menghadkan kemungkinan isu bahaya moral (*moral hazard*).

Pertimbangan Dasar Monetari Bank

Pelaksanaan rangsangan monetari melalui pengurangan OPR yang pantas dan ketara memastikan keadaan monetari yang akomodatif untuk mengurangkan impak pandemik COVID-19 terhadap ekonomi dan seterusnya menyokong pemulihan ekonomi

OPR telah dikurangkan secara kumulatif sebanyak 125 mata asas dalam empat mesyuarat²⁹ pada tahun 2020, dan mencecah tahap paling rendah dalam sejarah, iaitu 1.75%. Teras dasar monetari sepanjang tahun 2020 adalah untuk memberikan sokongan dan mengurangkan kesan buruk jangka panjang terhadap ekonomi dalam keadaan krisis kesihatan global yang belum pernah dialami sebelum ini. Pengurangan OPR sebanyak 25 mata asas pada bulan Januari 2020 dibuat sebagai langkah awalan bagi melindungi trajektori pertumbuhan dalam keadaan kestabilan harga, memandangkan risiko prospek pertumbuhan global dan domestik menjadi rendah. Tindakan ini juga telah memberikan sedikit sokongan kepada ekonomi sewaktu permulaan krisis ini. Apabila kejutan daripada pandemik COVID-19 semakin meruncing sehingga menjadi krisis ekonomi global, OPR dikurangkan lagi pada bulan Mac dan Mei 2020 sebanyak 25 dan 50 mata asas masing-masing untuk mengurangkan kesan ekonomi terhadap perniagaan dan isi rumah. Pelonggaran dasar monetari perlu disebabkan oleh gangguan ketara dalam kegiatan ekonomi berikutan pelaksanaan PKP untuk membendung penularan pandemik. Dalam persekitaran pendapatan yang terjejas akibat kegiatan ekonomi yang perlahan, pengurangan OPR ini meringankan beban bayaran balik hutang dan jumlah kos pinjaman, lantas mengurangkan kekangan wang tunai dan memberikan sokongan untuk pembiayaan bagi isi rumah, PKS, dan syarikat korporat. Hal ini amat penting bagi mengurangkan kesan kejutan besar terhadap kegiatan ekonomi serta mengurangkan risiko kehilangan pekerjaan.

Walaupun ekonomi dalam negeri telah mula pulih daripada tahap terendah pada suku kedua tahun 2020, OPR dikurangkan lagi sebanyak 25 mata asas pada bulan Julai 2020 untuk mempercepat kadar pemulihan ekonomi. Pada suku keempat tahun tersebut, penularan semula jangkitan COVID-19 telah mengakibatkan penguatkuasaan semula langkah pembendungan di sesetengah negeri. Walau bagaimanapun, pertumbuhan bagi tahun 2020 tetap dalam lingkungan julat yang telah diunjurkan sebelum ini dan kegiatan ekonomi dijangka akan bertambah baik pada tahun 2021. Memandangkan pelonggaran dasar monetari yang ketara pada awal tahun 2020, serta kesan positif daripada langkah bantuan kewangan dan pengawalseliaan lain oleh Bank, dan rangsangan fiskal yang sangat ketara, MPC menyifatkan pendirian dasar monetari yang sedia ada sebagai wajar dan cukup akomodatif. Oleh itu, OPR tidak diubah untuk baki tempoh tahun 2020. Walau bagaimanapun, memandangkan risiko prospek pertumbuhan menjadi rendah berikutan ketidakpastian global dan dalam negeri akibat pandemik ini, MPC akan terus berwaspada apabila membuat penilaian terhadap keadaan yang berubah-ubah dan implikasinya terhadap prospek keseluruhan inflasi dan pertumbuhan dalam negeri.

Bank menyelaraskan SRR untuk menyokong aktiviti pengantaraan kewangan

SRR telah diselaraskan sebagai sebahagian daripada usaha Bank yang berterusan untuk memastikan kecukupan mudah tunai dalam sistem bagi melindungi proses pengantaraan. SRR merupakan instrumen yang digunakan untuk menguruskan mudah tunai dan bukan menandakan pendirian dasar monetari. Penyelarasan ini dibuat semasa permulaan krisis pada bulan Mac dan Mei 2020, yang termasuk pengurangan sebanyak 100 mata asas dalam nisbah SRR daripada 3.00% kepada 2.00%, dan fleksibiliti sementara yang membolehkan institusi perbankan mengiktiraf MGS dan MGII sebagai sebahagian daripada pematuhan SRR. Suntikan mudah tunai menerusi gabungan langkah ini, yang berjumlah kira-kira RM46 bilion, memberikan fleksibiliti yang lebih tinggi kepada institusi perbankan dalam pengurusan mudah tunai mereka, dan juga menyokong fungsi pasaran bon domestik yang berterusan. Penyelarasan SRR ini, di samping operasi penyuntikan mudah tunai lain oleh Bank, membolehkan institusi perbankan untuk terus melaksanakan peranan mereka secara berkesan dalam proses pengantaraan kredit.

²⁹ Pengurangan sebanyak 25 mata asas masing-masing pada bulan Januari, Mac, dan Julai; dan 50 mata asas pada bulan Mei.

Visi Perlindungan Sosial di Malaysia


Perlindungan sosial sebagai benteng terhadap kelemahan sosioekonomi

Secara amnya, perlindungan sosial merangkumi semua dasar awam yang dirangka bagi menyediakan perlindungan kepada individu yang menghadapi kesukaran ekonomi dan sosial. Terdapat tiga jenis dasar di bawah perlindungan sosial,¹ iaitu jaringan keselamatan sosial, insurans sosial, dan dasar pasaran pekerja aktif.² Di samping mengurangkan pelbagai risiko ekonomi terhadap masyarakat, dasar perlindungan sosial juga berperanan sebagai alat penstabilan makroekonomi yang penting.

Pandemik COVID-19 yang disusuli oleh krisis ekonomi telah mengakibatkan kesan yang buruk terhadap kehidupan dan sumber pendapatan penduduk di seluruh dunia. Sebagai tindak balas terhadap krisis kesihatan dan ekonomi tersebut, kebanyakan kerajaan di seluruh dunia telah memperkukuh dasar perlindungan sosial mereka. Sokongan yang sangat diperlukan telah disalurkan kepada golongan yang paling terjejas. Walau bagaimanapun, kesan dan tahap kemudaratannya yang belum pernah dialami sebelum ini telah memberikan tekanan kepada sistem perlindungan sosial di kebanyakan negara, lantas memerlukan sokongan fiskal secara ad hoc untuk melengkapkan sistem perlindungan sosial tersebut.³

Sistem perlindungan sosial di Malaysia turut menghadapi cabaran ini. Pandemik ini telah mendedahkan isu struktur yang mendalam berkaitan dengan rangka kerja perlindungan sosial yang sedia ada di negara ini. Isu-isu yang kritikal termasuk program yang tidak bersepadu dan bertindih,⁴ jurang dalam liputan perlindungan keseluruhan, program bantuan yang tidak mencukupi untuk menangani kelemahan sosioekonomi secara komprehensif⁵ dan cabaran fiskal. Oleh itu, pelaksanaan pembaharuan bagi merapatkan jurang ini adalah sangat penting bagi menangani isu asas yang menjejaskan sebilangan besar rakyat dan penduduk di Malaysia (Gambar Rajah 1). Langkah ini akan memperkukuh asas bagi membina sistem perlindungan sosial yang berdaya

Gambar Rajah 1: Kelemahan sosioekonomi yang dihadapi oleh rakyat Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

¹ Sila rujuk Jadual 1 dalam rencana ringkas mengenai evolusi dan landskap perlindungan sosial global.

² Dasar pasaran pekerja aktif (*active labour market policies*, ALMP) merujuk kesemua perbelanjaan sosial (selain untuk pendidikan) yang bertujuan meningkatkan kebolehpasaran pekerja atau meningkatkan keupayaan pendapatan mereka (definisi ringkas berdasarkan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (*Organisation for Economic Co-operation and Development*, OECD) dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour Organization*, ILO)).

³ Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), sebagai tindak balas terhadap kesan COVID-19, lebih 1,400 langkah perlindungan sosial telah dilaksanakan. Kebanyakan langkah ini merupakan langkah jangka pendek (*UN Special Rapporteur*, 2020). Ciri ad hoc tindak balas ini menunjukkan bahawa sistem perlindungan sosial tidak mencukupi untuk menyediakan sokongan dan daya tahan terhadap pandemik.

⁴ Bank Dunia, 2015.

⁵ Malah, pada tahun-tahun sebelum pandemik COVID-19, Bank Dunia telah menekankan betapa pentingnya langkah diambil bagi menangani liputan perlindungan sosial yang rendah dan tidak mencukupi di Malaysia, khususnya untuk golongan tua (Bank Dunia, 2015). Pandemik COVID-19 turut menekankan keperluan meningkatkan liputan perlindungan bagi mereka yang bekerja sendiri dan pekerja dalam sektor tidak formal.

tahan pada masa hadapan dan membantu individu mendapatkan akses kepada peluang yang lebih baik bagi melindungi dan meningkatkan kesejahteraan hidup mereka. Pembaharuan ini juga akan menambah baik sokongan dasar kitaran berbalas bagi ekonomi dalam menghadapi kejutan kesihatan, alam sekitar, sosial dan ekonomi pada masa hadapan. Rencana ini bertujuan memberikan tinjauan keseluruhan mengenai evolusi dan landskap sistem perlindungan sosial (rujuk rencana ringkas), meneliti keadaan semasa perlindungan sosial di Malaysia dan mengemukakan beberapa idea mengenai reka bentuk sistem perlindungan sosial yang lebih berkesan untuk Malaysia.

Landskap Perlindungan Sosial Global

Pada dasarnya, tiga tonggak utama perlindungan sosial terdiri daripada perlindungan, pencegahan dan penggalakan (*protection, prevention and promotion*) yang secara universal dikenali sebagai 3P (Jadual 1). 3P bertujuan memastikan keperluan asas dipenuhi, daya tahan terhadap kemiskinan dicapai, dan potensi ekonomi dimaksimumkan. 3P secara kolektif memainkan peranan penting dalam penstabilan makroekonomi, terutamanya dalam mengurangkan kesan yang berpanjangan semasa kemerosotan ekonomi. Satu risiko yang dihadapi oleh banyak negara ialah pergantungan yang berlebihan pada dasar jaringan keselamatan sosial, yang termasuk di bawah tonggak 'Perlindungan'. Walaupun dasar ini popular dari segi politik dan secara relatif lebih mudah dilaksanakan, pergantungan yang berlebihan pada dasar jaringan keselamatan sosial boleh menjejaskan bahkan menjadikan matlamat utamanya tidak berkesan, iaitu memastikan kemiskinan dibasmi. Perlindungan bagi golongan yang mudah terjejas juga mungkin boleh terabai akibat beban berat terhadap kewangan awam yang timbul berikutan perbelanjaan jaringan keselamatan sosial yang berlebihan. Penyelidikan dan pengalaman pelbagai negara telah banyak

Jadual 1: 3P dalam Perlindungan Sosial

	 Jaringan Keselamatan Sosial	 Insurans Sosial	 Dasar Pasaran Tenaga Pekerja
Definisi	Dasar jenis tanpa caruman* yang dirancang untuk mengurangkan kemiskinan dan kerentanan	Dasar jenis caruman* yang meningkatkan perlindungan terhadap kejutan (cth. kehilangan sumber pendapatan)	Dasar sama ada jenis caruman atau tanpa caruman* yang menggalakkan kecekapan pasaran tenaga pekerja
Objektif utama	Melindung: Memastikan keperluan asas dipenuhi (cth. perumahan, kesihatan, pendidikan) dan membasmi kemiskinan	Mencegah: Meningkatkan daya tahan masyarakat terhadap kejutan ekonomi bagi mencegah kemiskinan	Menggalakkan: Meningkatkan peluang ekonomi dan potensi individu
Dasar sedia ada	Bantuan tunai, bantuan berupa selain tunai (cth. pendidikan percuma), dan bantuan perumahan	Pencen, skim insurans pendapatan	Aktif: Program penempatan pekerjaan, insentif pekerjaan Pasif: Gaji minimum, undang-undang perlindungan hak pekerja
Pertimbangan dasar	Walaupun dasar-dasar jenis ini adalah lebih menyeluruh dan harus diutamakan oleh negara-negara miskin dan membangun, ia akan membebankan kedudukan fiskal negara tersebut	Dasar jenis ini lebih mengimbangkan kemampuan fiskal dengan bantuan menyeluruh. Harus diberi keutamaan sekiranya rakyat mampu mencarum	Dasar pasif perlu dilaksanakan secara menyeluruh. Dasar aktif pula bertindak sebagai pelengkap untuk meningkatkan produktiviti tenaga kerja dalam jangka panjang
Kelebihan utama	Menyediakan keperluan asas secara menyeluruh dan langsung	Perlindungan menyeluruh tanpa membebankan kedudukan fiskal kerajaan	Dasar pasaran pekerja pasif memberikan perlindungan kepada pekerja manakala dasar aktif meningkatkan mobiliti dan kemahiran tenaga kerja untuk meningkatkan produktiviti
Kelemahan utama	Memerlukan peruntukan fiskal yang besar lantas boleh membebankan kerajaan dalam jangka panjang	Keberkesannya bergantung kepada keupayaan individu untuk mencarum. Dasar ini tidak dapat membendung kemiskinan mutlak	Walaupun dasar jenis ini pada amnya menyeluruh dan merangkumi semua pekerja, namun masalah kritikal tidak dapat diselesaikan (cth. kemiskinan mutlak)
Bebanan fiskal	Lazimnya membebankan kedudukan fiskal kerajaan, terutamanya bagi negara miskin dan negara membangun	Dasar jenis caruman ini tidak banyak membebankan fiskal kerajaan	Bebanan fiskal yang sederhana kerana kebanyakan dasar pasaran tenaga pekerja (terutamanya jenis aktif) dibiayai sektor swasta

*Definisi dasar jenis caruman dan tanpa caruman akan dijelaskan di dalam perenggan di bawah


Sumber: Bank Negara Malaysia, Bank Dunia, ILO

menunjukkan bahawa pendekatan lebih seimbang yang berlandaskan 3P yang saling melengkapi akan menghasilkan sistem perlindungan sosial yang lebih berkesan dan holistik (Gambar Rajah 2).

Bagi setiap tonggak dalam 3P, liputan perlindungannya adalah berbeza bergantung pada cara liputan itu dibiayai (Gambar Rajah 3). Peringkat pertama terdiri daripada keperluan asas atau juga dikenali sebagai tahap terendah perlindungan sosial, dan disediakan terutamanya oleh Kerajaan. Peringkat ini termasuk akses kepada penjagaan kesihatan dan keselamatan pendapatan asas bagi mengelakkan individu daripada jatuh ke dalam kancuh kemiskinan. Peringkat seterusnya ialah perlindungan yang diberikan oleh caruman mandatori, iaitu individu membayar peratusan kecil daripada gaji mereka untuk skim kecederaan dan keselamatan pendapatan. Ciri mandatori dasar-dasar ini memastikan wujudnya satu kumpulan pencarum yang besar dengan tahap risiko yang bercampur-campur. Hal ini merupakan aspek penting dalam skim caruman mandatori kerana aspek ini membolehkan individu yang secara relatif bergaji rendah untuk mendapatkan perlindungan pendapatan dan kecederaan.

Memandangkan dasar-dasar ini hanya menyediakan perlindungan kecederaan⁶ dan pendapatan asas, sektor swasta boleh melengkapinya dengan menyediakan perlindungan yang lebih komprehensif. Walau bagaimanapun, caruman secara sukarela melibatkan pembayaran premium yang secara relatif lebih tinggi

Gambar Rajah 2: Manfaat 3Ps dalam perlindungan sosial sebagai pelengkap antara satu sama lain




*Dasar pasaran pekerja aktif (*active labour market policies*, ALMPs) merujuk kesemua perbelanjaan sosial (selain untuk pendidikan) yang bertujuan meningkatkan kebolehpasaran pekerja atau meningkatkan keupayaan pendapatan mereka (definisi ringkas berdasarkan OECD dan ILO)

Sumber: Bank Negara Malaysia.

⁶ Dalam konteks ini, perlindungan kecederaan merujuk perlindungan terhadap kecederaan di tempat kerja, seperti yang disediakan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di Malaysia.

Gambar Rajah 3: Tahap liputan bagi dasar perlindungan sosial berdasarkan pembiayaan



Mekanisme pembiayaan

Caruman sukarela

Pengambilan skim insurans dan/atau skim persaraan swasta sebagai tambahan kepada perlindungan mandatori yang dipacu sektor awam

Caruman mandatori

Insurans sosial secara wajib dan/atau manfaat keselamatan sosial untuk pencarum (cth. pencen, insurans pendapatan, perlindungan kecederaan)

Keperluan asas yang lazimnya dibiayai Kerajaan

- ILO menggariskan empat jaminan penting yang perlu diberikan kepada pemastautin:
1. Akses kepada penjagaan kesihatan asas;
 2. Bantuan asas untuk kanak-kanak, akses kepada pemakanan seimbang, serta pendidikan, penjagaan dan keperluan asas lain;
 3. Jaminan pendapatan tahap asas bagi individu umur bekerja dengan pendapatan yang tidak mencukupi (cth. melalui bantuan kewangan), terutamanya jika disebabkan oleh penyakit, pengangguran, bersalin dan/atau kelainan upaya;
 4. Bantuan asas untuk warga emas.

* Tahap perlindungan merujuk kepada liputan perlindungan sosial. Namun, ini bergantung kepada mekanisme pembiayaan. Selain daripada keperluan asas, yang lazimnya disediakan oleh Kerajaan, liputan perlindungan sosial meningkat apabila mekanisme pembiayaan diperluas untuk merangkumi caruman mandatori dan caruman sukarela


Sumber: Bank Negara Malaysia, ILO dan rangka kerja Tahap Terendah Perlindungan Sosial oleh PBB

berbanding dengan skim mandatori, lantas memerlukan pekerja mempunyai pendapatan lebih tinggi untuk mampu membuat caruman tersebut. Oleh yang demikian, dasar-dasar ini bukan hanya untuk pembasmian kemiskinan malah meliputi usaha meningkatkan daya tahan pendapatan ke tahap yang lebih tinggi.

Sistem perlindungan sosial yang komprehensif juga akan mengambil kira kelemahan-kelemahan unik yang dihadapi pada peringkat kehidupan yang berbeza (Gambar Rajah 4). Lazimnya, dasar perlindungan cenderung ke arah penyediaan liputan perlindungan bagi kejadian luar jangka semasa tempoh seseorang itu masih bekerja memandangkan pada peringkat kehidupan ini, sebahagian besar daripada penduduk mempunyai pendapatan dan tanggungan kewangan. Walau bagaimanapun, pelbagai kelemahan wajar ditangani secara optimum bukan sahaja semasa tempoh seseorang itu masih bekerja tetapi juga pada peringkat kehidupan yang lain. Hal ini akan memastikan wujudnya peluang ekonomi yang sama rata, kualiti hidup dan kesepaduan sosial (Gambar Rajah 4).

Akhirnya, reka bentuk sistem perlindungan sosial yang teguh juga harus memastikan kelestarian dan kesinambungan jangka panjang. Oleh itu, pertimbangan reka bentuk hendaklah menyeluruh dan memberikan tumpuan pada keadaan khusus dan keutamaan sesebuah ekonomi. Contohnya, negara-negara yang berupaya merangka perlindungan sosial yang universal dan cekap bergantung pada kerajaan yang mempunyai keupayaan yang besar dan mampan untuk menjana pendapatan. Sekiranya kerajaan mendapati mereka kurang berupaya untuk menjana pendapatan, maka ciri keseimbangan perlu diwujudkan dalam reka bentuk dasar. Bagi menggambarkan keadaan ini, pelbagai modaliti perlindungan

Gambar Rajah 4: Perlindungan sosial berdasarkan pendekatan jangka hayat



Sumber: Bank Negara Malaysia, ILO

sosial Eropah yang ada pada hari ini boleh memberikan pemahaman lebih jelas mengenai langkah keseimbangan tersebut (Jadual 2).

Model perlindungan sosial Nordik pada amnya merupakan model yang komprehensif dan memberikan manfaat paling banyak. Sokongan diberikan secara universal kepada hampir kesemua kumpulan yang mudah terjejas dengan dibiayai perolehan yang besar hasil daripada kadar percukaian tinggi ke atas penduduk berpendapatan tinggi. Negara-negara yang mempunyai keupayaan menjana hasil percukaian yang kurang berbanding dengan negara-negara Nordik mungkin menghadapi masalah untuk menerima pakai model ini. Berdasarkan kesanggupan membayar cukai yang lebih rendah ini, model Anglo-Saxon menyediakan penjagaan kesihatan secara universal tetapi bergantung pada pendekatan yang berdasarkan kemampuan (*means-tested*) untuk penyediaan bantuan dalam bentuk lain. Model Bismarckian yang digunakan oleh negara Jerman menumpukan terutamanya pada perlindungan sosial yang disediakan menerusi pasaran pekerja. Akhir sekali, model Mediterranean menunjukkan contoh cara kerajaan masih boleh memberikan sokongan meskipun dengan sumber yang terhad. Negara-negara yang menerima pakai model ini (seperti Itali dan Sepanyol), bergantung pada kebajikan berorientasikan keluarga, khususnya penjagaan kesihatan (cth. dengan menyediakan manfaat cukai atau pindahan tunai untuk penjagaan keluarga).⁷

Kesemua model ini menekankan perlunya keseimbangan dalam reka bentuk dasar bagi memastikan sistem perlindungan sosial kekal mampan untuk jangka panjang, melainkan penambahbaikan yang lebih menyeluruh dapat dilakukan ke atas kutipan hasil. Bagi Malaysia, walaupun pendekatan semasa negara ini lebih mirip model Anglo-Saxon, liputannya lebih terhad berbanding dengan model tersebut. Hal ini menegaskan perlunya kajian semula terhadap dasar perlindungan sosial dan perumusan semula dasar tersebut.

⁷ Pendekatan berbilang generasi untuk perlindungan sosial dengan unit keluarga sebagai sumber keselamatan ini juga boleh dilihat di Eropah Timur. Rujuk Leon dan Migliavacca (2013) untuk keterangan lanjut mengenai model kebajikan berorientasikan 'Keluargaan' seperti di Itali dan Sepanyol.

Jadual 2: Perbandingan model kebajikan di Eropah

	Nordik	Anglo-Saxon	Kontinental / Bismarckian	Mediterranean / Selatan
Tahap kemiskinan	Rendah	Rendah	Sederhana	Tinggi
Tahap percukaian	Tinggi	Sederhana	Sederhana	Rendah
Ciri-ciri utama	Liputan bantuan menyeluruh, dibiayai oleh kerajaan	Beberapa bantuan secara menyeluruh (cth. penjagaan kesihatan) tetapi lebih mengutamakan bantuan yang bersasar	Beberapa bantuan secara menyeluruh (cth. penjagaan kanak-kanak) tetapi lebih mengutamakan jaminan pekerjaan dengan insurans sosial dan undang-undang buruh	Kebajikan terutamanya untuk unit keluarga. Namun, kerajaan menyediakan perlindungan yang besar untuk warga emas (cth. bayaran pencen, persaraan awal)
Sumber utama pembiayaan perlindungan sosial	Kerajaan dan pihak berkuasa tempatan; percukaian bertujuan untuk pengagihan semula	Bantuan pengangguran dibiayai kerajaan; bantuan untuk pekerja dibiayai insurans sosial	Berteraskan sektor swasta dengan kebergantungan tambahan terhadap insurans sosial	Berteraskan sektor swasta; kerajaan tempatan; perlindungan keluarga dan sendiri
Kelebihan	Sangat saksama dan progresif	Bantuan komprehensif dengan kadar percukaian yang sederhana	Pekerja menikmati tahap perlindungan dan bantuan yang tinggi	Perlindungan komprehensif untuk golongan berusia (cth. bayaran pencen, akses kepada perkhidmatan awam)
Kelemahan	Sukar dilaksanakan di negara berpendapatan rendah	Cabaran pelaksanaan seperti masa menunggu yang lama dan kekurangan pembiayaan dalam jangka masa panjang	Perlindungan yang lebih rendah bagi pekerja berpendapatan rendah dan pekerja yang sukar mendapatkan pekerjaan akibat terlalu bergantung pada insurans sosial	Pada amnya, perlindungan yang tidak mencukupi untuk keseluruhan populasi


Sumber: Berdasarkan Popova et al. (2013)

Memberikan Nafas Baharu kepada Sistem Perlindungan Sosial Malaysia

Evolusi sistem perlindungan sosial Malaysia

Sama seperti negara membangun yang lain, sistem perlindungan sosial di Malaysia telah bermula seawal tempoh selepas negara mencapai kemerdekaan. Perlindungan sosial disediakan pada awalnya melalui program awam yang memberikan tumpuan pada jaringan keselamatan sosial melalui penyediaan keperluan asas seperti pendidikan, penjagaan kesihatan dan kemudahan sanitasi. Perlindungan ini kemudiannya dilengkapi dengan pembangunan asas dasar insurans sosial dan dasar pasaran pekerja aktif (*active labour market policies*, ALMP) (Gambar Rajah 5). Meskipun hal ini merupakan langkah yang penting ke arah membangunkan sistem perlindungan sosial yang komprehensif di Malaysia, sebahagian besar daripada langkah-langkah tersebut diperkenalkan sebagai tindak balas semasa ekonomi menghadapi tekanan. Oleh itu, kajian semula yang sistematik, teliti dan holistik terhadap sistem perlindungan sosial perlu dibuat bagi memastikan dasar perlindungan sosial yang lebih komprehensif, inklusif, mampan dan lengkap untuk mencapai objektif yang dihasratkan.

Gambar Rajah 5: Evolusi dasar perlindungan sosial di Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dasar Ekonomi Baru (DEB), yang diperkenalkan pada tahun 1971, melakarkan kemajuan yang sangat besar ke arah membasmi kemiskinan.⁸ Usaha ini menghasilkan penurunan mendadak dalam kemiskinan mutlak,⁹ iaitu daripada 12.9% daripada jumlah penduduk pada awal 1980-an kepada sekitar 0.2% daripada jumlah penduduk pada tahun 2015. Kadar ini adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan nisbah kemiskinan global yang berada pada 26.6% daripada jumlah penduduk dunia pada tahun 2015. Walaupun kemajuan yang luar biasa dicapai dari segi pembasmian kemiskinan mutlak, kemiskinan secara relatif¹⁰ yang diukur berada pada tahap 16.9% daripada jumlah isi rumah pada tahun 2019 menunjukkan bahawa penambahbaikan yang besar masih boleh dibuat. Keadaan ini menekankan betapa pentingnya untuk melengkapkan sokongan pendapatan dengan ALMP bagi meningkatkan produktiviti dan menambah pendapatan secara berterusan, khususnya bagi golongan berpendapatan rendah.

Landasan bagi sistem insurans sosial juga telah dibangunkan menerusi penubuhan KWSP pada tahun 1951 dan PERKESO pada tahun 1971. Kakitangan awam dilindungi oleh skim pencen Kerajaan, manakala pekerja sektor swasta dan juga majikan mereka diwajibkan untuk mencarum kepada skim persaraan sektor swasta KWSP seperti yang terkandung dalam Akta KWSP 1991. Skim ini, bersama-sama dengan skim insurans pekerjaan PERKESO, dan lebih terkini Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (*Self-Employment Social Security Scheme, SESS*)¹¹ yang diperkenalkan pada bulan Jun 2017 serta Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) yang diperkenalkan pada bulan Januari 2018, telah mengurangkan beberapa jurang dalam landskap insurans sosial Malaysia. Tumpuan Kerajaan sepanjang satu dekad yang lalu dalam menggalakkan skim persaraan

⁸ Kerajaan membelanjakan hampir satu pertiga daripada Perbelanjaan Pembangunan untuk langkah-langkah pembasmian kemiskinan (Mansor dan Awang, 2002).

⁹ Berdasarkan nisbah bilangan orang miskin yang dikira oleh Bank Dunia, pada \$3.20 sehari (PPP 2011).

¹⁰ Tidak seperti kemiskinan mutlak, yang diukur berdasarkan kemampuan keperluan asas, kemiskinan relatif diukur melalui perbandingan pendapatan median isi rumah. Isi rumah dianggap berada dalam kemiskinan relatif jika jumlah pendapatannya kurang separuh daripada pendapatan median semua isi rumah, yang berjumlah RM5,873 pada tahun 2019 (Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia). Bilangan isi rumah dalam kemiskinan relatif dapat dikurangkan, misalnya, dengan memastikan pertumbuhan pendapatan yang lebih tinggi untuk golongan yang berada di bawah dan di atas sedikit daripada paras kemiskinan, berbanding dengan pertumbuhan pendapatan golongan yang berada pada tahap pendapatan yang lebih tinggi. Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam rencana terbitan Khazanah Research Institute (KRI) pada tahun 2019 yang bertajuk "The Absolute vs. Relative Poverty Conundrum"

¹¹ SESS mewajibkan caruman oleh mereka yang bekerja sendiri dalam 20 sektor (cth. pengangkutan penumpang, perniagaan dalam talian, dan perikanan) pada 1 Jun 2017, sementara SIP berkuat kuasa pada 1 Januari 2018 dan menyediakan bayaran manfaat pengangguran.

swasta, misalnya dengan menubuhkan Pentadbir Pencen Swasta (*Private Pension Administrator*, PPA) serta memperkenalkan insentif percukaian untuk Skim Persaraan Swasta (*Private Retirement Scheme*, PRS) dan produk anuiti tertanggung pada tahun 2012, akan meningkatkan lagi keteguhan perlindungan sosial. Usaha juga telah diambil untuk meningkatkan mobiliti tenaga kerja di Malaysia. Pada tahun 2001, Kerajaan menubuhkan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (*Human Resources Development Fund*, HRDF) bagi mengekalkan serta meningkatkan kemahiran pekerja, perantis dan pelatih tempatan agar sejajar dengan keperluan perniagaan.

Sebagai tindak balas terhadap impak ekonomi akibat pandemik COVID-19 dan sekatan pergerakan yang dikenakan selepas itu, sistem perlindungan sosial nyata amat penting bagi memastikan golongan yang mudah terjejas dilindungi. Proses dan pangkalan data yang dibangunkan oleh pelbagai entiti Kerajaan memudahkan pelaksanaan langkah-langkah rangsangan yang cekap. Sebagai contoh, infrastruktur PERKESO yang sedia ada meletakkan asas bagi pembayaran subsidi upah, manakala pangkalan data yang diwujudkan untuk pembayaran Bantuan Sara Hidup (BSH, kini dinamakan Bantuan Prihatin Rakyat atau BPR) melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)¹² membolehkan pemberian wang tunai secara terus dan lancar kepada mereka yang memerlukan.

Secepat mana pun infrastruktur ini, magnitud dan skala pandemik COVID-19 telah mendedahkan beberapa jurang yang kritikal dalam sistem perlindungan sosial. Jurang ini muncul dalam bentuk keberkesanan, pelaksanaan serta kemampunan, yang melibatkan semua tonggak perlindungan sosial. Oleh itu, kajian semula secara holistik terhadap keseluruhan sistem perlindungan sosial adalah perlu bagi memastikan sistem ini terus dapat bertindak sebagai penstabil automatik semasa tempoh krisis. Penekanan harus diberikan kepada usaha memastikan penyampaian yang lebih cekap, perlindungan yang lebih baik bagi golongan paling mudah terjejas, dan mobiliti pekerja dapat ditingkatkan untuk mengurangkan pergantungan yang berlebihan terhadap jaringan keselamatan sosial.¹³

Jaringan keselamatan sosial: Pergantungan berlebihan pada program jaringan keselamatan sosial yang keupayaan sasaran dan pengesahannya lemah berisiko menjejaskan keberkesanan dasar

Pada masa ini, kebanyakan perbelanjaan fiskal untuk program perlindungan sosial di Malaysia adalah untuk program jaringan keselamatan sosial. Keadaan ini terutamanya disebabkan oleh pengurusan dasar yang berasingan oleh pelbagai agensi pada peringkat Persekutuan dan Negeri.¹⁴ Meskipun perbelanjaan agak besar, iaitu sebanyak RM17.1 bilion pada tahun 2019 (1.1% daripada KDNK¹⁵), jumlah pembayaran untuk setiap program lazimnya kecil dan tidak mencukupi bagi memastikan isi rumah yang paling mudah terjejas dapat mencapai pendapatan dan taraf hidup minimum. Hal ini disebabkan oleh peruntukan yang diagihkan kepada lebih 60 program. Dasar berasingan juga mengakibatkan pertindihan dan bantuan yang sama diberikan (cth. sokongan pendidikan) serta diuruskan oleh beberapa kementerian yang berbeza (Jadual 3). Secara tidak langsung, keadaan ini bersama-sama dengan kewujudan pelbagai pangkalan data¹⁶ yang diuruskan oleh banyak agensi¹⁷ telah menjadikan pengesahan dan penguatkuasaan sangat mencabar selain mengakibatkan ketirisan (cth. isu penerimaan bantuan berganda atau *double-dipping*).

Mekanisme penyasaran program-program ini kepada kumpulan berpendapatan 40% terendah (B40) juga memerlukan penilaian semula yang teliti. Berdasarkan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (*Household Income and Expenditure Survey*, HIES), isi rumah di bawah nilai ambang Pendapatan Garis

¹² LHDN ialah pihak berkuasa yang mengutip cukai di Malaysia.

¹³ Perspektif berbeza serta saranan dasar mengenai topik ini boleh dirujuk dalam rencana: "Penyusunan Semula yang Menyeluruh: Isu Struktur Pasaran Pekerja dalam Dunia Pasca-COVID-19".

¹⁴ Kementerian yang bertanggungjawab menguruskan program jaringan keselamatan sosial termasuklah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat; Kementerian Kesihatan; Kementerian Pendidikan; Kementerian Sumber Manusia; Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah; Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani; serta jabatan dan agensi awam lain (Samad dan Shahid, 2018).

¹⁵ Berdasarkan *Atlas of Social Protection Indicators of Resilience and Equity* (ASPIRE) Bank Dunia, negara serantau membelanjakan jumlah yang sama untuk jaringan keselamatan sosial. Berdasarkan data terkini yang ada, negara-negara ini termasuk Vietnam (2016: 1.9% daripada KDNK), Kemboja (2015: 0.9% daripada KDNK), Filipina (2016: 0.7% daripada KDNK), Indonesia (2016: 0.7% daripada KDNK) dan Thailand (2011: 0.5% daripada KDNK).

¹⁶ Selain itu, rekod untuk beberapa program jaringan keselamatan sosial ini juga masih diuruskan secara manual.

¹⁷ Tahap birokrasi yang tinggi dan kurangnya penyelarasan berpusat juga akan mengurangkan kecekapan pembayaran kerana penerima yang layak perlu membuat permohonan melalui beberapa entiti, masing-masing dengan proses pengesahan mereka sendiri.

Jadual 3

Program Perlindungan Sosial pada Tahun 2019

	JKM	KPM	MoF/ LHDN	JAKOA	Lain-lain
Jaringan Keselamatan Sosial	9	8	3	1	1
Bantuan kelainan upaya	3				
Bantuan pendidikan	1	5	2	1	
Bantuan kekeluargaan	2				
Bantuan perumahan	1				1
Bantuan pendapatan	1		1		
Bantuan warga emas	1				
Bantuan pemakanan		3			
Insurans Sosial					4
Skim pencen					2
Insurans pekerjaan					2
Dasar Pasaran Pekerja Aktif	4	3			9
Bantuan pendidikan		3			
Insentif pekerjaan	2				
Bantuan secara sekali bayaran	1				
Latihan/Keusahawanan	1				5
Dasar pasif					3
Pemadanan pekerjaan					1
Lain-lain	3	5	1		9
Bantuan pendidikan		5			
Bantuan secara sekali bayaran	3				
Subsidi pengguna			1		
Rumah mampu milik					9

Akronim merujuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pendidikan (KPM), Kementerian Kewangan (MoF), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

Sumber: Kompilasi data yang boleh didapati secara umum oleh Bank Negara Malaysia yang mungkin tidak menyeluruh.

Kemiskinan (PGK)¹⁸ menerima peratusan paling kecil peruntukan BSH pada tahun 2019. Walaupun kumpulan isi rumah ini mencakupi 17.4% daripada jumlah isi rumah B40, mereka hanya menerima 12% daripada jumlah peruntukan pada tahun itu.¹⁹ Keupayaan pengesahan yang lemah²⁰ juga membawa kepada kejadian ralat rangkuman dan pengecualian yang tinggi secara relatif (Rajah 1).²¹ Sebagai contoh, pengesahan untuk menentukan kelayakan BSH adalah berdasarkan terutamanya pada data LHDN. Data ini hanya merangkumi mereka yang mempunyai pekerjaan dalam sektor formal, lantas menyukarkan pengesahan kelayakan bagi mereka yang bekerja sendiri dan pekerja dalam sektor tidak formal. Keberkesanan program-program ini juga dibatasi oleh kurangnya mekanisme untuk penerima keluar daripada program jaringan keselamatan sosial kerana program-program ini tidak bersepadu dan tidak dihubungkan dengan ALMP. Hal ini secara tidak langsung meningkatkan pergantungan yang berlebihan oleh penerima pada program jaringan keselamatan sosial sebagai sumber pendapatan dan mungkin tidak dapat membantu mengatasi kemiskinan antara generasi dalam jangka panjang.²²

¹⁸ Pada tahun 2019, PGK ialah RM2,208.


¹⁹ Peratusan ini adalah anggaran kakitangan Bank berdasarkan data HIES 2019.

²⁰ Bank Dunia (2015).

²¹ Ralat rangkuman merujuk pemberian bantuan kepada mereka yang tidak layak, manakala ralat pengecualian menandakan kegagalan untuk menjangkau mereka yang memerlukan lantas mengakibatkan pemberian bantuan terkurang (Sumber: Wheeler, Hurrell, & Devereux, 2015).

²² Penerbitan Khazanah Research Institute (KRI) iaitu "Mendaki Tangga: Mobiliti Sosio-Ekonomi di Malaysia" pada tahun 2016 menekankan kepentingan akses kepada pendidikan dan mempunyai ibu bapa yang memiliki simpanan untuk meraih peningkatan mobiliti sosioekonomi. Walau bagaimanapun, kertas perbincangan KRI pada tahun 2019 bertajuk "A rising tide lifts all boats? Intergenerational social mobility in Malaysia" mengetengahkan jurang data dalam analisis ekonomi antara generasi. Hal ini perlu dipertimbangkan sebagai ruang penambahbaikan pada masa hadapan.

Rajah 1: Pecahan isi rumah yang menerima BSH pada Tahun 2019



Sumber: Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) 2019 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia; anggaran BNM

Usaha untuk mengukuhkan perlindungan sosial negara akan mendapat manfaat yang besar dengan perumusan pelan hala tuju pembaharuan yang merangkumi pembentukan satu pangkalan data bersepadu bagi sistem perlindungan sosial di Malaysia. Pendekatan pembaharuan perlindungan sosial ini telah dilaksanakan di beberapa negara termasuk Brazil, Filipina dan Chile. Memandangkan terdapat lebih 60 program di bawah pelbagai agensi dan kementerian pada masa ini, pertimbangan serius perlu dibuat untuk menggabungkan program jaringan keselamatan sosial di bawah program utama BPR, dan dilengkapi dengan pengkategorian yang lebih terperinci.²³ Jumlah program yang lebih kecil dan kriteria yang lebih terperinci berdasarkan pendapatan dan saiz isi rumah akan membolehkan pembayaran yang lebih bersasar dan berkesan serta menggalakkan lagi sifat progresif²⁴ dasar-dasar ini. Lebih penting lagi, penggabungan program akan membolehkan pembayaran yang lebih besar kepada golongan yang paling mudah terjejas tanpa menggugat kemampuan fiskal. Bagi mengurangkan ralat rangkuman dan pengecualian, keupayaan pengesahan boleh ditambah baik dengan memperkenalkan syarat pendaftaran wajib dengan LHDN untuk semua warganegara tanpa mengira tahap pendapatan mereka. Langkah ini juga akan memperluas liputan pangkalan data LHDN. Bagi melengkapkan program jaringan keselamatan sosial dan menggalakkan peserta keluar daripada program (*graduation*) tersebut, syarat-syarat juga boleh dikenakan untuk layak mendapatkan manfaat. Antaranya, penerima

²³ Lebih banyak perincian diperlukan apabila mengkategorikan penerima BPR. Di bawah skim semasa, dua isi rumah dengan pendapatan bulanan RM2,501 dan RM3,999 akan menerima bantuan yang sama, walaupun tahap mudah terjejas mereka berbeza.

²⁴ Sebagai contoh, menjadikan keutamaan pelaksanaan pemberian manfaat sebagai wahana untuk mengecilkan jurang semasa dalam memenuhi pendapatan dan taraf hidup minimum. Natijah daripada ini adalah mewujudkan lebih banyak peringkat pembayaran bagi dasar jaringan keselamatan sosial untuk memastikan isi rumah yang paling mudah terjejas menerima sokongan paling besar.

hendaklah mendaftar untuk mengikuti program latihan semula (*reskilling*) dan peningkatan kemahiran (*upskilling*) di bawah ALMP atau keperluan kehadiran di sekolah untuk anak-anak mereka.²⁵

Insurans sosial: Perlindungan pencen yang tidak mencukupi dan beban fiskal pencen awam yang semakin meningkat

Insurans sosial di Malaysia berdepan beberapa cabaran terutamanya dari segi kecukupan dan kemampunan. Hal ini disukarkan lagi oleh pertambahan penduduk Malaysia yang semakin berusia.²⁶ Kecukupan pendapatan persaraan merupakan isu kritikal pekerja sektor swasta tatkala Malaysia bergerak ke arah status 'negara berusia'²⁷ dengan nisbah tanggungan tua dijangka meningkat daripada 8.5% pada tahun 2015 kepada 16.6% pada tahun 2040 (Rajah 2).²⁸ Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh KWSP pada tahun 2018, dua daripada tiga pencarum aktif KWSP diunjurkan tidak mempunyai simpanan persaraan yang mencukupi untuk dijadikan pencen minimum sebanyak RM1,000 sebulan.²⁹ Sebaliknya, skim persaraan swasta pula memberikan sokongan terhad bagi menangani isu ini, memandangkan kurang 3% daripada tenaga kerja Malaysia (berumur 20-59 tahun) mempunyai akaun Skim Persaraan Swasta (*Private Retirement Scheme*, PRS).³⁰ Tambahan pula, keupayaan populasi B40 yang bekerja untuk menghadapi kejutan pendapatan, seperti hilang upaya kekal dan kematian pencari nafkah, tidak mencukupi memandangkan kadar penembusan insurans swasta bagi segmen ini adalah rendah pada 24.9%³¹ pada tahun 2017. Bagi kakitangan sektor awam, akan timbul isu kemampunan fiskal yang disebabkan oleh peningkatan liabiliti daripada skim pencen manfaat tertakrif. Pada tahun 2019, bahagian liabiliti pencen kepada jumlah Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan telah meningkat kepada 9.8% daripada 6.5% pada tahun 2009.³²

Rajah 2: Nisbah tanggungan tua



Nota: Nisbah tanggungan tua ditakrifkan sebagai nisbah antara populasi tanggungan tua (jumlah penduduk yang berumur lebih daripada 64 tahun) dan populasi golongan umur usia bekerja (orang berumur antara 15 hingga 64 tahun)

Sumber: Unjuran penduduk, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016

Insurans sosial: Kurangnya liputan untuk pekerja sektor tidak formal dan yang bekerja sendiri

Selain isu kecukupan dan kemampunan, liputan juga tidak mencukupi untuk pekerja sektor tidak formal dan yang bekerja sendiri (Gambar Rajah 6). Reka bentuk skim keselamatan sosial semasa hanya memberikan

²⁵ Syarat kehadiran di sekolah untuk anak-anak penerima bantuan telah berjaya di Brazil, yang menetapkan keperluan ini dalam program pemindahan wang tunai bersyarat mereka, *Bolsa Familia*.

²⁶ Takrifan penduduk berusia ialah apabila bahagian penduduk berusia 65 tahun ke atas adalah antara 7% hingga 13% daripada jumlah penduduk.

²⁷ Bahagian penduduk berusia 65 tahun ke atas melebihi 14% daripada jumlah penduduk.

²⁸ Kadar peralihan Malaysia daripada negara semakin berusia kepada negara tua juga penting. Sebagai contoh, Perancis mengalami tempoh peralihan ini selama 115 tahun, manakala Malaysia dijangka mengalami peralihan ini dalam tempoh 25 tahun.

²⁹ Berdasarkan "*Social Protection Insight*" Jilid 3 oleh KWSP pada tahun 2018.

³⁰ Manulife Investment Management (2019). "*A zoom into Asia's pension reform journey: Different perspectives of a multi-pillar approach*".

³¹ Angka ini dikira sebagai peratusan individu B40 yang memiliki polisi insurans hayat individu atau sijil takaful keluarga, selepas menolak duplikasi daripada berbilang polisi. Segmen penerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) digunakan sebagai proksi untuk segmen B40.

³² Sebagai contoh, seperti di Thailand, bagi menggalakkan peralihan kepada skim caruman tertakrif untuk penjawat awam pada tahun 1997, Kerajaan secara automatik mendaftarkan semua pekerja baharu ke dalam skim caruman tertakrif. Namun begitu, skim pencen seumur hidup dikekalkan dengan manfaat yang lebih rendah.

Gambar Rajah 6: Skim insurans pekerjaan yang disediakan oleh PERKESO




*Menyediakan manfaat termasuk elaun pencarian pekerjaan (sehingga 6 bulan), elaun pendapatan berkurang, yuran latihan, elaun latihan dan lain-lain

Sumber: PERKESO, Laporan Survei Tenaga Buruh, Laporan Penyiasatan Guna Tenaga Sektor Informal, Bank Negara Malaysia

perlindungan kepada pekerja yang disenaraikan dalam pangkalan data PERKESO, yang terdiri daripada mereka yang bekerja dalam sektor formal. Hal ini menimbulkan cabaran untuk memberikan liputan kepada individu yang bekerja sendiri. Walaupun PERKESO berusaha menangani isu ini dengan memperkenalkan SESS pada tahun 2017, program ini masih kurang mendapat sambutan.³³ Jurang dalam ekosistem perlindungan keselamatan sosial juga berpunca daripada tiadanya dasar seperti SIP untuk pekerja dalam sektor tidak formal dan yang bekerja sendiri, serta mereka yang tidak bekerja sepenuhnya (*underemployed*).³⁴

Insurans sosial juga perlu memberikan penekanan yang tinggi terhadap usaha meningkatkan daya tahan terhadap kejutan ekonomi dan kewangan. Keutamaan boleh diberikan untuk memperluas liputan skim insurans sosial. Namun begitu, memandangkan sistem insurans sosial masih pada peringkat awal perkembangannya dan cabaran yang mungkin timbul dalam operasi dan pelaksanaannya, perluasan ini boleh dilaksanakan secara beransur-ansur (Gambar Rajah 7). Dalam tempoh terdekat, keutamaan adalah untuk mengatasi kekurangan simpanan persaraan bagi pekerja sektor swasta. Insentif seperti Padanan Caruman Tertakrif (*Matching Defined Contribution, MDC*)³⁵ boleh diperkenalkan untuk memupuk minat terhadap skim persaraan swasta. Bagi sektor awam, langkah ke arah skim caruman tertakrif bagi pekerja baharu perlu diberikan keutamaan, berikutan beban

Gambar Rajah 7: Pendekatan pelaksanaan berfasa boleh digunakan dengan mengutamakan perlindungan kepada keperluan yang paling mendesak



Sumber: Bank Negara Malaysia

³³ Pada permulaan gelombang pertama pandemik COVID-19 di Malaysia pada bulan Februari 2020, dianggarkan 47,000 individu (berbanding dengan 2.7 juta pekerja yang bekerja sendiri) mendaftar dalam SESS, dan 92% daripadanya adalah daripada sektor pengangkutan penumpang.

³⁴ Menurut ILO, guna tenaga tidak sepenuhnya (*underemployment*) merujuk penggunaan yang kurang daripada keupayaan produktif penduduk yang bekerja.

³⁵ Sebagai contoh, MDC digunakan oleh kerajaan-kerajaan untuk menggalakkan caruman kepada skim persaraan swasta. OECD mempertahankan penggunaan MDC sebagai alat untuk mendorong pekerja sektor tidak formal di Amerika Latin untuk mencarum kepada skim persaraan swasta. Berdasarkan jumlah pekerja sektor tidak formal di Malaysia yang agak tinggi, langkah yang sama boleh dipertimbangkan. (OECD, 2010).

yang dikenakan oleh sistem sedia ada terhadap kedudukan fiskal Kerajaan. Walau bagaimanapun, perkara ini boleh menimbulkan cabarannya yang tersendiri, terutamanya dalam memastikan minat yang berterusan untuk bekerja dalam perkhidmatan awam.

Dasar pasaran pekerja aktif (ALMP): Dasar yang tidak bersepadu menyebabkan akses yang rendah dan latihan yang ditawarkan tidak memenuhi permintaan industri

Bagi meningkatkan mobiliti pekerja dan mengurangkan pergeseran dalam proses pencarian dan penempatan pekerjaan, beberapa halangan dalam pelaksanaan dan reka bentuk ALMP perlu ditangani. Sama seperti isu yang dihadapi oleh program jaringan keselamatan sosial, terdapat duplikasi dan ketidaksepaduan³⁶ dalam ALMP, lantas mengakibatkan hubungan yang lemah antara program latihan semula dengan peningkatan kemahiran yang ditawarkan Kerajaan sejajar dengan permintaan industri.³⁷ Tidak banyak insentif diberikan untuk menggalakkan pendaftaran dalam ALMP yang tidak dihubungkan dengan tonggak perlindungan sosial yang lain.

Perancangan, pemantauan, dan akses kepada ALMP boleh ditingkatkan dengan membuat penilaian berkala terhadap dasar³⁸ yang dipacu oleh inisiatif strategik jangka panjang kebangsaan seperti Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) yang akan datang dan Pelan Strategik Penciptaan Pekerjaan Nasional (*National Job Creation Strategic Plan*). Langkah ini adalah untuk memastikan ALMP di Malaysia bukan sahaja memenuhi permintaan kemahiran sedia ada tetapi juga kemahiran yang diperlukan industri pada masa hadapan. Penubuhan Majlis Pekerjaan Negara (*National Employment Council, NEC*) pada tahun 2020 merupakan langkah yang tepat dalam menyelaraskan dan mengharmonikan dasar berkaitan tenaga kerja, termasuk memantapkan pelaksanaan dan pengurusan ALMP. Melangkah ke hadapan, masih ada keperluan untuk memastikan kerjasama yang berterusan dan kohesif serta meningkatkan sinergi antara pihak berkepentingan utama (iaitu Kerajaan, industri dan penyedia kursus). Mereka yang bertanggungjawab terhadap ALMP boleh bekerjasama rapat dengan TalentCorp bagi memastikan hasil daripada *Critical Occupations List (COL)*³⁹ boleh dijadikan panduan dalam perancangan penawaran kursus.⁴⁰ Apabila sinergi antara pihak berkepentingan meningkat serta kualiti kursus yang ditawarkan bertambah baik dan mampu memenuhi permintaan industri, latihan semula dan peningkatan kemahiran boleh dijadikan syarat kelayakan untuk program jaringan keselamatan sosial dan insurans sosial.⁴¹ Jaringan keselamatan sosial (cth. pemberian wang tunai) juga boleh menjadi pengganti pendapatan dan menggalakkan pekerja untuk mengikuti kursus ALMP, terutamanya mereka yang tidak boleh mengambil cuti kerana dibayar gaji harian. Bagi membolehkan ciri saling melengkapi tonggak perlindungan sosial berfungsi, penting bagi memastikan laman sesawang sehenti dibangunkan untuk pendaftaran, permohonan dan semakan kelayakan bagi semua program perlindungan sosial. Langkah ini akan memperluas jangkauan program sedia ada dan juga membolehkan pemohon yang layak mendapatkan maklumat tentang ciri saling melengkapi ini.

³⁶ Contohnya, pendidikan teknikal dan vokasional disediakan oleh tiga kementerian yang berasingan, iaitu Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Belia dan Sukan.

³⁷ HRDF menyatakan dalam sebuah laporan bahawa proses mereka mengenal pasti dan menganalisis keperluan latihan masih lemah.

³⁸ Majlis Pekerjaan Negara boleh memainkan peranan ini.

³⁹ TalentCorp ialah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (*Ministry of Human Resources, MOHR*) yang memacu agenda membangunkan dan mengekalkan tenaga mahir Malaysia. COL ialah penerbitan tahunan yang diterajui oleh TalentCorp dan Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (*Institute of Labour Market Information and Analysis, ILMIA*) untuk mengenal pasti ketidakseimbangan kemahiran dalam pasaran pekerja dan meletakkan asas untuk strategi dasar modal insan yang lebih luas.

⁴⁰ *Skills Framework (SFw)* di Singapura, contohnya, mengumpulkan maklumat yang relevan mengenai kerjaya dan kemahiran dalam pelbagai sektor daripada pelbagai pihak berkepentingan dan menerbitkan penemuannya secara dalam talian. Maklumat ini, yang merangkumi laluan kerjaya, peranan pekerjaan tertentu, kemahiran sedia ada dan yang baru muncul, dan program latihan yang tersedia membolehkan pekerja, majikan dan penyedia kursus membuat keputusan yang lebih berasaskan maklumat berdasarkan kemahiran yang baru muncul.

⁴¹ Bantuan bersyarat untuk program jaringan keselamatan sosial dan insurans sosial didapati telah meningkatkan pendaftaran dalam dasar pasaran pekerja aktif. Walau bagaimanapun, kajian mengenai keberkesanan keseluruhan bantuan bersyarat masih belum dapat dirumuskan dan sangat bergantung pada reka bentuk dasar. Dalam apa jua reka bentuk, ciri yang perlu diutamakan ialah keupayaan memberikan bantuan kepada kumpulan yang paling mudah terjejas dengan cekap.

Gambar Rajah 8: Pembaharuan dan penambahbaikan sistem perlindungan sosial



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kesimpulan

Pandemik COVID-19 yang telah menyaksikan kehilangan pendapatan yang belum pernah berlaku sebelum ini dan keadaan ekonomi yang ketara tidak stabil, telah menguji keberkesanan sistem perlindungan sosial semasa. Pembaharuan segera terhadap rangka kerja perlindungan sosial bukan sahaja akan meningkatkan perlindungan bagi golongan yang mudah terjejas malah dapat mengukuhkan daya tahan ekonomi negara. Pembaharuan ini perlu dilaksanakan secara menyeluruh dan terselaras untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya dalam jangka panjang. Reka bentuk program perlindungan sosial perlu memainkan peranan kitaran berbalas dengan memastikan program dilaksanakan dengan segera dan berkesan semasa kemerosotan ekonomi. Akhirnya, program-program ini perlu memperkukuh keselamatan ekonomi yang menjadi asas untuk membina masyarakat yang bersepadu dari segi sosial, inklusif dari segi ekonomi, dan juga menawarkan peluang yang sama rata kepada semua.

Rujukan

Alesina et al. (2001). "Why Doesn't the US Have a European-Style Welfare State?". Harvard Institute of Economic Research.

Darmaraj (2017). "The Long-Term Financial Sustainability of the Civil Service Pension Scheme in Malaysia".

Employees Provident Fund (2018). "Social Protection Insight: A Better Tomorrow, Volume 3".

Esping-Andersen (1999). "Social Foundations of Postindustrial Economies".

Holzmann et al. (2008). "Pension Systems and Reform Conceptual Framework". World Bank.

International Labour Organization (2014). "A Chronology of Employment Protection Legislation in Some Selected European Countries".

International Labour Organization (2019). "The Socioeconomic Impacts of COVID-19 in Malaysia: Policy Review and Guidance for Protecting the Most Vulnerable and Supporting Enterprises".

International Labour Organization (2019). "What Works: Promoting Pathways to Decent Work".

Immervol (2009). "Minimum-Income Benefits in OECD Countries: Policy Design, Effectiveness and Challenges". OECD.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (2014). "Report on JKM Statistics 2014".

Khazanah Research Institute (2016). "Mendaki Tangga: Mobiliti Sosio-Ekonomi di Malaysia".

Khazanah Research Institute (2019). "The Absolute vs Relative Poverty Conundrum".

Khazanah Research Institute (2019). "A Rising Tide Lifts All Boats? Intergenerational Social Mobility in Malaysia".

Klein (2014). "Welfare Spending Across the OECD". Financial Times.

Koutronas (2020). "Social Protection For All: The Next Step for Malaysian Welfare".

Leon and Migliavacca (2013). "Italy and Spain: Still the Case of Familistic Welfare Models?".

Mansor and Awang (2002). "The Role of Social Safety Nets in Malaysia: Trends and Prospects".

Mansor et al. (2014). "Social Security in Malaysia: Stock-take on Players, Available Products and Databases".

Manulife Investment Services (2019). "A Zoom into Asia's Pension Reform Journey: Different Perspectives of a Multi-Pillar Approach".

Mathers and Slater (2014). "Social Protection and Growth: A Research Synthesis". Department of Foreign Affairs and Trade, Australia.

Nomura (2019). "The Pension System in Thailand".

OECD (2010). "Social Protection for All: How to Cover Middle-Sector Workers with Informal Jobs".

OECD (2014). "Social Expenditure Update: Insights from the OECD Social Expenditure Database (SOCX), November 2014".

Popova et al. (2013). "Interdependence of HDI and Budget Redistribution within the Scandinavian and Continental Social Models".

Samad and Shahid (2018). "Social Protection Programmes in Malaysia. Do We Need Integration?".

Schaechter et al. (2012). "Fiscal Rules in Response to the Crisis—Toward the "Next-Generation" Rules". IMF.

Wheeler et al. (2015). "Targeting Social Transfer Programmes: Comparing Design and Implementation Errors Across Alternative Mechanisms".

World Bank (2008). "For Protection and Promotion: The Design and Implementation of Effective Safety Nets".

World Bank (2015). "The State of Social Safety Nets 2015".

World Bank (2015). "Social Protection for a Productive Malaysia".

Prospek dan Dasar pada Tahun 2021

84	<i>Rencana: Inovasi Malaysia: Ke Arah Pertumbuhan Masa Hadapan Berkualiti Tinggi Selepas Pandemik</i>
98	<i>Rencana: Penyusunan Semula yang Menyeluruh: Isu Struktur Pasaran Pekerja dalam Dunia Pasca-COVID-19</i>
115	<i>Rencana: Pembelian Aset oleh Bank Pusat</i>

Prospek dan Dasar pada Tahun 2021


2021: PEMULIHAN YANG BERANSUR-ANSUR DAN TIDAK SEKATA, SEMENTARA KETIDAKPASTIAN TERUS KETARA

Pertumbuhan global dijangka pulih dengan pemberian vaksin dan sokongan dasar yang berterusan

Pada tahun 2021, ekonomi global dijangka terus pulih secara beransur-ansur pada landasan yang tidak sekata (Rajah 2.1). Prospek pertumbuhan global akan terus dipengaruhi oleh perkembangan utama berhubung dengan pandemik COVID-19, terutamanya pemberian vaksin, peralihan struktur pada peringkat global yang terus berlaku dan tahap kerosakan ekonomi yang berpanjangan. Setakat ini, penunjuk pengeluaran dan perdagangan berfrekuensi tinggi memperlihatkan tanda-tanda bahawa pemulihan pertumbuhan global pada keseluruhannya kekal menurut jangkaan (Rajah 2.2 dan 2.3) meskipun terdapat penularan semula kes COVID-19 dan pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan yang lebih ketat di beberapa negara. Meskipun pemulihan global dijangka berlaku, sokongan dasar yang berterusan adalah sangat penting bagi mengekalkan momentum pertumbuhan keseluruhan dalam keadaan ketidakpastian yang tinggi.

Pemberian vaksin COVID-19 akan memberikan sokongan kepada pertumbuhan global pada tahun 2021. Namun demikian, kesannya berbeza-beza dalam kalangan setiap negara disebabkan oleh perbezaan masa, kepantasan dan skala pengagihan. Berikutan pemberian vaksin di pelbagai negara, langkah-langkah pembendungan dijangka akan


Rajah 2.1: Pertumbuhan KDNK Benar dan Perdagangan Peringkat Global



a Anggaran
r Ramalan

Sumber: World Economic Outlook (WEO) Januari 2021 oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)


Rajah 2.2: Indeks Pengurus Pembelian (PMI) Komposit



Sumber: IHS Markit

dilonggarkan secara beransur-ansur. Pelonggaran ini akan memudahkan penyambungan semula aktiviti yang sebelum ini terbatas, mengurangkan kekangan bekalan dan meningkatkan perbelanjaan. Sempadan antarabangsa juga dijangka kembali dibuka secara berperingkat, bermula dengan pengaturan gelembung perjalanan antara negara

Rajah 2.3: Pertumbuhan Eksport Barangan dan Pengeluaran Industri Peringkat Global



Sumber: CPB Netherlands Bureau for Economic Policy Analysis

di mana keadaan COVID-19 terkawal menjelang akhir tahun 2021. Perkembangan ini akan merangsang peningkatan semula aktiviti pelancongan rentas sempadan, tetapi berkemungkinan akan kekal di bawah tahap pada tahun 2019. Pemberian vaksin juga dijangka dapat meningkatkan sentimen apabila keresahan terhadap COVID-19 beransur reda. Kadar pemulihan pertumbuhan di setiap negara akan bergantung pada kemampuan negara itu untuk menguruskan cabaran berkaitan logistik dan perolehan vaksin dalam keadaan kekangan bekalan dan pengutamaan keperluan dalam negeri oleh negara pengeluar vaksin, khususnya pada peringkat awal pengeluaran vaksin. Negara-negara yang mempunyai akses langsung kepada vaksin berserta keupayaan logistik yang kukuh bagi memastikan pemberian vaksin secara tepat pada masanya dan berkesan, terutamanya dalam ekonomi maju (Advanced Economies, AE) dan ekonomi sedang pesat membangun (Emerging Market Economies, EME) yang menjadi pengeluar vaksin seperti RR China, India dan Rusia, dijangka akan mengalami pemulihan pertumbuhan yang lebih pantas.

Melangkaui isu vaksin, peralihan struktur pada peringkat global yang sedang berlaku dijangka memberikan sokongan terhadap peningkatan beransur-ansur pelaburan dan perdagangan rentas sempadan. Dalam jangka pendek, peningkatan permintaan terhadap peralatan untuk bekerja dari jarak jauh dan pendigitalan perniagaan boleh mendorong peningkatan dalam kitaran teknologi. Hal ini akan menguntungkan pengeluaran perkilangan, pelaburan dan eksport dalam ekonomi yang merupakan sebahagian daripada rantai nilai elektrik dan elektronik (electrical and electronics,

E&E) global, khususnya ekonomi serantau. Di AE, Perjanjian Perdagangan dan Kerjasama EU-UK telah mengalihkan risiko utama yang boleh memperlambatkan aktiviti perdagangan EU-UK, iaitu senario “no-deal Brexit”. Trend harga komoditi global dijangka akan meningkat, mencerminkan prospek permintaan yang semakin baik. Negara pengeksporth bersih komoditi akan memperoleh manfaat daripada hasil yang lebih tinggi, berserta potensi limpahan kepada sektor yang berkaitan rapat dengan sektor komoditi. Harga komoditi yang lebih tinggi dan pemulihan permintaan juga mungkin membawa kepada tekanan inflasi merentas ekonomi namun pada tahap yang kecil. Hal ini kerana lebih kapasiti ekonomi dijangka tetap wujud pada tahun 2021.

Sejajar dengan peningkatan aktiviti ekonomi, keadaan pasaran pekerja diunjurkan pulih, meskipun tidak sekata dan tidak sepenuhnya, disebabkan oleh tahap kerosakan jangka lebih panjang yang berbeza merentas ekonomi. Pemulihan kadar pengangguran dan penyertaan tenaga kerja, walaupun tidak sepenuhnya, berkemungkinan lebih cepat berlaku di negara yang pasaran pekerja lebih fleksibel, misalnya dalam kebanyakan ekonomi maju dan sesetengah ekonomi serantau¹. Apabila syarikat kurang mengalami pergeseran dalam pengambilan pekerja, individu akan menghadapi risiko yang lebih rendah untuk berhadapan dengan pengangguran jangka panjang setelah diberhentikan kerja. Situasi ini mengehadkan kesan kerosakan jangka panjang akibat kehilangan pekerjaan dan pendapatan tetap. Sokongan dasar yang berterusan juga akan memudahkan keadaan pasaran pekerja kembali ke tahap normal secara beransur-ansur. Contoh yang jelas termasuk sokongan fiskal tambahan di AS dan penstabil automatik yang utuh di kawasan euro, seperti skim penggantian upah di Jerman dan Perancis. Meskipun terdapatnya sokongan dasar, keadaan pasaran pekerja di EME lain mungkin bertambah baik dengan lebih perlahan kerana pasaran pekerja yang kurang fleksibel melambatkan kadar pekerjaan diwujudkan dan turut terhalang oleh peningkatan bilangan pekerja yang diberhentikan

¹ Kesimpulan daripada indeks fleksibiliti pasaran pekerja oleh Miller, Roberts dan Kim (2020). Indeks ini mempunyai tujuh komponen - (i) nisbah upah minimum kepada purata nilai ditambah bagi setiap pekerja, (ii) halangan pengambilan pekerja baharu, (iii) waktu bekerja yang ketat, (iv) kesukaran memecat pekerja, (v) tempoh notis wajib mengikut undang-undang, (vi) gaji pemberhentian wajib, dan (vii) penyertaan tenaga kerja. Ekonomi maju (tidak termasuk kawasan euro), seperti AS dan Jepun, serta ekonomi serantau, seperti Singapura, Malaysia dan Thailand, mempunyai pasaran pekerja yang lebih fleksibel berbanding dengan ekonomi sedang pesat membangun utama yang lain.

untuk jangka panjang daripada tenaga kerja. Secara keseluruhan, pemulihan kegiatan ekonomi dijangka masih akan mengatasi pemulihan dalam keadaan pasaran pekerja.

Susulan penurunan mendadak pada tahun 2020, permintaan swasta dalam negeri dijangka kembali pulih. Namun, kadar pemulihan merentas ekonomi akan bergantung pada tahap keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik dan kemampuan syarikat untuk memanfaatkan peluang dalam kebiasaan baharu. Penggunaan swasta dalam ekonomi utama dan serantau akan dikukuhkan oleh pemulihan yang lebih cepat dari segi pendapatan, selain peningkatan sentimen berikutan pemberian vaksin. Syarikat dalam sektor terpilih, seperti E&E serta industri berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi (information and communication technology, ICT), dijangka akan membuat pelaburan dalam pengembangan kapasiti untuk memenuhi permintaan, seterusnya memberikan sokongan terhadap pelaburan global. Sebagai contoh, di rantau ini, pelaksanaan infrastruktur 5G² yang dipercepat akan merangsang pelaburan. Walaupun hutang semasa isi rumah dan korporat bukan kewangan kekal tinggi merentas AE dan EME, unjuran peningkatan pendapatan dijangka dapat menampung keperluan perbelanjaan dan pembiayaan hutang.

Tindakan dasar yang agresif telah mengelakkan natijah pertumbuhan yang lebih teruk pada tahun 2020. Sokongan dasar yang berterusan, yang akan kekal responsif terhadap perkembangan pandemik, dijangka dapat mengekalkan pemulihan pertumbuhan global pada tahun 2021. Di Jepun dan AS, pakej rangsangan baharu telah diperkenalkan disebabkan oleh peningkatan semula kes COVID-19. Walau bagaimanapun, pengubahsuaian dasar dijangka akan dibuat secara lebih meluas berdasarkan kadar pemulihan ekonomi. Kesannya, rangsangan fiskal lebih kecil berbanding dengan tahun 2020. Hal ini selaras dengan jangkaan bahawa COVID-19 akan kurang menjejaskan kadar pemulihan, apabila ekonomi mula bertindak balas terhadap penyebaran wabak yang selanjutnya dengan cara yang mengurangkan gangguan terhadap aktiviti pengeluaran. Sebagai contoh, RR China mengenakan sekatan pergerakan

bersasar berserta ujian massa, pantas dan rawak (*mass, rapid and random*, MRR) untuk menangani kenaikan semula kes di wilayah Utara dan Timur Laut negara tersebut pada bulan Januari 2021, lantas mengehadkan gangguan bekalan. Namun demikian, memandangkan kesan kerosakan ekonomi yang berpanjangan akibat pandemik masih sukar untuk diukur, pembuat dasar mungkin memilih untuk mengekalkan sokongan dasar semasa secara lebih bersasar, menerusi pengubahsuaian ruang dasar secara beransur-ansur dalam jangka sederhana. Sebagai contoh, EU telah menengguhkan peraturan untuk mengehadkan hutang awam dan defisit fiskal dalam Pakatan Kestabilan dan Pertumbuhan (Stability and Growth Pact) selepas tahun 2021 sehingga kegiatan ekonomi Negara Anggota mencapai tahap pra-krisis, bagi memastikan fleksibiliti dalam memperhalusi dasar fiskal untuk menyokong pemulihan ekonomi.

Keadaan monetari dan kewangan global dijangka terus menyokong pemulihan pertumbuhan meskipun volatiliti berterusan dalam pasaran kewangan

Secara meluas, dasar monetari global juga dijangka terus menyokong pertumbuhan. Komitmen terhadap persekitaran kadar faedah yang 'kekal rendah dalam jangka lebih panjang' (*'low-for-longer'*) di AE utama, seperti AS dan kawasan euro, mungkin mengekalkan keadaan monetari dan kewangan global yang menggalakkan dalam jangka yang lebih panjang. Di EME utama, dasar monetari konvensional dan bukan konvensional³ yang akomodatif akan menyokong permintaan. Dasar-dasar ini akan mengurangkan risiko keadaan kewangan menjadi ketat terlalu awal, yang boleh menjejaskan pemulihan perbelanjaan sektor swasta.

Walaupun begitu, kadar hasil bon kerajaan jangka panjang di AS mula melonjak pada bulan Januari 2021, didorong oleh jangkaan inflasi yang lebih tinggi berikutan ekonomi dijangka pulih dengan lebih cepat. Hal ini telah menyebabkan keluk kadar hasil bon kerajaan semakin mencuram dalam AE

² Syarikat pengendali mudah alih di Asia Pasifik akan membelanjakan kira-kira USD331 bilion perbelanjaan modal antara tahun 2020 hingga 2025 untuk pelaksanaan 5G. Sembilan negara, termasuk Thailand dan Singapura telah melancarkan perkhidmatan 5G mudah alih komersial, sementara dua belas negara, termasuk Indonesia dan Malaysia, telah mengumumkan rancangan untuk melancarkan 5G (Global System for Mobile Communications Association, 2020).

³ Dasar monetari yang bukan konvensional menggunakan alat selain daripada penyesuaian kadar faedah dasar untuk mempengaruhi keadaan pembiayaan, seperti panduan masa hadapan, pembelian aset, dan kemudahan pendanaan berjangka.

dan EME lain. Volatiliti pasaran kewangan global juga meningkat dan akan berterusan sekali-sekala pada masa hadapan. Berlatarkan keadaan ini, terdapat keperluan untuk memastikan pelarasan yang teratur dalam pasaran kewangan dan keadaan kewangan yang kondusif bagi memastikan pemulihan ekonomi yang lebih kukuh.

Meskipun dengan perkembangan terbaharu ini, bank-bank pusat utama terus mengekalkan pendirian bahawa dasar monetari akan kekal akomodatif dalam keadaan lebih kapasiti ekonomi, tekanan inflasi sementara, dan ketidakpastian yang berlanjutan mengenai kekukuhan pemulihan pertumbuhan. Oleh itu, keadaan monetari dan kewangan yang pada amnya longgar di seluruh dunia akan terus menyokong keadaan kewangan domestik dalam kalangan EME. Namun begitu, keadaan kewangan yang mudah dalam keadaan kesanggupan pelabur mengambil risiko yang tinggi juga boleh membentuk ketidakseimbangan dalam sektor kewangan dan sektor luaran secara serentak. Hal ini berpotensi mengakibatkan sesebuah negara semakin terdedah terhadap kejutan luaran. Pembuat dasar perlu berwaspada terhadap risiko-risiko ini, yang boleh mempengaruhi kemampuan pemulihan pertumbuhan.

Imbangan risiko terus cenderung kepada pertumbuhan global yang lebih perlahan, dalam keadaan ketidakpastian yang berterusan akibat pandemik

Ketidakpastian yang tinggi tetap timbul daripada pelbagai sumber meskipun ekonomi global dijangka pulih. Hal ini terutamanya melibatkan keberkesanan pelaksanaan program pemvaksin merentas negara-negara di dunia dan tempoh sokongan dasar. Ketidakpastian ini boleh menjejaskan pertumbuhan global disebabkan oleh tingkah laku berhati-hati dalam kalangan syarikat dan isi rumah.

Punca utama risiko pertumbuhan global yang lebih perlahan masih melibatkan pertimbangan tentang pandemik. Pertimbangan ini termasuk pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan yang ketat dan meluas disebabkan oleh penularan semula COVID-19 yang mengakibatkan gangguan

ekonomi. Tambahan pula, pemberian vaksin yang lebih perlahan daripada jangkaan disebabkan oleh cabaran berkaitan logistik atau kelewatan penghantaran vaksin oleh pembekalnya boleh menjejaskan sentimen dan mengakibatkan langkah pembendungan yang lebih ketat. Akhir sekali, mutasi besar virus COVID-19 mungkin menjadikan vaksin yang sedia ada kurang berkesan dan wujud semula risiko sekatan pergerakan penuh kembali dikenakan. Kesan kerosakan berpanjangan ekonomi yang lebih teruk, disebabkan oleh kehilangan pekerjaan tetap dan penutupan perniagaan secara meluas, juga boleh melemahkan pertumbuhan global dalam jangka panjang.

Risiko pertumbuhan global yang lebih perlahan tidak terbatas pada faktor berkaitan pandemik. Peningkatan volatiliti pasaran kewangan dunia boleh mencetuskan kebalikan aliran modal daripada EME, seterusnya mengakibatkan pelarasan kadar pertukaran secara mendadak dan keadaan kewangan domestik menjadi ketat. Keadaan kewangan mungkin menjadi semakin ketat sekiranya berlaku dedahan terhadap ketidakseimbangan⁴ sektor kewangan sedia ada, terutama dalam EME yang mudah terjejas yang mempunyai hutang sektor swasta yang tinggi. Di samping itu, jika jangkaan inflasi dalam ekonomi utama menjadi tidak terkawal, keadaan ini boleh mengakibatkan pelarasan yang tidak teratur dalam pasaran kewangan global. Faktor risiko lain seperti keadaan cuaca melampau boleh mengakibatkan gangguan mendadak terhadap pengeluaran dan pendapatan, lantas menjejaskan ekonomi berpendapatan rendah secara tidak seimbang dalam keadaan ruang dasar yang lebih terhad. Akhirnya, peningkatan langkah-langkah perlindungan (*protectionist measures*) serta rantai bekalan yang tidak lagi global (*deglobalisation*) juga boleh menjejaskan produktiviti dan menghalang pemulihan pertumbuhan global.

Walaupun begitu, terdapat beberapa potensi peningkatan dalam prospek pertumbuhan global. Pertumbuhan global boleh mengatasi jangkaan melalui pemberian vaksin yang lebih cepat berserta


⁴ Tinjauan Kestabilan Kewangan Global Januari 2021 (Global Financial Stability Review, GFSR) mencatatkan beberapa kelemahan kewangan yang jelas sebelum pandemik atau muncul sejak pandemik, termasuk peningkatan hutang korporat dan berdaulat, kelemahan sektor institusi kewangan bukan bank, serta penurunan keberuntungan sektor perbankan dalam beberapa ekonomi (Tabung Kewangan Antarabangsa, 2021)

jangkauan vaksin yang lebih meluas, terutamanya di EME. Ekonomi global boleh memperoleh manfaat melalui dua cara. Pertama, langkah pembendungan boleh dihentikan secara berperingkat di lebih banyak negara pada kadar yang lebih cepat. Hal ini mengurangkan halangan terhadap aktiviti perniagaan dan keadaan penghindaran risiko yang disebabkan kebimbangan berhubung dengan pandemik. Kedua, sentimen positif boleh berlaku lebih awal dan lebih nyata, lalu merangsang pemulihan perbelanjaan sektor swasta. Sumber lain bagi risiko pertumbuhan menjadi tinggi ialah sokongan fiskal yang dilanjutkan atau pada tahap yang lebih besar daripada jangkaan, yang mampu menyokong pemulihan terhadap permintaan yang lebih pantas, seperti di AS, atau mengurangkan kesan kejutan ekonomi luar jangka.

Ekonomi Malaysia diunjurkan kembali meningkat kepada antara 6.0% hingga 7.5% pada tahun 2021

Pemulihan ekonomi dalam negeri, yang telah bermula pada separuh kedua tahun 2020, dijangka berterusan pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, pemulihan ini dijangka tidak sekata dan akan ditentukan oleh beberapa faktor, termasuk perkembangan berhubung dengan pandemik COVID-19 dan pemberian vaksin, tahap limpahan luar negeri, perkembangan khusus sektor dan tahap keadaan pasaran pekerja bertambah baik. Dalam persekitaran operasi yang sangat tidak menentu, langkah-langkah dasar secara bersasar akan terus menjadi teras dalam menyokong pertumbuhan pada masa hadapan.

Rajah 2.4: Pertumbuhan KDNK Malaysia



r Ramalan
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Perkembangan pandemik COVID-19 masih menjadi faktor utama yang mempengaruhi trajektori pertumbuhan Malaysia pada tahun 2021, terutamanya mengenai tahap dan tempoh langkah-langkah pembendungan dan pemberian vaksin. Malaysia memulakan tahun 2021 dengan langkah-langkah pembendungan diperketatkan di kebanyakan negeri yang mengalami penularan semula kes sejak akhir tahun 2020⁵. Sekatan dan sentimen yang lemah berlaku berikutan perkembangan pandemik yang tidak menentu mungkin akan menjejaskan lagi perbelanjaan pada awal tahun 2021. Walau bagaimanapun, impak keseluruhan pada tahun 2021 dijangka tidak begitu teruk berbanding dengan tahun 2020 disebabkan oleh pendekatan yang lebih longgar dan lebih bersasar bagi membendung penularan semula COVID-19. Secara khusus, fleksibiliti kepada lebih banyak sektor ekonomi untuk beroperasi akan mengurangkan gangguan penawaran dan permintaan. Syarikat dan pengguna juga boleh membuat penyesuaian dengan lebih baik terhadap keperluan penjarakan fizikal dan prosedur operasi lain bagi membendung penularan jangkitan.

Pemberian vaksin pada peringkat dalam negeri yang bermula pada bulan Februari 2021 akan meningkatkan sentimen sedikit dan perbelanjaan pengguna secara serentak. Walau bagaimanapun, disebabkan pemberian vaksin secara besar-besaran untuk merangsang imuniti kelompok dijangka mengikut fasa, pemulihan sentimen mungkin berlaku secara beransur-ansur. Sehubungan dengan itu, aktiviti pelancongan antarabangsa ke Malaysia mungkin tidak akan disambung semula sepenuhnya untuk mengehadakan penularan komuniti dan kes import.

Meskipun dalam keadaan COVID-19, satu perkembangan positif yang berlaku ialah limpahan luar negeri berikutan pemulihan yang meluas dalam permintaan global. Perkembangan ini akan menyokong kegiatan pengeluaran dan pelaburan dalam negeri, serta kegiatan eksport. Syarikat-syarikat dalam industri berorientasikan eksport dan sektor-sektor yang menyokongnya akan

⁵ Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 pada mulanya dilaksanakan di lima negeri, iaitu Selangor, Pulau Pinang, Johor, Melaka dan Sabah, serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dari 13 hingga 26 Januari 2021. PKP 2.0 kemudiannya dilaksanakan di Kelantan dan Sibul, Sarawak. Berikutan jumlah kes yang terus tinggi, PKP 2.0 dilanjutkan sehingga 4 Mac 2021 di Selangor, Pulau Pinang, Johor dan Kuala Lumpur, dan sehingga 18 Februari 2021 bagi semua negeri dan wilayah persekutuan lain, kecuali Sarawak.

meraih manfaat daripada permintaan dalam negeri yang bertambah baik di negara-negara rakan perdagangan utama serta kitaran menaik teknologi global. Secara khusus, peningkatan permintaan terhadap peralatan kerja dari jarak jauh dan produk berkaitan perubatan merupakan petanda baik untuk syarikat dalam industri perkilangan, terutamanya E&E kerana Malaysia merupakan bahagian penting daripada rantai nilai global. Melangkaui semua perkembangan ini, pemulihan harga komoditi dan permintaan global seharusnya meningkatkan pengeluaran komoditi dan hasil eksport.

Faktor-faktor khusus kepada sektor lain dalam negeri, seperti pengeluaran yang lebih tinggi daripada fasiliti perkilangan dan perlombongan yang baharu dan yang sedia ada, serta pelaksanaan projek infrastruktur besar yang meningkat akan memberikan rangsangan kepada kegiatan ekonomi keseluruhan. Sementara itu, perkhidmatan yang berhubung rapat dengan pelanggan (*high-touch services*) dijangka pulih dengan lebih perlahan disebabkan oleh sentimen pengguna yang bertambah baik secara lebih beransur-ansur dan perbelanjaan pelancong asing yang terhad, lalu menyumbang kepada pemulihan yang tidak sekata merentas sektor. Oleh itu, banyak syarikat telah melaraskan model perniagaan mereka, termasuk peralihan kepada platform e-dagang dalam talian untuk memenuhi kecenderungan pengguna yang berubah kepada membeli belah dalam talian. Keadaan ini akan membolehkan syarikat memenuhi permintaan dalam jangka pendek, dan yang penting, menjurus kepada pencapaian produktiviti yang lebih tinggi dalam jangka masa panjang.

Dengan meningkatnya kegiatan ekonomi secara meluas, keadaan pasaran pekerja dijangka bertambah baik secara beransur-ansur. Langkah sedia ada bagi memudahkan mobiliti pekerja dan mengurangkan gangguan atau kerosakan yang berpanjangan dalam pasaran pekerja. Susulan jumlah pemberhentian pekerja yang tinggi dan kemerosotan pendapatan ketika kemuncak krisis COVID-19 pada tahun 2020, terdapat tanda-tanda guna tenaga semula⁶ yang menggalakkan dan pemulihan paras pendapatan yang dijangka berterusan pada tahun 2021. Langkah dasar secara bersasar telah tersedia untuk mengekalkan pemulihan ini dengan menyokong permintaan pekerja

dan mengurangkan pergeseran pasaran pekerja apabila individu yang menganggur kembali mencari kerja. Keadaan ini khususnya akan memanfaatkan pekerja yang berada dalam industri mudah terjejas akibat COVID-19 seperti industri berkaitan runcit dan pelancongan. Langkah-langkah penting untuk melindungi pekerjaan tersebut termasuk program subsidi pendapatan bersasar, pelbagai peluang peningkatan kemahiran dan latihan semula kemahiran, serta sambungan pemberian elaun tuntutan pengangguran Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) bagi mereka yang diberhentikan kerja.

Keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik dijangka memainkan peranan utama dalam pemulihan penggunaan swasta. Meskipun masih terdapat segelintir isi rumah yang akan terus terjejas oleh kesan buruk akibat pandemik, bantuan dasar yang diteruskan untuk golongan tersebut dijangka menyokong perbelanjaan. Sama penting bagi pemulihan pertumbuhan ialah peningkatan dalam aktiviti pelaburan yang diunjurkan pada masa hadapan. Penambahan perbelanjaan modal oleh syarikat, terutama sekali dalam bidang kritikal seperti pendigitalan, pengautomasian dan pengangkutan, akan merangsang pertumbuhan jangka pendek dan mengukuhkan keupayaan pengeluaran pada masa hadapan. Import dijangka meningkat secara keseluruhan, mencerminkan pengembangan penggunaan dan aktiviti pelaburan dalam negeri, serta permintaan luar negeri.

Selain itu, langkah dasar telah sedia ada untuk menyokong momentum pertumbuhan di samping membantu segmen yang mudah terjejas akibat perkembangan COVID-19. Antaranya ialah lanjutan kepada langkah yang diperkenalkan pada tahun 2020, Belanjawan 2021, serta pakej bantuan PERMAI dan PEMERKASA. Langkah penting untuk meringankan beban kewangan individu yang terjejas termasuk pindahan tunai Bantuan Prihatin Nasional, Bantuan Prihatin Rakyat dan Bantuan Kehilangan Pendapatan, pengeluaran tunai i-Sinar dan i-Lestari⁷ daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), dan Bantuan Bayaran Balik Pinjaman Secara Bersasar. Selain itu, pelbagai pelepasan dan insentif cukai juga akan meningkatkan perbelanjaan pengguna keseluruhan. Bagi perniagaan, geran khas, subsidi upah dan Kemudahan Bantuan

⁶ Kadar penempatan pekerjaan yang lebih tinggi dapat dilihat pada separuh kedua tahun 2020 (31 penempatan bagi setiap 100 tuntutan pengangguran, ST1 2020:15)

⁷ Kemudahan ini membolehkan ahli KWSP mengeluarkan sebahagian daripada dana akaun simpanan mereka untuk mengurangkan kekangan aliran tunai, terutamanya bagi individu yang terjejas sepanjang tempoh krisis COVID-19

dan Pemulihan Secara Bersasar diberikan kepada syarikat dalam sektor perkhidmatan yang terjejas teruk. Pelengkap langkah tersebut ialah dasar monetari yang terus akomodatif dan keadaan pembiayaan yang menyokong, yang akan mengekalkan persekitaran yang kondusif untuk memulihkan permintaan dalam negeri apabila kesan buruk daripada krisis COVID-19 semakin berkurang.

Dalam persekitaran yang sangat tidak menentu dan berubah-ubah dengan cepat, risiko pertumbuhan Malaysia diunjurkan pertumbuhan cenderung rendah. Risiko utama pertumbuhan menjadi perlahan termasuk peningkatan jumlah kes COVID-19 yang seterusnya mengakibatkan langkah pembendungan yang selanjutnya, meskipun secara bersasar, serta pemberian vaksin yang lebih lambat daripada

jangkaan atau ketidakberkesanan vaksin yang boleh menyebabkan tingkah laku yang lebih berjaga-jaga. Kelemahan berterusan terhadap kejutan pengeluaran komoditi dalam negeri juga boleh menjejaskan pertumbuhan asas. Selain itu, ketidakpastian ekonomi yang lebih tinggi pada peringkat global dan dalam negeri boleh mengakibatkan volatiliti pasaran kewangan yang lebih tinggi, seterusnya mencetuskan keadaan kewangan domestik yang ketat. Namun demikian, risiko untuk pertumbuhan menjadi tinggi mungkin berpunca daripada pertumbuhan global yang lebih tinggi daripada jangkaan, pemberian vaksin yang lebih awal daripada jangkaan serta kesan sokongan dasar yang lebih kukuh daripada jangkaan, dan permintaan terpendam (*pent-up demand*) yang direalisasikan berikutan langkah pembendungan yang ditamatkan.

Permintaan dalam negeri kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi

Pada tahun 2021, pertumbuhan dijangka bertambah baik, disokong oleh pemulihan ekonomi global dan aktiviti ekonomi dalam negeri yang lebih baik. Walau bagaimanapun, akibat peningkatan kes COVID-19 sejak akhir tahun lalu, pertumbuhan dijangka terjejas pada awal tahun 2021 disebabkan oleh kesan daripada langkah pembendungan dalam negeri. Namun demikian, pertumbuhan akan terus mendapat sokongan permintaan dalam negeri yang meningkat, terutamanya perbelanjaan sektor swasta. Sementara itu, peningkatan ekonomi global pula dijangka mendorong kepada pemulihan permintaan luar negeri lantas memberikan manfaat kepada eksport Malaysia tahun ini. Prestasi juga akan ditingkatkan oleh pelaksanaan projek-projek infrastruktur, terutamanya projek berkaitan pengangkutan. Selain itu, pertumbuhan juga akan disokong oleh penerusan dasar monetari yang akomodatif serta bantuan bersasar di bawah langkah-langkah fiskal dan pembiayaan.

Pertumbuhan **penggunaan swasta** dijangka meningkat semula kepada 8.0% pada tahun 2021, disokong oleh pendapatan dan guna tenaga keseluruhan yang beransur-ansur baik, serta pelonggaran sekatan pergerakan berbanding tahun 2020. Sentimen pengguna juga dijangka bertambah baik secara beransur-ansur berikutan pelaksanaan program pemberian vaksin, terutamanya pada separuh kedua tahun ini. Selain itu, langkah-langkah dasar yang lebih bersasar sedia ada untuk menyokong perbelanjaan, terutamanya bagi isi rumah yang mudah terjejas. Langkah-langkah ini termasuk pengeluaran i-Sinar dan i-Lestari KWSP, pindahan tunai Bantuan Prihatin Nasional, Bantuan Prihatin Rakyat dan Bantuan Kehilangan Pendapatan, pelbagai pelepasan dan insentif cukai, serta Bantuan Pembayaran Balik Pinjaman Bersasar. Pada masa hadapan, perbelanjaan isi rumah juga akan dipengaruhi oleh perubahan dalam trend penggunaan. Kadar pemulihan yang bercapah (*divergent*) antara perbelanjaan untuk barangan dan perkhidmatan keperluan asas serta perbelanjaan untuk item budi bicara (*discretionary items*) dijangka berterusan pada tahun 2021. Hal ini kerana perbelanjaan berkaitan libur mungkin kekal sederhana. Pembelian dalam talian yang semakin meningkat sejak tercetusnya pandemik juga mungkin berterusan dan ini sekali gus boleh mengurangkan sebahagian daripada kesan kemerosotan dalam perbelanjaan secara fizikal semasa larangan pergerakan bersasar kekal dikuatkuasakan. Oleh itu, keupayaan syarikat untuk mengubah model perniagaan mereka bagi memenuhi permintaan yang bertambah dalam kebiasaan baharu dan merangsang perbelanjaan budi bicara, sebahagiannya akan menyokong penggunaan swasta.

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) diunjurkan kembali pulih kepada 7.8% (2020: -14.5%), disokong oleh peningkatan perbelanjaan modal sektor swasta dan awam. Perbelanjaan modal yang lebih tinggi akan dipacu oleh pemulihan pelaburan dalam struktur, dan jentera dan peralatan (M&E) ekoran peningkatan aktiviti ekonomi global dan dalam negeri.

Jadual 1

KDNK Benar Mengikut Perbelanjaan (2015=100)

	2020a	2020a	2021r	2020a	2021r
	% daripada KDNK	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)	
Pemintaan Dalam Negeri¹	93.9	-5.7	7.4	-5.4	7.0
Perbelanjaan sektor swasta	75.2	-6.0	7.4	-4.5	5.6
Penggunaan	59.5	-4.3	8.0	-2.5	4.8
Pelaburan	15.7	-11.9	5.4	-2.0	0.8
Perbelanjaan sektor awam	18.7	-4.6	7.4	-0.8	1.4
Penggunaan	13.4	4.1	4.4	0.5	0.6
Pelaburan	5.2	-21.4	15.2	-1.3	0.8
Pembentukan Modal Tetap Kasar	20.9	-14.5	7.8	-3.4	1.6
Perubahan dalam stok	-0.4			0.7	-0.3
Eksport Bersih Barangan dan Perkhidmatan	6.5	-12.3	4.8	-0.9	0.3
Eksport	61.6	-8.8	13.1	-5.6	8.1
Import	55.1	-8.3	14.1	-4.7	7.8
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar	100.0	-5.6	6.0 ~ 7.5	-5.6	6.0 ~ 7.5

¹ Tidak termasuk stok

a Awalan

r Ramalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan **pelaburan swasta** dijangka meningkat kepada 5.4% (2020: -11.9%), berikutan pemulihan secara beransur-ansur dalam permintaan luar negeri sejajar dengan pemberian vaksin yang mula dijalankan pada skala yang lebih besar. Pertumbuhan juga akan disokong oleh kemajuan projek-projek besar yang sedang dijalankan, terutamanya dalam subsektor kejuruteraan awam, serta hasrat untuk melabur yang berterusan, terutamanya dalam sektor perkilangan. Keadaan ini jelas dilihat dalam jumlah kelulusan pelaburan yang berterusan bagi pengeluaran E&E, keluaran petroleum, dan keluaran besi. Selain itu, langkah yang diumumkan dalam Belanjawan 2021, termasuk insentif pelaburan, elaun cukai dan pelaksanaan projek-projek utama untuk memacu pembangunan ekonomi digital seperti yang dirangka dalam Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital), akan terus menyokong aktiviti pelaburan swasta.

Pelaburan awam juga diunjurkan meningkat sebanyak 15.2% (2020: -21.4%). Peningkatan ini akan dipacu oleh perbelanjaan Kerajaan Am dan perbadanan awam yang dijangka bertambah baik susulan pelaksanaan berterusan projek infrastruktur berskala besar seperti ECRL, MRT2, dan Lebuhraya Pan Borneo. Berikutan langkah pembendungan pada suku pertama tahun 2021 yang lebih longgar berbanding dengan tahun 2020, dan juga aktiviti ekonomi yang akan terus meningkat mulai suku kedua, pelaksanaan kebanyakan projek infrastruktur dijangka akan mengikut jadual, malah ada yang dijangka dapat disiapkan lebih awal daripada jadual. Contohnya, projek ECRL yang 20% siap pada akhir tahun 2020, adalah lebih awal daripada jadual, dan disasarkan mencapai kadar kemajuan 30% pada akhir tahun 2021⁸. Perbelanjaan aset tetap Kerajaan akan disalurkan terutamanya ke dalam projek pengangkutan, pendidikan, utiliti awam, perumahan dan penjagaan kesihatan. Selain itu, pelaburan untuk meningkatkan infrastruktur digital dan kesalinghubungan di seluruh negara, serta pelaksanaan projek berskala kecil seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2021 dan pakej PEMERKASA akan meningkatkan lagi pertumbuhan.

Pertumbuhan **penggunaan awam** dijangka terus berkembang sebanyak 4.4% (2020: 4.1%), selaras dengan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang meningkat. Sebahagian besarnya akan disokong oleh perbelanjaan berkaitan dengan COVID-19, termasuklah pemerolehan vaksin dan pengurusan logistik.

⁸ Laman sesawang Malaysia Rail Link, 6 Januari 2021.

Semua sektor ekonomi mencatatkan pertumbuhan

Semua sektor ekonomi diunjurkan mencatatkan pertumbuhan positif pada tahun 2021. Trajektori pertumbuhan yang semakin baik ini disokong oleh kekukuhan permintaan luar negeri, khususnya dalam produk dan perkhidmatan digital tatkala dunia terus menyesuaikan diri dengan “kebiasaan baharu”. Selain itu, penyambungan aktiviti ekonomi secara beransur-ansur berikutan pematuhan sektor perniagaan terhadap Prosedur Operasi Standard (Standard Operating Procedure, SOP) COVID-19, dan pemberian vaksin di seluruh negara dijangka memberikan dorongan pertumbuhan yang meluas. Walau bagaimanapun, kadar pemulihan rentas industri adalah berbeza mengikut dedahan setiap industri kepada penularan COVID-19 dan juga sekatan operasi ekoran langkah-langkah pembendungan. Kebanyakan industri dijangka hanya mencatatkan pertumbuhan positif pada suku kedua memandangkan pelaksanaan PKP 2.0 bermula pada suku pertama tahun ini.

Jadual 1

KDNK Benar Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi (2015=100)

	2020a	2020a	2021r	2020a	2021r
	% daripada KDNK	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan) ¹	
Perkhidmatan	57.7	-5.5	6.6	-3.2	3.8
Perkilangan	23.0	-2.6	8.8	-0.6	2.0
Perlombongan dan pengkuarian	6.8	-10.0	3.1	-0.7	0.2
Pertanian	7.4	-2.2	4.2	-0.2	0.3
Pembinaan	4.0	-19.4	13.4	-0.9	0.5
Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Benar	100.0¹	-5.6	6.0 ~ 7.5	-5.6	6.0 ~ 7.5

¹ Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

a Awalan

r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Sektor perkhidmatan dijangka mencatatkan pemulihan pertumbuhan pada tahun 2021. Subsektor maklumat dan komunikasi, serta kewangan dan insurans dijangka menerajui pemulihan disebabkan oleh peningkatan permintaan untuk penyelesaian digital, terutamanya dalam e-dagang dan e-pembayaran. Walau bagaimanapun, pelaksanaan semula PKP 2.0 pada awal tahun ini akan menjejaskan aktiviti dalam subsektor borong dan runcit. Selain itu, penutupan sempadan antarabangsa Malaysia akan terus menjejaskan industri berkaitan pelancongan (contohnya, makanan dan minuman, penginapan dan perjalanan udara).

Sektor perkilangan dijangka mencatatkan pertumbuhan yang teguh apabila pandemik COVID-19 mempercepat anjakan struktur ke arah pendigitalan, lantas mendorong permintaan untuk produk telekomunikasi, pengkomputeran awan (*cloud computing*) dan produk peranti kesihatan. Kluster E&E Malaysia akan mendapat manfaat daripada integrasinya yang kukuh dalam rantaian nilai global (*global value chains*). Pertumbuhan dalam kluster berkaitan sumber juga dijangka mendapat manfaat daripada peningkatan pengeluaran petroleum bertapis dan petrokimia daripada loji pengeluaran petrokimia yang besar di Johor. Dari segi faktor dalam negeri, pengeluaran kluster perkilangan berkaitan pembinaan juga akan disokong oleh peningkatan dalam aktiviti pembinaan projek infrastruktur yang besar. Pertumbuhan dalam kluster perkilangan berkaitan pengguna juga dijangka bertambah baik, sejajar dengan pemulihan dalam aktiviti penggunaan kerana kebanyakan industri pengguna utama dan rantaian bekalan mereka dijangka beroperasi tertakluk pada SOP. Selain itu, keputusan pengecualian cukai jualan kereta yang dilanjutkan oleh Kerajaan mampu merangsang pengeluaran kereta.

Pertumbuhan sektor pertanian dijangka berkembang terutamanya berikutan hasil daripada pemulihan pengeluaran minyak sawit. Hujan yang agak lebat daripada biasa pada awal tahun ini yang disebabkan oleh fenomena La Nina dijangka meningkatkan kadar hasil minyak sawit, terutamanya menjelang akhir tahun ini. Sementara itu, kenaikan harga getah asli akan meningkatkan aktiviti penorehan, manakala pertumbuhan yang berterusan dalam perbelanjaan isi rumah akan menyokong perkembangan kukuh dalam pengeluaran ternakan.

Aktiviti dalam sektor perlombongan dijangka pulih, meskipun terdapat penutupan terancang loji pengeluaran untuk tujuan penyelenggaraan pada separuh pertama tahun ini berikutan pelarasan bekalan secara sukarela yang diteruskan oleh PETRONAS. Sokongan timbal balas kepada pertumbuhan dijangka menjadi kenyataan pada separuh kedua tahun ini apabila kawasan telaga gas baharu mula beroperasi, selain peningkatan kapasiti loji PFLNG2 di Sabah dan Sarawak yang akan meningkatkan pengeluaran gas asli.

Pertumbuhan dalam sektor pembinaan juga dijangka meningkat semula, didorong oleh penyambungan semula aktiviti dalam semua subsektornya. Dalam subsektor kejuruteraan awam, pertumbuhan dijangka pulih selaras dengan peningkatan aktiviti pembinaan projek infrastruktur besar. Sementara itu, pelancaran projek perumahan mampu milik sejak beberapa tahun lalu akan terus menyokong aktiviti dalam subsektor kediaman. Pertumbuhan subsektor pertukangan khas dijangka semakin kukuh dengan sokongan daripada projek-projek tenaga solar, Jalinan Digital Negara (JENDELA), projek berskala kecil di bawah Belanjawan 2021 dan pakej rangsangan PEMERKASA, serta kerja-kerja peringkat akhir susulan penyiapan projek besar. Walau bagaimanapun, penyiapan projek komersial yang besar dijangka mengurangkan kadar pertumbuhan dalam subsektor bukan kediaman.

Keluaran potensi dan jurang keluaran ekonomi Malaysia

Keluaran potensi ialah paras keluaran tertinggi tanpa tekanan inflasi yang boleh dihasilkan dalam sesebuah ekonomi. Keluaran potensi menunjukkan landasan pertumbuhan ekonomi yang mampan berdasarkan faktor-faktor pengeluaran semasa (iaitu tenaga kerja, modal) dan tahap produktiviti.

Pada tahun 2020, pertumbuhan keluaran potensi dianggarkan menjadi sederhana kepada 3.3% (2019: 4.8%; purata 2011-2019: 4.9%). Pertama, aktiviti pelaburan mencatatkan penguncupan pada tahun 2020 (-14.5%; 2019: -2.1%) disebabkan oleh keadaan permintaan yang lembap, sentimen perniagaan yang lebih lemah dan ketidakpastian yang tinggi semasa pandemik COVID-19. Aktiviti pelaburan yang lembap dijangka menyebabkan produktiviti faktor menyeluruh (*total factor productivity*, TFP) yang lebih rendah kerana syarikat-syarikat mengurangkan pelaburan dalam modal produktif (sebagai contoh jentera & kelengkapan dan ICT). Kedua, jumlah penyertaan dalam tenaga kerja menurun sedikit (S4 2020: 68.5%; 2019: 68.7%), disebabkan oleh prospek pasaran pekerja yang lebih lemah dalam keadaan pengangguran yang meningkat pada tahun 2020. Tambahan pula, tempoh PKP serta SOP yang berkaitan telah menjejaskan produktiviti pekerja, yang seterusnya juga akan menjejaskan TFP.


Pertumbuhan keluaran sebenar sebanyak -5.6% pada tahun 2020 adalah jauh di bawah pertumbuhan keluaran potensi sebanyak 3.3%. Penurunan ini disebabkan oleh kejutan bekalan dan permintaan yang berlaku serentak sehingga menyebabkan sumber-sumber ekonomi tidak dapat digunakan sepenuhnya. Dari segi bekalan, sekatan kapasiti yang diperkenalkan khususnya semasa tempoh PKP dan langkah penjarakan fizikal telah menyebabkan aktiviti pengeluaran menurun. Dari segi permintaan, kelemahan keadaan permintaan di dalam dan luar negara telah menyebabkan penguncupan dalam penggunaan swasta dan pertumbuhan eksport pada tahun 2020.

Keadaan ini mengakibatkan jurang keluaran menjadi negatif (-8.5%; 2019: 0.2%) memandangkan keluaran sebenar jatuh di bawah keluaran potensi⁹. Kejatuhan ini mencerminkan kemerosotan ekonomi susulan penggunaan faktor pengeluaran yang tidak sepenuhnya. Kemerosotan ekonomi menyebabkan pelonggaran tekanan harga selanjutnya apabila kadar inflasi menurun kepada -1.2% (Inflasi teras: 1.1%).

Pada masa hadapan, jurang keluaran negatif dijangka mengecil pada tahun 2021. Pengecilan ini disebabkan oleh jangkaan pemulihan pertumbuhan keluaran sebenar kepada 6.0%-7.5%, yang mengatasi pertumbuhan keluaran potensi yang dianggarkan kekal lemah pada 3-4%. Pemulihan yang lebih perlahan dalam industri terpilih seperti sektor berkaitan pelancongan disebabkan oleh sekatan perjalanan antarabangsa dan pelaksanaan semula PKP 2.0 dijangka hanya menghasilkan pengecilan dalam jurang keluaran secara beransur-ansur.

⁹ Jurang keluaran secara formal didefinisikan sebagai $\frac{(\text{Paras keluaran sebenar} - \text{Paras keluaran potensi})}{\text{Paras keluaran potensi}} \times 100\%$.

Rajah 1: Keluaran Sebenar dan Potensi



r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan eksport dijangka pulih semula pada tahun 2021

Pertumbuhan eksport Malaysia dijangka pulih semula kepada 8.2% pada tahun 2021 (2020: -1.4%), berikutan penguncupan dua tahun berturut-turut. Pemulihan akan didorong terutamanya oleh permintaan luar negeri yang bertambah baik terutamanya daripada rakan eksport utama Malaysia, seperti AS dan RR China. Eksport Malaysia juga akan meraih manfaat daripada permintaan global yang kukuh untuk produk E&E, serta peningkatan harga dan pengeluaran komoditi.

Eksport perkilangan dijangka berkembang sebanyak 8.4% pada tahun 2021 (2020: 0.8%), disokong oleh peningkatan menyeluruh dalam segmen E&E dan bukan E&E. Peningkatan kapasiti dan bermulanya fasiliti pengeluaran E&E baharu akan membolehkan syarikat meraih manfaat daripada pengukuhan permintaan global untuk semikonduktor.

Dalam sektor bukan E&E, pertumbuhan eksport akan disokong oleh segmen terpilih. Segmen ini termasuk produk berkaitan getah seperti sarung tangan dan Peralatan Perlindungan Diri (Personal Protective Equipment, PPE). Selain itu, eksport keluaran berkaitan pembinaan, iaitu besi dan keluli serta pembuatan keluaran logam akan disokong oleh pemulihan aktiviti pelaburan di RR China. Eksport komoditi dijangka meningkat semula (3.3%; 2020: -12.5%), didorong oleh peningkatan harga dan pengeluaran komoditi. Eksport mineral dijangka pulih hasil daripada kenaikan harga minyak mentah dan gas asli. Dengan jangkaan bermulanya operasi telaga gas baharu pada separuh kedua tahun 2021, jumlah eksport gas asli dijangka bertambah.

Pertumbuhan import dijangka pulih

Import kasar dijangka pulih kembali kepada 9.1% pada tahun 2021 (2020: -6.3%), didorong terutamanya oleh pemulihan import barangan pengantara yang sejajar dengan peningkatan eksport barangan perkilangan. Pertumbuhan import modal juga dijangka pulih, disebabkan terutamanya oleh peningkatan pelaburan dalam

sektor perkilangan serta pelaksanaan projek infrastruktur berskala besar. Import barangan penggunaan akan didorong terutamanya oleh permintaan untuk makanan dan minuman yang diimport.

Akaun semasa terus mencatatkan lebihan

Imbangan akaun semasa diunjurkan terus mencatatkan lebihan, walaupun lebih rendah pada 2.5 – 3.5% daripada KDNK pada tahun 2021 (2020: 4.4% daripada KDNK). Lebihan akaun barangan dijangka lebih tinggi pada tahun 2021 kerana eksport barangan dijangka mengatasi pemulihan import dan meraih manfaat daripada harga komoditi yang lebih tinggi.

Eksport perkhidmatan dijangka kekal lembap, disebabkan terutamanya oleh penerimaan perjalanan yang lebih rendah berikutan jangkakan sekatan sempadan antarabangsa akan diteruskan. Pembayaran untuk perkhidmatan profesional dan teknikal dijangka meningkat apabila aktiviti pelaburan pulih. Oleh itu, defisit perkhidmatan dijangka lebih besar pada tahun 2021.

Akaun pendapatan dijangka mencatatkan defisit lebih besar disebabkan peningkatan pembayaran pendapatan FDI terakru kepada pelabur asing di Malaysia sejajar dengan aktiviti perkilangan yang bertambah baik. Pembayaran pendapatan FDI yang lebih tinggi dijangka mengatasi kenaikan pendapatan terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negara. Akaun pendapatan sekunder dijangka mencatatkan defisit lebih besar. Hal ini mencerminkan peningkatan pengiriman wang keluar oleh pekerja asing apabila aktiviti ekonomi bertambah baik, serta kesan asas yang besar daripada penyelesaian yang diterima berkaitan anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan) pada suku ketiga tahun 2020.

Jadual 1

Perdagangan Luar Negeri

	Purata 2015-2019	2020a	2021r
	Perubahan tahunan (%)		
Eksport kasar	5.6	-1.4	8.2
<i>antaranya:</i>			
Perkilangan	7.6	0.8	8.4
Pertanian	-0.6	8.7	-1.2
Perlombongan	-3.1	-29.6	8.9
Import kasar	4.7	-6.3	9.1
<i>antaranya:</i>			
Barangan modal	1.2	-9.8	4.6
Barangan perantaraan	3.1	-9.5	12.2
Barangan penggunaan	8.4	-0.3	6.9
Imbangan dagangan (RM bilion)	109.5	184.8	192.2

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 2

Akaun Semasa dalam Imbangan Pembayaran¹

Butiran (Bersih)	2020a	2021r
	RM bilion	
Barangan	139.1	161.7
Perkhidmatan	-48.0	-57.7
Pendapatan primer	-26.2	-41.6
Pendapatan sekunder	-2.8	-18.1
Imbangan akaun semasa	62.1	44.3
% daripada KDNK	4.4	2.5 - 3.5

¹ Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)

a Awalan
r Ramalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penganapan


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Purata inflasi keseluruhan lebih tinggi antara 2.5% hingga 4.0%, manakala inflasi asas akan kekal rendah pada tahun 2021

Pada tahun 2021, purata inflasi keseluruhan dijangka lebih tinggi, antara 2.5% hingga 4.0%, disebabkan terutamanya oleh faktor dorongan kos seperti jangkaan kenaikan harga minyak dunia serta luputnya kesan daripada rebat tarif elektrik bertingkat yang diperkenalkan pada bulan April 2020 (Rajah 2.5). Dari segi trajektori, inflasi keseluruhan diunjurkan melonjak bagi tempoh sementara pada suku kedua tahun ini, disebabkan terutamanya oleh asas yang lebih rendah berikutan penurunan harga bahan api dalam negeri¹⁰ pada tempoh yang sama tahun lalu. Namun begitu, inflasi keseluruhan dijangka menjadi sederhana pada separuh kedua tahun ini, selepas kesan asas ini luput.

Inflasi asas diunjurkan kekal rendah dalam keadaan lebihan kapasiti yang berterusan dalam ekonomi. Purata inflasi teras diunjurkan antara 0.5% hingga 1.5% pada tahun 2021 (Rajah 2.6). Meskipun keadaan ekonomi bertambah baik, jurang keluaran dijangka kekal negatif tahun ini, sebahagiannya disebabkan oleh kelemahan berterusan dalam industri terpilih. Secara keseluruhannya, inflasi asas dijangka kekal rendah, melainkan timbul faktor-faktor kos yang tidak dijangka, sehingga pemulihan yang lebih mantap dalam keadaan permintaan menyebabkan peningkatan harga.


Rajah 2.5: Inflasi Keseluruhan di Malaysia, Perubahan Tahunan (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

¹⁰ Purata harga bahan api runcit dalam negeri (RON95) pada S2 2020: RM1.37/liter; Setakat tahun ini (sehingga 31 Mac 2021): RM1.96/liter.

Rajah 2.6: Inflasi Teras di Malaysia, Perubahan Tahunan (%)



Nota: Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraannya juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai penggunaan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Walau bagaimanapun, prospek inflasi keseluruhan bergantung pada perkembangan harga minyak dan komoditi dunia. Inflasi juga tertakluk pada risiko pertumbuhan menjadi rendah, termasuk langkah pembendungan yang dilanjutkan walaupun bersasaran, yang masih boleh menjejaskan permintaan. Pemberian vaksin yang lebih perlahan daripada jangkaan juga boleh menjejaskan tahap pemulihan ekonomi, lantas mengurangkan tekanan inflasi. Namun begitu, risiko inflasi menjadi tinggi juga masih kekal dan berpunca daripada faktor-faktor kos seperti kenaikan inflasi makanan segar dan gangguan terhadap rantaian bekalan global.

Disebabkan pandemik ini, perubahan struktur sedang berlaku yang melibatkan perubahan dalam tabiat perbelanjaan pengguna dan dinamik persaingan dalam kalangan syarikat. Sedang kita memasuki fasa kebiasaan baharu, takat dan kadar evolusi perubahan ini akan menjadi cabaran besar dalam penilaian dinamik inflasi.¹¹

Keadaan monetari dan kewangan akan terus menyokong aktiviti pengantaraan pada tahun 2021

Keadaan monetari dan kewangan domestik dijangka kekal kondusif berikutan dasar monetari yang akomodatif dan sokongan dasar lain yang sedang dilaksanakan. Susulan pengurangan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) yang besar pada tahun 2020, keadaan yang akomodatif ini

¹¹ Rujuk rencana Buletin Suku Tahunan BNM S2 2020 bertajuk "COVID-19: Kesannya terhadap Inflasi".

akan terus menyediakan sokongan meluas kepada ekonomi. Khususnya, aliran kredit kepada sektor swasta akan didasari oleh sistem perbankan yang kukuh dan pasaran modal yang berfungsi dengan baik. Bank-bank akan terus mempunyai kapasiti yang mencukupi untuk menyokong keperluan pembiayaan sementara ekonomi pulih, di sebalik penampungan modal dan mudah tunai yang kukuh.

Namun begitu, keadaan dan prospek ekonomi semasa yang tidak menentu serta peningkatan risiko kredit dan pinjaman terjejas boleh meningkatkan penghindaran risiko oleh bank-bank dan menambah gangguan dalam aliran kredit. Institusi perbankan mungkin kurang bersedia untuk memberikan pinjaman kepada segmen atau aktiviti yang dianggap lebih berisiko, dan kredit mungkin tidak diperuntukkan dengan cekap dan produktif merentas segmen ekonomi. Gangguan ini sedikit sebanyak boleh menjejaskan transmisi kadar faedah yang lebih rendah kepada pemberian pinjaman bank yang lebih tinggi. Sementara itu, pasaran kewangan domestik yang sangat terbuka terus terdedah pada risiko volatiliti yang meningkat dan limpahan terhadap sistem kewangan yang disebabkan oleh faktor-faktor global. Contohnya, jangkakan tekanan inflasi yang lebih tinggi dan pemulihan ekonomi yang lebih cepat di AS boleh membawa kepada kenaikan selanjutnya dalam kadar hasil bon jangka panjang kerajaan di EME, termasuk Malaysia, dan perkara ini sedikit sebanyak telah berlaku dalam bulan-bulan kebelakangan ini.

Walau bagaimanapun, dasar monetari dan operasi Bank akan terus menyediakan persekitaran yang menyokong dan memastikan mudah tunai domestik adalah mencukupi untuk membantu proses pengantaraan kewangan. Operasi dan langkah mudah tunai sedia ada, yang antara lain termasuk repo berbalik dan fleksibiliti yang diberikan bagi mematuhi Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) akan diteruskan sepanjang tahun ini. Langkah-langkah ini akan terus menyokong pasaran wang dan bon domestik supaya berfungsi dengan lancar. Selaras dengan langkah ini, fleksibiliti kadar pertukaran ringgit akan terus berfungsi sebagai penyerap kejutan dengan memudahkan pelarasan sewajarnya dibuat dalam ekonomi bagi memastikan daya tahan terhadap kejutan luaran kekal utuh.

Bersama-sama dengan langkah-langkah bersasar lain yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan Bank yang meliputi dana khas untuk PKS, skim-skim jaminan kredit, program Bantuan Bayaran Balik Pinjaman Bersasar dan pelanjutan fleksibiliti pengawalseliaan, siri langkah-langkah dasar ini secara kolektif dijangka memudahkan aliran kredit kepada ekonomi dan menyediakan asas yang kukuh untuk menyokong pemulihan ekonomi.

Dasar monetari pada tahun 2021 akan kekal akomodatif bagi menggalakkan pemulihan ekonomi yang mampan

Dasar monetari pada tahun 2021 akan memberikan tumpuan pada usaha menyokong pemulihan ekonomi yang mampan dalam keadaan tekanan harga yang sederhana. Keputusan dasar monetari akan terus berdasarkan data, memandangkan keadaan yang sentiasa berubah dan ketidakpastian yang berterusan, antaranya berkaitan dengan kekukuhan pemulihan ekonomi serta sejauh mana kegiatan ekonomi boleh terjejas berikutan pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan serta pemberian vaksin di dalam dan luar negara.

Memandangkan kadar pemulihan adalah tidak sekata dan terdapat risiko prospek pertumbuhan menjadi rendah, pendirian dasar monetari yang cukup akomodatif akan diteruskan bagi menyokong pemulihan ekonomi yang mantap dan pada masa yang sama memastikan tekanan harga terus terkawal. MPC menyedari akan perlunya untuk mengelakkan daripada menarik balik sokongan dasar terlalu awal. MPC akan terus memantau dengan rapi kemunculan tanda-tanda pemulihan ekonomi yang lebih jelas dan berterusan pada masa akan datang, sambil berwaspada terhadap pembentukan ketidakseimbangan kewangan. Beberapa tanda asas pemulihan tersebut antara lain termasuk tempoh peningkatan prestasi ekonomi yang berterusan dalam keadaan jurang keluaran yang mengecil dan persekitaran harga yang stabil; pertumbuhan berterusan dalam penggunaan dan pelaburan swasta yang didorong oleh asas-asas tanpa perlu terlalu bergantung pada sokongan dasar; pasaran pekerja yang lebih kukuh yang didasari peningkatan pendapatan; serta akses kepada pembiayaan yang mudah untuk peminjam yang berdaya maju.

Gandingan dasar monetari, kewangan dan fiskal yang tepat adalah perlu untuk memastikan keberkesanan keseluruhan pemulihan ekonomi yang berterusan

Graviti dan skop kejutan COVID-19 memerlukan penerapan dasar monetari, fiskal dan sektor kewangan yang saling melengkapi, termasuk penggunaan langkah-langkah yang lebih bersasar dan khusus mengikut sektor untuk segmen ekonomi yang terjejas bagi menyokong dan memastikan pemulihan ekonomi berterusan. Pelaksanaan langkah-langkah berkaitan dasar-dasar ini secara optimum juga boleh mengelakkan mana-mana dasar tersebut daripada terlalu dibebankan. Sehubungan dengan ini, Bank akan terus menggunakan semua alat dasarnya yang dianggap perlu untuk mewujudkan keadaan persekitaran yang menyokong bagi memastikan pengantaraan kewangan yang berterusan untuk membantu pemulihan ekonomi. Antaranya ialah operasi mudah tunai, langkah pengawalseliaan dan penyeliaan yang bersesuaian, serta pembentukan kemudahan pembiayaan dan dasar sektor kewangan lain yang saling melengkapi. Langkah ini bertujuan untuk memastikan keadaan pasaran kekal teratur, mengekalkan proses pengantaraan kewangan yang lancar dan menggalakkan pembiayaan kepada ekonomi benar.

Dasar struktur yang koheren juga penting untuk meningkatkan kekuatan negara setelah mengharungi pandemik ini. Matlamat ini boleh dicapai dengan pertumbuhan yang dipacu inovasi, tenaga kerja yang berdaya tahan dan juga rangka

kerja keselamatan sosial yang ditambah baik untuk golongan yang memerlukan bantuan¹². Langkah pertama yang penting adalah untuk meningkatkan kedinamikan ekonomi dan memanfaatkan teknologi baru muncul menerusi penggalakkan pelaburan yang berkualiti. Tindakan ini dibantu oleh pengenalan sumber dana yang pelbagai untuk menggalakkan pelaburan swasta berteknologi tinggi, seperti dana Kemudahan Teknologi Tinggi - Aspirasi Pelaburan Nasional (HTF-NIA), serta pelbagai geran dan pinjaman pendigitalan PKS. Langkah ini juga boleh dilengkapi program peningkatan kemahiran dan kemahiran baharu untuk menempatkan semula pekerja yang terjejas kepada bidang pertumbuhan baharu dan memastikan tenaga kerja dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan pekerjaan berkemahiran dan berproduktiviti tinggi yang diwujudkan oleh pelaburan ini. Akhirnya, inisiatif untuk memperkukuh keselamatan sosial di negara ini, seperti memperluas liputan insurans sosial, adalah penting sebagai benteng kepada kelemahan sosioekonomi pada masa hadapan. Secara keseluruhannya, usaha-usaha ini akan mempercepat pendigitalan ekonomi dan menaikkan produktiviti dalam ekonomi, meningkatkan taraf hidup dan memperkukuh pemulihan pertumbuhan secara berterusan.

Kesan kolektif dasar-dasar ini akan menyediakan sokongan kitaran balas dan jangka masa lebih panjang yang diperlukan untuk meningkatkan kedinamikan ekonomi ke arah pemulihan ekonomi yang berterusan. Untuk mencapai matlamat ini, usaha akan terus diuruskan pada langkah-langkah memastikan konfigurasi dasar yang optimum bagi membolehkan ekonomi berada pada landasan pemulihan yang teguh.

¹² Rujuk rencana mengenai "Penyusunan Semula yang Menyeluruh: Isu Struktur Pasaran Pekerja dalam Dunia Pasca-COVID-19", "Inovasi Malaysia: Ke Arah Pertumbuhan Masa Hadapan Berkualiti Tinggi Selepas Pandemik" dan "Visi Perlindungan Sosial di Malaysia"

Inovasi Malaysia: Ke Arah Pertumbuhan Masa Hadapan Berkualiti Tinggi Selepas Pandemik

Pengenalan

Tahun 2020 merupakan tempoh yang mencabar bagi ekonomi global dan juga Malaysia. Dalam usahanya menangani pandemik COVID-19, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai bentuk perintah kawalan pergerakan (PKP) yang mengehadkan pergerakan dan kegiatan ekonomi. Akibatnya, penggunaan dan pelaburan swasta jatuh mendadak. Pelaksanaan dasar-dasar fiskal, monetari dan kewangan yang diselaraskan berjaya mengurangkan kesan buruk keseluruhan terhadap pertumbuhan.


Pemulihan daripada kesan buruk pandemik sedang dilaksanakan dengan sokongan bersasar daripada Kerajaan. Bersama-sama pemulihan ini, peluang juga terbuka untuk kalibrasi semula aspirasi negara bagi menghadapi cabaran baharu dan merebut peluang pertumbuhan baharu. Rencana ini membincangkan (i) keperluan untuk pelaburan berkualiti serta pertumbuhan yang dipacu inovasi; dan (ii) pembaharuan potensi yang bertujuan untuk mengembangkan pelaburan sedemikian.

Pelaburan Berkualiti dan Pertumbuhan Dipacu Inovasi

Dalam konteks pengalaman ekonomi yang unik, Malaysia sedang menerapkan Aspirasi Pelaburan Nasional¹ (National Investment Aspirations, NIA), iaitu dasar kebangsaan berpandangan ke hadapan yang bertujuan menarik pelaburan yang sesuai, membina keupayaan inovasi serta meningkatkan produktiviti dan pertumbuhan (Gambar Rajah 1).

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah penting. Yang ketara, peruntukan perbelanjaan pembangunan telah ditambah dalam Belanjawan 2021 untuk membiayai teknologi bernilai tambah tinggi dan penyelidikan dan pembangunan (*research and development*, R&D) beberapa sektor seperti aeroangkasa dan elektronik. Selain itu, Bank Negara Malaysia juga telah menubuhkan Kemudahan Teknologi Tinggi – Aspirasi Pelaburan Nasional (High Tech Facility - National Investment Aspirations, HTF-NIA) untuk menyediakan sokongan pembiayaan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) berteknologi tinggi dan inovatif supaya terus berdaya saing dalam rantaian bekalan global².

Gambar Rajah 1: Lima Aspirasi Pelaburan Negara



Sumber: Bank Dunia dan Bank Negara Malaysia

¹ Untuk maklumat lanjut, rujuk Rencana dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2019 bertajuk “Memastikan Pertumbuhan Menerusi Pelaburan Berkualiti” melalui https://www.bnm.gov.my/documents/20124/2722983/emr2019_bm_box1.pdf

² Maklumat mengenai kemudahan HTF-NIA boleh didapati melalui <https://www.bnm.gov.my/documents/20124/2294076/FAQ-HTF-BM.pdf>


Mengenal Pasti Aktiviti Sesuai

Bergerak melangkaui fokus sektoral, Malaysia perlu membuat pelaburan serta menimba ilmu dan keupayaan dalam aktiviti yang akan meningkatkan tahap kecanggihan dan paras pendapatan secara beransur-ansur. Strategi ini boleh dilaksanakan dengan (i) mengukuhkan aktiviti yang sejajar dengan NIA; (ii) mempelbagaikan pengeluaran kepada produk yang lebih kompleks dan (iii) menggunakan pendekatan pelaburan berdasarkan misi (lihat Subrencana mengenai Pendekatan Pelaburan Berasaskan Misi) dengan memanfaatkan sumbangan pelbagai industri ke arah satu matlamat ekonomi.

i) Pelaburan berkualiti dalam aktiviti yang memenuhi NIA

Berasaskan fokus keseluruhan terhadap pelaburan berkualiti menurut NIA, pelaburan perlu menjurus kepada aktiviti berintensif pengetahuan dan teknologi. Aktiviti ini termasuklah teknologi maklumat dan komunikasi (*information and communication technology, ICT*), pengilangan keluaran elektrik dan elektronik (*electrics and electronics, E&E*), keluaran berkaitan kimia, tenaga boleh diperbaharui, petroleum bertapis, jentera dan kelengkapan pengangkutan (Rajah 1). Yang nyata, industri hiliran kimia dan ICT bukan sahaja mencatatkan skor NIA yang tinggi, tetapi juga mempunyai hubungan yang nyata dengan industri lantas menghasilkan kesan limpahan yang lebih besar kepada ekonomi yang lebih luas (Rajah 2). Pelaburan perlu mempunyai matlamat untuk memudahkan “kenaikan gred fungsi” (*“functional upgrading”*) tawaran perniagaan Malaysia dalam rantaian nilai global, khususnya dengan mendalamkan sumbangan daripada aktiviti perkhidmatan perniagaan, termasuk perkhidmatan R&D, reka bentuk dan pembangunan serta kejuruteraan.

Rajah 1: Sumbangan Sektor kepada Pertumbuhan, Skor NIA dan Bahagian Guna Tenaga




Nota:

1. Saiz gelembung menunjukkan bahagian guna tenaga pada tahun 2019.
2. Subsektor dengan skor NIA 0.7 dan ke atas adalah dianggap sebagai subsektor berprestasi tinggi, yang paling cenderung untuk melakukan inovasi, melibatkan produk yang kompleks dan mempunyai tahap produktiviti yang secara relatif tinggi.
3. Dalam kalangan subsektor dengan skor NIA di bawah 0.7, terdapat aktiviti yang mempunyai skor NIA sendiri melebihi 0.7. Contohnya termasuk 'aktiviti hospital, perubatan dan pergigian' dalam penjagaan kesihatan dan 'aktiviti saintifik dan R&D' dalam perkhidmatan perniagaan.

* Skor NIA dikira dengan menggunakan 10 penunjuk untuk 5 aspek NIA iaitu meningkatkan kompleksiti ekonomi, mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi, meluaskan hubungan dalam negeri, meningkatkan rangkuman serta membangunkan kelompok baharu dan sedia ada.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Asian Development Bank dan anggaran kakitangan Bank Negara Malaysia*


Rajah 2: Hubungan ke Hadapan dan ke Belakang Mengikut Sektor



ii) **Pempelbagaian kepada Produk yang Lebih Canggih**





Salah satu saranan NIA adalah supaya Malaysia terus mengembangkan campuran keluaran (*product mix*) dan memperdalam tahap kecanggihan produknya. Ekonomi Malaysia telah berkembang dengan baik sejak 20 tahun yang lalu dari segi kecanggihan ekonomi, dan menduduki tempat ke-26 pada tahun 2018 (1998: tempat ke-52) dengan Indeks Kecanggihan Ekonomi (Economic Complexity Index, ECI) pada 0.97, walaupun angka ini pada amnya tidak banyak berubah dalam tahun kebelakangan ini (Rajah 3).

Rajah 3: Perbandingan Indeks Kecanggihan Ekonomi (ECI) Serantau



Malaysia mempunyai banyak peluang untuk mengukuhkan ECI negara selanjutnya memandangkan kekukuhan dan keupayaan eksportnya yang sedia ada. Atlas of Economic Complexity menggariskan banyak potensi peluang pertumbuhan. Malaysia boleh menerapkan strategi pertumbuhan seimbang³ dengan memberikan tumpuan pada (i) memanfaatkan pendekatan tersedia (*low hanging fruits*) dengan menggunakan pengetahuan teknik pengeluaran sedia ada dan keupayaan pengeluaran yang terbina sekian lama; dan (ii) pada masa sama memanfaatkan pendekatan masa hadapan (*long jumps*) dengan menggalakkan syarikat domestik untuk menaik taraf keupayaan teknologi dan meneroka bidang yang membina kelebihan daya saing baharu (Jadual 1). Walaupun strategi ini lazimnya berisiko tinggi, pulangan jangka panjangnya juga lebih menguntungkan kerana strategi ini memperdalam sumbangan Malaysia dalam rantaian bekalan global serta memajukan kerjasama dengan ahli akademik terkemuka dan peneraju industri untuk penyebaran pengetahuan.

Jadual 1: Strategi Dua Kaedah untuk Mempercepat Kecanggihan Produk di Malaysia*

Strategi 1: Pendekatan Tersedia ('Low Hanging Fruits')	Cara sampai ke sana	Strategi 2: Pendekatan Masa Hadapan ('Long Jumps')
<ul style="list-style-type: none"> • Peluang yang lebih hampir dengan pengetahuan yang sedia ada • Risiko lebih rendah kerana keupayaan ekonomi sudah wujud 		<ul style="list-style-type: none"> • Peluang yang lebih jauh daripada pengetahuan yang sedia ada • Risiko lebih tinggi dan memerlukan strategi yang berhati-hati
Contoh-contoh peluang produk*		
Peranti Kristal Cecair Peralatan makmal fotografi Produk keluli aloi rata	 Jentera	Instrumen untuk analisis fizikal atau bahan kimia Alatan tangan pneumatik, motor hidraulik
Alat rakaman video	 Elektronik	Mesin pematerian elektrik
Sebatian amino dengan fungsi oksigen Asid industri Silikon dalam bentuk primer Fenol, alkohol fenol	 Bahan Kimia	Poliamida Asid nukleik dan garamnya Ortopedik Pelincir

* Seperti yang dicadangkan oleh *Atlas of Economic Complexity* pada 2018

Sumber: *The Atlas of Economic Complexity*

Pendekatan Pelaburan Berasaskan Misi: Memanfaatkan sumbangan pelbagai industri ke arah mencapai satu matlamat ekonomi

'Pendekatan berorientasikan misi' untuk menyelaraskan jaringan kerjasama pelaburan di Malaysia boleh mewujudkan pengganda ekonomi yang lebih tinggi berbanding pendanaan untuk satu teknologi atau sektor. Pendekatan ini memanfaatkan R&D sektor swasta dan perbelanjaan pelaburan merentas pelbagai sektor ke arah bidang pertumbuhan ekonomi baharu dan tinggi. Strategi ini menyokong pewujudan satu kelompok firma inovatif merentas sektor yang berlainan dan tidak hanya tertumpu pada satu syarikat tunggal kebangsaan yang berjaya (O'Riain, 2004). Pendekatan berorientasikan misi ini khususnya relevan

³ Menurut Atlas of Economic Complexity oleh Growth Lab di Harvard University, sesebuah negara boleh mempelbagaikan pengeluarannya ke tahap yang sangat canggih dan merebut peluang produk baharu dengan melaksanakan strategi dwipertumbuhan berdasarkan profil eksport sedia ada, iaitu 'low hanging fruits' dan 'long jumps'. Di bawah '*low hanging fruits*', produk baharu yang akan dikeluarkan paling hampir dengan keupayaan sedia ada di dalam negara itu, dan dianggap 'berisiko rendah'. Strategi '*long jumps*' merujuk produk baharu yang memerlukan kecekapan tambahan dan berisiko tinggi.

bagi dasar sistemik awam yang memanfaatkan pengetahuan sempadan (*frontier knowledge*) untuk mencapai matlamat tertentu, atau “menggunakan sains skala besar untuk menyelesaikan masalah besar” (Mazzucato, 2018 dan Ergas, 1987). Strategi berorientasikan misi sedemikian mempunyai ciri persamaan dengan kejayaan beberapa negara seperti AS semasa misi angkasa lepas NASA ke bulan yang cukup ikonik lewat tahun 1960-an. Misi bersejarah yang penting ini memerlukan penyertaan pelbagai sektor, daripada semikonduktor kepada bahan termaju dalam industri tekstil.

Pendekatan berorientasikan misi mengenal pasti isu tertentu serta penyelesaian yang berkaitan untuk menanganinya. Satu contoh pendekatan ini ialah misi Suruhanjaya Eropah untuk menangani perubahan iklim menerusi pewujudan 100 bandar neutral karbon merentas EU menjelang tahun 2030 yang diumumkan pada bulan September 2020 (Suruhanjaya Eropah, 2020). Inisiatif ini memerlukan pelaburan baharu merentas pelbagai sektor seperti tenaga, makanan, pengangkutan dan harta tanah.

Pendekatan berasaskan misi mempunyai lima ciri utama (Mazzucato, 2018):

- (i) berani dan memberi inspirasi dengan perkaitan masyarakat yang luas;
- (ii) tempoh masa yang jelas bagi tindakan bersasar, boleh diukur dan mengikut masa;
- (iii) cita-cita yang tinggi dan kebolehlaksanaan yang realistik serta mengambil kira kesan tindak balas penyelidikan asas dan penyelidikan gunaan;
- (iv) dibentuk untuk mencetuskan inovasi pelbagai disiplin, merentas sektor industri yang berbeza dan jenis pengusaha yang berlainan; dan
- (v) uji kaji bawah ke atas (*bottom-up experimentation*) yang melibatkan portfolio projek penyelidikan dan inovasi.

Agensi-agensi kerajaan AS yang utama seperti Defense Advanced Research Project Agency (DARPA) dan Jet Propulsion Laboratory (JPL) NASA merupakan contoh utama penggunaan pendekatan berasaskan misi dalam pembangunan teknologi kritikal yang banyak digunakan sekarang, seperti Internet, sistem kedudukan sejagat (*global positioning system*, GPS), teknologi robotik dan sistem satelit global (Mazzucato, 2015). Menyedari akan hal ini, negara lain pada tahun-tahun kebelakangan ini, seperti UK, Jepun, India dan RR China, telah menerapkan pendekatan berasaskan misi dalam strategi industri mereka, yang sebahagian besarnya berteraskan matlamat keseluruhan untuk mewujudkan ekosistem inovasi.

Berdasarkan prinsip tersebut, Malaysia seharusnya mempertimbangkan penggunaan pendekatan berasaskan misi sebagai satu strategi pelaburan dalam inovasi dengan mengenal pasti ‘projek beraspirasi tinggi’ (*moon-shot*)⁴ selanjutnya bagi teknologi sempadan dan aktiviti inovasi. Bidang teknologi sempadan yang berpotensi di Malaysia termasuklah teknologi biosains, neuroteknologi, farmakologi termaju, realiti terimbuh (*augmented reality*), pengilangan bahan tambahan (*additive manufacturing*), kecerdasan buatan (*artificial intelligence*, AI), robotik, teknologi bateri, analisis data raya (*big data analytics*), Internet Benda (Internet of Things, IoT) dan sistem pengilangan termaju lain.⁵

Pembaharuan 3D

Malaysia mampu bangkit dengan lebih kukuh pada masa hadapan selepas pandemik menerusi langkah mempercepat strategi untuk mengendalikan pembaharuan dari segi penawaran secara tiga D (3D): Mempercepat Pendigitalan (*Accelerating Digitalisation*), Mengkaji Semula Penghiliran (*Rethinking Downstreaming*) dan Mengurangkan Herotan (*Reducing Distortion*).

⁴ Ucapan YAB PM dalam Forum Ekonomi Belia 2021 (Mac 2021).


⁵ Aktiviti yang layak di bawah Kemudahan Teknologi Tinggi–Aspirasi Pelaburan Nasional (HTF-NIA) BNM. Sila layari <https://www.bnm.gov.my/-/htf-nia>

Pembaharuan 1

Mempercepat Pendigitalan (*Digitalisation*): Penerimaan Pendigitalan di Seluruh Negara

Sejak sekian lama, Malaysia telah mempercepat penerapan digitalnya dan dengan itu telah diiktiraf sebagai antara 20 negara teratas dari segi kemahiran digital (WEF, 2019). Aktiviti berkaitan digital di negara ini mencakupi bahagian sebanyak 19% daripada KDNK pada tahun 2019 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Momentum pendigitalan didapati semakin meningkat pada tahun 2020 berikutan pandemik COVID-19. Peningkatan ini turut menyokong ekonomi negara lantas Malaysia diiktiraf sebagai pasaran keempat terbesar di Asia Tenggara (SEA) dari segi kadar penembusan e-dagang⁶. Lebih banyak individu dan perniagaan sekarang menerima penyelesaian digital untuk memperkukuh masa hadapan perniagaan mereka. Sebagai contoh, bilangan peniaga yang mendaftar untuk e-dagang dan pembayaran QR telah meningkat lebih sekali ganda berbanding dengan tahun sebelumnya (Rajah 4).

Rajah 4: Peningkatan Penggunaan Penyelesaian Digital di Malaysia




Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada masa hadapan, Kerajaan dan sektor swasta akan terus menggiatkan usaha merangsang transformasi digital di seluruh negara dan mengukuhkan kedudukan daya saing negara di rantau ini, seperti yang dinyatakan dalam Rangka Tindakan Ekonomi Digital 'MyDigital' yang dilancarkan pada bulan Februari 2021. Rangka Tindakan ini mengandungi pelbagai langkah untuk memacu Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi yang berorientasikan pendigitalan, di samping mempercepat pelaksanaan penggerak utama ekosistem, mendigitalkan industri sedia ada dan membangunkan industri digital baharu untuk menjadi pemacu pertumbuhan ekonomi masa hadapan apabila Malaysia beralih kepada Revolusi Perindustrian Keempat (Fourth Industrial Revolution, 4IR). Industri digital baharu ini meliputi industri yang dibangunkan dengan berteraskan teknologi sempadan (*frontier technologies*), penyelesaian bioteknologi untuk memenuhi keperluan penjagaan kesihatan yang kian meningkat, selain penghijauan ekonomi untuk pengurusan risiko perubahan iklim yang lebih baik.

Rangka Tindakan ini, yang tempohnya adalah dari tahun 2021 hingga 2030, akan memanfaatkan momentum pertumbuhan digital. Untuk tujuan ini, Rangka Tindakan ini menggariskan strategi serampang tiga mata, iaitu (i) mempercepat penggunaan penggerak digital yang penting; (ii) mendigitalkan industri sedia ada

⁶ *eCommerce Payment Trends* JP Morgan: Malaysia (2020).

Gambar Rajah 2: Mempercepat Transformasi Digital Malaysia



Sumber: "MyDIGITAL" Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia dan Bank Negara Malaysia

untuk meningkatkan produktiviti dan merungkai potensi jentera pertumbuhan strategik baharu; dan (iii) mengindustrikan sektor digital sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi Malaysia (Gambar Rajah 2).

Pelaksanaan pelan 'MyDigital' adalah penting untuk memastikan pelancaran dan pelaksanaan penggerak digital yang berkesan. Antaranya, kesalinghubungan digital bagi rangkaian fiber dan 5G di seluruh negara seperti yang digariskan di bawah Jalinan Digital Negara (JENDELA), inisiatif digital kerajaan seperti mewujudkan sistem pangkalan data identiti digital nasional, serta rangka kerja tadbir urus data yang kukuh disokong oleh pelaksanaan dasar keselamatan siber nasional. Kesalinghubungan 5G, yang pelaksanaan peringkat awalnya pada akhir tahun 2021, memastikan pencepatan data, dalam jumlah yang lebih besar, kelajuan yang lebih pantas, kependaman (*latency*) yang rendah dan kebolehpercayaan yang tinggi. Kesemua ciri ini diperlukan untuk memenuhi permintaan kehidupan era zaman moden ini. Pangkalan data Identiti Digital Nasional (National Digital ID, NDI), yang akan dilancarkan pada tahun 2025, akan mempercepat penerimaan terhadap tandatangan digital dan identiti elektronik untuk pengesahan yang selamat serta penyampaian perkhidmatan awam yang lancar. Inisiatif ini merupakan tambahan kepada 'e-Kenali Pelanggan Anda' (e-Know Your Customer, e-KYC) yang digunakan oleh institusi kewangan serta skim perkhidmatan sosial Kerajaan untuk penduduk yang berpendapatan rendah.

Pendigitalan industri sedia ada juga penting untuk meningkatkan kelebihan daya saing Malaysia, khususnya peningkatan produktiviti sektor-sektor utama. Kempen e-Dagang Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) PENJANA yang dilancarkan pada bulan Jun 2020 telah berjaya mendaftarkan 45,000 PMKS dalam platform e-dagang selain membantu lebih 200,000 PMKS menerapkan penyelesaian pendigitalan. Sementara itu, kempen 'Shop for Malaysia Online' berjaya menjana jualan sebanyak hampir RM900 juta, dan memberikan manfaat kepada 213,000 peniaga tempatan di seluruh negara setakat bulan Oktober 2020⁷. Geran Pendigitalan Perniagaan PKS serta Kemudahan Automasi dan Digital PKS turut disediakan untuk sektor perniagaan bagi memperbaiki akses digital kepada pengguna.

Salah satu bidang penting yang memerlukan transformasi digital ialah sektor pertanian untuk merangsang produktiviti dan mempertingkatkan jaminan bekalan makanan negara. Nilai tambah bagi setiap pekerja sektor

⁷ Laporan LAKSANA (2020).

pertanian di Malaysia hanya 45 peratus daripada purata dalam kalangan negara berpendapatan tinggi. Seterusnya, 70% daripada jumlah petani di Malaysia berusia lebih daripada 60 tahun⁸. Pada tahun 2020, Malaysia menduduki tempat ke-43 daripada 113 negara dalam Indeks Jaminan Bekalan Makanan Global⁹. Dengan memanfaatkan teknologi pertanian atau *AgTech* menerusi penggunaan analisis data termaju dan dron untuk teknik pengukuran nutrien, kawalan penyakit perosak, pengurusan produktiviti pekerja dan penyatuan tanah, industri pertanian boleh menjadi lebih cekap dari segi ekonomi. Sebagai contoh, penggunaan *AgTech* dalam penanaman padi berpotensi meningkatkan kadar hasil tuaian sekali ganda di Malaysia¹⁰. Pendigitalan maklumat penting tentang penentuan harga yang kompetitif, pemantauan tanaman, tip pencegahan penyakit, dan sokongan pengurangan impak akibat bencana boleh membantu transformasi sektor pertanian sekali gus meningkatkan pendapatan, pengeluaran dan permintaan pasaran.

Malaysia juga perlu merangsang industri digital baharu untuk mewujudkan sumber pertumbuhan baharu dan merebut peluang dalam era selepas pandemik. Keutamaan perlu diberikan kepada usaha melahirkan pakar teknologi tempatan di negara ini sendiri dan meletakkan Malaysia sebagai hab serantau bagi industri teknologi baharu. Usaha ini akan memanfaatkan kelebihan Malaysia sedia ada iaitu ekosistem syarikat permulaannya yang menduduki tangga ke-11 dunia dan menjadi lokasi operasi bagi satu pertiga daripada 100 syarikat teratas dalam senarai Forbes¹¹. Langkah-langkah dasar yang boleh dipertimbangkan termasuklah memberikan sokongan kepada penerap teknologi yang memiliki teknologi yang sedang meningkat maju dan menggunakan dasar pemerolehan awam yang berkesan untuk merangsang aktiviti inovatif, membentuk acuan transformasi sistem pengeluaran dan menggalakkan pembaharuan industri (Crespi dan Guarascio, 2019). Bagi Malaysia, Kerajaan menyokong syarikat teknologi tempatan yang sedang meningkat maju di bawah inisiatif-inisiatif seperti Sandbox Inovasi dan Teknologi Nasional (National Technology Innovation and Sandbox, NTIS), Penjana Kapital dan Program Pencepat Global (Global Accelerator Program).

Malaysia juga perlu menggalakkan inovasi dengan memperkukuh keupayaan syarikat permulaan domestik dalam membangunkan teknologi penting. Contohnya, pandemik COVID-19 telah membuka banyak peluang bagi penyelesaian teknologi 'mobiliti sebagai perkhidmatan' (*mobility-as-a-service*), termasuk kenderaan penghantar autonomi dan penyelesaian pengangkutan pelbagai mod. Industri automotif global semakin didorong teknologi berasaskan komunikasi yang inovatif untuk pemanduan autonomi (*autonomous driving*), dengan sensor nilai ditambah yang tinggi seperti LiDAR (pengesanan cahaya dan jarak) dan RFID (pengesanan frekuensi radio). Kemajuan dalam teknologi ini telah menggalakkan sinergi antara mobiliti dengan ekosistem semikonduktor di Malaysia, sekali gus memanfaatkan kelebihan berbanding bagi Malaysia. Buat permulaan, Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute, MARii) baru-baru ini telah membentuk perkongsian dengan syarikat permulaan domestik untuk membangunkan sistem navigasi kereta yang canggih bagi kenderaan autonomi.

Satu industri digital baharu yang ekosistemnya telah tersedia di Malaysia ialah penyelesaian penjagaan kesihatan digital. Industri ini berada pada kedudukan yang kukuh untuk mempercepat kemajuan selepas pandemik pada masa hadapan, dalam bidang seperti sistem tindak balas kepada kecemasan, pemantauan penjagaan kesihatan jarak jauh, pencetakan 3 Dimensi, kit diagnostik perubatan dan sistem kecerdasan pandemik. Kini, Malaysia berada pada kedudukan utama dengan mempunyai 30% kapasiti pengeluaran kelengkapan perlindungan diri (*personal protective equipment*, PPE) dunia¹², menjadi pengeksport E&E ketujuh terbesar dunia¹³ dan pengeksport peralatan perubatan kedua terbesar di ASEAN¹⁴.

⁸ Bank Dunia (2019).

⁹ Global Food Security Index, Economist Intelligence Unit (2020).

¹⁰ Khazanah Research Institute (2019) dan McKinsey (2018).

¹¹ Global Start-up Ecosystem Report (2020).

¹² Pangkalan Data Comtrade PBB (2020).

¹³ Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) (2020).

¹⁴ WITS, Bank Dunia (2019).

Pembaharuan 2


Mengkaji Semula Penghiliran (*Downstreaming*): Mengeluarkan Produk Minyak Sawit Bernilai Tambah Lebih Tinggi

Industri minyak sawit telah memberikan sumbangan yang besar kepada ekonomi Malaysia, apabila mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan, terutamanya penduduk di kawasan luar bandar. Namun demikian, lebih banyak usaha yang boleh dilakukan untuk memacu industri ini ke arah penghasilan produk bernilai tinggi dan produktiviti yang meningkat.

Aktiviti hulu minyak sawit di Malaysia menghadapi pelbagai cabaran, termasuk penghasilan produk nilai tambah yang rendah, bekalan tanah yang terhad untuk penanaman, daya saing yang semakin menurun berbanding dengan negara jiran dan lebih mudah menghadapi gangguan bekalan akibat perubahan iklim. Untuk meningkatkan produktiviti dan kelestarian sektor hulu dalam era selepas pandemik, Malaysia boleh membuat pembezaan tawaran nilainya dengan memainkan peranan utama dalam mempercepat penerapan amalan lestari menerusi pensijilan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (*Roundtable on Sustainable Palm Oil, RSPO*) untuk semua ladang kelapa sawit. Usaha ini akan mewujudkan pembezaan nilai bagi Malaysia berbanding dengan pesaing langsungnya dan juga minyak sayuran lain.

Pada masa yang sama, kemajuan dalam segmen hiliran minyak sawit telah terjejas sejak kebelakangan ini akibat margin operasi yang rendah kerana terlalu bergantung pada eksport oleokimia asas (Gambar Rajah 3). Tambahan pula, potensi R&D yang tinggi bagi segmen hiliran di Malaysia masih belum direalisasikan sepenuhnya, disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan modal yang tinggi dan tempoh menunggu hasil yang panjang.

Gambar Rajah 3: Rantaian Nilai Hiliran Minyak Sawit



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Bagi memajukan sektor tersebut, aktiviti hiliran minyak sawit hendaklah dikaji semula, terutamanya dari segi peningkatan pelaburan yang berkualiti serta penjanaan dan pengekalan nilai yang tinggi di Malaysia. Penerapan aktiviti hiliran yang bernilai tinggi akan mempercepat penghasilan produk yang lebih canggih sekali gus meningkatkan kedudukan sektor ini dalam rantaian nilai minyak sawit (Jadual 2).

Menyedari akan ciri saling melengkapi segmen hulu, Malaysia boleh menggalakkan penggunaan minyak sawit mentah (*crude palm oil, CPO*) yang mendapat pensijilan RSPO dalam segmen hiliran yang mempunyai nilai yang lebih tinggi. Langkah ini akan meningkatkan permintaan, mencapai ekonomi ikut bidangan dan mengurangkan premium harga berbanding dengan minyak sawit tanpa pensijilan. Dengan menerapkan piawaian pensijilan global untuk minyak sawit lestari, Malaysia boleh menarik syarikat pengilang makanan dan barangan pengguna multinasional dunia untuk menempatkan pengeluaran mereka di negara ini dan menggunakan keluaran minyak sawit tempatan yang mempunyai pensijilan RSPO sebagai input bahan mentah. Pada masa yang sama, syarikat multinasional ini boleh memanfaatkan permintaan pengguna yang semakin meningkat untuk produk lestari,

Jadual 2: Indeks Kecanggihan Produk bagi Produk Sawit Terpilih

Produk Sawit terpilih	PCI (2017)	Kedudukan (daripada 6218 produk)
Huluan		
- Minyak sawit mentah	-2.466	6183
- Minyak sawit	-2.151	6125
Hiliran:		
Oleokimia asas		
- Asid lemak	-1.270	5449
- Gliserin	-0.088	3523
- Alkohol berlemak	+0.042	3260
Hiliran:		
Oleoerivatif (oleo-derivatives) dan bahan kimia khas		
- Asid Palmitic/Metil ester (Biodiesel)	+0.320	2629
- Poliuretana	+0.950	1099
- Vitamin E dan derivatif	+1.222	621
- Pelincir	+1.651	184

Nota: PCI mengukur intensiti pengetahuan produk secara relatif dengan mempertimbangkan intensiti pengetahuan pengekspornya. Kedudukan pengekspornya yang semakin tinggi menandakan tahap produk yang semakin kompleks.

Sumber: *The Observatory of Economic Complexity* (2017), MIT

bukan sahaja di seluruh dunia tetapi juga di rantau Asia memandangkan lokasi pengeluarannya hampir dengan pasaran ini. Misalnya, untuk memenuhi permintaan rantau Asia-Pasifik, dua pengilang makanan multinasional yang besar telah menempatkan kilang pengeluaran mereka di Negeri Sembilan. Salah satu kilang tersebut mengeluarkan snek halal, manakala kilang yang satu lagi menjadi pusat bagi aktiviti pengilangan minuman malt. Kedua-dua kilang ini hanya menggunakan minyak sawit yang mempunyai pensijilan RSPO dalam pengeluaran mereka, yang selaras dengan dasar kelestarian global syarikat multinasional masing-masing.

Bagi produk minyak sawit hiliran khas, pendekatan modal usaha niaga boleh menjadi suatu kaedah yang cekap dalam penggemblengan sumber kewangan dan pengurangan risiko penumpuan apabila menjalankan aktiviti R&D atau membuat pelaburan dalam syarikat permulaan R&D. Usaha ini boleh digerakkan menerusi perkongsian awam-swasta dalam menyediakan dana utama bagi aktiviti R&D untuk produk canggih seperti oleokimia khas. Pemilihan syarikat permulaan R&D untuk menerima pembiayaan modal usaha niaga perlu melalui proses penilaian yang teliti untuk menaksir nilai potensi komersialnya.

Selain itu, Malaysia juga boleh merintis usaha melestarikan alam sekitar dan 'penghijauan ekonomi' dengan menerapkan model 'ekonomi kitaran' dalam rantaian nilai minyak sawit. 'Ekonomi kitaran' mengoptimumkan bahan sisa daripada pengeluaran minyak sawit dengan mengitarnya semula menjadi biojisim sawit dan gentian sawit. Gentian sawit telah digunakan dalam bahan binaan dan perabot serta dalam pengeluaran pulpa dan kertas, manakala biojisim sawit telah menghasilkan produk nilai ditambah seperti pelet tenaga boleh diperbaharui dan bahan penyalu. Meskipun Malaysia selama ini telah menggalakkan syarikat untuk mempertingkatkan aktiviti ini menerusi pelbagai insentif cukai dan geran, banyak lagi inisiatif yang boleh dijalankan. Hal ini khususnya penting memandangkan keperluan sejagat mengenai kelestarian menjelang Persidangan Perubahan Iklim Bangsa-Bangsa Bersatu ke-26 di Glasgow, United Kingdom yang dijadualkan pada bulan November 2021.

Pembaharuan 3

Mengurangkan Herotan (*Distortion*): Peruntukan lebih cekap untuk menarik pelaburan berkualiti

Malaysia boleh meraih manfaat daripada usaha mengurangkan herotan dalam insentif pelaburan dengan merombak semula struktur insentif cukai sedia ada¹⁵ untuk menarik industri berkualiti selaras dengan Aspirasi Pelaburan Nasional (National Investment Aspiration, NIA)¹⁶. Pelaksanaan secara berkesan dan tepat pada masa bagi semakan insentif pelaburan yang sedang dijalankan oleh Kerajaan¹⁷ adalah penting untuk merealisasikan kesan positif daripada penyediaan rangka kerja insentif cukai yang lebih kompetitif, telus dan menarik.

Penyesuaian insentif pelaburan dengan aktiviti utama di bawah NIA adalah penting. Pendekatan lebih holistik yang mengaitkan insentif dengan aktiviti tertentu yang sejajar dengan NIA nyata akan mencerahkan lagi prospek untuk menarik pelaburan berkualiti. Misalnya, syarikat yang layak dan terlibat dalam aktiviti seperti R&D canggih dan teknik pengeluaran termaju boleh diberikan tempoh lebih panjang untuk menikmati insentif cukai sementara. Dengan cara ini, syarikat yang sanggup melabur di Malaysia boleh mengurangkan sebarang potensi ketidakpastian. Selain itu, pengenalan sistem penilaian automatik bagi insentif yang standard dan berasaskan kos boleh meningkatkan kecekapan dan mempercepat keputusan pelaburan syarikat.

Sistem insentif cukai yang lebih berkesan juga akan mengurangkan ketidakcekapan dalam peruntukan sumber. Hal ini penting terutamanya memandangkan kos insentif cukai yang diagihkan kepada syarikat oleh Kerajaan merupakan hasil yang dilepaskan, sedangkan hasil tersebut boleh dimanfaatkan untuk mengurangkan defisit fiskal negara atau digunakan dalam projek pembangunan yang lain. Seterusnya, pemberian insentif cukai kepada syarikat yang bersedia untuk membuat pelaburan berkualiti ini secara efektif akan menjadikan Kerajaan sebagai rakan kongsi 'senyap dan teguh' dalam pelaburan tersebut. Hal ini mencerminkan ekuiti Kerajaan apabila menanggung sebahagian daripada perbelanjaan modal berkenaan dan seterusnya membolehkan syarikat itu kembali mencatatkan pertumbuhan¹⁸.

Sementara itu, dalam tempoh terdekat ini, agensi penggalakan pelaburan (*investment promotion agencies*, IPAs) di seluruh dunia telah mengambil langkah untuk menyesuaikan tumpuan dan interaksi mereka dengan komuniti pelaburan sebagai tindak balas terhadap krisis (Jadual 3). Dalam hal ini, Malaysia juga proaktif dengan memudahkan proses permohonan pelaburan melalui Unit Pencepatan dan Penyelarasan Projek (Project Acceleration and Coordination Unit, PACU) yang dilancarkan baru-baru ini. Selain itu, Malaysia turut mengumumkan pelanjutan automatik selama 12 bulan bagi pelaksanaan projek perkilangan yang diluluskan pada tahun 2020 dan 2021, serta mewujudkan pusat sehenti untuk memproses kemasukan perantau niaga (*business travellers*) ke Malaysia.

Kesimpulan

Pembaharuan tiga D (3D) dari segi penawaran akan membolehkan Malaysia bangkit dengan lebih kukuh pada masa hadapan selepas pandemik, dengan melaksanakan strategi pelaburan yang tepat dan menjalankan aktiviti yang sesuai. Langkah Mempercepat Pendigitalan (*Digitalisation*) merupakan teras dasar yang penting dalam persekitaran teknologi yang pesat berubah pada masa ini dan tahun-tahun yang mendatang. Pembaharuan ini termasuk inisiatif sektoral yang tertumpu pada usaha menggalakkan penerimaan pendigitalan dalam industri berkaitan pengguna, pertanian, mobiliti dan penjagaan kesihatan. Langkah Mengkaji Semula Penghiliran (*Downstreaming*) juga penting, terutamanya bagi industri minyak sawit Malaysia, kerana penghasilan nilai tambah lebih tinggi menerusi peningkatan kecanggihan produk industri ini akan membuka




¹⁵ Untuk maklumat lanjut, rujuk Rencana "Menilai Semula Insentif Pelaburan" dalam Buletin Suku Tahunan Ketiga BNM 2017 melalui https://www.bnm.gov.my/documents/20124/770509/p3_ba1_bm.pdf

¹⁶ Untuk maklumat lanjut, rujuk Rencana "Memastikan Pertumbuhan Masa Depan Menerusi Pelaburan Berkualiti" dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2019 BNM melalui https://www.bnm.gov.my/documents/20124/2722983/emr2019_bm_box1.pdf

¹⁷ Rencana Khas tentang Jawatankuasa Pembaharuan Cukai dalam Belanjawan 2021. Laman sesawang rasmi: <http://belanjawan2021.treasury.gov.my/index.php/ms/>

¹⁸ Wen, J. F. (2020). 'Temporary Investment Incentives'.

Jadual 3: Amalan terbaik oleh Agensi Galakan Pelaburan semasa COVID-19

Negara	Agensi	Tindakan
Jerman 	<i>Germany Trade and Invest</i>	<ul style="list-style-type: none"> Membangunkan laman sesawang khas berkaitan pandemik bagi memastikan komuniti pelaburan mempunyai maklumat terkini mengenai sokongan kewangan untuk perniagaan. Menyediakan maklumat terkini adalah khusus untuk industri dan memberikan sorotan mengenai sektor-sektor yang mengalami peningkatan permintaan disebabkan oleh pandemik seperti penyelesaian digital dalam pendidikan, logistik dan kesihatan.
Jepun 	<i>Pertubuhan Perdagangan Luar Jepun</i>	<ul style="list-style-type: none"> Menubuhkan talian penting '<i>Invest in Japan</i>' dan melakukan tinjauan kecemasan bagi mengukur dengan lebih baik kesan pandemik terhadap syarikat-syarikat yang mempunyai sekutu asing. Melancarkan <i>Digital Transformation Partnership Programme</i> yang memupuk inovasi terbuka antara syarikat Jepun dengan syarikat asing bagi menyediakan negara asing tersebut untuk digitalisasi yang dipercepat.
India 	<i>Invest India</i>	<ul style="list-style-type: none"> Melancarkan portal komprehensif yang dikhususkan untuk berita dan alat yang berkaitan pandemik yang disasarkan kepada komuniti pelaburan. Menubuhkan saluran komunikasi khusus untuk pertanyaan berkaitan pandemik daripada pelabur, memudahkan kerjasama strategik bagi mengenal pasti dan mengatasi kekurangan bekalan yang diperlukan untuk melawan COVID-19 serta berinteraksi dengan khalayak utama secara aktif dalam media sosial.

Source: UNCTAD

peluang pertumbuhan baharu. Akhirnya, langkah Mengurangkan Herotan (*Distortion*) dalam pemberian insentif pelaburan dengan menyesuaikan insentif mengikut aktiviti di bawah NIA akan menjadikan peruntukan yang lebih cekap untuk menarik pelaburan berkualiti.

Matlamat penting ke arah mencapai pertumbuhan yang didorong pelaburan memerlukan strategi yang berani untuk menarik pelaburan berkualiti yang bertumpu sekitar inovasi dan penciptaan produk yang paling canggih. Pada tempoh akan datang selepas pandemik, pembaharuan 3D ini boleh memacu Malaysia ke arah mendapatkan penerimaan dasar yang lebih meluas dan fleksibiliti untuk menangani trend yang pesat berubah. Keadaan ini seterusnya akan menyediakan sektor perniagaan dengan persekitaran yang kondusif untuk menjadi dinamik dan kreatif bagi merebut peluang pertumbuhan baharu. Pelaksanaan dan tindakan susulan yang kukuh adalah penting untuk memastikan Malaysia mampu mencapai matlamat yang dihasratkan daripada strategi-strategi tersebut.

Rujukan

Asian Development Bank (2018). 'Economic Indicators for Southeastern Asia and the Pacific: Input-Output Tables'. ADB, Manila.

Bank Negara Malaysia (2017) 'Quarterly Bulletin 3Q 2017: Box Article "Rethinking Investment Incentives" https://www.bnm.gov.my/documents/20124/770509/p3_ba1.pdf. BNM, Kuala Lumpur.

Bank Negara Malaysia (2020) 'Economic and Monetary Review 2019 Box Article "Securing Future Growth through Quality Investments"', https://www.bnm.gov.my/o/annual-report/html/files/emr2019_en_box1.pdf. BNM, Kuala Lumpur.

Crespi, F & Guarascio, D. (2019). "The demand-pull effect of public procurement on innovation and industrial renewal," *Industrial and Corporate Change*. Oxford University Press, vol. 28(4), pages 793-815.

Department of Statistics Malaysia (2020). 'Information and Communication Technology Satellite Account 2019' Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya.

Department of Statistics Malaysia (2020). 'National Accounts Statistics Database' <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php> Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya.

Economic Planning Unit (2021). "Digital Economy Blueprint", Unit Perancang Ekonomi, Putrajaya.

Economist Intelligence Unit (2021). 'Global Food Security Index 2020'. <https://foodsecurityindex.eiu.com/>. EIU, London.

Ergas (1987). 'Does Technology Policy Matter?' *Technology and Global Industry: Companies and Nations in the World Economy*. National Academy Press, Washington DC.

European Commission (2020). '100 Climate-Neutral Cities by 2030 - By and For the Citizens' https://ec.europa.eu/info/publications/100-climate-neutral-cities-2030-and-citizens_en. European Commission, Brussels.

International Monetary Fund (2021). 'World Economic Outlook Update, January 2021: Policy Support and Vaccines Expected to Lift Activity'. IMF. Washington DC.

J.P. Morgan (2021) 'J.P. Morgan 2020 E-commerce Payment Trends Report: Malaysia' <https://www.jpmorgan.com/merchantservices/insights/reports/malaysia-2020>. J.P.Morgan, New York.

Khazanah Research Institute (2019). 'The Status of the Paddy and Rice Industry in Malaysia'. KRI, Kuala Lumpur.

Malaysian Investment Development Authority (2020). 'Malaysia's E&E Industry', https://www.mida.gov.my/wp-content/uploads/2020/12/E_E-High-Res-FInal-v1-1.pdf. MIDA, 2020.

Malaysian Palm Oil Board (2021). "Monthly Export of Palm Oil Products 2020" <http://bepi.mpob.gov.my/index.php/en/export/export-2020/monthly-export-of-oil-palm-products-2020.html>. Petaling Jaya, Selangor.

Ministry of Finance (2020). 'LAKSANA Report' <https://pre2020.treasury.gov.my/>. Kementerian Kewangan Malaysia, Putrajaya.

McKinsey (2018). 'Agritech Investing Report'. McKinsey & Company, Seattle.

McKinsey (2021). 'The Next Normal Arrives: Trends That Will Define 2021 and Beyond'. McKinsey Featured Insights. McKinsey & Company. Seattle.

Mazzucato, M. (2015) *The Entrepreneurial State: Debunking Public vs Private Sector Myths*, New York.

Mazzucato, M. (2018). 'Mission-oriented innovation policies: challenges and opportunities' *Industrial and Corporate Change*, Volume 27, Issue 5, October 2018, Pages 803–815.

Massachusetts Institute of Technology (2017). 'Observatory of Economic Complexity' <https://oec.world/en>. Cambridge, Massachusetts.

Massachusetts Institute of Technology (2018). 'Observatory of Economic Complexity' <https://oec.world/en>. Cambridge, Massachusetts.

OECD (2020), 'International Direct Investment Statistic Database'. OECD. Paris.

O'Riain (2004), 'The politics of high tech growth: Developmental network states in the global economy'. Cambridge University Press, United Kingdom.

Pejabat Perdana Menteri (2021). 'Speech text to Youth Economic Forum 2021' <https://www.pmo.gov.my/ms/2021/03/speech-text-of-youth-economic-forum/>. Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya".

Startup Genome (2020). 'The Global Startup Ecosystem Report 2020'. <https://startupgenome.com/reports/gser2020>. Startup Genome, San Francisco.

The Growth Lab at Harvard University. 'The Atlas of Economic Complexity'. <http://www.atlas.cid.harvard.edu>. Cambridge, Massachusetts.

United Nations (2020), 'UN Comtrade Database' <https://comtrade.un.org/>. United Nations, New York.

United Nations Conference on Trade and Development (2020). 'World Investment Report 2020'. United Nations. New York and Geneva.

Wen, J. F. (2020). 'Temporary Investment Incentives'. International Monetary Fund. Washington DC.

World Bank (2019). 'World Integrated Trade Solution (WITS) Database' <https://wits.worldbank.org/Default.aspx?lang=en>. World Bank, Washington DC.

World Bank (2019). 'Agricultural Transformation and Inclusive Growth: the Malaysian Experience'. World Bank, Washington DC.

World Economic Forum (2019). 'Global Competitiveness Report 2019'. World Economic Forum, Geneva.

Penyusunan Semula yang Menyeluruh: Isu Struktur Pasaran Pekerja dalam Dunia Pasca-COVID-19

Pengenalan: Laluan Ke Arah Tenaga Kerja Berdaya Tahan dan Tangkas

Sepanjang dekad yang lalu, usaha gigih untuk meningkatkan produktiviti telah merangsang kemajuan dan penerapan teknologi yang pesat, dan juga mencetuskan Revolusi Perindustrian Keempat. Rencana ini mengupas persoalan bagaimana pandemik COVID-19 telah mempercepat peralihan ini dan mengetengahkan isu-isu struktur dalam landskap pasaran pekerja Malaysia. Walaupun keadaan pasaran pekerja dijangka bertambah baik pada masa hadapan, isu-isu struktur ini – bersama-sama jangkaan pemulihan ekonomi yang tidak sekata – boleh menghalang pemulihan yang kukuh sepenuhnya. Sentimen ini turut dirasai di seluruh dunia. Dalam satu laporan terkini, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour Organization, ILO*) memberikan amaran mengenai tahap pemulihan yang tidak menentu dan tidak lengkap memandangkan terdapat gangguan yang ketara terhadap pasaran pekerja, serta kesannya kepada segmen pekerja yang mudah terjejas.¹ Namun demikian, pandemik ini turut memberikan peluang kepada Malaysia untuk menyusun semula ekonomi dan pasaran pekerja secara menyeluruh setelah mengalami krisis, yang juga dinyatakan sebagai “*The Great Reset*”² dalam ruang lingkup dasar. Rencana ini berakhir dengan perbincangan mengenai keutamaan dasar untuk mempertingkatkan daya tahan dan ketangkasan tenaga kerja, serta strategi untuk membangunkan ekosistem pasaran pekerja yang lebih mantap.

Bahagian I: Isu Struktur Sedia Ada

Pasaran pekerja Malaysia menghadapi pelbagai isu struktur sejak sekian lama. Sebelum munculnya pandemik ini lagi, isu-isu ini menjadi cabaran kepada aspirasi negara untuk mencapai peralihan kepada sebuah ekonomi berpendapatan tinggi.

Pertama, penggunaan model pengeluaran kos rendah yang meluas dan pergantungan yang tinggi pada pekerja asing berkemahiran rendah lantas menghalang peningkatan produktiviti, mengurangkan kenaikan upah dan menggalakkan pewujudan pekerjaan berkemahiran rendah.³ Hal ini jelas terbukti apabila industri yang banyak menggaji pekerja asing berkemahiran rendah mempunyai tahap produktiviti yang pada amnya rendah⁴, lalu memerlukan waktu kerja tambahan untuk menghasilkan output. Tambahan pula, pergantungan pada pekerja asing berkemahiran rendah yang tidak dipantau berpotensi menyebabkan herotan kepada mekanisme penetapan upah, yang seterusnya menghalang kenaikan kadar upah dalam pasaran domestik⁵. Yang nyata, industri yang banyak bergantung pada pekerja asing berkemahiran rendah juga cenderung untuk mempunyai median gaji dan upah yang lebih rendah (Rajah 1). Dalam jangka panjang, pergantungan industri secara berterusan pada model perniagaan berintensifkan pekerja dan kos rendah amat membimbangkan kerana keadaan ini boleh menimbulkan risiko hilangnya hubungan antara kenaikan upah dengan peningkatan

¹ *International Labour Organization* (2021). *ILO Monitor: COVID-19 and the world of work*, Edisi Ketujuh.

² Frasa “*The Great Reset*” pertama kalinya dipopularkan sebagai judul buku oleh Richard Florida pada tahun 2010, yang ditulis selepas Krisis Kewangan Global 2008-2009. Secara umumnya, frasa ini mengemukakan idea untuk memanfaatkan krisis bagi membolehkan cipta semula dan but semula (*reinvent and reboot*). Sesuatu krisis menyediakan peluang untuk merombak ekonomi, disokong oleh kemajuan teknologi yang membolehkan kaedah baharu dalam pelaksanaan sesuatu usaha. Istilah ini juga digunakan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Forum Ekonomi Dunia (WEF) menurut konteks perbincangan keutamaan dasar dalam pertumbuhan dan pasaran pekerja semasa proses pemulihan selepas pandemik.

³ Sila rujuk perbincangan terdahulu dalam rencana bertajuk “Kesan Herotan Pekerja Asing Berkemahiran Rendah Terhadap Ekonomi” dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2017.


⁴ Dalam rencana ini, produktiviti pekerja merujuk nisbah keluaran dalam negeri kasar (KDNK) kepada jumlah jam bekerja.

⁵ Isu sama ada penghijrahan dan pekerja asing merencatkan peluang guna tenaga dan upah pekerja tempatan banyak diperdebatkan. Peneraju perdebatan ini, dalam konteks Amerika Syarikat (AS), ialah George Borjas dan David Card. Card (1990) mendapati kemasukan migran Cuba dengan banyaknya semasa insiden “*Maribel Boat Lift*” tidak meninggalkan kesan negatif terhadap trend upah pekerja berkemahiran rendah di AS. Pada tahun 2015, Borjas yang menggunakan set data yang sama, mendapati penurunan gaji pekerja berkemahiran rendah pada tahun 1979-1985 adalah sehingga 30 peratus. Pada dasarnya, dapatan oleh kedua-dua pihak ini diragui kerana data yang berkaitan dengan kajian penghijrahan adalah tidak sempurna dan sensitif terhadap konfigurasi dan perbandingan yang berbeza. Dalam pasaran pekerja Malaysia, Bank Dunia (2015) mendapati peningkatan pekerja migran merupakan penyumbang bersih positif kepada KDNK dan upah secara keseluruhan, namun mengurangkan upah pekerja berkemahiran rendah atau rakyat Malaysia yang berpendidikan rendah dan pekerja migran sedia ada di negara ini.

produktiviti keseluruhan⁶. Hal ini seterusnya menghalang pewujudan pekerjaan berkemahiran tinggi dan berpendapatan tinggi.

Walaupun terdapat sedikit penjimatan, model pengeluaran kos rendah dan intensif pekerja merupakan strategi jangka panjang yang tidak mungkin bertahan lama, terutamanya apabila negara-negara setara Malaysia giat menjalankan proses inovasi dan naik taraf (Rajah 2). Berdasarkan Indeks Inovasi Global (*Global Innovation Index, GII*) 2020 yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Harta Intelek Dunia (*World Intellectual Property Organization, WIPO*), Malaysia menduduki tangga kelapan daripada 17 negara Asia Tenggara, Asia Timur dan Oceania. Kelemahan relatif yang dikenal pasti termasuk kos pemberhentian pekerja yang tinggi⁷, kecanggihan perniagaan yang rendah, serta output kreatif, pengetahuan dan teknologi yang rendah. Sebagai perbandingan, tiga ekonomi teratas di rantau ini ialah Singapura, Korea Selatan dan Hong Kong SAR. Selain itu, dalam Indeks Inovasi Bloomberg 2021 (*Bloomberg Innovation Index 2021*), Malaysia menduduki tangga ke-29 daripada 60 ekonomi, merosot dua anak tangga berbanding tahun sebelumnya. Malah, pencapaian Malaysia adalah di bawah tahap purata bagi kriteria seperti produktiviti, taburan pendidikan tinggi dan tumpuan ahli penyelidikan. Sebagai perbandingan, Korea Selatan dan Singapura masing-masing menduduki tangga pertama dan kedua.

Rajah 1: Produktiviti dan Penengah Gaji dan Upah Bulanan Mengikut Industri, 2019



Nota: Paksi-x - Produktiviti buruh tahunan (nilai ditambah per jam bekerja, RM); Paksi-y - median gaji dan upah bulanan pekerja (RM); saiz gelembung - bahagian pekerja bukan warganegara daripada jumlah pekerja dalam sektor tersebut (%). Sektor perlombongan tidak termasuk dalam rajah (produktiviti: RM 548.40 per jam bekerja; penengah gaji dan upah: RM3,968 per bulan; bahagian pekerja bukan warganegara: 5.6% dari jumlah pekerja dalam sektor perlombongan).

Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia menggunakan data daripada Statistik Produktiviti Buruh, Laporan Survei Gaji & Upah, dan Laporan Survei Tenaga Buruh yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 2: Skor Malaysia dalam Tujuh Tunggak *Global Innovation Index 2020* WIPO




Sumber: Laporan *Global Innovation Index 2020* yang diterbitkan oleh *World Intellectual Property Organization*

Isu struktur kedua ialah kurangnya pewujudan pekerjaan berkemahiran tinggi⁸, yang agak jauh ketinggalan berbanding dengan jumlah siswazah⁹ baharu yang menyertai pasaran tenaga kerja (Rajah 3). Purata bahagian pewujudan pekerjaan berkemahiran tinggi di Malaysia merosot kepada 27% dalam tempoh tahun 2010 - 2019, daripada kira-kira 51% sedekad yang lalu. Purata ini setara dengan pertambahan sebanyak 86,200 guna tenaga setahun antara tahun 2010 - 2019, manakala jumlah siswazah di Malaysia secara purata meningkat sebanyak

⁶ Hubungan antara upah dengan produktiviti dalam pasaran pekerja Malaysia diperincikan lagi dan dikaji dalam rencana bertajuk "Adakah Pekerja Malaysia Dibayar Gaji Sewajarnya?: Penilaian dari Aspek Produktiviti dan Kesaksamaan" dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2018.
⁷ Menurut siri penerbitan "Doing Business" Bank Dunia, kos pemberhentian pekerja diukur melalui kos keperluan makluman awal dan bayaran pemberhentian yang perlu dibayar apabila menamatkan kontrak seseorang pekerja yang berlebihan (*redundant worker*), yang diukur dengan minggu kerja bergaji.
⁸ Pekerjaan berkemahiran tinggi merangkumi kumpulan pekerjaan utama seperti pengurus, profesional, dan juruteknik serta profesional bersekutu. Pekerjaan separuh mahir merangkumi pekerja sokongan perkeranian; pekerja perkhidmatan dan penjualan; pekerja pertanian, perhutanan, ternakan dan perikanan; pekerja kraf dan perdagangan yang berkaitan; serta operator dan pemasang loji dan mesin. Pekerjaan berkemahiran rendah merangkumi pekerjaan asas.
⁹ Siswazah merujuk individu yang berumur 15 tahun ke atas dengan sijil tertinggi yang diperoleh daripada universiti, kolej, politeknik, badan yang diiktiraf atau setaraf, dengan tempoh pengajian sekurang-kurangnya dua tahun. Siswazah dibahagikan kepada dua kategori, iaitu lulusan diploma dan lulusan ijazah.

Rajah 3: Penambahan Tenaga Kerja Mengikut Pencapaian Pendidikan vs. Penambahan Guna Tenaga Mengikut Pekerjaan ('000 orang)



Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia menggunakan data daripada Laporan Survei Tenaga Buruh dan Statistik Siswazah yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia

151,000 orang setahun dalam tempoh yang sama.¹⁰ Angka-angka ini menyokong dapatan daripada Khazanah Research Institute¹¹ yang menunjukkan 95% pekerja muda dalam kategori pekerjaan tidak mahir dan 50% pekerja muda dalam pekerjaan berkemahiran rendah bukan manual, terlebih layak dalam pekerjaan kategori tersebut. Kajian Pengesanan Siswazah yang terkini oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)¹² mendedahkan fakta yang sama, iaitu kira-kira satu pertiga siswazah akhirnya mendapatkan pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah. Dapatan ini menyarankan bahawa ekonomi tidak berupaya mewujudkan pekerjaan berkemahiran tinggi yang secukupnya untuk menyerap bilangan siswazah yang memasuki pasaran tenaga kerja, sehingga menyebabkan guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran¹³.

Ketiga, kelihatan wujudnya ketidakpadanan yang ketara antara kemahiran yang diperlukan industri dengan kemahiran yang dimiliki para pekerja. Menurut kajian Pertubuhan kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (*Organisation for Economic Co-operation and Development, OECD*)¹⁴ mengenai ketidakseimbangan kemahiran di Malaysia, majikan melaporkan kekurangan dalam kemahiran berkomunikasi (contohnya komunikasi lisan dan bertulis), kemahiran sosial (contohnya kepekaan sosial dan orientasi sosial) dan kemampuan fizikal (contohnya kekuatan statik dan stamina). Dapatan daripada kajian ini secara amnya konsisten dengan kesukaran mendapatkan pekerja seperti yang dilaporkan oleh majikan di Malaysia sejak dahulu, dengan kekurangan tambahan dari segi kemahiran kognitif peringkat tinggi (contohnya pemikiran kritis, penyelesaian masalah)¹⁵. Selain itu, tinjauan berasingan daripada Senarai Pekerjaan Kritikal (*Critical Occupations List, COL*)¹⁶ menunjukkan isu ketidakpadanan kemahiran pekerjaan. Yang nyata, pekerjaan seperti pengurus teknologi maklumat dan komunikasi, pembangun perisian dan jurutera elektronik masih lagi tersenarai dalam setiap COL sejak terbitan pertamanya pada tahun 2015. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat permintaan dan kesukaran yang berterusan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan tersebut. Yang pasti, masih ada ruang penambahbaikan bagi memastikan terdapat padanan tenaga kerja yang setara dengan keperluan majikan. Namun, keadaan ini diburukkan lagi oleh laporan kekurangan kerjasama antara industri dengan institusi pendidikan serta latihan pembangunan modal insan dan inisiatif pengambilan pekerja¹⁷.

¹⁰ Anggaran penulis berdasarkan statistik daripada Laporan Survei Tenaga Buruh, 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia.

¹¹ Khazanah Research Institute (2018). "The School-to-Work Transition of Young Malaysians".

¹² Kementerian Pengajian Tinggi (2019). Laporan Kajian Pengesanan Graduan.

¹³ Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (*Department of Statistics Malaysia, DOSM*), guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran diukur dari segi mereka yang berpendidikan tinggi namun bekerja dalam pekerjaan berkemahiran sederhana/ separuh mahir dan pekerjaan berkemahiran rendah.

¹⁴ OECD (2019). "Reducing Skills Imbalances to Foster Productivity Growth of Malaysia," OECD Working Paper


¹⁵ Bank Dunia (2014). "Boosting Trade Competitiveness," *Malaysia Economic Monitor*. Berdasarkan laporan ini, firma secara konsisten melaporkan kekurangan kemahiran insaniah yang diinginkan dalam kalangan siswazah baharu, terutamanya kemahiran komunikasi (81% firma yang dikaji selidik), pemikiran kreatif atau kritis (56%), kemahiran analitis (51%), penyelesaian masalah (49%) dan kemampuan untuk bekerja secara sendiri (47%).

¹⁶ Senarai Pekerjaan Kritikal (COL) disusun dan dikemas kini oleh jawatankuasa yang diketuai oleh TalentCorp pada setiap tahun. COL ialah set pekerjaan dengan permintaan tinggi yang mengenal pasti ketidakseimbangan kemahiran merentas 18 sektor ekonomi di Malaysia.

¹⁷ Bank Negara Malaysia (2016). "Pengangguran Belia di Malaysia: Perkembangan dan Pertimbangan Dasar," Laporan Tahunan. Analisis tersebut memetik pandangan daripada tinjauan TalentCorp pada tahun 2014 yang melaporkan bahawa 34% syarikat yang dikaji selidik tidak pernah bekerjasama dengan universiti dan 53% syarikat pula tidak pernah berurusan dengan pusat kerjaya ketika mengambil calon pekerja baharu.

Tiga isu struktur ini telah mengakibatkan hasil pasaran pekerja yang lemah, terutamanya bagi golongan belia dan siswazah. Sejak dahulu lagi, kadar pengangguran belia secara konsisten adalah dua hingga tiga kali lebih tinggi berbanding dengan pengangguran keseluruhan.¹⁸ Pada tahun 2019, kadar pengangguran siswazah belia kekal tinggi pada 17.5%, dengan kadar pengangguran belia keseluruhan pada 10.5%. Sementara itu, kadar pengangguran siswazah secara konsistennya lebih tinggi daripada bukan siswazah dalam dekad yang lalu (Rajah 4). Dari segi pendapatan pula, terdapat tanda-tanda bahawa hasil pulangan daripada taraf pendidikan semakin berkurang, kerana paras gaji dan upah siswazah pada peringkat kemasukan kekal rendah. Malah, gaji permulaan siswazah tidak berubah apabila mengambil kira perubahan inflasi. Pada tahun 2018, seorang siswazah mendapat gaji permulaan purata yang dianggarkan hanya sebanyak RM1,983 dalam nilai benar. Jumlah gaji ini menurun sedikit daripada RM1,993 pada tahun 2010.¹⁹

Rajah 4: Kadar Pengangguran Siswazah dan Bukan Siswazah (% daripada tenaga kerja masing-masing)



Bahagian II: Kesan COVID-19 Terhadap Pasaran Pekerja

Sekatan pergerakan dan pekerja yang dilaksanakan untuk membendung penularan pandemik telah mengakibatkan kemerosotan yang mendadak dan tidak pernah dialami sebelum ini terhadap kegiatan ekonomi dan keadaan pasaran pekerja. Data berfrekuensi tinggi daripada Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) menunjukkan tuntutan pengangguran meningkat pada bulan Mac dan mencecah paras kemuncak pada bulan Jun 2020, sementara kadar penempatan pekerjaan juga menurun²⁰ (Rajah 5). Angka rasmi Survei Tenaga Buruh (*Labour Force Survey*, LFS) mengesahkan penurunan ketara guna tenaga daripada 15.1 juta orang pada tahun 2019 kepada 14.9 juta orang pada suku kedua 2020, disebabkan oleh pekerja yang diberhentikan dan kontrak yang tidak diperbaharui, manakala perniagaan kecil turut terkesan. Pada suku yang sama, kadar pengangguran meningkat kepada 5.1% (791,800 orang), iaitu paras tertinggi yang pernah dicatatkan sejak krisis harga komoditi pada pertengahan 1980-an. Angka ini setara dengan peningkatan jumlah penganggur sebanyak 283,600 orang (peningkatan 2015 -2019: +57,900 orang), walaupun penyertaan tenaga kerja menurun pada suku tersebut, yang sebahagiannya telah mengimbangi kenaikan kadar pengangguran. Jumlah jam bekerja bagi setiap pekerja juga mencatatkan penurunan sebanyak 27.3% lantas menyebabkan peningkatan ketara dalam guna tenaga tidak penuh berkaitan masa (*time-related under employment*)²¹. Akibatnya, bahagian guna tenaga tidak penuh

¹⁸ Fenomena ini bukan hanya berlaku di Malaysia. Negara-negara seperti Singapura, Vietnam, Korea dan AS juga mencatatkan kadar pengangguran belia yang dua hingga tiga kali lebih tinggi daripada kadar pengangguran keseluruhan.

¹⁹ Anggaran penulis berdasarkan penemuan daripada *Salary Surveys for Executives and Non-Executives* oleh Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia.

²⁰ Kadar penempatan merujuk jumlah penempatan pekerjaan baharu bagi setiap 100 tuntutan pengangguran. Penempatan baharu diwakili oleh tuntutan Elaun Pekerjaan Awal (ERA), sedangkan tuntutan pengangguran diukur menggunakan tuntutan Elaun Cari Kerja (JSA). Kedua-dua elaun diberikan sebagai manfaat di bawah SIP oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

²¹ Menurut DOSM, guna tenaga tidak penuh berkaitan masa ditakrifkan sebagai guna tenaga berkaitan dengan mereka yang bekerja kurang dari 30 jam seminggu (kerana jenis pekerjaan mereka atau kerana tidak cukup pekerjaan) serta mampu dan bersedia untuk menerima tambahan jam bekerja.

Rajah 5: Kadar Penempatan Pekerjaan dan Tuntutan Kehilangan Pekerjaan



Sumber: Data Sistem Insurans Pekerjaan daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial


meningkat daripada 1.2% (191,000 orang) daripada jumlah tenaga kerja pada tahun 2019 kepada 2.6% (413,500 orang) pada suku kedua 2020²² (purata tahun 2017-2019: 1.4%). Kadar pengangguran dan guna tenaga tidak penuh yang lebih tinggi menyebabkan peningkatan yang nyata dalam jumlah tenaga kerja yang kurang digunakan²³ kepada 7.7%. Kesemua perkembangan ini telah mengakibatkan kehilangan sebahagian atau seluruh pendapatan pekerja, seperti dicerminkan oleh penguncupan pertumbuhan upah suku tahunan *sektor perkhidmatan dan pembuatan* buat kali pertama sejak lapan tahun yang lalu (Rajah 6).

Pemulihan separa bermula apabila sekatan pergerakan dan pekerja dilonggarkan dan kegiatan ekonomi beroperasi semula dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat dan Pemulihan (masing-masing PKPB dan PKPP) dalam tempoh bulan Mei hingga Ogos 2020. Hal ini didorong terutamanya oleh pemulihan guna tenaga sektor swasta. Guna tenaga standard mencatatkan pertambahan bersih kira-kira 256,300 orang pada suku ketiga 2020, dan guna tenaga tidak penuh kembali pulih apabila pekerja mula bekerja sepenuh masa pada suku tersebut. Data SIP menunjukkan penurunan tuntutan pengangguran serta kenaikan kadar penempatan pekerjaan antara bulan Jun hingga Oktober 2020, apabila pemberhentian pekerja terhenti sementara dan pengambilan semula pekerja meningkat berikutan kenaikan sementara dalam perjalanan dalam negeri. Bagaimanapun, penguatkuasaan semula PKPB 2.0 pada pertengahan bulan Oktober 2020 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 pada awal bulan Januari 2021 menyebabkan keadaan pasaran pekerja bertambah lemah pada suku keempat 2020 dan suku pertama 2021. Keadaan ini berlaku serentak dengan kenaikan sederhana dalam tuntutan pengangguran dan penurunan kadar penempatan pekerjaan dari bulan November 2020 hingga Januari 2021.

²² Data suku tahunan guna tenaga tidak penuh berkaitan masa dan kemahiran dapat diperolehi daripada Laporan Semakan Pasaran Buruh dan Laporan Survei Tenaga Buruh Suku Tahunan yang diterbitkan oleh DOSM.

²³ Kurang penggunaan (*underutilisation*) ialah konsep yang lebih luas tentang kapasiti terpendam dalam pasaran pekerja. Dalam rencana ini, kadar kurang penggunaan diukur sebagai jumlah penganggur dan guna tenaga tidak penuh, yang dinyatakan sebagai peratusan tenaga kerja.

Rajah 6: Penunjuk Pasaran Pekerja Terpilih



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Perangkaan Pembuatan, dan Perangkaan Perkhidmatan yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia

Walaupun keadaan guna tenaga secara keseluruhannya bertambah baik daripada paras terendah pada suku kedua 2020, keadaan upah pekerja terus lemah, dan pandemik terus memberikan kesan negatif kepada segmen pasaran pekerja yang mudah terjejas:

i) Guna tenaga bukan standard terus terjejas akibat keadaan permintaan yang lebih perlahan dan sekatan yang diteruskan

Walaupun guna tenaga standard telah mula pulih daripada krisis, keadaan masih belum lagi pulih bagi guna tenaga bukan standard²⁴ (seperti mereka yang bekerja sendiri, pekerja sambilan (*gig worker*) serta pemilik dan pekerja perniagaan milik keluarga kecil) (Rajah 7). Pada suku kedua tahun 2020, guna tenaga bukan standard menurun dengan mendadak sekitar 252,000 orang dan terus mengalami penurunan bersih dalam guna tenaga sepanjang tahun 2020. Kehilangan pekerjaan yang berterusan berpunca daripada penumpuan pekerja tersebut dalam sektor ekonomi yang banyak berhubung dengan pelanggan (*high-touch sectors*) yang terus terjejas oleh pandemik, langkah pembendungan dan juga prosedur operasi standard (*standard operating procedure, SOP*) sebagai 'Kebiasaan Baharu' (*'New Normal'*) untuk memastikan penjarakan fizikal di kawasan awam dan premis perniagaan. Kesan yang lebih teruk terhadap pekerja bukan standard disebabkan sebahagiannya oleh kecenderungan pekerja tersebut termasuk dalam kategori perniagaan mikro dan kecil, yang lebih mudah terjejas oleh kejutan ekonomi berbanding dengan


²⁴ Dalam rencana ini, guna tenaga bukan standard (*non-standard employment*) diwakili oleh tiga kategori guna tenaga: mereka yang bekerja sendiri, pekerja keluarga tanpa gaji dan majikan. Pengelasan ini berpandukan contoh ILO tentang "pengaturan guna tenaga pelbagai yang berbeza daripada guna tenaga standard", termasuk guna tenaga sementara, hubungan guna tenaga pelbagai pihak dan pekerjaan sendiri, yang terserlah dalam ekonomi jangka pendek (*gig economy*). Sebaliknya, guna tenaga standard merujuk pekerjaan bergaji yang berterusan, dengan hubungan langsung antara majikan dengan pekerja.

perusahaan besar. Tambahan lagi permintaan dalam negeri yang lemah menghadkan peluang pekerjaan dan pendapatan untuk segmen tenaga kerja ini. Mereka juga lebih mudah terjejas disebabkan oleh akses yang terhad kepada perlindungan sosial dan pengecualian daripada liputan program insurans sosial.

ii) Pekerja yang lebih muda menghadapi keadaan pasaran pekerja yang sangat mencabar sebaik sahaja memasuki pasaran tenaga kerja


Kadar pengangguran belia yang tinggi selama ini telah meningkat lagi daripada 10.9% pada tahun 2019 kepada 12.5% semasa PKP pada suku kedua tahun 2020, dan kekal tinggi sepanjang tahun (Rajah 8). Pemulihan yang rendah dalam segmen belia menandakan secara relatif kekangan yang dihadapi oleh pekerja yang lebih muda dalam pasaran pekerja. Pertama, golongan muda kurang pengalaman bekerja serta mempunyai rangkaian kerjaya yang terhad, menyebabkan mereka lebih sukar untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai dan terpaksa bergantung pada mekanisme pepadanan kerja seperti portal pencarian kerja, pusat kerjaya dan perkhidmatan pekerjaan. Kedua, pekerja yang lebih muda mungkin tidak mempunyai kemahiran bekerja dan memerlukan pelaburan lebih tinggi daripada pihak majikan untuk latihan permulaan, lantas menyebabkan mereka kurang menarik untuk diambil bekerja.²⁵ Walaupun faktor ini sudah pun menjadi cabaran sebelum ekonomi menghadapi krisis, peluang pekerjaan yang semakin berkurang, jumlah kekosongan yang lebih rendah dan tekanan kewangan yang lebih tinggi terhadap perniagaan dalam tempoh krisis menyebabkan pencarian dan pengekalan pekerjaan nyata semakin sukar bagi pekerja yang lebih muda. Selain itu, golongan belia lazimnya bekerja dalam pekerjaan berkemahiran sederhana (72% daripada belia bekerja dalam pekerjaan berkemahiran sederhana pada tahun 2019; dewasa: 58%). Pandemik pula telah menyebabkan kehilangan bersih sebanyak kira-kira 176,900 pekerjaan berkemahiran sederhana. Tambahan lagi, siswazah baharu yang dilatih dalam *sektor yang berhubung rapat dengan pelanggan dan berkaitan dengan sektor pelancongan* mungkin juga sukar mendapat pekerjaan dalam industri yang kurang terjejas oleh pandemik, khususnya dalam keadaan terdapat pencari kerja lain yang lebih berpengalaman dalam pasaran pekerja. Pengangguran yang berpanjangan dalam segmen belia menyebabkan pelbagai isu timbul, termasuk ketidakpadanan kemahiran struktur dan atrofi kemahiran, yang akhirnya menjejaskan prospek pendapatan jangka panjang mereka. Bukti empirik daripada kajian terdahulu di negara lain menunjukkan bahawa kemasukan siswazah baharu ke dalam pasaran pekerja dalam tempoh kemelesetan boleh mengurangkan pendapatan sehingga 10 tahun selepas tamat pengajian.²⁶ Dapatan ini memperkuat kes untuk fokus dasar yang lebih teliti terutamanya bagi golongan muda, supaya keseimbangan terhadap kesan jangka panjang dapat dikurangkan.

Rajah 7: Tahap Indeks Guna Tenaga Keseluruhan, Standard dan Bukan Standard (S1 2019 = 100)



Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia menggunakan data daripada Laporan Survei Tenaga Buruh yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 8: Kadar Pengangguran Mengikut Segmen Umur (% daripada tenaga kerja masing-masing)



Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia menggunakan data daripada Laporan Survei Tenaga Buruh yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia


²⁵ Morsy, H. (2012). "Scarred Generation". *Finance and Development*, IMF.

²⁶ Kahn, L B (2010). "The long-term labor market consequences of graduating from college in a bad economy," *Labour Economics* 17(2): 303-316; Genda, Y, A Kondo dan S Ohta (2010). "Long-term effects of a recession at labor market entry in Japan and the United States", *Journal of Human Resources* 45(1): 157-196., dan; Oreopoulos, P, T von Wachter, dan A Heisz (2012). "The Short- and Long-Term Career Effects of Graduating in a Recession", *American Economic Journal: Applied Economics* 4(1): 1-29.

iii) Impak pandemik yang tidak seimbang ke atas pekerja wanita

Kemelesetan yang disebabkan oleh pandemik ini menyebabkan lebih banyak kaum wanita kehilangan pekerjaan berbanding dengan kaum lelaki. Perkembangan ini berbeza daripada krisis-krisis terdahulu dalam sejarah Malaysia. Yang jelas, pada tahun 2020, guna tenaga wanita mencatatkan kadar pertumbuhan negatif 0.1% manakala guna tenaga lelaki mencatatkan pertumbuhan positif 0.3% (Rajah 9). Walaupun tahap guna tenaga lelaki kembali pulih pada suku keempat 2020, guna tenaga wanita masih belum pulih ke tahap sebelum krisis.²⁷ Tambahan pula, kadar penyertaan tenaga kerja wanita, yang selama ini jauh lebih rendah daripada kadar penyertaan tenaga kerja lelaki (purata tahun 2010-2019 bagi wanita: 52.5%; lelaki: 80.3%), menurun dengan ketara pada permulaan krisis dan terus kekal pada tahap yang lebih rendah walaupun selepas sekatan pergerakan ditamatkan (Rajah 10). Dapatan ini merungkai peningkatan yang selama ini stabil. Sekiranya keadaan ini tidak ditangani, ia boleh merencatkan kemajuan usaha untuk menggalakkan penyertaan tenaga kerja wanita yang lebih tinggi dalam pasaran buruh. Trend yang terbentuk semasa krisis ini memberikan kesan yang lebih cenderung kepada kaum wanita disebabkan oleh dua faktor: (i) Penyertaan wanita yang lebih tinggi dalam *subsektor perkhidmatan bertemu pengguna (consumer-facing)*, dan *subsektor perkhidmatan intensif hubungan (contact-intensive)*²⁸; dan (ii) Penyediaan keperluan keluarga dan penjagaan anak, yang meningkat berikutan penutupan sekolah dan pusat penjagaan, kebanyakannya ditanggung oleh kaum wanita²⁹. Jika isu ini tidak ditangani, Malaysia berisiko untuk kehilangan manfaat yang didapati daripada jurang jantina yang semakin berkurang dalam pasaran pekerja, termasuk sumbangan positif yang besar kepada KDNK, serta produktiviti dan pendapatan yang lebih tinggi secara keseluruhan.³⁰

Rajah 9: Perbezaan Mata Peratusan antara Pertumbuhan Guna Tenaga Wanita dengan Lelaki semasa Krisis di Malaysia dari tahun 1986 hingga 2020




a Awalan

Nota: AFC Krisis Kewangan Asia (Asian Financial Crisis)
GFC Krisis Kewangan Global (Global Financial Crisis)

Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia menggunakan daripada Laporan Survei Tenaga Buruh yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 10: Kadar Penyertaan Tenaga Kerja Wanita dari S1 2018 hingga S4 2020 (% wanita usia bekerja)



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia

Walaupun kegiatan ekonomi dijangka pulih setelah pandemik berjaya dibendung, pemulihan mungkin tidak sekata antara sektor. Sektor yang mudah terjejas oleh pandemik COVID-19, terutamanya *subsektor perkhidmatan yang banyak berhubung dengan pelanggan (high-touch and high-contact)*, serta *subsektor berkaitan pelancongan dan perjalanan*, dijangka pulih pada kadar yang lebih perlahan setelah menghadapi gangguan operasi berulang kali sepanjang tahun 2020. Kadar pemulihan tidak sekata antara sektor seterusnya mungkin meningkatkan kadar pengangguran jangka panjang dalam masa terdekat hingga sederhana. Hal ini boleh menimbulkan risiko kepada

²⁷ Tahap guna tenaga wanita yang dicatatkan adalah sebanyak 5,888.6 ribu orang pada suku keempat 2020, berbanding dengan 5,871.0 ribu orang pada tahun 2019. Bagi lelaki, tahap guna tenaga adalah 9,273.1 ribu orang pada suku keempat 2020, dan 9,202.4 ribu orang pada tahun 2019.

²⁸ Wanita mencakupi 53% daripada pekerja dalam aktiviti perkhidmatan penginapan, makanan dan minuman (bahagian wanita yang bekerja dalam ekonomi secara keseluruhan: 39% daripada jumlah guna tenaga). Sumber: DOSM (2019). Laporan Survei Tenaga Buruh.

²⁹ Pada tahun 2019, 3,023.1 ribu orang menyebut alasan kerja rumah dan tanggungjawab keluarga sebagai alasan tidak menyertai tenaga kerja dan tidak mencari pekerjaan; 97.4% daripadanya wanita. Sumber: DOSM (2019). Laporan Survei Tenaga Buruh.

³⁰ Dalam jangka panjang, dengan penghapusan halangan ekonomi bagi wanita, pendapatan per kapita Malaysia mampu meningkat sebanyak 26.2%, yang diterjemahkan sebagai kenaikan pendapatan tahunan purata sebanyak RM9,400. Sumber: Bank Dunia (2019). "Breaking Barriers: Toward Better Economic Opportunities for Women in Malaysia," *The Malaysia Development Experience Series*; Lagarde, C dan J D Ostry (2019). "When more women join the workforce, everyone benefits. Here's why," *World Economic Forum*.

tenaga kerja kerana pengangguran yang berpanjangan dan berulang kali boleh memburukkan lagi kesan negatif terhadap tahap kemahiran dan pendapatan³¹. Dari perspektif jangka panjang, pandemik COVID-19 juga berpotensi mendorong peralihan struktur selanjutnya dalam ekonomi dan pasaran pekerja, terutamanya dari aspek pencepatan penggunaan teknologi, pendigitalan dan transformasi organisasi. Peralihan ini boleh menyebabkan pemulihan guna tenaga yang lebih perlahan daripada jangkaan lantas menyebabkan pengangguran berterusan, dan memberikan kesan kepada pendapatan dan upah. Dalam bidang ekonomi pekerja, keadaan ini sering dirujuk sebagai ‘histeresis’, atau fenomena ‘pemulihan tanpa pekerjaan’.


Apakah Hakikat Fenomena Pemulihan Tanpa Pekerjaan?

Takrifan

Pemulihan tanpa pekerjaan merupakan sesuatu situasi pemulihan ekonomi yang berlaku tanpa peningkatan yang setara dalam guna tenaga. Secara formal, keadaan ini boleh ditakrifkan sebagai berlaku apabila pertumbuhan guna tenaga nyata ketinggalan jauh di belakang pengeluaran, selepas ekonomi mengalami kemelesetan.³² Keadaan ini turut mengakibatkan tahap pengangguran yang tinggi walaupun pemulihan ekonomi telah lama berlaku.

Satu kes pemulihan tanpa pekerjaan yang telah menjadi perhatian ramai berlaku dalam pasaran pekerja di AS berikutan Krisis Kewangan Global (*Global Financial Crisis*, GFC) pada tahun 2008-2009, iaitu pemulihan

Rajah 11: Trend KDNK, Guna Tenaga dan Pengangguran di AS Semasa GFC (S4 2007 = 100)



Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia menggunakan data daripada CEIC

³² Schreft, S L dan A Singh (2003). "A Closer Look at Jobless Recoveries", *Federal Reserve Bank of Kansas City, Economic Review*, Jilid 88.

³¹ Arulampalam, W. (2001) yang menggunakan data daripada *British Household Panel Survey*, mendapati bahawa seseorang penganggur, ketika kembali bekerja, akan menghadapi penalti upah -5.7% pada tahun pertama bekerja. Penalti ini meningkat kepada -13.5% bagi tiga tahun seterusnya. Tempoh pengangguran beberapa waktu berikutnya juga menyebabkan "parut upah", walaupun tidak sebesar itu. Huckfeldt, C. (2016) mendokumentasikan kerugian pendapatan yang besar dan berterusan akibat pemberhentian pekerja tertumpu pada kalangan pekerja yang bertukar pekerjaan setelah dibuang kerja, yang berlaku lebih kerap semasa kemelesetan. Dalam tinjauan di negara-negara OECD, Quintini dan Venn (2013) juga melaporkan kecenderungan penurunan ketara pendapatan pekerja pada tahun-tahun selepas kehilangan pekerjaan, walaupun kesannya nyata berbeza antara negara, jantina, kumpulan umur dan pencapaian tahap pendidikan

ketara dalam pengeluaran di AS berikutan krisis itu diiringi dengan pemulihan guna tenaga yang lemah. Walaupun pengeluaran suku tahunan kembali ke paras sebelum krisis dalam tempoh dua tahun daripada paras terendah, kadar guna tenaga dan pengangguran masing-masing mengambil tempoh lima tahun dan tujuh hingga lapan tahun untuk kembali ke paras sebelum krisis (Rajah 11). Perbincangan mengenai pemulihan pengangguran selalunya berkisar pada tiga faktor yang berikut: (i) Peningkatan kecekapan; (ii) Polarisasi pekerjaan (*job polarisation*)³³ dan; (iii) Mobiliti pekerja yang tidak sempurna.

Peningkatan kecekapan: Perubahan mod dan proses pengeluaran

Kemelesetan yang besar telah mendorong perubahan dalam kaedah pengurusan, pengeluaran barangan dan penyediaan perkhidmatan syarikat. Dalam penulisan akademik, keadaan ini digelar sebagai 'kesan pembersihan'³⁴ berikutan kemelesetan, yang berasal daripada konsep 'pemusnahan kreatif' (*creative destruction*)³⁵ yang diperkenalkan oleh Schumpeter. Dalam keadaan kemelesetan ekonomi, proses pengeluaran yang sudah lapuk serta unit pengeluaran yang menggunakan teknologi rendah lebih cenderung digantikan dengan proses dan unit pengeluaran yang lebih moden dan cekap. Proses peruntukan semula antara tempoh (*intertemporal reallocation*) yang mengutamakan aktiviti peningkatan produktiviti boleh menghasilkan kenaikan produktiviti yang ketara dalam jangka sederhana dan panjang. Anjakan ketara dalam kaedah dan proses pengeluaran ini boleh membawa kepada pertumbuhan guna tenaga yang lebih perlahan selepas krisis³⁶, jika peningkatan kecekapan ini menyebabkan penggantian pekerja dengan penggunaan jentera atau penerapan teknologi.

Polarisasi pekerjaan: Peluang pekerjaan berkemahiran sederhana semakin mengecil

Polarisasi pekerjaan merujuk peningkatan tumpuan guna tenaga dalam pekerjaan berkemahiran paling tinggi dan paling rendah, manakala peluang pekerjaan dalam kategori berkemahiran sederhana lenyap berikutan anjakan struktur dalam ekonomi. Kerja-kerja rutin selalunya tertumpu pada jenis pekerjaan berkemahiran sederhana³⁷, yang mungkin lebih terjejas oleh automasi dan penggunaan teknologi³⁸. Meskipun fenomena ini diperhatikan terus berlaku dalam beberapa dekad yang lalu, kemelesetan ekonomi boleh mempercepat pelupusan kerja yang berkekalan dalam kategori pekerjaan berkemahiran sederhana. Polarisasi pekerjaan juga dikatakan sebagai satu lagi faktor penyumbang kepada pemulihan tanpa pekerjaan memandangkan pekerjaan berkemahiran sederhana membentuk bahagian terbesar tenaga kerja dalam kebanyakan ekonomi.

Mobiliti pekerja yang tidak sempurna: Penempatan semula pekerja dalam sektor pertumbuhan

Kemelesetan lazimnya dikaitkan dengan peruntukan semula sumber ekonomi (iaitu modal dan pekerja) daripada aktiviti dan sektor yang mempunyai produktiviti rendah kepada sektor yang mempunyai produktiviti tinggi. Walaupun peruntukan semula sumber adalah faktor positif bagi ekonomi dalam jangka panjang, namun dalam jangka pendek, penempatan semula pekerja merentas sektor boleh menimbulkan

³³ Istilah 'polarisasi pekerjaan' kali pertama digunakan oleh Goos dan Manning (2007). Istilah ini ialah fenomena yang wujud apabila bahagian guna tenaga dalam pekerjaan di tengah-tengah taburan kemahiran merosot, manakala bahagian di bawah dan atas meningkat.

³⁴ Istilah ini kali pertama digunakan oleh Caballero dan Hammour (1994) dalam kertas kerja mereka bertajuk "*The Cleansing Effect of Recessions*", yang membuat penyelidikan tentang tindak balas industri terhadap variasi kitaran permintaan dalam rangka kerja model pemusnahan kreatif.

³⁵ "Pemusnahan kreatif" merujuk proses inovasi yang tidak henti-henti apabila unit pengeluaran baharu menggantikan unit yang telah lama. Joseph Schumpeter mempopularkan konsep ini, yang pada asalnya menerangkan tentang pemusnahan kreatif sebagai inovasi dalam proses perkilangan yang meningkatkan produktiviti.

³⁶ Automasi mempengaruhi guna tenaga menerusi dua saluran, iaitu "kesan produktiviti" dan "kesan pengembalian semula". Kesan pertama melibatkan pemberhentian pekerja yang diakibatkan oleh teknologi peningkatan produktiviti; yang kedua melibatkan penciptaan tugas baharu yang memberikan kelebihan berbanding (*comparative advantage*) kepada pekerja. Sumber: Acemoglu, D dan P Restrepo (2019). "*Automation and New Tasks: How Technology Displaces and Reinstates Labour*," *Journal of Economic Perspectives*, Jilid 33, No. 2, halaman 3-30.

³⁷ Walaupun kerja-kerja rutin wujud dalam semua tahap kemahiran, kerja ini merupakan ciri-ciri kebanyakan pekerjaan separuh mahir, contohnya kerja-kerja perakaunan dan perkeranian, serta kerja-kerja pengeluaran dan pengawasan yang dibuat secara berulang. Memandangkan tugas utama pekerjaan tersebut mengikut prosedur yang tepat dan difahami dengan baik, tugas ini boleh dikodkan dalam perisian komputer dan dilakukan oleh mesin. Sumber: OECD (2020). "*Worker Security and the COVID-19 Crisis*," *Employment Outlook*; Keister, R and P Lewandowski (2016). "*A Routine Transition? Causes and Consequences of the Changing Content of Jobs in Central and Eastern Europe*," *IBS Policy Paper 05/2016*.


³⁸ Jaimovich, N dan Siu H (2018). "*Job Polarization and Jobless Recoveries*," Kertas Kerja *National Bureau of Economic Research*.

gangguan yang ketara dan melibatkan kos yang tinggi untuk menyelesaikannya dari segi masa dan sumber. Perkara ini sangat ketara apabila kemahiran pekerja yang dibina daripada pekerjaan terdahulunya dalam sektor yang sedang menguncup tidak sepadan dengan pekerjaan dan kemahiran yang dikehendaki oleh sektor yang sedang berkembang. Penyelesaian isu ini ketika berdepan dengan krisis akan mengambil masa yang lebih panjang (untuk mencari pekerjaan yang sepadan dengan set kemahiran semasa disebabkan peluang pekerjaan yang sangat terhad), atau sumber (untuk menyediakan program latihan semula kemahiran atau peningkatan kemahiran berskala besar dalam keadaan terdapat keutamaan mendesak yang lain), lantas menyebabkan pertumbuhan guna tenaga yang lebih perlahan berikutan krisis³⁹.

Pengalaman Malaysia

Meskipun krisis kesihatan semasa telah menimbulkan semula kebimbangan mengenai prospek pemulihan pengangguran, namun dari segi sejarah, Malaysia tidak pernah mengalami fenomena seperti ini. Semasa Krisis Kewangan Asia (*Asian Financial Crisis, AFC*) contohnya, kadar pengangguran naik sedikit kepada 3.2% pada tahun 1998 (tahun 1997: 2.4%), tetapi paras guna tenaga tidak mengalami penurunan yang ketara (tahun 1997: 8.57 juta orang; tahun 1998: 8.60 juta orang; tahun 1999: 8.84 juta orang). Apabila GFC berlaku pada tahun 2008-2009, pasaran pekerja di Malaysia menunjukkan perkembangan yang sama; jumlah pekerjaan tidak merosot dengan ketara berbanding paras sebelum krisis, manakala kadar pengangguran secara relatif pulih dengan cepat apabila keadaan pasaran pekerja meningkat dengan pantas seiring pertumbuhan yang kukuh selepas GFC (Rajah 12).

Rajah 12: Trend KDNK, Guna Tenaga dan Pengangguran di Malaysia Semasa GFC (S4 2007 = 100)



Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia menggunakan data daripada Akaun Negara dan Laporan Survei Tenaga Buruh yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia

Keadaan ini menekankan akan pentingnya campur tangan dasar untuk mengurangkan impak kejutan ekonomi kepada pasaran pekerja. Di Malaysia, kesan pandemik telah dapat dikurangkan hasil daripada pelbagai langkah yang diambil untuk mengurangkan beban ekonomi akibat sekatan pergerakan isi rumah, perniagaan dan pekerja. Dasar utama di bawah pakej PRIHATIN, PENJANA, Belanjawan 2021, PERMAI dan PEMERKASA termasuk Program Subsidi Upah (PSU 1.0, 2.0 dan 3.0), peningkatan akses kepada Skim Kredit Mikro dan geran khas mikro-PKS, serta insentif pengambilan pekerja yang ditambah baik di bawah inisiatif PENJANA Kerjaya. Sokongan dasar yang berterusan adalah penting untuk mengelakkan kerosakan yang berpanjangan kepada ekonomi dan pasaran pekerja (*economic and labour market scarring*) sementara ekonomi pulih daripada pandemik.

³⁹ Aaronson dll. (2004). "Can sectoral reallocation explain the jobless recovery?" *Chicago Fed, Economic Perspectives*, 2004, 2nd Quarter; Borio dll. (2015). "Labour reallocation and productivity dynamics: financial causes, real consequences," *BIS Working Papers*; Bartelsman dll. (2019). "Labour reallocation in Recession and Recovery: Evidence for Europe," *National Institute Economic Review*

Bahagian III: Keutamaan dan Imperatif Dasar

Pada bulan November 2020, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Pekerjaan Kebangsaan (*National Employment Council, NEC*), yang bertujuan untuk menyelaraskan dan mengharmonikan dasar berkaitan dengan pasaran pekerja, dengan penciptaan peluang pekerjaan menjadi bidang tumpuan utama. Pembentukan NEC amat dialu-alukan untuk mengukuhkan prospek pemulihan yang teguh di samping memastikan keberkesanan pelaksanaan langkah-langkah utama Kerajaan dalam pasaran pekerja. Antara lain, inisiatif utama yang digariskan oleh NEC termasuklah pelan strategik jangka panjang untuk mewujudkan peluang pekerjaan yang meliputi isu berkaitan kekurangan kemahiran dan pekerja dalam sektor utama, serta peluang yang sama rata untuk kumpulan yang mudah terjejas.

Walaupun Kerajaan mengambil langkah tindak balas yang pantas untuk menangani krisis semasa, Malaysia juga perlu menitikberatkan keperluan melaksanakan pembaharuan struktur untuk jangka panjang. Rangka kerja dasar pasaran pekerja yang holistik boleh dipertimbangkan sebagai panduan kepada penggubal dasar untuk membangunkan ekosistem pasaran pekerja yang teguh (Gambar Rajah 1).

Secara amnya, rangka kerja ini merangkumi dasar untuk merangsang transformasi ekonomi, meningkatkan kemahiran serta sistem latihan dan pendidikan, menambah baik Dasar Pasaran Pekerja Aktif (*Active Labour Market Policies, ALMP*) dan menggalakkan hasil pasaran pekerja yang inklusif. Dasar-dasar ini harus disokong oleh penggerak utama seperti penyertaan sektor swasta yang aktif, penyediaan data pasaran pekerja yang komprehensif, serta rangka kerja perundangan dan keupayaan pentadbiran yang bersesuaian. Berasaskan paradigma dasar ini, tiga strategi dasar yang berikut boleh dipertimbangkan.

Pertama, terdapat keperluan mendesak untuk memperkenalkan dasar dan pembaharuan ekonomi yang akhirnya boleh meningkatkan penciptaan peluang pekerjaan dan permintaan untuk pekerja berkemahiran tinggi dan berpengetahuan. Yang paling penting, penilaian holistik terhadap rangka kerja dasar pelaburan semasa serta

Gambar Rajah 1: Empat Tonggak Utama Rangka Kerja Dasar Pasaran Tenaga Kerja



* Pekerjaan yang memenuhi syarat keselamatan, kehormatan dan kesaksamaan

Nota: Diadaptasi daripada rangka kerja dasar pasaran pekerja ILO sebagai tindak balas terhadap pandemik COVID-19

Sumber: Bank Negara Malaysia

ekosistem insentif adalah kritikal untuk merancakkan kembali pelaburan. Dalam hal ini, penerapan visi dan hala tuju strategik yang jelas adalah penting. Dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari Bank Negara Malaysia 2019, rencana bertajuk 'Memastikan Pertumbuhan Masa Depan Menerusi Pelaburan Berkualiti' menggariskan Aspirasi Pelaburan Nasional (*National Investment Aspirations, NIA*) - lima kriteria penting untuk pelaburan berkualiti sejajar dengan matlamat menyeluruh pembangunan nasional⁴⁰. Aspirasi ini memerlukan pelaburan yang: (i) Meningkatkan kecanggihan ekonomi; (ii) Mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi; (iii) Memperluas rangkaian hubungan antara industri dalam negeri; (iv) Membangunkan kluster baharu dan kluster sedia ada; dan (v) Meningkatkan keterangkuman. Selain itu, pelan yang berpandangan ke hadapan serta tuntas dan rapi untuk mengurangkan pergantungan pada pekerja asing akan mendorong industri untuk membuat penyesuaian dan peralihan secara beransur-ansur daripada model pengeluaran kos rendah. Pembaharuan ini akhirnya akan membolehkan ekonomi beralih kepada pengeluaran bernilai tinggi dan kegiatan ekonomi yang lebih canggih dan kompleks, serta mewujudkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi yang menjana upah lebih tinggi. Seterusnya, permintaan yang bertambah untuk pekerja berkemahiran tinggi akan mengurangkan isu lebihan siswazah dalam pasaran pekerja pada masa ini.

Kedua, usaha untuk meningkatkan kemahiran dan memudahkan penempatan semula pekerja dalam bidang pertumbuhan tinggi yang lebih berdaya tahan dan produktif patut digiatkan, dengan lebih tumpuan diberikan pada aspek 'masa hadapan pekerjaan'⁴¹. Usaha ini melibatkan rangkaian dasar yang luas untuk memantapkan ekosistem pendidikan dan latihan, selain inisiatif untuk menambah baik mekanisme pepadanan dalam pasaran pekerja. Usaha ini perlu merangkumi strategi yang sistematik dan mampan untuk memudahkan penyertaan industri, institusi dan masyarakat sivil secara berterusan dan konstruktif dalam reka bentuk, perumusan serta pelaksanaan dasar pekerja, kemahiran dan pendidikan⁴². Di negara maju seperti Jerman, Australia dan Korea Selatan, serta di negara jiran seperti Singapura, pembuat dasar, peserta industri, ahli akademik dan pemimpin masyarakat bekerjasama dalam pelbagai Majlis untuk mengenal pasti kemahiran yang diperlukan, mereka bentuk rangka kerja peningkatan kemahiran dan kelayakan hingga mencapai standard yang dikehendaki, mengemas kini kurikulum akademik dan kursus latihan, dan pada amnya menggalakkan peningkatan pengetahuan dan tahap kemahiran tenaga kerja. Langkah ini amat penting untuk tenaga kerja supaya dapat memenuhi perubahan dalam keperluan industri dan cabaran ekonomi semasa. Penuhuan platform tetap sedemikian yang bertujuan memupuk kerjasama di negara ini akan banyak membantu usaha yang sedang dijalankan untuk menambah baik sistem pendidikan kebangsaan, membuat pembaharuan terhadap ekosistem latihan nasional, dan memastikan pelan pembangunan strategik sejajar dengan keperluan industri dan komuniti yang berkembang. Selain itu, penambahbaikan dalam pelaksanaan ALMP dan keupayaan perkhidmatan pekerjaan negara (*national employment services*) akan mempermudah penyesuaian oleh syarikat dan pekerja kepada perubahan keadaan pasaran pekerja.

⁴⁰ Untuk maklumat lanjut tentang pelaburan berkualiti dalam aktiviti yang memenuhi matlamat NIA, pempelbagaian kepada produk lebih canggih dan penggunaan pendekatan pelaburan berasaskan misi, sila rujuk rencana dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2020 bertajuk "Inovasi Malaysia: Ke Arah Pertumbuhan Masa Hadapan Berkualiti Tinggi Selepas Pandemik".

⁴¹ Menurut OECD, "masa hadapan pekerjaan" berkisar pada pendigitalan dan globalisasi, yang mencetuskan anjakan radikal dalam cara hidup dan pekerjaan.

⁴² Dalam kalangan negara OECD, kira-kira 75% rakan kongsi sosial dan kira-kira 30% kementerian bersetuju bahawa halangan nyata bagi menjalankan penilaian keperluan kemahiran ialah kurangnya rundingan dengan semua pihak berkepentingan yang berkaitan. Sumber: OECD (2016). "Getting Skills Right: Assessing and Anticipating Changing Skills Needs".

Dasar Pasaran Pekerja Aktif (ALMP) di Malaysia

Takrifan

Dasar Pasaran Pekerja Aktif (*Active Labour Market Policies*, ALMP) merupakan dasar campur tangan kerajaan dalam pasaran pekerja untuk membantu pencari kerja (penganggur, pekerja yang bekerja sendiri dan pekerja bergaji) mendapatkan peluang latihan semula dan peningkatan kemahiran, perantisan, latihan vokasional dan kemahiran, dan akhirnya, pekerjaan. Empat ciri utama ALMP ialah: (1) Pemberian bantuan dalam proses pencarian pekerjaan; (2) Pemberian cadangan skim latihan dan perantisan; (3) Subsidi upah, perkhidmatan pekerjaan awam, dan program kerja awam; dan (4) Sokongan kepada usahawan mikro dan mereka yang bekerja sendiri.

Seperti yang dibangkitkan oleh Bank Dunia⁴³ baru-baru ini, walaupun Malaysia telah mencapai kemajuan besar dalam sistem pembangunan kemahirannya sejak tahun 2000-an, masih terdapat pertindanan dan fragmentasi dalam sistem ALMP Malaysia. Khususnya, pelaksanaan program ALMP yang menjadi tanggungjawab pelbagai agensi lantas menyebabkan ketidakcekan dan kenaikan kos pentadbiran. Hal ini diperhatikan dalam perbelanjaan program yang secara relatif lebih rendah dan bilangan penerima manfaat yang berkurang. Fragmentasi dalam sistem ALMP ini juga mengakibatkan rangkuman strategi tidak menyeluruh dan yang lebih ketara, telah melemahkan hubungan antara latihan dan sokongan guna tenaga dengan keperluan industri.

⁴³ Bank Dunia (2020). "Surviving the Storm," *Malaysia Economic Monitor*.

Ketiga, inisiatif bagi meningkatkan daya tahan pasaran pekerja perlu dipergiat, bermula dengan merapatkan jurang serta meningkatkan akses kepada keselamatan dan insurans sosial. Pandemik COVID-19 telah menyerlahkan jurang dalam liputan perlindungan sosial di banyak negara. Yang nyata, sebahagian besar segmen pekerja wanita, pekerja yang bekerja sendiri dan pekerja yang lebih muda mempunyai akses yang terhad kepada insurans pekerjaan mahupun simpanan sosial. Terdapat juga jurang dalam liputan program latihan, latihan semula dan peningkatan kemahiran. Sebagai contoh, skim latihan untuk pekerja yang bekerja sendiri dan pekerja dalam ekonomi jangka pendek (*gig economy workers*) tidak dibangunkan dengan baik atau tidak disediakan secara meluas di Malaysia. Dalam kaji selidik ekonomi baru-baru ini, OECD melaporkan bahawa mereka yang berusia, pekerja dalam perusahaan mikro, pekerja dalam sektor tidak formal dan golongan wanita mempunyai akses yang terhad kepada peluang latihan.⁴⁴ Oleh itu, walaupun pekerja dalam pekerjaan standard diberikan bantuan pendapatan sementara semasa pandemik, banyak lagi pekerja lain yang tidak mempunyai akses kepada dana dan skim latihan. Dana khusus yang disediakan untuk segmen yang mudah terjejas juga terhad, serta maklumat program perlindungan sosial agak berasing-asing dan sukar untuk didapati.⁴⁵ Program-program perlindungan sosial ini juga mempunyai kriteria kelayakan yang berbeza mengikut Kementerian dan agensi yang bertanggungjawab. Walaupun Kerajaan menyedari wujudnya jurang ini dan dengan itu telah menyediakan bantuan khusus pada peringkat awal tercetusnya pandemik, peluasan liputan dan peningkatan jangkauan infrastruktur perlindungan sosial kepada segmen yang mudah terjejas mampu meningkatkan daya tahan guna tenaga dengan ketara bagi menghadapi kejutan ekonomi pada masa hadapan.⁴⁶

⁴⁴ OECD (2019). *OECD Economic Surveys: Malaysia*

⁴⁵ Dasar-dasar ini termasuklah dasar jaringan keselamatan sosial (contohnya, Bantuan Prihatin Rakyat, MyGovernment), dasar insurans sosial (contohnya, perlindungan tenang oleh PERKESO) dan ALMP (contohnya, platform untuk memudahkan pencarian pekerjaan dan pekerja sambilan (*gig workers*), seperti *MYFutureJobs* dan Program GLOW oleh MDEC; skim latihan di bawah *Human Resource Development Fund* (HRDF)/PENJANA).

⁴⁶ Untuk bacaan lanjut, sila rujuk rencana bertajuk "Visi Perlindungan Sosial di Malaysia" dalam laporan ini.

Jadual 1: Strategi dan Dasar Utama Terpilih

Menggalakkan permintaan bagi pekerja berkemahiran tinggi	Menambah baik mekanisme latihan dan pepadanan	Meningkatkan daya tahan pasaran pekerja
Menggiatkan semula pelaburan melalui NIA	Mempertingkatkan ekosistem pendidikan dan latihan	Merapatkan jurang dalam program keselamatan sosial dan insurans
Peralihan kepada pengeluaran bernilai tinggi	Memastikan penyertaan industri, akademik, dan masyarakat sivil yang padu	Memperluas liputan program kemahiran semula dan peningkatan kemahiran
Mengurangkan pergantungan terhadap pekerja asing	Penambahbaikan ALMP	Menggabungkan program-program perlindungan sosial untuk memudahkan akses yang lebih luas

Kesimpulan

Rencana ini membincangkan isu-isu struktur utama yang mengekang pasaran pekerja di Malaysia. Pertama, pergantungan yang berlebihan pada model pengeluaran kos rendah. Kedua, bekalan siswazah baharu yang jauh melebihi pekerjaan berkemahiran tinggi yang diwujudkan. Ketiga, ketidakpadanan kemahiran yang ketara antara siswazah dengan keperluan industri. Kesan COVID-19 dijangka memburukkan lagi isu-isu struktur yang sekian lama dihadapi ini. Tambahan pula, perubahan yang disebabkan oleh pandemik mungkin mempercepat impak kemajuan teknologi, yang mungkin mempunyai implikasi terhadap pemulihan pekerjaan yang berpunca daripada krisis, serta jenis pekerjaan yang akan diwujudkan pada masa hadapan.

Krisis kesihatan dan ekonomi yang berpunca daripada pandemik COVID-19 boleh dilihat sebagai titik tolak perubahan – peluang untuk menyusun semula dan membina asas-asas ekonomi yang lebih teguh berikutan tercetusnya krisis. Dalam jangka panjang, dasar ekonomi perlu dijuruskan ke arah pembangunan pekerjaan berkemahiran tinggi dengan pendapatan tinggi, dan dilengkapi fokus memajukan peningkatan kemahiran, menambah baik mekanisme pencarian dan pepadanan dalam pasaran pekerja, serta menggalakkan lebih banyak hasil yang lebih inklusif untuk segmen yang mudah terjejas dalam pasaran pekerja. Usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh Kerajaan untuk memperluas landskap statistik pasaran pekerja juga dialu-alukan. Hal ini disebabkan oleh pentingnya data yang komprehensif, terperinci dan tepat pada masanya mengenai perkembangan dalam pasaran pekerja bagi membolehkan analisis yang berkualiti dan perumusan dasar yang berkesan.

Rujukan

- Aaronson et al (2004). "Can sectoral reallocation explain the jobless recovery?" Chicago Fed, Economic Perspectives, 2004, 2nd Quarter.
- Acemoglu, D and P Restrepo (2019). "Automation and New Tasks: How Technology Displaces and Reinstates Labour," Journal of Economic Perspectives, Vol. 33, No. 2, pp. 3-30.
- Arulampalam, W. (2001). "Is Unemployment Really Scarring? Effects of Unemployment Experiences on Wages," The Economic Journal, Vol. 111, No. 475, pp. F585-F606.
- Bank Negara Malaysia (2016). "Youth Unemployment in Malaysia: Developments and Policy Considerations," Annual Report.
- Bank Negara Malaysia (2017). "Low-skilled Foreign Workers' Distortions to the Economy," Annual Report.
- Bank Negara Malaysia (2018). "Are Malaysian Workers Paid Fairly? An Assessment of Productivity and Equity," Annual Report.
- Bartelsman, E, P Lopez-Garcia and G Presidente (2019). "Labour reallocation in Recession and Recovery: Evidence for Europe," National Institute Economic Review.
- Borio, C, E Kharroubi, C Upper and F Zampolli (2015). "Labour reallocation and productivity dynamics: financial causes, real consequences," BIS Working Papers.
- Borjas, G J (2003). "The Labor Demand Curve is Downward Sloping: Re-examining the Impact of Immigrants on the Labor Market," The Quarterly Journal of Economics, Vol. 118, No. 4, pp. 1335-1374.
- Borjas, G J (2015). "The Wage Impact of the Marielitos: A Reappraisal," National Bureau of Economic Research Working Paper.
- Caballero, R and M L Hammour (1994). "The Cleansing Effect of Recessions," The American Economic Review, Vol. 84, No. 5, pp. 1350-1368.
- Card, D (1990). "The Impact of the Mariel Boatlift on the Miami Labor Market," Industrial and Labor Relations Review, Vol. 43, No. 2, pp. 245-257.
- Department of Statistics, Malaysia (2019). *The Labour Force Survey Report*.
- Genda, Y, A Kondo and S Ohta (2010). "Long-term effects of a recession at labor market entry in Japan and the United States," Journal of Human Resources 45(1): 157-196.
- Goos, M and A Manning (2007). "Lousy and lovely jobs: The rising polarization of work in Britain," The Review of Economics and Statistics.
- Huckfeldt, C (2016). "Understanding the Scarring Effect of Recessions".
- International Labour Organization (2021). ILO Monitor: COVID-19 and the world of work, 7th Edition.
- Jaimovich, N and Siu H (2018). "Job Polarization and Jobless Recoveries," National Bureau of Economic Research Working Paper.

Kahn, L B (2010). "The long-term labor market consequences of graduating from college in a bad economy," Labour Economics 17(2): 303-316.

Keister, R and P Lewandowski (2016). "A Routine Transition? Causes and Consequences of the Changing Content of Jobs in Central and Eastern Europe," IBS Policy Paper 05/2016.

Khazanah Research Institute (2018). "The School-to-Work Transition of Young Malaysians".

Lagarde, C and J D Ostry (2019). "When more women join the workforce, everyone benefits. Here's why," World Economic Forum.

Ministry of Higher Education (2019). Graduate Tracer Study.

Morsy, H. (2012). "Scarred Generation," Finance and Development, IMF.

OECD (2016). "Getting Skills Right: Assessing and Anticipating Changing Skills Needs".

OECD (2019). "Reducing Skills Imbalances to Foster Productivity Growth of Malaysia," OECD Working Paper.

OECD (2019). OECD Economic Surveys: Malaysia.

OECD (2020). "Worker Security and the COVID-19 Crisis," Employment Outlook.

Oreopoulos, P, T von Wachter, and A Heisz (2012). "The Short- and Long-Term Career Effects of Graduating in a Recession", American Economic Journal: Applied Economics 4(1): 1-29.

Quintini, G and D Venn (2013). "Back to Work: Re-employment, Earnings and Skill Use after Job Displacement".

Schreft, S L and A Singh (2003). "A Closer Look at Jobless Recoveries", Federal Reserve Bank of Kansas City, Economic Review vol. 88, pages 45-73.

Sevilla, A and S Smith (2020). "Baby Steps: The Gender Division of Childcare During the COVID19 Pandemic", CEPR Discussion Paper No. DP14804.

World Bank (2014). "Boosting Trade Competitiveness," Malaysia Economic Monitor.

World Bank (2015). "Immigrant Labour," Malaysia Economic Monitor.

World Bank (2019). "Breaking Barriers: Toward Better Economic Opportunities for Women in Malaysia," The Malaysia Development Experience Series.

World Bank (2020). "Surviving the Storm," Malaysia Economic Monitor.

World Economic Forum (2020). Future of Jobs Report.

World Intellectual Property Organization (2020). Global Innovation Index Report.

Pembelian Aset oleh Bank Pusat

Apakah yang dimaksudkan dengan program pembelian aset oleh bank pusat? Adakah program ini sama dengan pelonggaran kuantitatif (*quantitative easing*, QE)? Bilakah masa yang sesuai untuk membuat pembelian aset? Rencana ini memberikan gambaran keseluruhan pembelian aset oleh bank pusat global. Rencana ini menghuraikan perbezaan antara pembelian yang dilaksanakan di ekonomi maju (*advanced economies*, AE) dengan di ekonomi pasaran sedang pesat membangun (*emerging market economies*, EME), serta memberikan beberapa pertimbangan penting dalam konteks pasaran kewangan Malaysia.

Latar belakang pembelian aset oleh bank pusat di AE dan EME

Program pembelian aset merujuk pembelian aset kewangan (cth. bon kerajaan domestik, bon korporat atau sekuriti bersandarkan aset) oleh bank pusat melalui pembentukan rizab bank pusat. Hal ini seterusnya membawa kepada pengembangan saiz penyata kewangan bank pusat apabila bank pusat menyuntik mudah tunai ke dalam sistem kewangan. Pada mula teretusnya Krisis Kewangan Global (Global Financial Crisis, GFC), bank pusat di AE menggunakan program pembelian aset berskala besar (*large scale asset purchase*, LSAP) untuk mengurangkan impak keadaan kewangan yang ketat dalam pasaran kewangan dan ekonomi, iaitu keadaan yang juga boleh menyebabkan kredit dikekang oleh volatiliti yang berlebihan dan ketakcairan dalam pasaran kewangan. Program-program ini kemudiannya diteruskan selepas GFC untuk dijadikan sebagai alat pelonggaran monetari bagi menyokong aktiviti ekonomi memandangkan pertumbuhan ekonomi masih lagi lemah, dan langkah ini lazimnya dikenali sebagai QE. Objektif utama program QE ini adalah untuk menggalakkan perbelanjaan isi rumah dan pelaburan perniagaan melalui pengurangan kadar faedah jangka panjang dan menandakan komitmen bank pusat untuk mengekalkan dasar monetari yang akomodatif untuk suatu tempoh yang panjang. Bank pusat biasanya menetapkan matlamat untuk mencapai sasaran operasi berdasarkan harga, misalnya sasaran kadar faedah dalam dasar monetari konvensional. Program LSAP disifatkan sebagai alat dasar monetari berasaskan kuantiti yang bukan konvensional¹ memandangkan program ini memberikan kesan pengembangan terhadap saiz penyata kewangan bank pusat untuk terus mencapai keadaan monetari yang akomodatif (Borio dan Zabai, 2016). Program ini lazimnya dilaksanakan apabila kadar jangka pendek tidak dapat diturunkan lagi disebabkan kekangan had bawah sifar/had bawah efektif (International Monetary Fund (IMF), 2013). Apabila terganggunya aktiviti ekonomi global berikutan pandemik COVID-19, bank pusat di AE yang kadar dasarnya kekal hampir kepada sifar, sekali lagi melancarkan program LSAP yang lebih besar untuk menyokong ekonomi.

LSAP jarang digunakan oleh bank pusat EME


Sebaliknya, program pembelian aset tidak lazim digunakan oleh bank pusat EME semasa berlakunya krisis yang lalu seperti GFC. Hal ini kerana masih terdapat ruang yang mencukupi untuk dasar monetari konvensional digunakan bagi menyokong pemulihan ekonomi. Walau bagaimanapun, berikutan kesan pandemik COVID-19 yang teruk kepada pasaran kewangan dan ekonomi domestik, beberapa bank pusat EME telah memulakan pembelian aset dengan tumpuan utamanya pada bon kerajaan.

Apabila dibandingkan dengan program LSAP bank pusat AE, pembelian aset oleh bank pusat EME berbeza dari segi objektif dan skala. Berdasarkan kajian oleh Bank of International Settlement (BIS) (Arslan, Drehmann dan Hoffmann, 2020) terhadap 13 bank pusat EME, pernyataan objektif utama pembelian aset oleh bank pusat EME adalah untuk mengurangkan keadaan ketakcairan sementara dalam pasaran kewangan domestik serta menangani herotan pasaran dan volatiliti yang berlebihan berbanding dengan objektif untuk melaksanakan dasar monetari yang lebih akomodatif bagi merangsang pertumbuhan ekonomi. Sementara itu, beberapa bank pusat juga telah mengambil langkah tertentu untuk mengurangkan kesan terhadap kadar hasil bon, berikutan peningkatan ketara dalam keperluan pembiayaan oleh kerajaan masing-masing (Carson, Kondo dan Goyal,

¹ Selain LSAP, alat dasar monetari bukan konvensional lain yang tersedia kepada bank pusat termasuk panduan hadapan dan suntikan mudah tunai jangka panjang dengan insentif untuk menggalakkan pemberian pinjaman bank. Contoh kemudahan mudah tunai jangka panjang ini termasuk Operasi Pembiayaan Semula Jangka Panjang Bersasar (TLTRO) oleh European Central Bank (ECB) dan Skim Pembiayaan Bertempoh dengan Insentif Tambahan untuk PKS (TFSME) oleh Bank of England (BOE).

2020). Dalam keadaan seperti ini, bank pusat membuat pertimbangan sewajarnya untuk mengelakkan timbulnya tanggapan pembiayaan defisit berterusan yang boleh menjejaskan kebebasan bank pusat. Langkah-langkah ini sebahagian besarnya sejajar dengan objektif bank pusat EME untuk memastikan pasaran kewangan berupaya mengantara dana dengan berkesan. Hal ini bertujuan menyokong ekonomi benar di samping memastikan pasaran bon tempatan berfungsi dengan baik. Kesannya, program pembelian aset bank pusat EME ternyata lebih kecil (Rajah 1) dan bersifat sementara berbanding dengan program LSAP yang berterusan di AE.

Rajah 1: Saiz Pembelian Aset oleh Ekonomi Maju dan Ekonomi Pasaran Sedang Pesat Membangun Serantau pada tahun 2020




Sumber: IMF Global Financial Stability Report October 2020, Bloomberg (Kadar dasar pada 10 Mac 2021)

Pembelian Aset oleh Bank Negara Malaysia

Pembelian sekuriti kerajaan telah lama menjadi sebahagian daripada instrumen Bank untuk operasi pasaran terbuka (*open market operations*, OMO) dalam pasaran bon. Objektif utamanya adalah untuk mengurus mudah tunai sistem perbankan melalui pembelian sekuriti kerajaan oleh Bank dengan tujuan untuk menyuntik

Rajah 2: Pemegangan Sekuriti Hutang Kerajaan Malaysia oleh Bank Negara Malaysia dan Pemilik-pemilik Asing




Sumber: Bank Negara Malaysia

mudah tunai sementara ke dalam sistem selain meningkatkan inventori bagi operasi repo. Inventori Bank juga digunakan untuk operasi pemberian pinjaman sekuriti yang bertujuan untuk menggalakkan aktiviti pasaran dua hala yang aktif, terutamanya oleh Peniaga Utama. Sebagai sebahagian daripada mandat Bank untuk memastikan pasaran dapat berfungsi dengan teratur, Bank juga mengambil langkah membeli sekuriti kerajaan apabila pasaran bon mengalami volatiliti yang berlebihan dan kecairan yang merosot. Contohnya, selepas pilihan raya presiden Amerika Syarikat pada tahun 2016, sebanyak RM4.3 bilion bon kerajaan telah dibeli untuk meredakan volatiliti yang berlebihan dan membantu pelarasan harga yang teratur berikutan aliran keluar bukan pemastautin yang besar. Langkah ini penting untuk mengekalkan kelancaran fungsi proses pengantaraan kewangan dan keyakinan para pelabur terhadap pasaran kewangan Malaysia. Walau bagaimanapun, Bank lazimnya mengurangkan semula pemegangan (Rajah 2) bonnya secara beransur-ansur apabila tekanan pasaran semakin reda untuk mengurangkan herotan terhadap harga aset.

Semasa pandemik COVID-19 pada tahun 2020, pasaran kewangan domestik sekali lagi berdepan dengan tekanan berikutan aliran keluar bukan pemastautin dalam jumlah yang besar. Seperti bank pusat lain, Bank mengambil langkah awal menyediakan mudah tunai melalui operasi repo berbalik, menurunkan kadar nisbah Keperluan Rizab Berkanun (*Statutory Reserves Requirement, SRR*) dan pembelian bon kerajaan. Bermula pada bulan Mac sehingga Disember 2020, Bank telah membeli bon kerajaan berjumlah RM9.4 bilion, iaitu jumlah pembelian tertinggi setakat ini. Pembelian Bank ini kebanyakannya dalam pasaran sekunder (94%), manakala pembelian dalam pasaran utama mencakupi peratusan yang kecil (6%) daripada jumlah pembelian. Hasilnya, jumlah pemegangan bon kerajaan adalah sebanyak RM11.1 bilion pada akhir 2020. Pembelian ini menyediakan mudah tunai yang mencukupi dalam pasaran dan membantu pelarasan harga yang teratur dalam keadaan wujudnya tanda-tanda awal tekanan pasaran. Selain itu, pembelian tersebut memastikan kesediaan Bank menggunakan sekuriti yang dibeli untuk operasi pasaran terbuka. Hasilnya, tekanan dalam pasaran kewangan mereda seperti yang diukur oleh Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (Rajah 3), dan Bank boleh mengurangkan pembelian bon kerajaannya.

Rajah 3: Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI) dan Respons Dasar Bank Negara Malaysia dalam Tempoh COVID-19



Nota:

1. Kadar Dasar Semalaman (OPR) diturunkan sebanyak 25 mata asas (22 Januari 2020)
2. OPR diturunkan sebanyak 25 mata asas (3 Mac 2020)
3. Nisbah Keperluan Rizab Berkanun (SRR) diturunkan sebanyak 100 mata asas dan Peniaga Utama boleh mengambil kira SKM/TPK sehingga RM1.0 bilion sebagai sebahagian daripada pemuatuhan SRR. (19 Mac 2020)
4. OPR diturunkan sebanyak 50 mata asas dan SKM/TPK boleh digunakan oleh institusi perbankan untuk mematuhi SRR sepenuhnya (5 Mei 2020)
5. OPR diturunkan sebanyak 25 mata asas (7 Julai 2020)

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 1: Perbandingan volatiliti kadar hasil bon kerajaan 10 tahun serantau

	Pergerakan Paras Tertinggi hingga Terendah (mata asas)	Kemuncak Volatiliti Kadar Hasil 30 Hari (%)
Malaysia	+77	44
Purata Serantau*	+95	75

*Termasuk Korea, Filipina, Indonesia, India dan Thailand

Sumber: Bloomberg

Pasaran bon domestik kekal berdaya tahan semasa tempoh tekanan

Secara keseluruhan, pasaran bon Malaysia telah berjaya mengharungi krisis dan terus berfungsi dengan baik sepanjang tahun 2020. Kerajaan dan syarikat korporat dapat memanfaatkan pasaran bon domestik untuk pendanaan pada tahun 2020 dalam keadaan persekitaran kadar hasil terendah dalam sejarah dengan jumlah terbitan bersih sebanyak RM118.7 bilion. Permintaan untuk lelongan kerajaan terus mendapat sokongan yang menggalakkan, dengan purata nisbah bida kepada perlindungan sebanyak 2.2x (purata 5 tahun: 2.3x). Keadaan ini dicapai meskipun saiz terbitan kasar adalah lebih besar, iaitu sejumlah RM148.8 bilion berbanding dengan RM115.7 bilion pada tahun 2019. Spread kredit untuk bon korporat telah kembali ke paras wajar dengan pantas, iaitu ke arah paras purata sebelum ini dengan terbitan bersih yang berterusan dalam bulan-bulan selepas tempoh krisis memuncak. Sementara itu, volatiliti kadar hasil kekal terkawal dan berada di bawah paras yang dicatat oleh negara serantau lain, disokong oleh pelabur institusi domestik yang mempunyai kapasiti untuk menyerap jualan yang besar oleh bukan pemastautin dalam pasaran bon domestik.

Pembelian aset merupakan pilihan dasar yang sah oleh bank pusat yang mempunyai ruang dasar monetari konvensional yang terhad

Berdasarkan kajian IMF baru-baru ini (Sever, Goel, Drakopoulos dan Papageorgiou, 2020), program pembelian aset oleh bank pusat EME telah menyumbang kepada kestabilan pasaran kewangan domestik. Hal ini berikutan kadar hasil bon menurun sejurus selepas pengumuman pembelian aset dibuat tanpa menimbulkan kesan jangka pendek yang ketara terhadap kadar pertukaran mata wang. Namun demikian, kajian ini turut memberikan penekanan pada pelbagai risiko ketara yang berkaitan dengan kredibiliti bank pusat yang semakin merosot, dominasi fiskal, tekanan aliran keluar modal yang semakin meningkat selain gangguan dinamik pasaran sekiranya “program pembelian besar-besaran dan terbuka digunakan melangkaui situasi berkaitan pandemik semasa” (Sever, Goel, Drakopoulos dan Papageorgiou, 2020, hlm. 16).

Pengenalan kepada Ruang Dasar Monetari Konvensional dan Had Bawah Efektif

Bahagian A: Had Bawah Sifar (Zero Lower Bound, ZLB) telah sekian lama membentuk asas bagi ruang dasar monetari

Maklumat masa lalu menunjukkan bahawa had dasar monetari konvensional dipercayai berada pada peratus sifar, dan konsep ini dikenali sebagai ZLB. Menurut pemahaman ini, dasar monetari tidak boleh turun di bawah sifar kerana jika kadar faedah nominal negatif berterusan, para pelabur, perniagaan dan isi rumah akan hanya mengumpulkan tunai, lantas mengganggu aktiviti pemberian pinjaman dan peminjaman. Hal ini dikhuatiri akan menyebabkan kesan tidak produktif terhadap ekonomi. Oleh yang demikian, apabila kadar faedah jangka pendek menghampiri sifar, bank pusat secara tradisinya dikatakan tidak dapat

merangsang permintaan dengan menurunkan lagi kadar faedah jangka pendek, lantas menyebabkan ekonomi memasuki perangkap mudah tunai.

Bahagian B: Pengalaman rentas negara pada dekad lalu menunjukkan bahawa had bawah efektif boleh berada di atas atau di bawah peratus sifar

Walau bagaimanapun, pengalaman global pada dekad yang lalu menunjukkan bahawa had bawah efektif (*effective lower bound, ELB*) bagi dasar monetari tidak semestinya sifar – ELB boleh berada di atas atau di bawah sifar (Jadual 2). Hal ini biasanya dicirikan oleh satu tahap yang apabila pengurangan kadar dasar di kurangkan sehingga di bawah tahap tersebut, ia akan menyebabkan kesan negatif bersih kepada ekonomi. Tanda-tanda lazim keadaan ini termasuk penguncupan aktiviti pemberian pinjaman dan kegiatan ekonomi (Brunnermeier dan Koby, 2019, Vieghe, 2019; Carney, 2019). Tanda-tanda ini boleh disebabkan oleh faktor selain kebimbangan terhadap tindakan beralih kepada tunai (Lihat “Bahagian C: Faktor-faktor yang menentukan ELB”). Tanda-tanda tersebut boleh muncul walaupun kadar dasar melebihi sifar. Sebaliknya, beberapa buah bank pusat telah menggunakan dasar kadar faedah nominal negatif dan dikatakan mencapai kejayaan (IMF, 2017), sekali gus menunjukkan bahawa ELB boleh berada pada kadar negatif dalam sesetengah ekonomi.

Berikutan perkembangan ini, istilah standard yang digunakan pada masa ini untuk menerangkan had dasar monetari konvensional telah berubah daripada ZLB kepada ELB (Bernanke, 2017). Berdasarkan kadar dasar semasa, sesebuah ekonomi dengan ELB yang lebih tinggi mempunyai ruang konvensional yang terhad disebabkan hanya beberapa penurunan kadar dasar sahaja yang boleh dilakukan untuk merangsang permintaan. Sebaliknya, ELB yang lebih rendah bermakna bank pusat mempunyai ruang konvensional yang lebih besar untuk digunakan.

Bagi mengelakkan ekonomi daripada jatuh ke dalam perangkap mudah tunai apabila kadar dasar mencapai ELB, beberapa bank pusat telah menggunakan alat dasar monetari bukan konvensional seperti LSAP sekuriti hutang swasta atau awam, kawalan keluk kadar hasil dan panduan hadapan.

Jadual 2: ELB pelbagai negara

ELB adalah positif atau negatif?	Negara (Kadar dasar pada awal Mac 2021)	ELB yang diterbitkan		
Positif atau hampir kepada sifar	Brazil (2.00%)	Tiada siapa tahu dengan pasti paras terendahnya “ELB adalah dinamik” dan “jauh lebih tinggi di ekonomi sedang pesat membangun” (Jun & Mei 2020, Reuters memetik kata-kata Presiden dan ahli <i>Copom Banco Central do Brasil</i>)		
	Kanada (0.25%)	0.25% (2009-Kini, disebut dalam siaran akhbar keputusan dasar monetari <i>Bank of Canada</i>)		
	Korea Selatan (0.50%)	Hampir 0.50% (Mei 2020, Bloomberg memetik kata-kata Gabenor <i>Bank of Korea</i>)		
	Thailand (0.50%)	Melebihi sifar & bergantung kepada keadaan ekonomi dan kewangan semasa (Jun 2015, disebut dalam Laporan Dasar Monetari <i>Bank of Thailand</i>)		
	United Kingdom (0.10%)	Mengkaji kadar negatif (Mei 2020, disebut dalam wawancara dengan ahli Jawatankuasa Dasar Monetari <i>Bank of England</i>)	“Hampir kepada tetapi melebihi sifar” (2016-2020, dipetik daripada ucapan ahli Jawatankuasa Dasar Monetari <i>Bank of England</i>)	0.50% (2009-2016, dipetik daripada ucapan ahli Jawatankuasa Dasar Monetari <i>Bank of England</i>)
Negatif		Kadar median dalam kalangan negara dengan kadar negatif semasa¹: -0.6%		

¹ Merujuk Switzerland, Denmark dan Jepun, berdasarkan siri data BIS tentang kadar dasar bank pusat, tarikh akhir dikemas kini pada 17 Februari 2021

Sumber: Laman sesawang bank pusat, nota dan sidang akhbar, Reuters.com (2016), (2020a), (2020b), (2020c), Bloomberg (2020)

Bahagian C: Faktor-faktor yang menentukan ELB

ELB bersifat sangat dinamik dan boleh berubah bergantung pada interaksi antara pelbagai faktor. Disebabkan sifat ELB yang dinamik ini, usaha untuk menganggarkannya dengan hanya bergantung pada persekitaran keseimbangan separa yang ditakrifkan secara sempit boleh mendatangkan kesan yang buruk terhadap keputusan dasar. Oleh itu, banyak bank pusat bergantung terutamanya pada pertimbangan badan pembuat keputusan dasar monetari mereka dengan disokong oleh analisis kos faedah dan anggaran berdasarkan model. Sebagai contoh, Bank of England telah beberapa kali membuat semakan terhadap ELB sepanjang 10 tahun yang lalu, yang mencerminkan perubahan faktor dan pertimbangan ahli jawatankuasa dasar monetarinya (Carney, 2019; Vieghe, 2019; Reuters.com, 2020c). Faktor-faktor yang mempengaruhi ELB boleh dikategorikan secara kasar kepada faktor domestik, yang secara relatif membolehkan pihak berkuasa dalam negeri mempunyai lebih kawalan, dan faktor global, yang tidak boleh dipengaruhi secara langsung oleh pihak berkuasa dalam negeri (Rajah 4).

Kedudukan kewangan institusi kewangan yang kukuh akan menghasilkan ELB yang rendah, lantas menyediakan ruang dasar yang lebih luas kepada bank pusat. Pengurangan kadar dasar boleh memberikan kesan negatif kepada nilai bersih institusi kewangan dalam jangka sederhana. Hal ini berlaku apabila kadar yang lebih rendah menyebabkan kerugian pendapatan faedah bersih yang lebih besar daripada keuntungan modal. Apabila nilai bersih menghampiri kekangan modal pengawalseliaannya, institusi kewangan mungkin mengurangkan aktiviti pengambilan risiko secara berlebihan bagi melindungi modal mereka. Hal ini dilakukan dengan mengimbangi semula portfolio kredit mereka kepada pinjaman yang lebih selamat atau mengalihkan tumpuan mereka kepada pendapatan bukan faedah. Akibatnya, aktiviti pemberian pinjaman dalam ekonomi mungkin menguncup. Pada satu tahap tertentu, dasar monetari berada pada “kadar pembalikan” (“reversal rate”) atau pada ELB. Pengurangan kadar dasar yang berterusan di bawah tahap ini akan menjadikannya tidak produktif bagi aktiviti pemberian pinjaman dan ekonomi (Brunnermeier dan Koby, 2019). Dalam rangka kerja ini, institusi kewangan yang mempunyai penampun yang mencukupi mungkin kurang berkemungkinan menghadapi masalah ini dan keadaan ini lantas memberikan ruang yang lebih luas untuk pengurangan kadar dasar.

Rajah 4: Faktor utama mempengaruhi ELB dan ruang dasar monetari



Pertimbangan lain: Pertukaran dinamik penggunaan-tabungan, dan kekangan fizikal untuk menyimpan wang tunai

Sumber: Laman sesawang bank pusat, nota dan sidang akhbar, Reuters.com (2016), (2020a), (2020b), (2020c)

Pengenalan beberapa kemudahan tertentu oleh bank pusat boleh menurunkan ELB. Kemudahan seperti program Pendanaan untuk Pemberian Pinjaman diperkenalkan oleh beberapa bank pusat² untuk menyokong transmisi dasar monetari yang berkesan pada kadar yang sangat rendah. Melalui skim pendanaan ini, institusi kewangan diberikan dana pada kadar rendah yang hampir dengan kadar dasar, lantas membolehkan mereka menurunkan kadar bagi pinjaman kepada pelanggan mereka tanpa menyebabkan tekanan yang ketara pada margin faedah bersih (Nardi et al, 2018). Langkah ini mengurangkan gangguan terhadap aktiviti pemberian pinjaman dalam ekonomi, yang mungkin timbul akibat tekanan pada margin dan penampakan modal. Hasilnya, bank pusat boleh melonggarkan dasarnya kepada kadar yang sangat rendah di samping mengurangkan kesan tidak produktifnya terhadap ekonomi.

Di sesetengah negara, had operasi dan kebimbangan terhadap gangguan pasaran kewangan telah menyebabkan pihak berkuasa menetapkan ELB melebihi sifar. Banyak daripada reka bentuk operasi pasaran kewangan global bukan bertujuan untuk berfungsi dalam keadaan kadar faedah nominal hampir sifar atau negatif. Sebagai contoh, terdapat peraturan yang mengawal proses lelongan sekuriti Perbendaharaan AS baharu yang tidak membenarkan bidaan dikaitkan dengan kadar faedah nominal negatif. Di AS, terdapat juga peraturan yang menyukarkan dana bersama (*mutual funds*) pasaran wang untuk membayar kadar nominal negatif kepada pelabur mereka (Keister, 2011). Pada dasarnya, had ini boleh dipinda dan dimansuhkan walaupun perubahan tersebut mungkin memerlukan masa yang panjang untuk dilaksanakan dan boleh menyebabkan gangguan berkenaan beralih ke pasaran lain (Keister, 2011). Sementara itu, negara-negara lain mungkin tidak mempunyai peraturan dan had yang jelas, tetapi agak bimbang terhadap isu ketidakpastian mengenai kesan kadar yang sangat rendah terhadap fungsi pasaran kewangan dan insentif untuk peserta pasaran. Ketidakpastian ini telah menyebabkan beberapa bank pusat mengambil pendekatan berhati-hati dengan menetapkan ELB yang melebihi sifar (Bank of Canada, 2015).

Bagi kebanyakan EME, sejauh mana kadar faedah boleh diturunkan juga dipengaruhi oleh faktor global. **Faktor ini termasuk tanggapan terhadap kredibiliti bank pusat dan pihak berkuasa awam.** Kredibiliti memainkan peranan terhadap keyakinan pelabur global apabila mereka membuat keputusan untuk melabur. Kredibiliti boleh dicapai melalui rekod prestasi pembaharuan institusi, asas-asas ekonomi yang teguh dan rangka kerja dasar yang lebih kukuh, yang membolehkan negara-negara tersebut berada pada kedudukan yang lebih mantap apabila krisis melanda. Dengan adanya kredibiliti, Shin (2020) berpendapat EME boleh melonggarkan dasar monetari dengan lebih ketara tanpa menjejaskan keyakinan para pelabur. Tindakan ini boleh memberikan ruang kepada pihak berkuasa untuk menurunkan kadar dasar monetari sehingga had tertentu tanpa perlu terlalu bimbang akan ketidakstabilan ekoran aliran keluar modal dan penyusutan kadar pertukaran yang tidak diingini. Sebaliknya, bagi sesetengah EME yang pada masa lalu kurang mempunyai kredibiliti, kemampuan mereka untuk mengendalikan kadar dasar semasa berlakunya krisis agak terhad. Dalam kes-kes yang luar biasa, beberapa bank pusat bahkan terpaksa menaikkan kadar faedah dengan mendadak apabila berdepan penyusutan mata wang dan aliran keluar modal, lantas mengehadkan ruang dasar mereka dengan ketara (Shin, 2020).

Faktor penting lain bagi EME ialah keadaan kewangan global semasa (Cavallino dan Sandri, 2019; Rey, 2015). Kebiasaannya sebelum ini, faktor domestik dan luaran cenderung berinteraksi dalam arah yang berbeza semasa tempoh tekanan dan seterusnya menyekat ruang dasar (BIS, 2021). Sebagai contoh, apabila pelabur global beralih kepada aset selamat (*safe-haven assets*), beberapa bank pusat di EME terpaksa menaikkan kadar dasar mereka untuk membendung aliran keluar modal dan penyusutan kadar pertukaran yang tidak diingini. Hal ini akan menyebabkan keadaan kewangan domestik menjadi ketat dan memburukkan lagi prestasi ekonomi. Sebaliknya, semasa kewangan global dalam keadaan baik, tukar ganti sedemikian tidak begitu ketara. Dalam persekitaran ini, EME secara relatif terselamat daripada tindakan pelupusan pelaburan oleh pelabur asing. Hal ini lantas membolehkan pelonggaran dasar yang lebih ketara tanpa menyebabkan gangguan terhadap faktor luaran.

² Sebagai contoh, Skim Pendanaan Bertempoh *Bank of England*, Operasi Pembiayaan Semula Jangka Panjang Bersasar oleh *European Central Bank* dan Kemudahan Pendanaan Bertempoh *Reserve Bank of Australia*.

Terdapat pertimbangan lain yang mungkin diambil kira dalam jangka masa panjang. Apabila kadar faedah adalah rendah secara berterusan, **pertimbangan tentang perubahan tingkah laku penggunaan dan tabungan mungkin diambil kira**. Sekiranya orang ramai mula bimbang bahawa pulangan atas simpanan mereka akan kekal rendah dan menjangkakan simpanan yang ada tidak mencukupi untuk menampung kehidupan mereka selepas bersara, mereka mungkin mengambil langkah meningkatkan simpanan dan mengurangkan penggunaan (Borio dan Hofmann, 2017; Hannoun, 2015; White, 2012). Akibatnya, kesan rangsangan daripada dasar monetari yang lebih rendah terhadap penggunaan semakin mengecil, bahkan penggunaan juga mungkin semakin berkurang.³

Pertimbangan lain ialah kekangan fizikal untuk pemegangan tunai, yang hanya menjadi relevan apabila pembuat dasar mempertimbangkan antara kadar dasar sifar dengan kadar dasar nominal negatif. Pada dasarnya, kadar faedah nominal tidak boleh berada di bawah sifar kerana pelabur, perniagaan atau isi rumah dengan mudah akan menukar deposit mereka kepada tunai. Secara praktiknya, perbuatan menyimpan jumlah wang tunai yang banyak memerlukan kos yang tinggi seperti ruang simpanan yang selamat. Pemegangan tunai juga menimbulkan kesukaran khususnya bagi syarikat perniagaan besar untuk menjalankan operasi mereka. Oleh itu, beberapa negara telah menetapkan kadar dasar negatif yang sederhana tanpa perlu menyaksikan tindakan beralih kepada tunai atau gangguan terhadap proses pengantaraan (IMF, 2017).

Bahagian D: ELB di Malaysia

Penilaian semasa yang dibuat mendapati ELB di Malaysia adalah rendah tetapi melebihi sedikit daripada kadar sifar, sekali gus memberikan ruang konvensional yang mencukupi pada masa hadapan untuk menghadapi kejutan selanjutnya. ELB yang rendah mencerminkan asas institusi kewangan yang kukuh, yang menyediakan penampan bagi tekanan margin daripada pengurangan kadar dasar tanpa banyak menjejaskan amalan pengambilan risiko yang diperlukan untuk merangsang ekonomi.

Dari segi luaran, kemungkinan yang terhad bagi normalisasi dasar di AE dalam tempoh jangka sederhana memberikan jaminan bagi potensi pengurangan kadar dasar seterusnya di sesetengah EME termasuk Malaysia. Hal ini tidak semestinya boleh mencetuskan aliran keluar yang menggugat kestabilan. Dalam jangka masa pendek, penghindaran risiko pada peringkat global yang berkurang dan persekitaran kewangan luar negeri yang baik turut menyokong ELB yang rendah memandangkan risiko pemberhentian aliran modal secara tiba-tiba dinilai dalam keadaan terkawal.

Namun begitu, ELB bersifat dinamik dan penilaian ELB pada masa hadapan akan mengambil kira interaksi antara faktor domestik dengan faktor global. Sekiranya faktor global lebih dominan, seperti yang dijangka di kebanyakan EME, ruang dasar monetari konvensional mungkin berubah selaras dengan perubahan dalam keadaan luaran atau keyakinan para pelabur global.

Pembelian aset berskala besar yang berpanjangan menimbulkan beberapa potensi kesan jangka panjang yang buruk

Terdapat beberapa kesan jangka panjang yang buruk yang mungkin timbul akibat daripada pembelian aset dan faktor ini perlu diambil kira apabila membuat keputusan untuk menggunakan dasar-dasar ini. Pertama, kredibiliti dan kebebasan sesebuah bank pusat mungkin terjejas apabila keputusan dasarnya boleh dipengaruhi oleh pemegangan sekuriti hutang kerajaan. Hal ini juga boleh menimbulkan persepsi bahawa bank pusat mungkin membiayai defisit fiskal. LSAP yang berpanjangan oleh bank pusat juga boleh menghalang usaha penetapan harga yang efektif dalam pasaran domestik dengan memberikan tekanan terhadap premium risiko. Selain itu, ekonomi bersaiz kecil dan terbuka seperti Malaysia boleh berdepan

³ Pada masa ini, dinamik penggunaan-simpanan yang formal dalam konteks ruang dasar monetari secara relatif masih lagi kurang diketengahkan dalam penulisan akademik, namun hal ini merupakan pandangan penting serta sering dikemukakan dalam wacana umum dan dasar (Borio dan Hoffmann, 2017).

masalah yang rumit semasa membuat pembelian aset berskala besar. Sebagai contoh, perbezaan kadar faedah yang lebih rendah berbanding dengan negara rakan EME akibat pembelian aset yang meningkat boleh membawa kepada aliran keluar modal dan tekanan pada kadar pertukaran mata wang, lantas menyebabkan keadaan kewangan menjadi ketat. Akhir sekali, keberkesanan LSAP dalam ekonomi berasaskan bank seperti Malaysia mungkin tertakluk pada pelbagai lapisan transmisi dengan kadar pinjaman runcit yang lazimnya tidak ditanda aras secara langsung dengan kadar hasil bon jangka panjang.

Objektif dasar dan ruang dasar monetari konvensional merupakan pertimbangan utama dalam penggunaan alat dasar bukan konvensional seperti pembelian aset berskala besar

Oleh sebab terdapat perbezaan objektif dasar yang timbul di bawah keadaan tertentu, bank pusat akan membuat pertimbangan yang berbeza dalam pemilihan alat yang paling berkesan untuk mencapai mandat mereka. Seperti yang diperhatikan di EME semasa pandemik COVID-19, pembelian aset digunakan sebagai sebahagian daripada operasi pasaran terbuka, walaupun pada skala yang lebih kecil dan bersifat sementara untuk menyediakan mudah tunai dan memastikan kelancaran fungsi pasaran kewangan yang berterusan semasa tempoh tekanan yang meningkat. Dasar monetari yang tidak konvensional, dengan pembelian aset berskala besar sebagai langkah akomodasi dasar monetari yang selanjutnya, biasanya hanya digunakan apabila dasar monetari konvensional dianggap tidak mencukupi. Bagi Malaysia, masih terdapat ruang bagi dasar monetari konvensional pada ketika ini untuk terus melaksanakan dasar monetari yang akomodatif bagi menyokong pertumbuhan ekonomi. Hal ini menunjukkan tiada keperluan segera untuk menggunakan pembelian aset berskala besar bagi tujuan dasar monetari yang akomodatif.

Rujukan

Arslan, Y., Drehmann, M., & Hofmann, B. (2020). BIS Bulletin No.20: Central bank bond purchases in emerging market economies.

Bank of Canada (2020). Bank of Canada will maintain current level of policy rate until inflation objective is achieved, recalibrates its quantitative easing program. Press Releases. October.

Bank of England. (2016). Monetary Policy Summary and minutes of the Monetary Policy Committee meeting ending on 3 August 2016. Bank of England.

Bank of Thailand (2015). Monetary Policy Report. June.

Bernanke, B. (2017). How big a problem is the zero lower bound on interest rates. Blog post, April, 12, 2017. Brookings.

BIS. (2021). Internal report.

Bloomberg (2020). Bank of Korea Cuts Rates to Record Low in Bid for Recovery. Sam Kim and Hooyeon Kim. May 28.

Borio, C., & Zabai, A. (2016). BIS Working Paper: Unconventional monetary policies: a re-appraisal.

Borio, C., & Gambacorta, L. (2017). Monetary policy and bank lending in a low interest rate environment: diminishing effectiveness? *Journal of Macroeconomics*, 54, 217-231.

Borio, C. E., & Hofmann, B. (2017). Is monetary policy less effective when interest rates are persistently low? BIS Working Paper 628.

Borio, C., Gambacorta, L., & Hofmann, B. (2017). The influence of monetary policy on bank profitability. *International Finance*, 20(1), 48-63.

Brunnermeier, M. K., & Koby, Y. (2019). The reversal interest rate: An effective lower bound on monetary policy. Princeton University.

Carney, M. (2019). Remarks to Open Policy Panel. Bank of England Speech.

Carson, R., Kondo, M., & Goyal, K. (2020). Bloomberg article: Debt Monetization Creeps Closer to Global Investors' Wary Relief.

Hannoun, H. (2015). Ultra-low or negative interest rates: what they mean for financial stability and growth, remarks at the Eurofi High-Level Seminar, Riga.

IMF (2013). IMF Policy Paper: Global Impact and Challenges of Unconventional Monetary Policies.

IMF (2017). Negative interest rate policies – initial experiences and assessments. IMF Policy Paper.

IMF (2020). Global Financial Stability Report: Bridge to Recovery.

Keister, T. (2011). Why Is There a 'Zero Lower Bound' on Interest Rates?. Liberty Street Economics blog (November 16).

Nardi, G., B., Nwankwo, C., & Meaning, J. (2018). The Term Funding Scheme: design, operation and impact. Bank of England Quarterly Bulletin, Q4.

Reserve Bank of Australia (2020). Minutes of the Monetary Policy Meeting of the Reserve Bank Board, 18 March 2020.

Reuters.com (2016). Bank of England sees lowest bound for rates above zero, not below – Carney.

Reuters.com (2020a). Has inflation, Brazil's eternal bogeyman, finally been slain? By Jamie McGeever.

Reuters.com (2020b). UPDATE 1-Brazil testing lower bound on rates but care needed -Campos Neto? By Jamie McGeever, Marcela Ayres.

Reuters.com (2020c). Where do Bank of England officials stand on negative rates?

Sever, C., Goel, R., Drakopoulos, D., & Papageorgiou, E. (2020). IMF Working Paper: Effects of Emerging Market Asset Purchase Program Announcements on Financial Markets During the COVID-19 Pandemic.

Shin, H. S. (2020). Outlook for the Global Financial System in the Wake of the Pandemic. BIS Management Speeches. 18 September 2020.

White, W. (2012). Ultra easy monetary policy and the law of unintended consequences. Globalization and Monetary Policy Institute Working Papers, no 126, Federal Reserve Bank of Dallas.

Witmer, J., & Yang, J. (2016). Estimating Canada's effective lower bound. Bank of Canada Review Spring 2016.

Tambahan



Tambahan

KANDUNGAN

Statistik Ekonomi dan Kewangan Utama

Akaun Negara

A.1	Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar Tahun 2015	MS 1
A.2	Pertumbuhan dalam Pengeluaran Perkilangan (2015=100)	MS 2
A.3	Prestasi Sektor Perkhidmatan pada Harga Malar Tahun 2015	MS 2
A.4	PNK Mengikut Agregat Permintaan	MS 3
A.5	Jurang Tabungan-Pelaburan	MS 3

Sektor Luar Negeri

A.6	Imbangan Pembayaran	MS 4
A.7	Eksport Kasar	MS 5
A.8	Import Kasar	MS 6
A.9	Rakan Perdagangan Malaysia	MS 7
A.10	Hutang Luar Negeri Terkumpul dan Khidmat Bayaran Hutang	MS 8

Indeks Harga Pengguna dan Pengeluar

A.11	Indeks Harga Pengguna	MS 9
A.12	Indeks Harga Pengeluar	MS 9

Penunjuk Kewangan

A.13	Pergerakan Ringgit	MS 10
------	--------------------	-------

Kewangan Awam

A.14	Kewangan Sektor Awam Disatukan	MS 11
------	--------------------------------	-------

Jadual A.1

Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar Tahun 2015

	2017	2018	2019	2020 ^a	2021 ^r
	RM juta				
Pertanian	99,509	99,579	101,549	99,331	103,531
Perlombongan dan pengkuarian	105,838	103,512	101,438	91,342	94,188
Perkilangan	290,464	304,843	316,320	308,054	335,128
Pembinaan	63,522	66,194	66,266	53,406	60,570
Perkhidmatan	723,361	772,685	820,069	774,857	826,121
Campur: Duti import	18,076	16,002	15,812	15,037	16,882
KDNK pada harga pembeli¹	1,300,769	1,362,815	1,421,454	1,342,027	1,436,421
	Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	5.9	0.1	2.0	-2.2	4.2
Perlombongan dan pengkuarian	0.4	-2.2	-2.0	-10.0	3.1
Perkilangan	6.0	5.0	3.8	-2.6	8.8
Pembinaan	6.7	4.2	0.1	-19.4	13.4
Perkhidmatan	6.3	6.8	6.1	-5.5	6.6
Campur: Duti import	13.0	-11.5	-1.2	-4.9	12.3
KDNK pada harga pembeli	5.8	4.8	4.3	-5.6	6.0 ~ 7.5

¹ Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

^a Awalan

^r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.2

Pertumbuhan dalam Pengeluaran Perkilangan (2015=100)

	2017	2018	2019	2020	2018	2019	2020
	Indeks				Perubahan tahunan (%)		
Kelompok elektronik dan keluaran elektrik	115.7	122.4	126.3	128.6	5.8	3.2	1.8
Elektronik	120.5	128.5	131.9	135.7	6.6	2.6	2.9
Keluaran elektrik	110.2	115.4	120.0	120.3	4.7	4.0	0.3
Kelompok keluaran berkaitan sumber	109.7	113.5	116.6	113.5	3.5	2.7	-2.7
Kimia dan keluaran kimia	109.5	114.4	116.8	112.1	4.4	2.1	-4.0
Keluaran petroleum	106.7	110.2	113.2	101.3	3.4	2.7	-10.6
Tekstil, pakaian dan kasut	115.3	120.2	126.6	110.3	4.3	5.3	-12.8
Kayu dan keluaran kayu	110.7	115.7	121.6	109.2	4.6	5.1	-10.2
Keluaran getah	110.5	115.8	123.9	189.7	4.8	7.0	53.1
Pemprosesan di luar estet	114.1	114.1	112.4	108.3	0.0	-1.5	-3.7
Keluaran kertas	110.3	114.7	119.6	115.0	4.1	4.2	-3.9
Kelompok keluaran berkaitan pembinaan	109.3	114.7	119.5	104.9	4.9	4.2	-12.2
Keluaran galian bukan logam	109.1	115.1	120.3	103.1	5.5	4.5	-14.3
Keluaran besi asas & keluli dan logam bukan ferus	107.6	112.1	116.6	111.0	4.2	4.0	-4.8
Keluaran logam yang direka	110.5	116.0	120.7	102.7	4.9	4.0	-14.9
Kelompok keluaran berkaitan pengguna	107.0	113.6	120.2	117.7	6.1	5.8	-2.1
Keluaran makanan	111.7	119.1	127.4	133.2	6.6	7.0	4.6
Kelengkapan pengangkutan	101.0	107.7	114.8	110.3	6.7	6.5	-3.9
Minuman	119.8	123.7	127.5	108.9	3.3	3.1	-14.6
Keluaran tembakau	105.4	107.3	113.6	95.4	1.8	5.8	-16.0
Lain-lain	107.7	114.4	117.6	112.8	6.3	2.7	-4.1
Jumlah	110.7	116.0	120.1	116.9	4.8	3.6	-2.7

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.3

Prestasi Sektor Perkhidmatan pada Harga Malar Tahun 2015

	2017	2018	2019	2020 ^a	2017	2018	2019	2020 ^a
	Perubahan tahunan (%)				Sumbangan kepada KDNK (%)			
Perkhidmatan	6.3	6.8	6.1	-5.5	55.6	56.7	57.7	57.7
Perkhidmatan pengantara	6.7	6.9	6.3	-4.9	20.3	20.7	21.1	21.3
<i>Kewangan dan insurans</i>	4.7	5.4	4.6	2.7	6.5	6.5	6.6	7.1
<i>Harta tanah dan perkhidmatan perniagaan</i>	7.6	7.6	7.8	-15.2	4.5	4.7	4.8	4.3
<i>Pengangkutan dan penyimpanan</i>	6.2	6.4	6.8	-21.9	3.6	3.7	3.8	3.1
<i>Maklumat dan komunikasi</i>	8.6	8.3	6.6	6.0	5.6	5.8	5.9	6.7
Perkhidmatan akhir	6.1	6.8	6.0	-5.9	35.3	36.0	36.6	36.5
<i>Perdagangan borong dan runcit</i>	7.2	8.2	6.7	-6.1	16.1	16.7	17.0	17.0
<i>Makanan & minuman dan penginapan</i>	7.5	9.0	9.6	-26.5	3.2	3.3	3.5	2.7
<i>Utiliti</i>	2.9	4.9	6.0	-1.3	2.6	2.6	2.7	2.8
<i>Perkhidmatan Kerajaan</i>	4.9	4.5	3.7	4.5	8.4	8.4	8.4	9.3
<i>Perkhidmatan lain</i>	5.1	5.5	5.5	-10.5	4.9	4.9	5.0	4.7

^a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.4

PNK Mengikuti Agregat Permintaan

	2017	2018	2019	2020 ^a	2021 ^r
	pada Harga Semasa (RM juta)				
Penggunaan	927,466	1,004,285	1,080,393	1,045,540	1,154,284
<i>Penggunaan swasta</i>	760,146	831,334	903,720	861,509	961,493
<i>Penggunaan awam</i>	167,320	172,951	176,673	184,031	192,791
Pelaburan	343,942	350,388	346,844	296,387	323,606
<i>Pelaburan swasta</i>	234,520	245,842	252,471	222,150	236,977
<i>Pelaburan awam</i>	109,422	104,546	94,374	74,237	86,629
Perubahan dalam stok ¹	6,647	-4,327	-28,957	-17,912	-14,654
Eksport barangan dan perkhidmatan	960,778	992,511	985,283	869,931	964,711
Import barangan dan perkhidmatan	866,524	895,405	872,871	778,784	860,737
KDNK pada harga pembeli	1,372,310	1,447,451	1,510,693	1,415,163	1,567,211
Imbangan pendapatan primer	-38,658	-45,082	-40,267	-26,227	-41,629
PNK	1,333,652	1,402,369	1,470,426	1,388,936	1,525,582
	pada Harga Malar 2015 (RM juta)				
Penggunaan	883,152	945,482	1,008,142	979,193	1,050,873
<i>Penggunaan swasta</i>	718,702	775,851	835,065	798,986	862,737
<i>Penggunaan awam</i>	164,450	169,631	173,077	180,207	188,136
Pelaburan	331,093	335,614	328,412	280,719	302,660
<i>Pelaburan swasta</i>	225,594	235,351	239,027	210,470	221,762
<i>Pelaburan awam</i>	105,499	100,263	89,385	70,249	80,898
Perubahan dalam stok ¹	1,032	-9,050	-14,649	-5,226	-8,620
Eksport barangan dan perkhidmatan	900,064	917,462	905,807	826,529	934,714
Import barangan dan perkhidmatan	814,571	826,694	806,258	739,189	843,206
KDNK pada harga pembeli	1,300,769	1,362,815	1,421,454	1,342,027	1,436,421
Imbangan pendapatan primer	-19,050	-28,237	-22,533	-11,527	-22,437
PNK	1,281,719	1,334,578	1,398,921	1,330,500	1,413,984

¹ Termasuk perbezaan perangkaan^a Awalan^r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.5

Jurang Tabungan-Pelaburan

	2016	2017	2018	2019	2020 ^a
	RM juta				
Tabungan negara kasar	354,773	388,885	378,356	368,738	340,595
(% daripada PNK)	29.2	29.2	27.0	25.1	24.5
Pembentukan modal dalam negeri kasar	324,865	350,589	346,061	317,888	278,475
(% daripada PNK)	26.7	26.3	24.7	21.6	20.0
Imbangan akaun semasa	29,907	38,296	32,295	50,850	62,120
(% daripada PNK)	2.5	2.9	2.3	3.5	4.5

^a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.6

Imbangan Pembayaran¹

Butiran (Bersih)	2016	2017	2018	2019	2020 ^a	2021 ^r
	RM juta					
Barangan²	102,046	117,113	114,621	123,334	139,133	161,655
Perkhidmatan	-18,917	-22,859	-17,515	-10,922	-47,985	-57,681
Pengangkutan	-23,459	-29,622	-27,688	-25,903	-27,538	-30,540
Perjalanan	31,515	32,470	30,218	30,818	-7,756	-19,778
Perkhidmatan lain	-26,309	-24,308	-19,287	-15,126	-12,089	-6,761
Barangan dan Perkhidmatan Kerajaan t.t.t.l	-665	-1,398	-758	-711	-603	-602
Imbangan barangan dan perkhidmatan	83,128	94,255	97,106	112,412	91,147	103,974
Pendapatan primer	-34,592	-38,658	-45,082	-40,267	-26,227	-41,629
Pampasan pekerja	-5,606	-4,848	-7,657	-9,122	-7,976	-9,074
Pendapatan pelaburan	-28,986	-33,811	-37,425	-31,145	-18,251	-32,555
Pendapatan sekunder	-18,629	-17,300	-19,729	-21,294	-2,800	-18,066
Imbangan akaun semasa	29,907	38,296	32,295	50,850	62,120	44,278
% daripada KDNK	2.4	2.8	2.2	3.4	4.4	2.5 ~ 3.5
Akaun modal	102	-26	-89	331	-415	-
Akaun kewangan	-249	-4,730	11,430	-33,796	-79,121	-
Pelaburan langsung	13,792	16,171	10,103	5,578	-162	-
Aset	-42,246	-24,234	-23,431	-31,908	-17,265	-
Liabiliti	56,038	40,405	33,535	37,486	17,103	-
Pelaburan portfolio	-14,203	-15,358	-49,396	-29,026	-49,124	-
Aset	-15,009	-19,442	-11,984	-41,666	-57,584	-
Liabiliti	806	4,084	-37,411	12,640	8,459	-
Derivatif kewangan	-802	-197	981	-478	1,614	-
Pelaburan lain	964	-5,346	49,742	-9,870	-31,448	-
Aset	-6,260	-18,081	6,527	-19,245	-6,234	-
Liabiliti	7,225	12,735	43,215	9,375	-25,214	-
Imbangan akaun modal dan kewangan	-148	-4,756	11,341	-33,465	-79,536	-
Kesilapan dan ketinggalan bersih³	-23,899	-17,132	-35,878	-8,969	-1,990	-
Imbangan keseluruhan	5,860	16,409	7,758	8,416	-19,406	-
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih⁴						
USD juta	94,488	102,431	101,429	103,599	107,621	-
RM juta	423,874	414,591	419,511	424,032	432,313	-
Penambahan (+) / pengurangan (-) nilai rizab daripada penilaian semula pertukaran asing	8,918	-25,691	-2,838	-3,895	-1,079	-
Rizab sebagai bilangan bulan import tertangguh	8.7	7.2	7.4	7.5	8.5	-

¹ Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)

² Diselaraskan untuk penilaian dan liputan barangan bagi pemrosesan, penyimpanan dan pengagihan

³ Setakat S1 2018, kesilapan dan ketinggalan bersih tidak termasuk perubahan daripada penilaian semula nilai rizab antarabangsa. Amalan ini terpakai sejak S1 2010

⁴ Semua aset dan liabiliti dalam mata wang asing dinilai semula kepada ringgit mengikut kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira dan penambahan/pengurangan nilai juga ditunjukkan dengan sewajarnya dalam akaun Bank Negara Malaysia yang telah diaudit

^a Awalan

^r Ramalan

t.t.t.l. Tidak tercatat di tempat lain

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin

Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.7

Eksport Kasar

	2018	2019	2020 ^a	2018	2019	2020 ^a	2019	2020 ^a
	RM juta			Perubahan tahunan (%)			% bahagian	
Perkilangan	837,071	840,586	847,664	9.3	0.4	0.8	84.5	86.4
<i>antaranya:</i>								
Barangan elektrik dan elektronik	381,545	373,118	386,112	11.2	-2.2	3.5	37.5	39.4
<i>Semikonduktor</i>	220,355	221,709	239,109	23.7	0.6	7.8	22.3	24.4
<i>Mesin pejabat, dan kelengkapan pemprosesan data automatik</i>	62,387	49,347	45,399	-0.5	-20.9	-8.0	5.0	4.6
<i>Jentera elektrik, perkakas litar dan peralatan, dan komponen</i>	57,977	59,750	57,374	-0.5	3.1	-4.0	6.0	5.8
<i>Kelengkapan telekomunikasi dan rakaman dan pengeluaran semula suara</i>	40,825	42,312	44,230	-7.1	3.6	4.5	4.3	4.5
Keluaran petroleum	76,161	71,511	61,898	6.1	-6.1	-13.4	7.2	6.3
Kimia dan keluaran kimia	57,715	57,477	50,688	22.4	-0.4	-11.8	5.8	5.2
Keluaran logam	44,664	41,490	36,805	17.7	-7.1	-11.3	4.2	3.8
Jentera, kelengkapan dan alat ganti	40,668	41,599	39,367	1.3	2.3	-5.4	4.2	4.0
Kelengkapan optik dan saintifik	36,563	39,905	41,545	12.9	9.1	4.1	4.0	4.2
Keluaran getah	26,491	25,841	43,640	0.7	-2.5	68.9	2.6	4.4
Barangan perkilangan berasaskan minyak sawit	22,783	23,338	20,920	-4.2	2.4	-10.4	2.3	2.1
Makanan diproses	19,414	21,773	21,238	-1.5	12.2	-2.5	2.2	2.2
Kelengkapan pengangkutan	18,033	19,143	18,475	15.6	6.2	-3.5	1.9	1.9
Pertanian	67,001	65,958	71,677	-14.2	-1.6	8.7	6.6	7.3
<i>antaranya:</i>								
Minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit	44,733	44,208	52,334	-17.2	-1.2	18.4	4.4	5.3
Kayu siap digergaji dan acuan	4,526	4,251	3,081	-4.5	-6.1	-27.5	0.4	0.3
Getah asli	3,774	3,773	3,286	-20.1	0.0	-12.9	0.4	0.3
Mineral	89,907	81,520	57,391	9.9	-9.3	-29.6	8.2	5.9
<i>antaranya:</i>								
Gas asli cecair (LNG)	42,322	42,484	28,835	2.2	0.4	-32.1	4.3	2.9
Minyak mentah	36,649	26,346	18,864	29.7	-28.1	-28.4	2.6	1.9
Lain-lain	9,608	7,007	4,256	4.9	-27.1	-39.3	0.7	0.4
Jumlah	1,003,587	995,072	980,988	7.3	-0.8	-1.4	100.0	100.0

^a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.8

Import Kasar

	2018	2019	2020 ^a	2019	2020 ^a	2020 ^a
	RM juta			Perubahan tahunan (%)		% bahagian
Barangan modal	112,453	100,179	90,380	-10.9	-9.8	11.4
Barangan modal (kecuali kelengkapan pengangkutan)	96,475	91,762	90,993	-4.9	-0.8	11.4
Kelengkapan pengangkutan perindustrian	15,978	8,417	-613	-47.3	-107.3	-0.1
Barangan pengantara	462,212	467,211	422,910	1.1	-9.5	53.1
Makanan dan minuman, terutamanya untuk industri	17,777	18,050	20,655	1.5	14.4	2.6
Bekalan industri	215,123	220,877	199,441	2.7	-9.7	25.0
Bahan api dan pelincir	56,132	57,091	43,597	1.7	-23.6	5.5
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali kelengkapan pengangkutan)	143,121	138,674	134,800	-3.1	-2.8	16.9
Alat ganti dan aksesori untuk kelengkapan pengangkutan	30,060	32,519	24,417	8.2	-24.9	3.1
Barangan penggunaan	73,053	74,155	73,908	1.5	-0.3	9.3
Makanan dan minuman, terutamanya untuk penggunaan isi rumah	29,366	30,782	32,585	4.8	5.9	4.1
Kelengkapan pengangkutan bukan industri	803	1,017	1,075	26.7	5.7	0.1
Barangan pengguna t.s.t.l.	42,884	42,356	40,247	-1.2	-5.0	5.1
Lain-lain	232,086	207,866	208,996	-10.4	0.5	26.2
<i>antaranya:</i>						
Barangan dua kegunaan	30,019	32,482	17,264	8.2	-46.8	2.2
Eksport semula	199,252	171,588	187,237	-13.9	9.1	23.5
Jumlah	879,804	849,411	796,194	-3.5	-6.3	100.0

^a Awalan


t.s.t.l. Tidak disebut di tempat lain

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah A.9

Rakan Perdagangan Malaysia



Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia

Jadual A.10

Hutang Luar Negeri Terkumpul dan Khidmat Bayaran Hutang

	2016	2017	2018	2019	2020 ^a
	RM juta (kecuali dinyatakan sebaliknya)				
Jumlah hutang luar negeri	914,464	885,218	923,029	945,419	958,456
<i>bersamaan dengan USD juta</i>	201,900	215,902	220,507	228,335	235,563
<i>% daripada KDNK</i>	73.2	64.5	63.8	62.6	67.7
<i>Perubahan tahunan (%)</i>	9.3	-3.2	4.3	2.4	1.4
Mengikut instrumen					
Bon dan nota	165,709	151,364	152,589	155,852	172,978
Peminjaman antara bank	170,977	172,199	204,759	199,505	182,078
Pinjaman antara syarikat berkaitan	139,234	131,341	136,246	126,924	128,587
Pinjaman	55,010	53,680	72,206	78,426	76,647
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	212,767	207,389	180,224	201,015	220,103
Deposit bukan pemastautin	86,274	92,025	98,109	102,928	94,497
Lain-lain ¹	84,492	77,221	78,896	80,767	83,566
Profil tempoh matang					
Jangka sederhana dan panjang	536,418	533,402	517,995	554,179	590,968
Jangka pendek	378,046	351,816	405,034	391,240	367,487
Komposisi mata wang (% bahagian)	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
<i>Ringgit</i>	34.0	33.9	30.3	32.8	33.9
<i>Dolar AS</i>	53.9	50.6	55.3	51.1	51.0
<i>Yen Jepun</i>	2.4	2.2	2.2	3.0	3.3
<i>Lain-lain</i>	9.7	13.3	12.2	13.1	11.9
Jumlah khidmat bayaran hutang (termasuk bayaran faedah hutang jangka pendek)	206,719	146,763	116,938	126,378	119,884
antaranya:					
Hutang jangka sederhana dan panjang	204,659	144,213	111,860	120,498	116,900
Bayaran balik²	191,142	130,631	95,936	104,192	100,802
antaranya:					
Penebusan sekuriti hutang domestik yang matang oleh bukan pemastautin	24,403	27,105	22,012	19,731	14,489
Bayaran faedah	13,517	13,582	15,924	16,306	16,098
antaranya bayaran faedah ke atas:					
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	7,409	6,089	8,170	7,255	7,998
Nisbah khidmat bayaran hutang (% daripada eksport barangan dan perkhidmatan)					
Jumlah hutang	24.8	15.3	11.8	12.8	13.8
Hutang jangka sederhana dan panjang antaranya:	24.5	15.0	11.3	12.2	13.4
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	3.8	3.5	3.0	2.7	2.6

¹ Terdiri daripada kredit perdagangan, pengagihan SDR oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan liabiliti hutang lain

² Tidak termasuk prabayaran

^a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.11

Indeks Harga Pengguna					
	Wajaran (%) (2010=100)	2017	2018	2019	2020
		Perubahan tahunan (%)			
Jumlah	100.0	3.7	1.0	0.7	-1.2
Makanan dan minuman bukan alkohol	29.5	4.0	1.6	1.7	1.3
Minuman alkohol dan tembakau	2.4	0.2	-0.1	1.5	0.3
Pakaian dan kasut	3.2	-0.3	-2.0	-2.0	-0.8
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	23.8	2.2	2.0	1.9	-1.7
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	4.1	2.1	0.3	1.4	0.3
Kesihatan	1.9	2.5	0.8	0.7	1.1
Pengangkutan	14.6	13.2	1.6	-3.1	-10.0
Komunikasi	4.8	-0.4	-1.7	0.4	1.1
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	4.8	1.9	-0.4	0.7	0.4
Pendidikan	1.3	1.7	1.1	1.4	1.0
Restoran dan hotel	2.9	2.5	1.6	1.2	0.5
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	6.7	1.2	-1.4	0.4	2.7

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.12

Indeks Harga Pengeluar					
	Wajaran (%) (2010=100)	2017	2018	2019	2020
		Perubahan tahunan (%)			
Jumlah	100.0	6.7	-1.1	-1.4	-2.7
Bahan mentah untuk diproses selanjutnya	16.4	14.8	2.6	-3.9	-12.3
<i>Bahan makanan dan makanan untuk binatang</i>	3.2	6.2	-2.0	0.2	-3.7
<i>Bahan bukan makanan</i>	13.2	17.9	3.7	-4.7	-14.2
Bahan perantaraan, bekalan dan komponen	56.1	6.7	-1.9	-1.4	-0.5
<i>Bahan dan komponen untuk perkilangan</i>	29.6	5.6	-5.2	-3.7	1.9
<i>Bahan dan komponen untuk pembinaan</i>	2.9	2.0	-1.4	0.1	-0.5
<i>Bahan api yang telah diproses dan pelincir</i>	11.9	15.3	8.7	2.3	-7.0
<i>Bekas</i>	0.6	5.5	2.3	1.6	-1.3
<i>Bekalan</i>	11.2	0.3	-3.8	0.5	0.3
Barangan siap	27.5	0.9	-2.4	0.6	-0.1
<i>Barangan pengguna siap</i>	11.5	1.7	-2.2	-1.4	0.4
<i>Kelengkapan modal</i>	16.0	0.5	-2.5	2.0	-0.5

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.13

Pergerakan Ringgit

	RM berbanding dengan satu unit mata wang asing ¹			Perubahan tahunan (%)		Perubahan (%) 21 Jul. '05 - Dis. '20
	2005	2019	2020	2019	2020	
	21 Jul. ²	Akhir Dis.				
SDR	5.5049	5.6509	5.7560	1.9	-1.8	-4.4
Dolar AS	3.8000	4.0925	4.0130	1.1	2.0	-5.3
Dolar Singapura	2.2570	3.0387	3.0354	-0.2	0.1	-25.6
100 yen Jepun	3.3745	3.7655	3.8891	-0.5	-3.2	-13.2
Paun sterling	6.6270	5.3722	5.4653	-2.2	-1.7	21.3
Dolar Australia	2.8823	2.8660	3.0896	2.0	-7.2	-6.7
Euro	4.6212	4.5852	4.9324	3.2	-7.0	-6.3
100 baht Thailand	9.0681	13.683	13.399	-7.2	2.1	-32.3
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0295	0.0286	-2.9	3.2	35.3
100 won Korea	0.3665	0.3540	0.3698	5.1	-4.3	-0.9
100 peso Filipina	6.8131	8.0720	8.3569	-2.5	-3.4	-18.5
100 dolar Taiwan Baharu	11.890	13.644	14.297	-0.8	-4.6	-16.8
Renminbi China	0.4591	0.5866	0.6143	2.6	-4.5	-25.3

¹ Kadar dolar AS ialah kadar purata belian dan jualan pada pukul 12.00 tengah hari di Pasaran Pertukaran Asing Antara Bank Kuala Lumpur. Kadar bagi mata wang asing selain dolar AS ialah kadar silang yang diperolehi daripada kadar mata wang tersebut berbanding dengan dolar AS dan kadar RM/dolar AS.

² Tambatan ringgit berbanding dengan dolar AS dimansuhkan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual A.14

Kewangan Sektor Awam Disatukan

	2017	2018	2019	2020 ^a
	RM bilion			
Hasil ¹	230.6	241.0	248.1	245.8
% pertumbuhan	3.7	4.5	2.9	-0.9
Perbelanjaan mengurus	251.5	266.0	298.1	266.4
% pertumbuhan	6.4	5.8	12.1	-10.6
Baki semasa SABK ²	103.3	128.2	127.5	83.1
Jumlah baki semasa sektor awam	82.4	103.2	77.5	62.5
% daripada KDNK	6.0	7.1	5.1	4.4
Perbelanjaan pembangunan ³	131.8	144.5	132.4	126.3
% pertumbuhan	-5.2	9.7	-8.3	-4.7
Kerajaan Am ⁴	49.2	63.7	57.1	57.9
SABK	82.6	80.8	75.3	68.4
Kumpulan Wang COVID-19				38.0
Baki keseluruhan	-49.4	-41.3	-54.9	-101.8
% daripada KDNK	-3.6	-2.9	-3.6	-7.2

¹ Tidak termasuk bayaran pindahan dalam Kerajaan Am

² Merujuk 28 SABK sejak tahun 2017

³ Diselaraskan bagi bayaran pindahan dan pemberian pinjaman bersih dalam sektor awam

⁴ Terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan, serta badan berkanun

^a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Syarikat Awam Bukan Kewangan (SABK)

